

POLIS
DALAM SISTEM
KEADILAN JENAYAH
DI MALAYSIA

NASKHAH CONTOH

POLIS
DALAM SISTEM
Keadilan Jenayah
DI MALAYSIA

MOHD RADZUAN HAJI IBRAHIM

LEIENY 004
307 MUL 93
Dewan Bahasa dan Pustaka
Kementerian Pendidikan Malaysia
Kuala Lumpur
1995

KK 340-7217 4101

Cetakan Pertama 1995

© Mohd Radzuan Haji Ibrahim 1995

Hak Cipta Terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan ulang mana-mana bahagian artikel, ilustrasi, dan isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan dengan cara apa jua sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman, atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Ketua Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka, Peti Surat 10803, 50926 Kuala Lumpur, Malaysia. Perundingan tertakluk kepada perkiraan royalti atau honorarium.

Perpustakaan Negara Malaysia

Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Mohd. Radzuan Haji Ibrahim

Polis dalam sistem keadilan jenayah di Malaysia / Mohd. Radzuan
Haji Ibrahim

Bibliografi: hlm. 311

ISBN 983-62-4549-9

1. Police-Malaysia. 2. Police administration-Malaysia.

3. Police power-Malaysia 4. Police regulations-Malaysia.

5. Criminal justice, Administration of I. Judul

342.0418026

Diatur Huruf oleh Aris Typesetting

Muka Taip Teks: Universe

Saiz Taip Teks: 10/12 poin

342.0418026

mf1

APB 743131

26 JUN 1996

Dicetak oleh

Mas'adah (M) Sdn. Bhd.

61, Persiaran Mewah

Bandar Tun Razak

56000 Cheras

Kuala Lumpur

RM25.00

**NASKAH PERPUSTAKAAN
PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA**

KANDUNGAN

<i>Prakata</i>	xi
<i>Senarai Statut</i>	xiii
<i>Senarai Kes</i>	xv
<i>Senarai Jadual</i>	xix
<i>Senarai Rajah</i>	xxiii
<i>Singkatan</i>	xxv

BAB 1: PENDAHULUAN 1

Pengenalan	1
✦ Definisi Polis	5
Akta Polis	6
Kanun Acara Jenayah	7
Akta Keterangan	8
Pelaksanaan	8

BAB 2: Keadilan Jenayah di Malaysia 9

✦ Konsep Undang-undang Jenayah	9
Pengenalan Sistem Keadilan Jenayah	17
Sistem Keadilan Jenayah di Malaysia	20
✦ Peranan Polis dalam Sistem Keadilan Jenayah di Malaysia	26
Pencegahan Jenayah	27
Konsep Bersedia Berkhidmat	27
Pembendungan Jenayah	31

Menangkap dan Mengesan Penjenayah	33
Melindungi Nyawa dan Harta Benda	35
Perkhidmatan Polis Jaga Aman	36
* Peranan Polis dalam Sistem Keadilan Jenayah di Malaysia	37

BAB 3: INSTITUSI POLIS DI MALAYSIA **40**

Pendahuluan	40
Sejarah Polis Tradisional	40
Penjajahan Barat di Negeri-negeri Melayu	43
Polis Moden	43
Polis Negeri-negeri Selat	46
Pulau Pinang	46
Melaka	46
Singapura	47
Polis Negeri-negeri Melayu Bersekutu	47
Perak	48
Selangor	49
Negeri Sembilan	49
Pahang	49
Polis Negeri-negeri Melayu Tidak Bersekutu	50
Johor	50
Kedah	51
Perlis	51
Kelantan	52
Terengganu	52
Komponen Polis Sarawak	52
Komponen Polis Sabah	53
Pasukan Polis Malayan Union dan Polis Persekutuan	54
Pengkiktirafan "Diraja"	55
Penuhuan Malaysia	55
* Organisasi dan Fungsi Polis Diraja Malaysia	55
Struktur Organisasi di Peringkat Pusat	58
Struktur Organisasi di Peringkat Negeri/Kontinjen	59
Susunan Pangkat dalam Pasukan Polis	63
Peranan Polis dalam Pembangunan Negara	66
Penguatkuasaan Undang-undang dan Pencegahan Jenayah	67
Peranan Polis dalam Proses <i>State Building</i>	68

Pengawal Kerajaan Pusat	69
Pemeliharaan Perpaduan	69
Peranan sebagai Perantaraan dan Simbol Kekuasaan	70
Kaunselor Orang Ramai	71
Polis dan Keselamatan Negara	72
Ancaman Komunis	72
Ancaman Pelampau Perkauman dan Agama	74
Ancaman Dadah dan Jenayah	76
Ancaman Luar Negara	81
Peranan Sebagai Pendidik Masyarakat	82
Peranan dalam Pembangunan Ekonomi Negara	83
Penjamin Sistem Demokrasi	84
Peranan Separa Ketenteraan	85
* Polis ke Arah Profesionalisme	86
* Polis dan Masyarakat	92
Strategi Cawangan Perhubungan Awam	94
Strategi Kolektif	97
Strategi Individu	97
BAB 4: KUASA POLIS DALAM AKTA	99
Pendahuluan	99
Definisi Kuasa	100
Perbezaan Kuasa dan Autoriti	101
Kuasa Polis dan <i>Police State</i>	102
Kedudukan Kuasa Polis di United Kingdom	103
Pembentukan Kuasa Polis di Malaysia	104
Kuasa Polis	107
Kuasa Tangkapan	109
Kuasa Penyiasatan	120
Kuasa Penggeledahan	131
Kuasa Pendakwaan	138
BAB 5: PELAKSANAAN KUASA POLIS DAN KEBERKESANAN	143
Pendahuluan	143
Pelaksanaan Kuasa Polis dan Keberkesanannya	144
Faktor Statistik Kes yang Dilaporkan dan Kes Selesai	144

Faktor Lain Berhubung dengan Pelaksanaan Kuasa Polis	150
Kajian Laporan Akhbar Berkaitan Polis	151
Faktor Luaran yang Memberi Kesan pada Pelaksanaan Kuasa Polis	151
*Kuasa Budi Bicara Polis dan Kepentingan Awam	154
Definisi Kuasa Budi Bicara Polis	154
Definisi Kepentingan Awam	155
Pelaksanaan Budi Bicara Polis dan Kepentingan Awam	156
Penyelewengan Kuasa dan Keganasan Polis	161
Statistik Kesalahan Tata tertib Polis	170
Persepsi Orang Awam tentang Kuasa Polis, Pelaksanaan dan Keberkesanannya	174
Persepsi Orang Awam terhadap Kuasa Polis	174
Pelaksanaan Kuasa Polis	173
Keberkesanannya Kuasa Polis	190
Persepsi Anggota Polis tentang Kuasa Polis, Pelaksanaan dan Keberkesanannya	194
Kuasa Polis	195
Pelaksanaan Kuasa	201
Keberkesanannya Kuasa Polis	206
BAB 6: KESIMPULAN	213
Hasil Keseluruhan Kajian	215
Cadangan	220
Seksyen 13 Kanun Acara Jenayah	220
Seksyen 112 Kanun Acara Jenayah	221
Seksyen 108 Kanun Acara Jenayah	222
Seksyen 407 Kanun Acara Jenayah	223
Seksyen 117 Kanun Acara Jenayah	224
Seksyen 173A dan 294 Kanun Acara Jenayah	224
Seksyen 27 Akta Polis	225
Undang-undang Merampas Balik Wang Hasil Jenayah (<i>money laundering</i>)	227
Penutup	227
<i>Lampiran A</i>	233
<i>Lampiran B</i>	289
<i>Lampiran C</i>	298

KANDUNGAN

<i>Lampiran D</i>	308
<i>Lampiran E</i>	310
<i>Bibliografi</i>	311
<i>Indeks</i>	317

PRAKATA

Umum mengetahui bahawa polis telah dibekalkan dengan kuasa bagi membolehkan ia menjalankan tugas harian. Undang-undang tentang kuasa polis di Malaysia telah ditetapkan dalam beberapa statut dan akta yang diluluskan di Parlimen. Namun begitu, tidak ramai yang mengetahui sepenuhnya kuasa polis. Malahan ada juga anggota masyarakat yang menganggap kuasa polis hanyalah menangkap pesalah.

Justeru itu, tujuan utama buku ini ditulis untuk membincangkan secara terperinci tentang kuasa polis yang mencakupi kuasa menangkap, menyasiat, menggeledah dan mendakwa. Di samping itu, melalui kajian dan penyelidikan yang dijalankan oleh penulis, membincangkan sejauh manakah pelaksanaan kuasa polis serta keberkesanannya.

Dalam kehidupan kita seharian, berita tentang keganasan dan kekerasan polis, pengamalan rasuah di kalangan segelintir anggota polis, penyalahgunaan kuasa polis dan penyelewengan polis yang lain sering diperkatakan. Adakah berita tersebut telah menjejaskan pelaksanaan dan keberkesanan kuasa polis? Persoalan ini juga telah diambil kira dalam kajian penulis agar para pembaca dapat mengetahui keputusan kajian tersebut.

Gaya penulisan dalam buku ini yang dibuat secara ilmiah, mudah dan menarik adalah senang difahami oleh semua golongan pembaca. Kes-kes yang berkaitan di mahkamah serta statut-statut yang berkaitan disebutkan dalam setiap perbincangan. Selain itu, rujukan juga dibuat melalui beberapa buah buku undang-undang, artikel dan bahan penerbitan yang berkaitan.

Secara keseluruhannya, buku ini diharapkan agar dapat memberikan pengetahuan yang luas kepada para pembaca tentang perkara yang dibincangkan dan dapat dijadikan sebagai bahan rujukan yang amat berguna. Ia merupakan buku pertama yang membuat kajian tentang

kuasa polis. Penulis berharap kajian seumpamanya akan diteruskan pada masa hadapan.

Penulis ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan setinggi-tinggi ucapan terima kasih kepada semua pihak yang memberi kerjasama dalam penulisan dan penerbitan buku ini. Ucapan terima kasih yang teristimewa buat kedua-dua ibu bapa, mama, Redza, Intan, Syah dan Azwani yang mengetahui betapa sukarnya sesuatu perjuangan sebelum tiba kepada matlamatnya. Akhirnya, kepada semua teman seiringan dan khususnya Munirah Talib yang banyak membantu dalam penulisan buku ini, penulis kenang di sepanjang hayat. Hanya Allah sahaja yang dapat membalas budi baik mereka semua.

MOHD. RADZUAN HJ. IBRAHIM

SENARAI STATUT

Akta Polis 1967
Akta Keterangan 1950
Akta Dadah Berbahaya 1952
Akta Dadah Berbahaya (Langkah-langkah Pencegahan Khas) 1985
Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960
Kanun Acara Jenayah
Kanun Keseksaan
Perintah Tetap Ketua Polis Negara (IGSO)
Police Ordinance 1952
Perlembagaan Malaysia
Undang-undang Terengganu
Akta Keterangan
Akta Pekerja
Akta Kontrak
Akta Perhubungan Perusahaan

SENARAI KES

Abdul Ghani Ishak <i>lwn</i> PP [1981] 1 MLJ 197	130
Abdul Rahman <i>lwn</i> Tan Fo Koh [1968] 1 MLJ 205	115
Alderson <i>lwn</i> Booth [1969] 2 Q.B. 216	117
Anthony Gomez <i>lwn</i> Ketua Polis Daerah Kuantan [1977] 2 MLJ 24	121
Associated Picture Houses Ltd. <i>lwn</i> Wednesbury Corporation [1947] 2 All. E.R. 680	155
Badri Prasad <i>lwn</i> President District Board [1952] All. E.R. 681	102
Bhuboni Sahu <i>lwn</i> King [1949] LR 76 1A; 147	129
Chic Fashions (West Wales) Ltd. <i>lwn</i> Jones [1968] 2 WLR. 201	135
Christie <i>lwn</i> Leachinsky [1947] A.C. 573	115, 158, 167
Conway <i>lwn</i> Rimmer [1968] 1 All. E.R. 874	163
Dato' Mokhtar bin Hashim <i>lwn</i> Pendakwa Raya [1983] 2 MLJ 232	127, 165
De Costa Small <i>lwn</i> Kirkpatrick [1979] 68 Cr. App. Rep. 186; [1979] Crim LR, 41	118
Dorset Yacht Co. <i>lwn</i> Home Office [1970] A.C. 1004	160
DPP <i>lwn</i> Ping Ling [1975] 2 All. E.R. 175	165
Egerton <i>lwn</i> Brownlow [1853] 4 HL Class 1	155
Frank Truman Export Ltd. <i>lwn</i> Metropolitan Police Commissioner [1980] Q.B. 952	135
Ghani <i>lwn</i> Jones [1970] 1 Q.B. 693	135
Ghani bin Jusuh <i>lwn</i> PP [1981] MLJ 25	130
Gibbins And Proctor [1981] 82 JP 287, 13 Crim. App. Rep. 134	13
Hashim bin Saud <i>lwn</i> Yahya bin Hashim & Anor [1977] 1 MLJ 259	115, 122

Hill <i>lwn</i> Chief Constable of West Yorkshire [1988] 2 All. E.R. 239	160
Honsfield <i>lwn</i> Brown [1932] I.B.D	12
In the Goods of Abdullah [1835] 2 Ky. ECC. 8	45
Jayaraman & Anor <i>lwn</i> Pendakwa Raya [1982] 2 MLJ 306	127
Jone Lewis & Co. Ltd. <i>lwn</i> Tims [1951] 1 All. E.R. 1203	111
Karam Singh <i>lwn</i> Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri Malaysia [1969] 2 MLJ 129. FC	113
Kamoo <i>lwn</i> Bassett [1808] 1 Ky. 1	45
Ketua Polis Negara <i>lwn</i> Tan Sri Raja Khalid [1988] 1 MLJ 182	113
Kuruma <i>lwn</i> R [1955] 1 All. E.R. 236	137
Latif Khan [1896] ILR 20, Bombay: 394	13
Lim Eng Soon <i>lwn</i> PP [1953] 1 MLJ 166	16
Lim Kit Siang <i>lwn</i> Menteri Dalam Negeri, Pulau Pinang Criminal Appeal CR 8/88	159
Limpus <i>lwn</i> London General Omnibus Co. [1862] IH & C: 526	16
Manja Anak Kus <i>lwn</i> PP [1985] MLJ 311	118
M. I. S. Murray <i>lwn</i> Ooi Ah Kai 4, MC. 4	142
Mohd. Ibrahim <i>lwn</i> PP [1962] 2 MLJ 289	16
Mohd. Yusoff <i>lwn</i> PP [1983] 2 MLJ 167	129, 165
Omar Ariffin <i>lwn</i> R [1939] MLJ 73	16
Ooi Ah Phua <i>lwn</i> OCCI Kedah/Perlis [1975] 2 MLJ 198	116, 158, 1223
Ong Aikee <i>lwn</i> PP [1939] MLJ 308	16
Ong Yew Teck <i>lwn</i> Commissioner of Police Singapore [1960] 26 MLJ 67	159, 160
Pawanteh & Lain-lain <i>lwn</i> Pendakwa Raya [1961] MLJ 214	139
Pendakwa Raya <i>lwn</i> Mat Radi [1982] 1 MLJ 221	140, 141
Pengarah Tanah dan Galian Wilayah <i>lwn</i> Sri Lempah Enterprise Sdn. Bhd. [1979] 1 MLJ 135 PC	163
Ponniah <i>lwn</i> Lim [1960] MLJ 152	141
PP <i>lwn</i> Foong Chee Cheong [1970] 1 MLJ 9	121
PP <i>lwn</i> Yuvaraj [1968] 1 MLJ 238 [1969] 2 MLJ 89	8
Public Prosecutor <i>lwn</i> Ibrahim Mastari [1980] 2 MLJ 188	165
Queen <i>lwn</i> Senior [1899] 1 Q.B. 283	13
R <i>lwn</i> Metropolitan Police Commissioner, Ex. P. Blackburn (No. 3) [1973]. Q.B. 241	155, 217
R <i>lwn</i> Nichollas [1874] 13 Cox CC: 75	13
R <i>lwn</i> White [1910] 2 KB: 124	13
Re Datuk James Wong Kim Min [1976] 2 MLJ 245	112
Regina <i>lwn</i> William [1858] 3 Ky. 16	45

Re Kah Wai Video (Ipoh) Sdn. Bhd. [1987] 2 MLJ 459	136
Rex <i>lwn</i> Wilkes [1770] 4 Burr; 2527	164
Re Yacob bin Lebai Mat [1937] MLJ 244	123
Richardson [1785] 1 Leach, 387	11
Saminathan <i>lwn</i> Pendakwa Raya [1937] MLJ 39	137
Shaaban & Ors <i>lwn</i> Chong Fook Kam & Anor [1969] 2 MLJ 219	122
Seah Eng Ju <i>lwn</i> PP [1981] 1 MLJ 212	16
Shaw <i>lwn</i> DPP [1961] 1 All. E.R. 330	11
Sulung bin Nain <i>lwn</i> PP [1947] MLJ 138	16
Theresa Lim Chin Chin & Others <i>lwn</i> Inspector General of Police, F.T Criminal Appeal CR 29/87	159
Wong Kam Ming <i>lwn</i> The Queen [1980] A.C. 247	128
Yuen Kun Yue <i>lwn</i> Attorney General of Hong Kong [1987] 2 All. E.R. 705	160
Yap Sow Keeng & SL <i>lwn</i> Pendakwa Raya [1947] MLJ 90	129

SENARAI JADUAL

Jadual

3.1	Jadual daerah polis, balai polis, pondok polis dan pondok bit di seluruh Malaysia	64
3.2	Dadah yang dirampas tahun 1988 dan 1989	77
3.3	Perangkaan dan peratusan jenayah seluruh Malaysia bagi tahun 1986-1989	79
5.1	Penyelesaian kes jenayah 1980-1987	145
5.2	Perbandingan kes selesai antarabangsa	146
5.3	Peratusan kes selesai dalam kes bunuh	147
5.4	Peratusan kes selesai dalam kes rogol	147
5.5	Perangkaan tangkapan kes rogol	148
5.6	Jumlah kes yang tertanggung di mahkamah di Malaysia sehingga Mac 1986	149
5.7	Perangkaan isu berkaitan polis yang tersiar di akhbar tempatan bagi tahun 1989	152
5.8	Laporan penyelewengan dan keganasan polis di akhbar bagi tahun 1989	152
5.9	Bilangan anggota PDRM dan peratusan yang disabit dengan kesalahan tatatertib	171
5.10	Bilangan pegawai kanan polis yang melakukan pelanggaran tatatertib	172
5.11	Bilangan pegawai pangkat rendah (PPR) dan konstabel yang melakukan pelanggaran tatatertib	173
5.12	Bilangan dan jenis kesalahan yang dilakukan oleh pegawai kanan polis	173
5.13a	Jenis perkhidmatan polis yang diterima oleh orang ramai	175

5.13b	Adakah anda fikir masyarakat memahami kuasa polis?	175
5.13c	Pernahkah anda mendapat pendidikan undang-undang secara formal?	177
5.13d	Pernahkah anda membaca Kanun Keseksaan?	178
5.13e	Pernahkah anda membaca Kanun Acara Jenayah?	178
5.14a	Pada fikiran anda sejauh manakah kejujuran anggota polis semasa menjalankan kuasa mereka?	179
5.14b	Jika anda menghadirkan diri di mahkamah, apa yang anda fikir tentang keterangan yang diberikan oleh anggota polis?	180
5.14c	Bagaimana pendapat anda tentang penyelewengan polis terutamanya dalam penyalahgunaan kuasa?	180
5.14d	Adakah anda sendiri pernah nampak perbuatan polis menyalahgunakan kuasa?	181
5.14e	Pada pendapat anda, adakah polis melayan orang-orang tahanan dalam bilik kurungan (<i>lock up</i>) dengan baik dan mengikut undang-undang?	182
5.14f	Pada fikiran anda adakah anggota polis terlibat dengan amalan rasuah?	183
5.14g	Kalau ya, dalam jumlah yang bagaimana?	183
5.14h	Pada pendapat anda, cawangan bahagian polis yang manakah sering menyelewengkan kuasa?	184
5.14i	Pada pendapat anda pernahkah berlaku kekerasan polis?	185
5.14j	Adakah anda dengar atau tahu kekerasan polis itu daripada...	185
5.14k	Jika ada, apakah tindakan anda?	186
5.14l	Pada fikiran anda, adakah kuasa polis itu bercanggah dengan hak asasi manusia?	187
5.14m	Adakah kuasa polis bertentangan dengan kepentingan awam?	188
5.14n	Pada fikiran anda, adakah polis menggunakan kuasa budi bicara dalam menguatkuasakan undang-undang?	189
5.14o	Jika ada, adakah kuasa budi bicara polis itu terlalu luas hingga menimbulkan ketidakadilan?	189
5.14p	Adakah dengan kuasa polis itu akan memberi kesan yang baik kepada keadilan masyarakat dan negara?	190
5.15a	Sejauh manakah kejayaan polis dalam menjalankan	

	kuasa menangkap dan menahan pesalah?	190
5.15b	Sejauh manakah kejayaan polis dalam menjalankan kuasa pendakwa?	191
5.15c	Sejauh manakah kejayaan polis dalam menjalankan kuasa risikan keselamatan?	191
5.15d	Sejauh manakah kejayaan polis dalam kuasa pencegahan dan pengesanan jenayah?	192
5.15e	Sejauh manakah kejayaan polis dalam kuasa menjaga keamanan dan keselamatan negara?	193
5.15f	Sejauh manakah kejayaan polis dalam mengekalkan undang-undang dan ketenteraman negara?	193
5.15g	Bagaimanakah penilaian anda tentang kuasa polis secara keseluruhannya?	194
5.16a	Bilakah anda membuat keputusan untuk berkhidmat dalam Pasukan Polis Diraja Malaysia?	195
5.16b	Apakah faktor yang mendorong anda memasuki pasukan polis?	196
5.16c	Jika anda diberi peluang untuk memohon pekerjaan sekali lagi, adakah anda masih ingin memohon perkhidmatan polis?	196
5.16d	Pada pendapat anda, adakah perkhidmatan polis yang dijalankan pada hari ini merupakan satu perkhidmatan yang profesional?	197
5.17a	Adakah anda pernah membaca Akta Polis?	198
5.17b	Adakah anda pernah membaca akta-akta yang berikut:	198
5.17c	Adakah anda berpuas hati dengan kuasa-kuasa polis yang terdapat dalam akta tersebut?	200
5.17d	Apakah pandangan anda tentang kuasa polis hari ini yang terdapat dalam akta?	200
5.18a	Pada pendapat anda, tohmahan orang ramai yang mengatakan polis kadang kala menyalahgunakan kuasa, adalah:	201
5.18b	Apakah pendapat anda tentang tohmahan orang ramai bahawa polis kadang kala terlibat dengan rasuah?	202
5.18c	Adakah gaji polis mencukupi?	202
5.18d	Kalau tidak, nyatakan berapa peratus perlu ditambah?	203
5.18e	Sepanjang perkhidmatan anda dalam pasukan polis, adakah anda melihat kekerasan polis terhadap orang ramai?	204
5.18f	Adakah anda fikir kuasa polis itu bercanggah	

	dengan hak asasi manusia?	204
5.18g	Adakah kuasa polis bertentangan dengan kepentingan awam?	205
5.18h	Adakah anda fikir polis menggunakan kuasa budi bicara terlalu luas dalam menjalankan tugas?	205
5.18i	Adakah dengan kuasa budi bicara yang luas itu telah menggugat keadilan kepada rakyat?	206
5.19a	Pada pendapat anda, sejauh manakah kejayaan polis menjalankan kuasa menangkap dan menahan pesalah?	206
5.19b	Sejauh manakah kejayaan polis menjalankan kuasa-kuasa penyiasatan?	207
5.19c	Sejauh manakah kejayaan polis menjalankan kuasa Pendakwaan?	207
5.19d	Sejauh manakah kejayaan polis menjalankan kuasa risikan keselamatan?	208
5.19e	Sejauh manakah kejayaan polis dalam menjalankan kuasa pencegahan dan pengesanan jenayah?	208
5.19f	Sejauh manakah kejayaan polis dalam menjalankan kuasa menjaga keamanan dan keselamatan negara?	209
5.19g	Sejauh manakah kejayaan polis dalam mengekalkan undang-undang dan ketenteraman negara?	209
5.19h	Bagaimana pandangan anda terhadap perkhidmatan polis secara keseluruhannya?	210
5.19i	Bagaimana pengiktirafan yang diberikan oleh masyarakat sekeliling tempat anda tinggal terhadap pekerjaan anda?	211
5.19j	Bagaimanakah kesan pekerjaan anda sekarang dalam kehidupan sehari-hari?	211
6.1	Parti-parti politik yang menganjurkan demonstrasi 1986-1987	226

SENARAI RAJAH

Rajah

2.1	Polis dalam Sistem Keadilan Jenayah	21
2.2	Proses keadilan jenayah	22
2.3	Perjalanan Sistem Keadilan Jenayah	22
3.1	Struktur pentadbiran kerajaan Melayu Melaka	42
3.2	Carta struktur organisasi Pasukan Polis Diraja Malaysia	60
3.3	Carta struktur organisasi peringkat komponen/kontinjen	62
3.4	Carta struktur organisasi bahagian polis Sabah/Sarawak	62
3.5	Carta struktur organisasi peringkat daerah	64
3.6	Lencana pangkat pegawai/anggota pangkat rendah Polis Diraja Malaysia	65
3.7	Jenayah Indeks 1989	80
5.1	Jumlah kes jenayah dan kes selesai 1980-1987	146
5.2	Peratus isu berkaitan polis yang tersiar di akhbar tempatan bagi tahun 1989	152
5.3	Bilangan anggota polis yang melakukan pelanggaran tatatertib	172

SINGKATAN

A.C.	-	Appeal Cases (Law Reports)
All. E.R.	-	All England Report
AP	-	Appeal Cases
Burr	-	Burrow's Manfield
CID	-	Criminal Investigation Department
CIU	-	Crime Intelligence Unit
Cox CC	-	Cox Criminal Cases
CPU	-	Crime Prevention Unit
Cr. App. Rep.	-	Criminal Appeal Reports
Crim. LR	-	Criminal Law Reports
FT. Cr. App.	-	Federal Territory Criminal Appeal
H & C	-	Huristone Coltman
HL	-	House of Lord
IGSO	-	Inspector General of Police Standing Order
ILR	-	Indian Law Report
KB	-	King's Bench Law Reports
Ky	-	Kyshe's Reports
Leach	-	Leach Reports
LQR	-	Law Quarterly Review
MC	-	Malayan Cases
MLJ	-	Malayan Law Journal
PVR	-	Police Volunteer Reserve
Q.B.	-	Queen's Bench Law Reports
QBD	-	Queen's Bench Division
R	-	Rex

BAB 1

PENDAHULUAN

PENGENALAN

Pasukan Polis Diraja Malaysia (PDRM) merupakan satu institusi penguatkuasaan undang-undang tertinggi negara. Penubuhan PDRM bermatlamat menyediakan satu persekitaran yang aman dan sentosa untuk kemajuan dan kelancaran pembangunan nasional serta menentukan amalan hidup demokratik dapat dikekalkan oleh negara. Dari segi sejarahnya, pasukan polis telah mengharungi pelbagai cabaran dan memerangi musuh negara dengan semangat waja serta penuh tanggungjawab. Bermula dengan episod *Charter of Justice* pada tahun 1807, pasukan polis mengorak langkah pada zaman pemodenan, mencipta sejarah yang gilang-gemilang sehingga dewasa ini.

Segala matlamat dasar, terkandung dalam piagam pasukan polis yang termaktub dalam seksyen 3(3) Akta Polis 1967:

Tertakluk kepada akta ini, pasukan hendaklah diguna khidmat di dalam dan di seluruh Malaysia (termasuk perairan wilayahnya) bagi memelihara undang-undang dan ketenteraman, mengekalkan keamanan dan keselamatan Malaysia, mencegah dan mengesan jenayah, menangkap dan mendakwa pesalah dan mengumpul risikan keselamatan.¹

Kepelbagaian tugas dan fungsi pasukan polis dalam seksyen ini telah meletakkan PDRM sebagai satu *final authority* tentang penguatkuasaan undang-undang dan keselamatan negara.² Bidang kuasanya meliputi

1 Seksyen 3(3), Akta Polis 1967.

2 Hassan Yusof 1983. "Perhubungan Polis dan Orang Ramai di Malaysia – Satu Aspek Kajian Kes tentang Sikap Penduduk-penduduk Kuala Lumpur". Tesis Sarjana (tidak diterbitkan), hlm. 4.

undang-undang jenayah, lalu lintas, Akta Imigresen, Akta Kastam dan Eksais, Akta Pendaftaran, undang-undang laut, kesihatan, keselamatan dalam negeri, dan lain-lain, termasuklah membantu penguatkuasaan undang-undang di Mahkamah Syariah.³

Pasukan polis menjalankan tugas dan tanggungjawab atas landasan undang-undang yang ia berkuasa melaksanakannya. Kuasa polis tidak boleh dijalankan dengan sewenang-wenangnya. Justeru itu, sistem kepolisan negara ini diletakkan di bawah piagam keadilan yang memberi kuasa daripada kerajaan kepada mahkamah. Di bawah sistem ini keadilan rakyat lebih terjamin kerana ditadbir melalui sistem kebebasan mahkamah berlandaskan undang-undang. Mahkamah boleh memutuskan sama ada sesuatu tindakan yang dilakukan oleh pasukan polis menurut undang-undang atau sebaliknya. Begitu juga, Suruhanjaya Pasukan Polis telah dibentuk melalui peruntukan perlembagaan yang antara lain bertanggungjawab menjalankan kawalan tatatertib ke atas anggota polis.⁴

Pasukan Polis Diraja Malaysia merupakan agensi yang lebih kerap berhubung dengan masyarakat berbanding dengan agensi kerajaan yang lain.⁵ Justeru itu, ia mestilah bebas dalam menjalankan tanggungjawabnya seperti yang dinyatakan oleh Zakaria Hj. Ahmad.

Peranan pasukan polis adalah dalam lingkungan yang ditetapkan oleh undang-undang di sesebuah negara dan mestilah mengikutnya jika ia ingin mengekalkan keadilan dalam pasukan tersebut. Setengah-setengah arahan politik adalah mustahak bagi beberapa perkara, tetapi pasukan polis hanya boleh kekal sebagai pasukan profesional jika ia mengamalkan konsep bebas atau badan berkecuali dengan tidak terpengaruh dengan mana-mana pihak. Yang lebih penting, sistem polis mestilah menyediakan garis panduan bagi undang-undang.⁶

Pada zaman mutakhir ini, pembangunan sains dan teknologi yang berkembang dengan begitu pesat telah meningkatkan taraf ekonomi, politik dan sosial masyarakat. Polis pula memainkan peranan yang penting dalam pembangunan politik negara.⁷

3 Zakaria Hj. Ahmad 1979. "Some Notes on Police Corruption, with Reference to Malaysia". Kertas kerja dalam mesyuarat kerja IRD (ASIA) yang ke-4 bagi Rancangan Biro Perlakuan dan Pembangunan Kebangsaan di Hong Kong, Ogos 25-26, hlm. 15.

4 Perkara 140(i), Perlembagaan Malaysia.

5 Zakaria Hj. Ahmad 1979. "The Police and Political Development in Malaysia". Tesis Ph.D., (tidak diterbitkan), hlm. 38.

6 *Ibid.*, hlm. 36.

7 G. Ben-Dor 1984. "The Role of Police in Political Development". *The Police Journal* XL vii: 2 April - Jun, hlm. 101-114.

Kemajuan dan pembangunan negara telah mewujudkan juga elemen negatif yang merebak dalam masyarakat. Kegiatan yang menjadi ancaman negara termasuklah dadah, jenayah kekerasan, jenayah harta benda, dan jenayah perdagangan yang menggunakan peralatan yang lebih canggih menular ke dalam masyarakat dengan cara yang sukar dikesan.

Di samping itu, arah aliran kini membuktikan wujudnya segolongan penjenayah profesional, berpendidikan tinggi, berstatus sosial dan berpangkat besar yang tidak segan silu menggunakan kedudukan masing-masing memecahkan amanah.⁸ Justeru itu, keberkesanan perkhidmatan polis bergantung pada persekitarannya.⁹ Fenomena ini telah menghambat pasukan polis untuk mempertingkatkan tahap kepakaran dan profesionalisme. Keadaan masyarakat Malaysia yang berbeza dari segi geografi, kaum, agama dan kebudayaan merumitkan lagi kelicinan tugas polis:

Gabungan tiga masalah iaitu perbezaan etnik masyarakat, kedudukan geografi dan ancaman jenayah dan subversif boleh melemahkan pihak berkuasa negara, dan polis menjalankan peranan yang kritikal dalam mengekalkan perintah-perintah kerajaan serta pelaksanaannya.¹⁰

Sehubungan itu harapan rakyat terhadap polis amatlah tinggi, mereka inginkan tenaga polis yang terjamin keselamatan masing-masing.¹¹ Mereka juga mahu polis bertindak secepat mungkin untuk menyelesaikan sesuatu kes sebaik sahaja aduan dibuat.¹² Mereka mahukan sebuah pasukan polis yang cekap, bersih dan berwibawa. Pasukan inilah yang dapat dipertaruhkan harapan untuk menjaga keamanan dan keselamatan negara serta menjamin kebebasan dan hak asasi mereka.¹³

O.W. Wilson menyatakan bahawa anggota polis mestilah memegang teguh falsafah polis iaitu:

Kejujuran di hati dan perkhidmatan, menjadi kehidupan peribadi dan rasmi. Menurut undang-undang dan peraturan jabatan, ia seharusnya menjadi contoh.¹⁴

8 Tun Mohd. Haniff Omar 1989. Ucapan penerimaan Ijazah Kehormat Doktor Undang-undang. UKM pada 12 Ogos.

9 Raymond B. Fosdick 1969. *European Police System*. New Jersey: Patterson Smith Montclair, hlm. 5.

10 Zakaria Hj. Ahmad, *op. cit.*, hlm. 42.

11 "Lidah Pengarang" 1990 dim. *Utusan Malaysia*, 21 November.

12 "Rencana Pengarang" 1989 dim. *Berita Harian*, 21 Jun.

13 Mohd. Reduan Aslie & Mohd. Radzuan Hj. Ibrahim 1984. *Polis Diraja Malaysia: Sejarah, Peranan dan Cabaran*. Kuala Lumpur: Kumpulan Karangkrat Sdn. Bhd., hlm. xi.

14 O.W. Wilson & Ray Clanton McLaren 1972. *Police Administration*. New York: McGraw Hill, hlm. 6.

Sejajar dengan pengakuan bekas Ketua Polis Negara bahawa pasukan polis diwujudkan untuk menjaga kesejahteraan dan keselamatan rakyat:

Polis tidak wujud darinya atau untuknya sahaja. Matlamat kita adalah perkhidmatan masyarakat dan kegagalan kita untuk mencapai objektif itu akan menyebabkan hilang keyakinan masyarakat yang dirasai dengan segera atau kadang-kadang dalam masa yang agak lama. Bagi tujuan ini, masyarakat mestilah selalu mengambil berat dalam tindakan kita dan sepatutnya memberi kerjasama, masyarakat mestilah melakukan apa-apa perkara yang mustahak untuk membolehkan kita menjalankan tugas kita sebagaimana yang ditetapkan. Soalan yang masyarakat mesti selalu tanya mereka dalam hubungan dengan kita ialah: Apakah yang patut kita buat atau sediakan untuk menambahkan kecekapan dan kejayaan pasukan polis? Jawapan atau cadangan mestilah selalu positif dan boleh dilaksanakan. Sebarang kritikan yang negatif adalah tidak baik dan sia-sia.¹⁵

Ini bermakna aspek perhubungan antara polis dan masyarakat perlulah diambil kira. Pasukan polis merupakan jambatan yang menghubungkan kerajaan dan rakyat, dengan memberikan perlindungan kepada mereka daripada ancaman musuh negara. Oleh itu adalah penting bagi polis sentiasa mendampingi diri dan bekerjasama dengan orang ramai. Rakyat pula hendaklah bekerjasama dengan institusi kerajaan seperti polis.¹⁶ Dr. Mahathir Mohamad berpendapat, hubungan baik yang terjalin antara rakyat dengan pasukan polis akan membantu tugas polis menjaga keamanan dan keselamatan negara:

Bahawa tanggungjawab pasukan polis kita adalah berat. Dalam menunaikan tanggungjawab, pasukan polis bukan sahaja dikehendaki menjaga keselamatan negara dan ketenteraman rakyat tetapi juga mestilah menumpukan kemesraan hubungannya dengan rakyat dan mendapat kepercayaan daripada mereka. Hubungan baik berdasarkan kepada kepercayaan antara kedua-dua pihak akan membolehkan tugas menjamin keselamatan dan ketenteraman negara dilaksanakan dengan berkesan....¹⁷

Memang benar aspek perhubungan polis dengan masyarakat adalah penting kerana sesuatu kejayaan polis itu dinilai pada keberkesanan dalam menjaga keselamatan dalam negeri:

15 Tun Mohd. Haniff Omar 1976. "Police and Society" dlm. *Pengaman*, April - Disember, hlm. 55.

16 *Utusan Malaysia*, 25 Mac 1990, hlm. 5.

17 Dr. Mahathir Mohamad 1981. "Perutusan Hari Polis" dlm. *Pengaman*, Januari - Mac, hlm. 5.

Nilai tugas sebenar polis hari ini tidak boleh dikira sepenuhnya atas jumlah tangkapan yang dibuat, tidak juga boleh diuji atas kejayaan yang dilandaskan daripada hasil penyiasatan. Penilaian yang adil hanya boleh diberi sebagai pencapaian atau selainnya matlamat pekerjaan yang dilakukan yang menghasilkan kesan bertahun-tahun. Dalam perkataan lain bermakna keselamatan dalam negeri.¹⁸

Kuasa polis perlu ditekankan semasa menjalankan tugas. Pasukan polis yang baik menggunakan kuasa tanpa menyebabkan pelanggaran hak asasi dan perlembagaan negara. Oleh itu perseimbangan mestilah wujud:

Dalam mana-mana cadangan pembangunan institusi polis, perseimbangan membolehkan pasukan polis menjalankan peranannya tetapi tidak dalam masa yang sama mengizinkan untuk membahayakan dan menekan kebebasan orang ramai serta hak-hak individu.¹⁹

Masalahnya adakah masyarakat dan anggota polis mengetahui atau memahami kuasa polis yang diwujudkan dalam akta yang dapat memberikan kesan yang memuaskan seperti yang dikehendaki dalam matlamatnya? Sehubungan ini kesedaran di kalangan polis dan masyarakat secara keseluruhannya amatlah memberikan faedah dalam menentukan arah penguatkuasaan undang-undang dan kestabilan di Malaysia.

Institusi polis memainkan peranan yang tidak kurang pentingnya seiring dengan arus pembangunan negara. Di samping menjaga keamanan, institusi polis juga turut memberikan perkhidmatan kepada masyarakat. Namun begitu, institusi polis tidak terlepas daripada menghadapi kecemasan daripada pihak atau golongan tertentu terhadap tugas dan perkhidmatan yang mereka jalankan. Masyarakat harus memahami tentang tanggungjawab polis serta bekerjasama dengan polis dalam memelihara keamanan Malaysia.

Hasil kajian menunjukkan bahawa kedua-dua pihak, polis dan orang ramai memahami tentang tugas dan tanggungjawab masing-masing dalam menjamin keamanan dan keselamatan negara tetapi jurang perbezaan antara mereka masih wujud kerana beberapa halangan tertentu.

DEFINISI POLIS

Perkataan polis berasal daripada perkataan Greek iaitu "Politeia".²⁰ Tugasnya dikaitkan dengan kerja-kerja keselamatan, kekejaman dan peng-

18 *The Senior Police Officers Association Gazetted Officers Branch Malaya Component Malaysia*: Royal Malaysia Police, Representation on Gazetted Officer Salaries, Kuala Lumpur, Percetakan Kerajaan, hlm. 8-10.

19 Zakaria Hj. Ahmad, *op. cit.*, hlm. 37.

20 Chapman 1970 *Police State*.

intipan. Pengertian polis (*police*) adalah sukar difahami. Pada zaman keagungan empayar Rom dan China, polis berfungsi sebagai penguat kuasa undang-undang.

David H. Bayley²¹ mendefinisikan polis sebagai pekerjaan masyarakat. Ia merupakan sebuah pasukan berpakaian seragam yang memastikan undang-undang sesebuah masyarakat itu dipatuhi.

Manakala menurut Patholm,²² pasukan polis ialah sebuah agensi awam yang diamanahkan dan dipertanggungjawabkan untuk menguatkuasakan undang-undang sesebuah masyarakat dan peraturan tingkah laku sosial. Manakala *Kamus Dewan*²³ memberikan makna polis sebagai pasukan yang mengawal (menjaga) keamanan negara dan tatatertib awam, mencegah pelanggaran hukum dan lain-lain.

Akta Polis

Akta Polis merupakan undang-undang atau garis panduan yang terdapat dalam undang-undang polis. Dalam akta ini terdapat garis panduan yang perlu diikuti oleh setiap anggota polis dalam menjalankan tugas-tugasnya. Ringkasnya dalam akta ini disenaraikan tugas polis (lihat Lampiran A).

Akta Polis ini digubal selepas berakhirnya konfrontasi Indonesia-Malaysia pada tahun 1966 dan ia dikuatkuasakan pada tahun 1967. Zakaria Hj. Ahmad menyatakan:

Di akhir konfrontasi dalam tahun 1966, Pasukan Polis Diraja Malaysia telah menyediakan pasukannya untuk penyatuan dan penyamaan, dan satu perkembangan pada tahun berikutnya iaitu penguatkuasaan akta yang lengkap (*comprehensive*) Akta Polis dalam tahun 1967.²⁴

Pada tahun 1966, rakyat Malaysia sendiri telah dilantik sebagai Ketua Polis Negara apabila pegawai polis British telah tamat tempoh perkhidmatan mereka. Justeru itu, pasukan polis dianggotai sepenuhnya oleh rakyat Malaysia. Apabila Singapura keluar dari Malaysia pada tahun 1965, Pasukan Polis Diraja Malaysia telah diintegrasikan menjadi 11 kontinjen, iaitu negeri-negeri di Semenanjung dan dua komponen, iaitu Sabah dan Sarawak.²⁵ Akta ini telah dibentuk untuk menyelaraskan

21 David H. Bayley 1975. *The Police and Political Development in Europe*. New Jersey: Princeton University Press

22 Patholm, Christian P. 1969. "The Multiple Roles of the Police as Seen in the African Context" dlm. *The Journal of Developing Areas*.

23 *Kamus Dewan* 1989. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka

24 Zakaria Hj. Ahmad, *op. cit.*, hlm. 82.

25 *Ibid.*

kesemua kontinjen dan komponen polis dan mengeluarkan pasukan polis Singapura daripada menjadi sebahagian daripada Polis Diraja Malaysia.

Kanun Acara Jenayah

Kanun Acara Jenayah mengandungi prosedur yang mesti diikuti dalam pengendalian kes-kes jenayah. Ia merupakan undang-undang yang umum (*law in general*). Pada asasnya Kanun Acara Jenayah di Malaysia berasal dari India, sebuah tanah jajahan British. Sehingga sekarang, walaupun ada perubahan secara *mutatis mutandis* dalam liputan untuk seluruh negeri di Malaysia, Pasukan Polis Diraja Malaysia melaksanakan peranannya di bawah peruntukan Akta Kanun Keseksaan, Kanun Acara Jenayah dan Akta Keterangan, yang kesemuanya diambil dari India.²⁶

Kanun Acara Jenayah dikuatkuasakan di Tanah Melayu pada akhir abad ke-19. Sebelum tahun 1976, terdapat tiga jenis Kanun Acara Jenayah yang digunakan di Malaysia, iaitu:

- (i) Kanun Acara Jenayah di Negeri-negeri Melayu Bersekutu,
- (ii) Kanun Acara Jenayah di Negeri-negeri Selat.
- (iii) Kanun Acara Jenayah di Sarawak.

Selepas tahun 1976, melalui Akta A 324 tahun 1976 hanya satu sahaja Kanun Acara Jenayah digunakan mencakupi seluruh negeri di Malaysia. Namun begitu terdapat dua prosedur yang berbeza dalam akta itu hinggalah kini, iaitu:

- (i) Seksyen 183A hingga 199, prosedur perbicaraan di Mahkamah Tinggi di Sabah dan Sarawak.
- (ii) Seksyen 199A, Bab 22 prosedur perbicaraan di Mahkamah Tinggi di Semenanjung Malaysia.

Seksyen 3 Kanun Acara Jenayah menggariskan prosedur dalam akta ini mestilah diikuti bagi kesalahan dalam Kanun Keseksaan (*Penal Code*) dan mana-mana undang-undang lain, kecuali sebarang undang-undang am yang berkuat kuasa telah menetapkan cara dan tempat siasatan ataupun perbicaraan yang mesti diadakan:

Semua kesalahan di bawah Kanun Keseksaan itu hendaklah disiasat dan dibicarakan mengikut peruntukan yang terkandung kemudian dari ini,

²⁶ *Ibid.*, hlm. 61.

dan semua kesalahan dibuat siasatan dan dibicarakan mengikut peruntukan yang sama juga, tetapi tertakluk kepada sebarang undang-undang am yang sedang berkuat kuasa yang mengaturnak cara dan tempat bagi siasatan atau perbicaraan terhadap kesalahan-kesalahan itu.²⁷

Akta Keterangan

Akta Keterangan (*Evidence Act*) berasal daripada prinsip *Common Law* di England. Ia lahir dan berkembang dalam "*adversary system*" di England dan kemudiannya diikuti di tanah jajahan British, termasuklah di kawasan Timur Jauh.

Akta Keterangan 1960 di Malaysia, kebanyakan peruntukan adalah *in pari-materia* dengan Akta Keterangan di England. Sejarah kemasukan Akta Keterangan diambil dari India, iaitu sebuah tanah jajahan British dan mula digunakan di Negeri-negeri Selat pada akhir abad ke-19.²⁸ Akta ini terbahagi kepada tiga bahagian iaitu:

- (a) Nyataan-nyataan am berkenaan kerelevanan (seksyen 1 hingga 55)
- (b) Pembuktian (seksyen 56 hingga 101)
- (c) Pembuktian dan natijah (seksyen 102 hingga 166)

Pada amnya prinsip yang diguna dalam Akta Keterangan ialah apabila terdapat sebarang kekaburan, bolehlah merujuk *Common Law*. Jika tidak, mestilah mengikut tafsiran peruntukan akta.²⁹

Pelaksanaan

Mengikut *Kamus Dewan*, pelaksanaan ialah perihal melaksanakan (menjalankan, mengusahakan) rancangan tugas dan sebagainya. Manakala perlaksanaan ialah hasil daripada melaksanakan (mengerjakan, menyelesaikan) sesuatu rancangan (tugas, dan sebagainya).³⁰

27 Seksyen 3, Kanun Acara Jenayah.

28 Zakaria Hj Ahmad, *op cit.*, hlm. 61

29 *Lih. kes PP lwn Yuvaraj* [1968] 1 MLJ, hlm. 238 & [1969] 2 MLJ, hlm. 89.

30 *Kamus Dewan, op cit.*, hlm. 695

BAB 2

Keadilan Jenayah di Malaysia

KONSEP UNDANG-UNDANG JENAYAH

Jenayah merupakan satu perkataan yang lazim didengar di kalangan masyarakat tetapi sukar didefinisikan dengan tepat. Pengertian jenayah dari segi bahasa bermaksud mana-mana perlakuan jahat dan berdosa. Dalam penggunaan harian, jenayah merujuk sesuatu perlakuan buruk atau perlakuan yang dilarang atau yang dianggap salah.¹

Sir William Blackstone mendefinisikan jenayah sebagai perbuatan yang dilakukan atau tinggalan yang mengancam undang-undang awam. Ataupun pencerobohan undang-undang awam yang perlu ditunaikan kepada masyarakat.²

Bagi Nigam, jenayah ialah perbuatan ataupun perlakuan yang melanggar undang-undang sama ada dilarang atau yang disuruh terhadap sesuatu perbuatan, ia boleh berubah-ubah kerana sesuatu perbuatan yang dianggap tidak bersalah atau tidak bermoral mungkin tidak lagi dianggap tidak bermoral pada masa yang lain.³

Stephen mentakrifkan jenayah sebagai suatu perbuatan atau tindakan yang melanggar undang-undang dan bertentangan dengan perasaan moral bagi sesuatu masyarakat itu.⁴

William L. Marshall dan William L. Clark pula mendefinisikan jenayah sebagai perbuatan dan tindakan yang dilarang oleh undang-undang awam untuk menjaga kepentingan awam.⁵

1 L. B. Curzon 1973. *Criminal Law*. London: Mac Donald & Eva Ltd., hlm. 9.

2 William Blackstone 1977. *Commentaries on the Law of England*. Toronto: University of Toronto Press.

3 Nigam R.C. 1965. *Law of Crimes in India*. Vol. 1. Bombay: Asia Publishing House, hlm. 25.

4 *Ibid.*, hlm. 26.

5 William L. Marshall dan William L. Clark 1960. *Legal Definition of Crime and Criminal*. John Wiley and Son Inc., hlm. 10.

Jenayah seterusnya didefinisikan sebagai suatu perbuatan atau sebarang kesalahan yang membahayakan masyarakat dan segala perbuatan atau tindakan itu boleh disabit kesalahannya di sisi undang-undang dan orang yang melakukannya bertanggungjawab menerima hukuman denda atau penjara.⁶

Jenayah ialah perbuatan yang tertakluk kepada perkara yang dikenakan hukuman oleh undang-undang. Sesetengah ahli kemasyarakatan mendakwa bahawa ia boleh dihukum daripada tindakan di mana jelas sesuatu perbuatan sebagai jenayah. Jenayah biasanya melibatkan niat dan hasrat untuk melakukan perbuatan yang bertentangan dengan undang-undang jenayah.⁷

Dalam menentukan jenayah dari sudut undang-undang, dua perkara utama perlu difokuskan, iaitu berkaitan dengan interpretasi Parlimen dan juga maksud kesalahan awam (*public wrong*) atau kesalahan moral (*moral wrong*). Penentuan jenayah mengikut interpretasi Parlimen bermakna perbuatan yang ditafsirkan oleh Parlimen sebagai jenayah dengan mengambil kira kehendak dan pemikiran masyarakat pada sesuatu masa. Interpretasi Parlimen merupakan suatu yang boleh berubah-ubah mengikut keadaan pemikiran masyarakat semasa. Sebagai contoh, kelakuan homoseksual dianggap jenayah di England sebelum tahun 1967. Tetapi perbuatan tersebut dihalalkan selepas tahun 1967, iaitu setelah wujudnya *Sexual Offences Act* 1967 oleh sebab pemikiran masyarakat yang telah berubah tentangnya.⁸ Begitu juga dengan kejadian bunuh diri yang dianggap tidak menjadi kesalahan jenayah selepas 3 Ogos 1961, iaitu setelah wujudnya *Suicide Act* 1961 di England.

Sementara itu maksud 'kesalahan awam' dan 'kesalahan moral' telah mencorakkan arah yang penting dalam penentuan jenayah. Agak sukar untuk membezakan 'kesalahan awam' dengan 'kesalahan moral' kerana antara kedua-duanya mempunyai pendekatan yang begitu rapat. Namun bolehlah dibezakan dengan melihat fakta sesuatu kelakuan atau tinggalkan itu sama ada dianggap jenayah ataupun tidak. Contohnya, perbuatan mencuri adalah suatu kesalahan moral. Ia akan menjadi jenayah apabila perbuatan mencuri itu dikanunkan dalam undang-undang. Perbuatan mencuri yang menjadi kesalahan moral akan hanya menjadi kesalahan awam kerana telah dikanunkan oleh undang-undang.

6 Obsorn 1964. *A Concise Law Dictionary*. Lit. Edition. London: Sweet & Maxwell, hlm. 9.

7 John E. Conklin 1981. *Criminologi*. New York: MacMillan Publishing Co., hlm. 10.

8 Smith & Hogan 1983. *Criminal Law*. London: Butterworth & Co. Publisher Ltd., hlm. 20.

Dalam perkara moral masyarakat ini, Lord Devlin menyatakan:

Moral awam perlu dalam mengeratkan masyarakat. Tiap-tiap individu dalam masyarakat merupakan tali penghubung yang menyatukan masyarakat. Masyarakat boleh menggunakan undang-undang jenayah untuk menjaga nilai moral sesuatu masyarakat.⁹

Pendapat Lord Devlin tentang keperluan moral dalam masyarakat yang membawa kepada tafsiran jenayah itu adalah selari dengan kata-kata Lord Simon dalam kes *Shaw lwn DPP*,¹⁰ yang bermaksud:

Terpulanglah kepada mahkamah untuk menggunakan kuat kuasa undang-undang. Undang-undang tidak sahaja untuk menentukan keselamatan dan kesejahteraan negara tetapi juga untuk menegakkan moral awam.

Manakala Profesor L. Gardner dalam kes *Richardson*¹¹ menyatakan:

Inti pati hukuman untuk kesalahan moral bergantung pada penjenayah itu sendiri. Ia adalah ditunjukkan daripada kebencian masyarakat, ketakutan atau penghinaan untuk mensabtkannya di mana ciri-ciri kekerasan fizikal sebagai hukuman.

Ini bermakna jenayah dan hukuman adalah seiring dan tidak boleh dipisahkan.

Sementara itu Paul Tappan pula menggariskan jenayah sebagai:

Tindakan berniat atau tinggalan yang melanggar undang-undang jenayah (statut dan kes undang-undang), dilakukan tanpa pembelaan atau bidang kuasa dan hukuman dikenakan oleh negara.¹²

Daripada perbincangan tadi dapatlah dikatakan bahawa definisi jenayah adalah suatu perbuatan ataupun tinggalan yang mana hasilnya atau hasil perbuatannya atau hasil tinggalannya itu memberi kesan buruk kepada orang dan negara. Ia haruslah dielakkan oleh negara dan jika berlaku, orang yang bertanggungjawab hendaklah dihukum.

Dengan kata lain, jenayah merupakan suatu kelakuan atau tinggalan yang membawa kesan buruk kepada individu ataupun masyarakat. Juga terdapat kesan atau akibat daripada perbuatan atau tinggalan itu dan hukuman ditentukan dan dijalankan oleh negara. Mengikut Hakim Mac-

9 Lord Devlin 1968. *The Enforcement of Morals*. London: Oxford University Press.

10 [1961], 1 All. E.R. 330.

11 [1785], 1 Leach, 387.

12 Paul Tappan 1960. *Crime Justice and Correction*. New York: McGraw-Hill, hlm. 27.

naghten dalam kes *Honsfield lwn Brown*¹³ sesuatu kesalahan merupakan suatu perbuatan atau peninggalan yang boleh dihukum di bawah peruntukan undang-undang negara.

Namun begitu perbuatan salah atau tinggalan salah terhadap peruntukan undang-undang sahaja tidak mencukupi untuk menyabitkan seseorang. Undang-undang berkehendakkan bukti-bukti yang mencukupi, iaitu mempunyai ciri-ciri *actus reus* dan juga *mens rea*. Ciri-ciri tersebut berdasarkan satu ungkapan berbunyi *Actus Non Fecit Reum Nisi Mensit Rea* yang bermaksud sesuatu perbuatan seseorang itu tidaklah boleh menjadikan bersalah kecuali mempunyai niat yang salah (iaitu mempunyai niat jahat).¹⁴

Satu lagi prinsip penting dalam undang-undang ialah *Acta Exteriora Indicant Interiora Secreta* yang bererti setiap orang itu dianggap berniat terhadap kesan biasa daripada tindakannya, atau dalam ungkapan yang singkat bermaksud 'perbuatan melambangkan niat'.¹⁵ Elemen *actus reus* mengandungi perbuatan salah atau tinggalan salah¹⁶ yang dilakukan hingga mengakibatkan kesan jenayah dan dilakukan secara sukarela. Ia ditafsirkan juga sebagai "hasil daripada perlakuan melakukannya".¹⁷

Marsten menerangkan dengan panjang lebar ungkapan *actus reus* sebagai:

Perkataan *actus reus* diguna secara meluas dan jika konsepnya difahami dalam pengertiannya, ia tidak ada alasan untuk dikritik dalam *maxim actus non facit reum nisi mensit rea*. Malangnya, ia tidak ada keseragaman. Jelas, bagaimanapun perkataan itu biasa digunakan untuk menunjukkan sesuatu yang lebih daripada yang nyata yang terkandung dalam definisi jenayah, seperti Glanville Williams menjelaskannya sebagai semua kandungan luaran bagi jenayah. Dan dalam keadaan yang sama Vein Smith dan Hogan menyatakan bahawa "*actus reus*" mengandungi semua elemen dalam definisi jenayah kecuali yang berkaitan kepada pemikiran orang yang dituduh dan ia bukanlah kebiasaan tindakan awal, penggunaan biasa bagi perkataan itu. Ia bukan sahaja perlakuan orang yang dituduh dan akibatnya, tetapi juga keadaan-keadaan sekeliling setakat mana ia adalah berkaitan.¹⁸

13 [1932] I.B.D.

14 Abdul Aziz Hussin 1988 *Undang-undang Jenayah di Malaysia* Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, hlm. 5

15 *Ibid.*, hlm. 17.

16 *Lih* Nigam R.C. 1965 *Law of Crimes in India*. Vol. 1. Bombay: Asia Publishing House, hlm. 42-43.

17 Turner 1966 *Kenny's Outlines of Criminal Law*. Edisi Kesembilan Belas. England: Cambridge University Press, hlm. 17-19.

18 Marsten 1970 *Contemporaneity of Act and Intention in Crimes*. 86 L.Q.R. 208, hlm. 209-210.

Sementara Williams pula menyatakan *actus reus* sebagai:

Actus reus bermakna keseluruhan definisi jenayah dengan pengecualian elemen-elemen fikiran dan juga termasuk elemen pemikiran sehingga mana ia terkandung dalam definisi perbuatan. Makna *actus reus* mengikut secara tepat merangkumi semua unsur jenayah sama ada *actus reus* atau *mens rea*.¹⁹

Dalam kes *R lwn White*,²⁰ mahkamah memutuskan anak yang memasukkan racun ke dalam minuman ibunya tidak bersalah kerana laporan doktor mengatakan kematian ibu bukan kesan daripada racun itu tetapi kerana penyakit lemah jantung. Walaupun anak itu mempunyai *actus reus* dan *mens rea* untuk membunuh ibunya tetapi disebabkan kuantiti racun yang tidak mencukupi untuk membunuh menyebabkan dia tidak boleh disabitkan atas tuduhan membunuh ibunya.

Dalam kes lain *R lwn Nichollas*,²¹ mahkamah telah mendapati seorang nenek bersalah kerana mempunyai *actus reus* dengan tidak memberi makan kepada cucunya sehingga mati.

Begitu juga dalam kes *Gibbins and Proctor*,²² seorang daripada sepasang kekasih telah dijatuhi hukuman bersalah setelah mempunyai *actus reus* dengan tidak memberi makan kepada anak pasangan lelakinya walaupun lelaki itu telah mengirinkan wang belanja pada setiap bulan. Jadi, tinggalkan itu merupakan *actus reus* dan menyebabkan dia telah disabitkan melakukan kesalahan jenayah, iaitu membunuh dengan sengaja.

Kes *Queen lwn Senior*,²³ seorang ayah telah didapati bersalah kerana kesalahan membunuh (*manslaughter*) setelah menolak rawatan perubatan dan ubat kepada anaknya sehingga menyebabkan anaknya itu mati.

Dalam kes *Latif Khan*,²⁴ mahkamah telah memutuskan bahawa seorang pegawai polis yang melihat pegawai polis lain mendera orang tahanan penjara sebagai mempunyai tugas undang-undang (*legal duty*) untuk menyekat perbuatan tersebut. Oleh sebab tinggalnya daripada menyekat perbuatan itu, dia didapati bersalah bersubahat melakukan kesalahan dengan sengaja mendatangkan cedera untuk memaksa pengakuan salah di bawah seksyen 330 Kanun Keseksaan India.

Elemen kedua dalam jenayah ialah *mens rea*. Richard Card²⁵ me-

19 Williams 1961 *Criminal Law: The General Part*, hlm. 18-21.

20 [1910] 2 KB, 124

21 [1874] 13 Cox CC, 75.

22 [1981] 82 JP 287, 13 Cr. App. Rep. 134.

23 [1899] 1QB, 283.

24 [1896] ILR 20 Bombay 394.

25 Richard Card 1980 *Introduction to Criminal Law*.

nyatakan *mens rea* sebagai keadaan fikiran sama ada nyata atau tersirat seperti yang dikehendaki oleh definisi sesuatu kesalahan.

Penulis Glanville William²⁶ menyatakan *mens rea* sebagai keadaan fikiran dalam sesuatu kejadian jenayah. Ia boleh berbentuk niat untuk melakukan kesalahan dan inginkan akibat perbuatan tersebut.

Sementara itu Smith & Hogan²⁷ menggariskan *mens rea* adalah niat berkaitan kesan daripada perbuatan tertuduh yang menjadi *actus reus*, disertai dengan niat sampingan yang diperlukan dalam sesuatu perbuatan.

Dalam *mens rea* mengandungi unsur-unsur yang telah disebutkan dalam definisi tadi, iaitu niat, pengetahuan secara tipuan, secara rasuah, berniat jahat, gopoh dan juga secara cuai. Berkenaan dengan niat atau *intention*, Salmond menyatakan:

Niat ialah tujuan atau maksud di mana tindakan dibuat. Ia adalah pengetahuan awal bagi sesuatu tindakan, ditambah dengan hasrat ketika melakukannya dalam mana sebanyak mungkin mereka memenuhinya melalui operasinya. Tindakan dikatakan berniat jika dan hasilnya wujud seperti apa yang dikehendaki sebelum perbuatan tersebut dilakukan.²⁸

Sementara itu Nigam²⁹ menyatakan peruntukan perkataan niat (*intent*) dalam Kanun Keseksaan India membawa erti dan maksud berniat dan juga motif. Biasanya dikatakan walaupun motif seseorang itu baik tetapi dia akan bertanggung atas kesalahan jenayah sekiranya mempunyai niat yang salah.

Dalam soal pengetahuan atau *knowledge* pula, ia bermaksud pengetahuan pemikiran tentangnya. "Mempercayai sesuatu perkara" ialah mengizinkan sesuatu maksud atau membenarkan atau menerima fakta sebagai benar atau sesuatu yang tanpa pengetahuan secara peribadi. Justeru itu, 'pengetahuan' dan 'alasan untuk mempercayai' dapat dibezakan dengan jelas. Jadi 'percaya' ialah sesuatu yang agak lemah daripada 'pengetahuan', tetapi alasan kepercayaan yang baik dalam sesetengah keadaan akan mengikut sesetengah tindakan yang biasanya sama seperti 'pengetahuan'.³⁰ Maksud secara tipuan (*fraudulantly*) ber-

26 Glanville William 1978. *Learning the Law*. Edisi Kesepuluh. London. Steven & Sons.

27 Smith & Hogan 1983. *Criminal Law*. London. Butterworth & Co. Publishers Ltd., hlm. 47.

28 P.J. Fitzgerald 1966. *Salmond on Jurisprudence*. Edisi Kedua Belas. London. Sweet & Maxwell, hlm. 410.

29 Nigam R.C. 1965. *Law of Crimes in India*, Vol. 1. Bombay. Asia Publishing House, hlm. 75.

30 *Ibid*

makna apabila perkataan secara tipuan ini digunakan dalam apa-apa bahagian Kanun Keseksaan, niat untuk menyebabkan cedera adalah terpakai dan ia dikatakan secara jelas dalam peruntukan seksyen itu sendiri.³¹

Bagaimanapun Nigam menyebutkan juga bahawa perkataan dengan cara tipuan itu seperti yang dinyatakan dalam Kanun Keseksaan sebagai hasil sumber keputusan yang bercanggah daripada keputusan yang asalnya.³² Unsur secara rasuah (*corruptly*) dinyatakan sebagai:

Perbuatan ini senang difahami. Ia tidak dijelaskan di dalam kanun, tetapi mungkin digunakan untuk memberi erti kesalahan yang dibawa berkenaan dengan pemberian rasuah atau pengaruh yang tidak berpatutan yang menghasilkan tindakan di mana bertentangan dengan tugas pekerjaan atau hak orang lain. Peruntukan ini menjelaskan kesalahan tetapi tidak semestinya merupakan penerimaan pemberian sahaja, contohnya penerimaan perkhidmatan pelacuran bagi mendapatkan sesuatu perkara. Perbuatan itu boleh jadi rasuah jika ia sesuatu yang jahat atau tidak bermoral, walaupun ia boleh jadi bukan secara teknikal tidak jujur atau tipuan. Peruntukan ini tidak terpakai semata-mata pengaruh daripada pemberian rasuah.³³

Unsur secara jahat (*malignantly*) membawa maksud sama dengan *maliciously*, iaitu:

Perkara yang dilakukan secara jahat, sekiranya ia dilakukan dengan niat jahat atau merosakkan atau dengan salah atau tujuan jahat bagi tugas sosial dan dengan sengaja mendatangkan kerosakan.³⁴

Secara 'main-main' pula bermaksud:

Melakukan sesuatu perkara tanpa berfikir dan tanpa mengira tentang akibatnya. Ia menggambarkan sifat bukannya kejahatan, tetapi terburu-buru dan merugikan. Seseorang mungkin melakukan perkara secara main-main apabila dia tidak ada alasan untuk melakukannya, tetapi dia melakukannya kerana dia suka melakukannya, walaupun dia tahu akibatnya akan membahayakan orang lain.³⁵

Perkataan kurang cermat atau gopoh (*rashly*) dan secara cuai (*negligently*) digunakan dalam kanun tidak menandakan kejahatan,

31 *Ibid.*, hlm. 101-102.

32 *Ibid.*, hlm. 101.

33 *Ibid.*, hlm. 106-107.

34 *Ibid.*, hlm. 107.

35 *Ibid.*

tetapi ia menunjukkan tugas berhati-hati, iaitu orang yang munasabah dijangka melakukannya dan keinginan kesalahan itu berlaku.³⁶

Sementara itu, perkataan tidak jujur (*dishonestly*) biasanya digunakan hanya dalam perkara teknikal.³⁷ Daripada pendapat yang dinyatakan jelaslah bahawa *mens rea* mengandungi pelbagai unsur penting bagi mencari penentuan terhadap tafsirannya. Undang-undang juga telah menentukan tanggungan tertentu dalam penguatkuasaan terhadap kesalahan jenayah. Dalam keadaan tertentu tanggungan keras atau *strict liability* dikenakan kepada orang yang melakukan sesuatu kesalahan jenayah tanpa mengira adanya *mens rea*, tetapi dengan hanya merujuk *actus reus* sahaja.

Dalam kes *Sulung bin Nain lwn PP*,³⁸ mahkamah telah menolak dalihan yang dibawa oleh tertuduh kerana mahkamah berpendapat kes membawa senjata api tidak boleh diterima sebagai dalihan. Ia merupakan kes tanggungan keras. Ada kalanya mahkamah menyebut tanggungan keras sebagai larangan mutlak (*absolute prohibited*) seperti dalam kes *Omar Ariffin lwn R*,³⁹ iaitu mahkamah menyatakan tertuduh bersalah kerana anggota polis itu tidur semasa bertugas. Perlakuan tidur itu berlawanan dengan seksyen 26(1) *Police Force Ordinance*, dan ia merupakan 'larangan mutlak'.

Selain kes-kes di atas terdapat beberapa kes lain, iaitu mahkamah melihat kesalahan yang dilakukan sebagai perbuatan secara *per se*. Antaranya termasuklah kes *Ong Aikee lwn PP*,⁴⁰ *Lim Eng Soon lwn PP*,⁴¹ *Seah Eng Ju lwn PP*,⁴² dan *Mohd. Ibrahim lwn PP*.⁴³

Di samping tanggungan keras, terdapat satu lagi jenis tanggungan jenayah, iaitu tanggungan beralih atau *vicarious liability*. Secara amnya prinsip tanggungan beralih ini menyatakan seseorang tidak boleh dikenakan hukuman atas kesalahan orang lain kecuali dalam keadaan tertentu. Tanggungan beralih boleh dikenakan dalam kes-kes fitnah, kacau ganggu awam dan juga tanggungan tuan punya mengikut seksyen-seksyen 154 dan 155 Kanun Keseksaan.

Dalam kes *Limpus lwn London General Omnibus Co.*,⁴⁴ mahkamah memutuskan bahawa majikan bertanggungjawab secara tanggungan beralih

36 *Ibid.*, hlm. 108.

37 *Ibid.*, hlm. 103-104.

38 [1947] MLJ 138.

39 [1939] MLJ 308.

40 [1939] MLJ 73.

41 [1953] 1 MLJ 166.

42 [1981] 1 MLJ 212.

43 [1962] 2 MLJ 289.

44 [1862] IN & C 526.

atas kesalahan yang dilakukan oleh pekerjaanya.

Walau bagaimanapun undang-undang jenayah memberikan kelonggaran kekecualian atas sebab tertentu dalam perkara tanggungan tersebut. Seksyen 76 hingga 95 Kanun Keseksaan memberikan pengecualian atas sebab tidak adanya *mens rea*, iaitu silap (seksyen 76), kemalangan (seksyen 80), keperluan (seksyen 81), kanak-kanak bawah umur (seksyen 82-83), gila (seksyen 84), mabuk (seksyen 8), kerelaan (seksyen 87-92) dan paksaan (seksyen 94). Juga seksyen-seksyen 96-106 berkenaan dengan berpatutan (*justifiable*) dan seksyen-seksyen 299-300 berkenaan bahagian pembelaan (*partial defence*).

Kesimpulannya, undang-undang jenayah dapat memelihara keselamatan awam sesebuah negara seperti yang dinyatakan oleh Profesor Wechler⁴⁵ bahawa walau apa pun pandangan tentang undang-undang jenayah yang telah dikemukakan, tetapi tidak ada sesiapa yang menafikan kepentingan undang-undang jenayah dalam masyarakat kerana dengan undang-undang jenayah sahajalah keselamatan diri dan harta benda dapat dilindungi. Jikalau undang-undang jenayah lemah maka hak asasi manusia akan menjadi terancam, sebaliknya jikalau undang-undang jenayah terlalu keras akan mewujudkan ketidakadilan.

PENGENALAN SISTEM KEADILAN JENAYAH

Sejak zaman dahulu lagi masyarakat di seluruh dunia telah digugati oleh jenayah dan perlakuan penjenayah. Keamanan dan kestabilan negara sering diganggu-gugat malahan menimbulkan kebimbangan serta ketakutan masyarakat yang amat serius. Kehilangan nyawa, kecederaan tubuh badan dan kerosakan harta akibat daripada gejala buruk itu tidak terhitung dari segi jumlah dan nilainya.

Sindrom perlakuan penjenayahan itu bertambah menular dalam masyarakat dari semasa ke semasa disebabkan beberapa faktor yang subjektif. Setiap masyarakat menghadapi masalah yang sama meskipun faktornya yang berbeza-beza. Justeru itulah atas kesedaran dan kehendak masyarakat sendiri maka wujudlah usaha ke arah mencegah perlakuan penjenayahan itu. Pewujudan peraturan dan undang-undang serta penguatkuasaannya adalah antara usaha pencegahan terhadap kegiatan jenayah yang diambil oleh masyarakat sejagat. Kemudian ia berkembang dalam masa yang singkat membentuk satu sistem atas kewujudan rangkaian subsistem yang masing-masing mempunyai fungsi dan peranan yang berbeza. Sungguhpun terdapat perbezaan dari segi

45 Raja Rohana Raja Mamat 1988/89. Kertas Seminar Kanun Acara Jenayah di universiti Kebangsaan Malaysia (tidak diterbitkan).

peranan antara subsistem tersebut, namun saling berkaitan dan pendekatan secara bersepadu (*integrated*). Sistem yang dimaksudkan ialah Sistem Keadilan Jenayah, yang telah diasaskan di Barat dalam bentuk sistem yang praktikal.

Keberkesanan Sistem Keadilan Jenayah dalam menghadapi fenomena jenayah dapat dilaksanakan dengan pelbagai cara dan pendekatan. Sesetengah sistem didapati berkesan kerana penglibatan agensi kerajaan dan sumber lain yang dipertanggungjawab dalam pembasmian jenayah dan pentadbiran keadilan jenayah. Ada pula negara yang menggunakan pendekatan yang lebih sempit (*more restrictive*) dan kekuasaan (*authoritarian*) yang ada kaitan dengan sistem ideologi negara berkenaan.⁴⁶

Pembentukan peraturan dan undang-undang serta penguatkuasaan peraturan dan undang-undang itu juga sering dikaitkan dengan apa yang dinamakan *due process*. *Due process* merupakan satu hala cara perundangan mengikut peraturan yang ditentukan dan menegakkan prinsip bagi menguatkuasakannya demi melindungi hak asasi individu.⁴⁷

Melalui *due process* undang-undang, saya maksudkan pengukuran yang dibuat oleh undang-undang bertujuan untuk mengekalkan keadilan.⁴⁸

Sistem Keadilan Jenayah meletakkan pentadbiran keadilan sebagai satu sistem yang tersendiri dan juga merupakan "satu sistem dalam sistem masyarakat yang lebih besar".⁴⁹ Ia merupakan satu kaedah yang berhubung dengan jenayah.⁵⁰

Pendekatannya yang secara bersepadu melibatkan semua subsistem terdiri daripada polis, mahkamah dan agensi pemulihan (*correction*) yang saling berinteraksi dan juga melibatkan anggota masyarakat. Setiap pihak mempunyai orientasi yang selari dengan matlamat bersama, iaitu untuk menegakkan keamanan dan ketenteraman dalam masyarakat dengan menguatkuasakan tanggungjawab moral dan sosial terhadap pesalah dan juga masyarakat secara keseluruhannya. Jelas, Sistem Keadilan Jenayah mengandungi agensi yang bergerak dan berfungsi dalam

-
- 46 Tun Mohd. Haniff Omar 1989, Ucapan penerimaan Ijazah Kehormat Doktor Undang-undang di Majlis Konvokesyen ke-17 di Universiti Kebangsaan Malaysia pada 12 Ogos.
- 47 Webster, Noah 1980 *The Living Webster Encyclopedia Dictionary of the English Language*. Edisi Pertama. Winnipeg: North American Educational Guild Ltd.
- 48 Lord Sir Denning 1980. *The Due Process of Law*. London: Hilling and Sons Ltd.
- 49 Chamelin, Fox Whisenand 1975. *Introduction to Criminal Justice*. New Jersey: Prentice-Hall Inc. Englewood Cliffs, hlm. xi.
- 50 Allan Coffey, Edward Elderson, & Walter Hartinger 1974. *An Introduction to the Criminal Justice System and Process*. New Jersey: Prentice-Hall Inc. Englewood Cliffs, hlm. 3.

bidang kuasa masing-masing secara bersendirian. Matlamat hukuman pada dasarnya mengandungi hukuman pembalasan (*retribution*), pencegahan (*deterrence*) dan juga *incapacitation* pemulihan dengan penekanan yang berbeza di kalangan agensi tersebut. Sebagai contoh, polis menekankan langkah 'pencegahan' di samping melaksanakan tugas asas dalam aspek pemulihan.

Kini Sistem Keadilan Jenayah dipakai di beberapa negara yang mengamalkan sistem demokrasi seperti Amerika Syarikat, United Kingdom, Jepun, Australia, Malaysia, dan lain-lain. Pada asasnya ia mengemukakan matlamat utama Sistem Keadilan Jenayah, iaitu untuk mematuhi dan menghormati undang-undang negara dan juga memberikan keadilan kepada semua lapisan rakyat agar wujudlah keamanan dan keharmonian hidup di seluruh negara. Keadilan dianggap penting dan menurut Sir Norman Anderson bahawa panduan kebebasan dan undang-undang tidak akan wujud tanpa keadilan, kerana sebagai jalan terakhir, hanya keadilan sahaja yang boleh menjadi pendamai dalam keadaan dan hingga ke tahap yang mana undang-undang melanggar hak-hak kebebasan.⁵¹ Masalahnya apakah yang dikatakan keadilan? Dalam konteks keadilan yang terkandung dalam perlembagaan negara, terdapat peruntukan yang menjamin keadilan di kalangan rakyat antaranya; hak kebebasan beragama,⁵² hak tidak dijadikan hamba abdi,⁵³ hak kebebasan diri,⁵⁴ hak sama rata,⁵⁵ hak tidak dibuang negeri,⁵⁶ hak pembelaan diri terhadap tuduhan jenayah,⁵⁷ hak kebebasan bergerak,⁵⁸ hak terhadap harta,⁵⁹ hak kebebasan berhimpun dan bersersatu,⁶⁰ dan sebagainya.

Lord Denning dalam bukunya bertajuk *The Road to Justice* menerangkan secara jelas maksud keadilan, katanya:

Apakah itu keadilan? Soalan yang demikian telah ditanya oleh ramai orang yang lebih bijak daripada tuan-tuan atau saya sendiri dan tiada siapa pun yang telah memperoleh suatu jawapan yang memuaskan. Apa yang boleh saya katakan ialah keadilan bukannya sementara, tetapi kekal abadi. Bagaimana seseorang itu boleh tahu apakah itu keadilan. Ia bukan hasil daripada kebijaksanaannya, tetapi daripada rohaninya.

51 Tun Abdul Hamid Omar 1983. *Berita Bukit Aman*, Julai, hlm. 8.

52 Perkara 11, Perlembagaan Malaysia.

53 Perkara 6, *ibid*.

54 Perkara 5, *ibid*.

55 Perkara 8, *ibid*.

56 Perkara 9, *ibid*.

57 Perkara 7 dan 5 (3 & 4), *ibid*.

58 Perkara 9, *ibid*.

59 Perkara 12, *ibid*.

60 Perkara 10, *ibid*.

Takrif yang paling hampir bagi keadilan ialah ahli-ahli masyarakat yang waras – mereka yang mempunyai rohani yang waras percaya sebagai adil. Seperti yang dapat kita lihat bukanlah mudah untuk mentakrif dan memahami sepenuhnya konsep ini. Walaupun konsep ini sendiri tidak dapat ditakrifkan dengan tepat, ia adalah suatu konsep yang amat penting bagi mempertahankan kebebasan individu dan juga pautan sosial yang undang-undang menggalakkan diwujudkan. Apa yang telah saya katakan sekarang hanyalah sedikit sahaja (setitik air di lautan) berbanding dengan penulisan yang terdapat dalam perkara ini.⁶¹

Di samping konteks keadilan, Sistem Keadilan Jenayah juga merupakan satu alat yang ulung yang diamanahkan oleh rakyat bagi memberikan perlindungan kepada rakyat serta menjamin kesejahteraan hidup setiap individu. Kestabilan dan ketenteraman negara menjadi penting dalam negara demokrasi kerana penumpuan dapat diberikan oleh kerajaan pada pembangunan negara dan perkembangan sosioekonomi rakyat. Demokrasi seperti Rusia, Cuba, dan sebagainya lebih memberikan keutamaan menjaga kepentingan pemerintah melalui kestabilan dan kuasa undang-undang.⁶²

Kesimpulannya, Sistem Keadilan Jenayah merupakan satu sistem yang praktikal dan terbukti memberi kesan pada pembendungan serta pembasmian jenayah di negara yang mengamalkannya. Penguatan kawalan sosial (*sosial control*) melalui Sistem Keadilan Jenayah perlu dipertingkatkan dari semasa ke semasa. Jikalau kawalan sosial menjadi kurang akan mengakibatkan meningkat pelbagai fenomena jenayah dalam negara. Peranan semua agensi dalam Sistem Keadilan Jenayah menggenggam erat objektif bersama pencegahan, pembalasan dan *incapacitation* pemulihan serta peranan setiap lapisan masyarakat yang komited dalam memperkukuhkan kawalan sosial. Ini akan menjamin keberkesanan Sistem Keadilan Jenayah seterusnya mencapai segala matlamat yang diharapkan. Dan sekiranya ketiadaan perhubungan peranan antara subsistem itu, Sistem Keadilan Jenayah akan menuju ke arah ketidakberkesanan.⁶³

SISTEM KEADILAN JENAYAH DI MALAYSIA

Sebagai suatu sistem, sesebuah organisasi itu mestilah mengandungi

61 Tun Abdul Hamid Ornar 1983. *Berita Bukit Aman*, Julai, hlm. 9.

62 Ismail Johari 1981. "Penguatkuasaan Undang-undang dalam Sistem Keadilan Jenayah" Kertas Projek yang tidak diterbitkan.


63 Allan Coffey, Edward Elderson & Walter Hartinger 1974. *An Introduction to the Criminal Justice System and Process*. New Jersey: Prentice-Hall Inc. Englewood Cliffs, hlm. 5

rangkaian agensi yang berkaitan secara unggul dalam satu perhubungan rapat yang teratur dari segi susunan dan fungsinya. Namun begitu sistem yang dimaksudkan dalam Sistem Keadilan Jenayah di Malaysia agak berlainan kerana ia bukanlah sebuah sistem yang unggul yang mempunyai perhubungan dari segi fungsi dan susunannya yang teratur antara agensi di dalamnya. Sebaliknya setiap agensi yang wujud itu memainkan peranan masing-masing mengikut cara, peraturan dan objektif yang tersendiri. Sistem yang dimaksudkan ialah adanya hubungan kait tentang fakta keadilan jenayah yang berinteraksi secara berkesinambungan atas sesuatu perkara yang sama dan kadang kala terdapat pertindihan fungsi antara agensi tersebut.

Pada asasnya komponen Sistem Keadilan Jenayah di Malaysia terdiri daripada agensi-agensi polis, pendakwa raya, kehakiman dan penjara (lihat Rajah 2.1). Setiap agensi mempunyai peranan dan fungsi yang tersendiri. Namun begitu segala bentuk perubahan dalam mana-mana komponen atau agensi itu sama ada secara langsung atau tidak langsung akan turut memberi kesan kepada agensi yang lain. Sistem ini juga disebut sebagai 'satu sistem dalam sistem masyarakat yang lebih besar',⁶⁴ dan ia merangkumi perkara yang berhubungan dengan jenayah.⁶⁵ Elemen yang wujud dalam sistem ini saling berkait rapat dan berinteraksi. Secara ringkas dapat dilihat dalam Rajah 2.3.

Sesuatu kesalahan atau masalah yang berlaku akan melalui proses tertentu (Rajah 2.2) yang kemudiannya akan menghasilkan output atau kesan atau keputusan daripada proses yang telah berlaku. Kebiasaannya dalam suatu sistem, output dilihat sebagai nilai, bagi mengukur tahap kejayaan ataupun kegagalan. Ia juga dijadikan sebagai satu titik penentuan bagi mengenakan kawalan atau *adjustment* pada peringkat input atau proses. Nilai atau pengukuran itu didapati daripada maklum balas yang diterima, yang berdasarkan output tersebut.

Dalam keadaan biasa, Sistem Keadilan Jenayah menerima input daripada apa yang dimaksudkan sebagai penguatkuasaan undang-



Sumber: Allan Coffey, 1974, hlm. 9.

Rajah 2.1 Polis dalam Sistem Keadilan Jenayah


64 Chamelin, Fox Whisenand 1974. *Introduction to Criminal Justice*. New Jersey: Prentice-Hall Inc. Englewood Cliffs, hlm. 3.

65 Allan Coffey, Edward Elderson & Walter Hartinger 1974. *An Introduction to the Criminal Justice System and Process*. New Jersey: Prentice Hall Inc., Englewood Cliffs, hlm. 3.

undang. Penguat kuasa undang-undang utama negara dijalankan oleh polis.⁶⁶ Sementara elemen asas bagi input ialah orang ramai kerana Sistem Keadilan Jenayah adalah 'method kemasyarakatan melakukan perkara bagi rakyat dan untuk rakyat'.⁶⁷


Pihak mahkamah pula meneruskan proses dalam sistem ini dengan menjalankan tugas percibaraan, pengadilan dan seterusnya mengeluarkan hukuman ataupun output terhadap orang yang dibicarakan. Elemen yang terakhir ialah proses pemulihan yang dilakukan oleh Jabatan Penjara.⁶⁸ Huraian ini dapat dilihat dengan jelas melalui Rajah 2.1, 2.3 dan Lampiran E.

Untuk menjelaskan lagi perjalanan sistem ini lihat huraian yang berikut: Polis menangkap pengedar dadah dan menjalankan penyiasatan yang berhubung dengan kesalahan tersebut melalui maklumat orang ramai. Maklumat yang diberikan oleh orang ramai berdasarkan kegiatan



Sumber: Allen Coffey 1974, hlm. 9.

Rajah 2.2 Proses keadilan jenayah



Rajah 2.3 Perjalanan Sistem Keadilan Jenayah

66 *Berita Bukit Aman*, Mei 1983.

67 Allan Coffey, *op. cit.*, hlm. 10.

68 *Lih.* Rajah 2.1, terdapat tiga elemen yang penting, iaitu tugas polis, proses mahkamah (termasuk pendakwaan dan pembelaan) dan juga proses pemulihan.

yang dijalankan oleh pengedar dadah. Polis akan merujuk kepada pendakwa raya sekiranya mempunyai bukti yang menunjukkan orang itu benar-benar melakukan perbuatan tersebut, akan dihadapkan ke mahkamah atas tuduhan mengedar dadah. Pihak mahkamah pula akan bertindak mendengar perbicaraan kes sama ada daripada pihak pendakwa atau pembela. Mahkamah akan mempertimbangkan kes ini berdasarkan fakta yang dikemukakan dan seterusnya menentukan sama ada dia bersalah atau tidak. Sekiranya dia didapati bersalah, hukuman tertentu dijatuhkan ke atasnya. Pihak penjara akan mengambil tugas pemulihan ke atas pengedar dadah yang telah dijatuhi hukuman itu ataupun mengenakan apa-apa perintah sebagaimana yang ditentukan oleh mahkamah.

Contoh di atas jelas memperlihatkan suatu perhubungan dalam satu sistem tentang fakta keadilan jenayah yang wujud secara berterusan antara satu agensi dengan satu agensi yang lain. Sungguhpun terdapat satu perhubungan yang rapat dan berterusan di bawah satu pentadbiran. Subsistem yang wujud dalamnya mempunyai sejarah penubuhan dan fungsi yang tersendiri. Ia juga bukan sahaja mempunyai objektif dan peranan yang berbeza-beza, malahan mempunyai fungsi dan berkuasa kuasa mengikut undang-undang badan yang berlainan di samping di bawah kementerian yang berlainan juga.

Ada pendapat yang mengatakan Sistem Keadilan Jenayah boleh ditadbirkan dengan baik dan lebih cekap sekiranya dijalankan oleh satu agensi sahaja, dari segi pentadbiran keseluruhan jentera sistem.⁶⁹ Pendapat ini agak berlainan dengan sistem yang diamalkan di Malaysia, iaitu ia merupakan satu sistem yang merangkumi beberapa persamaan peranan atau pelaksanaannya. Dan sebagai satu sistem yang telah lama diamalkan di Malaysia ternyata ia memberi kesan dalam pencapaian objektifnya secara menyeluruh.

Sebenarnya terdapat beberapa kesan positif yang menolak anggapan kononnya Sistem Keadilan Jenayah dapat dijalankan dengan lebih baik dan cekap sekiranya diletakkan di bawah satu pentadbiran sahaja bagi keseluruhan jentera sistem tersebut. Fakta bahawa kehakiman dan pendakwaan mestilah dipisahkan amat kena pada tempatnya kerana terdapat percanggahan kepentingan dan objektif antara kedua-duanya. Pendakwaan menuntut supaya disabitkan kesalahan, manakala di satu pihak yang lain mengadili keadilan dan kesaksamaan; juga bagi mengelakkan penumpuan kuasa yang boleh mencetuskan penyelewengan dan penyalahgunaan kuasa, pemisahan antara agensi komponen Sistem

69 Ismail Johari 1989. "Penguatkuasaan Undang-undang dalam Sistem Keadilan Jenayah", Kertas Projek (tidak diterbitkan).

Keadilan Jenayah ini seharusnya dilakukan. Dari sudut yang lain, pemisahan itu juga akan memastikan wujudnya pengkhususan perkhidmatan dan sekali gus menjamin kewujudan jentera pentadbiran yang cekap.

Sementara itu antara kebaikan memisahkan agensi dalam Sistem Keadilan Jenayah bolehlah disimpulkan pada perkara yang berikut: Pertama, pemisahan tersebut akan menyenangkan agensi menggubal dan mengamal dasar mereka berdasarkan maklum balas daripada agensi lain. Ini disebabkan terlalu sukar untuk satu agensi sahaja menilai kejayaan dan kegagalannya, terutama bagi menentukan dasar ke arah pencapaian matlamat. Contoh, kegagalan dan kecuaiannya dalam menjalankan penyiasatan akan lebih ketara dirasakan oleh pihak pendakwaan dan kehakiman daripada polis itu sendiri.⁷⁰ Begitu juga sebagai contoh yang lain, kegagalan pihak penjara menjalankan usaha pemulihan akan menjadikan penjenayah lebih berani dan agresif dan keadaan ini akan menyebabkan usaha yang dilakukan oleh polis bagi tujuan pencegahan dan pembanterasannya akan menjadi lebih sukar.⁷¹ Oleh itu dengan pemisahan sistem pentadbiran tersebut setiap agensi akan saling memberi maklum balas dan daripada maklum balas tersebut akan memberikan kebaikan kepada agensi yang berkenaan dan seterusnya pada Sistem Keadilan Jenayah secara keseluruhannya.

Kedua, pemisahan tersebut akan menjadikan sesuatu masalah dalam agensi yang lain. Dalam hal ini, agensi dalam Sistem Keadilan Jenayah boleh saling memberikan pertolongan bagi mengatasi apa-apa juga masalah yang timbul. Contoh pihak penjara mengalami masalah kesesakan penghuni dan agensi lain boleh menolongnya. Pihak mahkamah misalnya, boleh mempercepatkan proses perbicaraan bagi mengurangkan kes-kes reman ataupun mengenakan 'hukuman bukan institusi' seperti denda atau hukuman tugas kemasyarakatan bagi penjenayah dalam kategori tertentu.

Ketiga, pentadbiran yang berkesan dibuat secara agensi yang berbeza kerana sukar untuk mengawal keseluruhan agensi di bawah satu sistem pentadbiran. Hal ini berlaku kerana Malaysia mempunyai subsistem yang mempunyai sejarah penubuhan, fungsi, objektif, dan di bawah kementerian berlainan. Contoh polis dan penjara di bawah Kementerian Dalam Negeri, Jabatan Peguam Negara dan Kehakiman di bawah Kementerian Kehakiman.

70 Mohd. Reduan Aslie 1990. *Jenayah di Malaysia*. Kuala Lumpur: AMK Interaksi Sdn. Bhd.

71 Temu bual penulis dengan YB Dato' Mohd. Yasin, Ketua Pengarah Jabatan Penjara di Bukit Aman pada Mei 1990.

Keempat, antara agensi-agensi tersebut mempunyai kepentingan yang berbeza. Contoh polis mempunyai kepentingan untuk mencegah penjenayahan dan menangkap penjenayah. Sementara penjara mempunyai kepentingan memberikan pemulihan kepada banduan serta menjalankan hukuman yang telah diperintahkan oleh kehakiman. Oleh itu pemisahan kuasa diperlukan bagi mengelak daripada penumpuan kuasa yang berlebihan yang mengakibatkan penyalahgunaan dan penyelewengan kuasa. Begitu juga pihak pendakwaan berkepentingan membawa yang kena tuduh menerima hukuman yang setimpal, sedangkan kehakiman pula menjalankan pengadilan yang adil dan saksama mengikut peraturan dan undang-undang yang ditetapkan.

Dalam skop yang lebih luas (Lampiran F),⁷² menerangkan Sistem Keadilan Jenayah bergerak dan bertindak sepenuhnya. Terdapat hubungan kait dan peranan yang berlainan antara subsistem yang wujud di bawah sistem tersebut.

Sistem Keadilan Jenayah telah menunjukkan kejayaan di Amerika Syarikat. Bagaimanapun *The National Council on Crime and Delinquency* pada tahun 1974 telah membuat cadangan ke arah keberkesanannya, iaitu:

Perancangan Sistem Keadilan Jenayah yang lengkap di peringkat negeri dan nasional pada hakikatnya bagi mengurangkan dan mengawal kesalahan dan jenayah. Membicarakan Sistem Keadilan Jenayah secara keseluruhannya, proses perancangan mestilah dijalankan dengan mahir, mesti melibatkan seluruh rakyat, ahli sains kemasyarakatan dan bekas-bekas pesalah di samping pegawai dan petugas yang menggerakkan sistem ini. Mestilah juga terdapat kerjasama kerajaan negeri, Persekutuan dan tabung hasil tempatan, dan mestilah pastikan bahawa perbelanjaan-keberkesanan segala program keadilan jenayah akan berterusan dan perubahannya dengan cara bermatlamat.⁷³

Di Malaysia, Sistem Keadilan Jenayah telah menunjukkan kejayaan dalam memerangi fenomena jenayah. Namun, pembasmian jenayah telah menjadi semakin sukar dengan bertambah pesatnya proses urbanisasi dan industrialisasi di negara kita. Tun Mohd. Haniff Omar menggariskan punca berlakunya kesukaran dalam pembasmian jenayah ialah:

Pertama: Bertambahnya perbezaan (*indifference*) dan kadang kala ketidakyakinan awam terhadap pentadbiran keadilan

72 Joseph L. Victor & John J. Sullivan 1986. *Criminal Justice*. The Dushkin Publishing Group Inc., hlm. 6-7.

73 Don C. Gibbons, Joseph L. Thimm, Florence Yospe & Gerald F. Blake Jr. 1977. *Criminal Justice Planning - An Introduction*. New Jersey: Prentice-Hall Inc., hlm. 2.

- jenayah yang menjejaskan kerjasama di pihak awam.
- Kedua: Semakin meningkatnya kesedaran awam tentang hak asasi mereka tanpa menyedari pentingnya tugas tanggungjawab dan obligasi masing-masing.
- Ketiga: Semakin bertambah liciknya para penjenayah dalam *modus operandi* mereka sehingga menyukarkan untuk mengesan, mendakwa dan mengenakan hukuman yang setimpal.
- Keempat: Kesukaran membentuk Sistem Keadilan Jenayah yang lebih mantap, cekap dan berkesan kerana adanya masalah kewangan serta kekurangan lain.

Walau bagaimanapun, secara keseluruhannya sistem ini masih wujud, terus diamalkan dan berkuat kuasa di Malaysia.

PERANAN POLIS DALAM SISTEM KEADILAN JENAYAH DI MALAYSIA

Peranan asas polis ialah menguatkuasakan undang-undang negara.⁷⁴ Ia dijalankan sama ada melalui tindakan terhadap orang-orang yang menyalahi undang-undang ataupun tindakan pencegahan daripada berlakunya penyelewengan atau penyalahan undang-undang negara. Di samping itu polis juga sering dibebankan dengan tanggungjawab perisikan dan tugas separa ketenteraan bagi mengekalkan keamanan dan keselamatan masyarakat dan negara. Dengan kata lain, pegawai polis *in his face to face contacts* dengan masyarakat, membuat interpretasi, menterjemah dan menguat kuasa polisi undang-undang.⁷⁵

Tanggungjawab penguat kuasa undang-undang itu juga selaras dengan Sistem Keadilan Jenayah yang meletakkan polis sebagai salah satu elemen penting di samping mahkamah dan penjara. Malahan, polis sebagai agensi yang paling rapat dengan masyarakat memikul tanggungjawab yang penting untuk mencegah dan membanteras jenayah. Matlamat utama polis ialah untuk menjamin keamanan negara, keadaan masyarakat yang aman dan stabil tanpa gangguan daripada penjenayah, ia dilakukan menerusi pengekalan kedaulatan undang-undang dan menentukan kesejahteraan rakyat menerusi keluhuran perlembagaan negara. Dalam usaha mengekalkan kedaulatan undang-undang, peranan

74 Pengaman, Januari - Mac 1983. Cawangan Perhubungan Awam, Bukit Aman.

75 Robert C. Trojanowicz & Samuel L. Dixon 1974. *Criminal Justice and the Community*. New Jersey: Prentice-Hall Inc., hlm. 106.

polis ialah untuk menguatkuasakan undang-undang di samping mengatur tindakan pencegahan.⁷⁶

Fungsi utama polis terkandung dalam seksyen 3(3) Akta Polis,⁷⁷ iaitu:

- (i) Mengekalkan undang-undang dan ketenteraman.
- (ii) Menjaga keamanan dan keselamatan Persekutuan.
- (iii) Mencegah dan mengesan jenayah.
- (iv) Menangkap dan mendakwa orang-orang yang melakukan kesalahan.
- (v) Mengumpul risikan keselamatan.⁷⁸

Polis merupakan sebuah organisasi penguatkuasaan undang-undang dan keselamatan dalam negeri yang utama dan tertinggi. Ia mempunyai bidang kuasa untuk menguatkuasakan segala undang-undang yang meliputi undang-undang jenayah, sivil, lalu lintas, Akta Imigresen, Akta Kastam dan Eksais, Akta Pendaftaran, undang-undang laut, kesihatan, keselamatan dalam negeri dan lain-lain lagi termasuk juga membantu penguatkuasaan undang-undang Mahkamah Syariah.⁷⁹

Dalam konteks jenayah di Malaysia, polis memainkan peranannya dalam aspek pencegahan dan pembendungan jenayah, penguatkuasaan dan pengesanan terhadap penjenayah, perlindungan terhadap nyawa dan harta benda serta memberikan perkhidmatan kepada masyarakat secara keseluruhannya.

Pencegahan Jenayah

Aspek pencegahan jenayah ini merangkumi segala usaha dan kegiatan polis yang bertujuan ke arah penghapusan punca jenayah. Beberapa kegiatan seperti kempen kesedaran terhadap kegiatan jenayah, penerangan berkenaan pencegahan jenayah kepada sasaran tertentu seperti wanita, kanak-kanak, belia dan sebagainya termasuk dalam kategori ini.

Konsep Bersedia Berkhidmat

Pasukan polis yang memegang konsep "Bersedia Berkhidmat" telah mengadakan beberapa perancangan ke arah usaha pencegahan jenayah.

76 Mohd. Reduan Aslie & Mohd. Radzuan Hj. Ibrahim 1984. *Polis Diraja Malaysia: Sejarah, Peranan dan Cabaran*. Kuala Lumpur: Karangkrif Sdn. Bhd., hlm. 394.

77 No. 41 tahun 1967.

78 Untuk melihat Akta Polis keseluruhannya, *lih.* Lampiran A.

79 Zakaria Hj. Ahmad 1977. "The Police Organisation Set Up in Malaysia-Principles, Command, Control". Tesis Ph.D. (tidak diterbitkan), hlm. 10.

Konsep tersebut yang diperkenalkan oleh A.E. Young⁸⁰ pada tahun 1952 masih digunakan dan diamalkan sehingga sekarang bagi mencapai matlamat perhubungan awam.⁸¹ Ada dua matlamat utama perhubungan awam polis, iaitu:

- (i) Untuk mewujudkan keyakinan orang ramai terhadap pasukan polis.
- (ii) Untuk menimbulkan kesedaran dan menarik minat orang ramai supaya memberi kerjasama, sokongan dan bantuan kepada polis.⁸²

Kecekapan pasukan polis dalam pencegahan jenayah dapat dipastikan dengan adanya kerjasama dan keyakinan orang ramai terhadap polis. Keyakinan dan kerjasama itu telah memudahkan polis melaksanakan tugas dan tanggungjawab mereka. Perhubungan yang baik menjadikan orang ramai memahami segala masalah yang dihadapi oleh polis. Orang ramai juga akan sedar terhadap peruntukan undang-undang yang mesti dipatuhi di samping mewujudkan kesedaran atau tanggungjawab sosial di kalangan mereka.

Jane Jacobs mengatakan:

Perkara pertama yang mesti difahami ialah bahawa keamanan masyarakat bukanlah ditentukan oleh polis semata-mata. Ia ditentukan oleh kawalan sukarelawan yang tidak disedari dan juga darjah (standard) di kalangan rakyat dan dikuatkuasakan oleh rakyat.⁸³

80 Kolonel A.E. Young, C.M.G. ialah seorang pegawai British yang dilantik menjadi Pesuruhjaya Polis Persekutuan Tanah Melayu (*Federation of Malaya Police Commissioner*) dari tahun 1952 – 1953. Dalam memperkenalkan konsep "Bersedia Berkhidmat", beliau menegaskan bahawa tujuan utama arahan yang dikenali sebagai *operation service* adalah untuk mewujudkan persefahaman antara polis dengan orang ramai. Ini dilakukan dengan memupuk tanggungjawab perhubungan awam di daerah polis.

"Dalam setiap daerah polis, pegawai kanan polis diberi tugas sebagai pegawai perhubungan awam yang akan memastikan bahawa tiada peluang untuk menghilangkan kepercayaan dan hubungan baik dengan masyarakat".

Konsep "Bersedia Berkhidmat" dijadikan lencana "tangan bersalam" dan dilekatkan di lengan setiap anggota polis yang berpakaian seragam polis hingga sekarang. Konsep ini juga dijadikan lagu rasmi polis (*Ih*: Lampiran D). Cogan kata "Bersedia Berkhidmat" juga telah dipilih menjadi tema Hari Polis pada tahun 1979 dan 1982 bagi menyemarak semula semangat untuk berkhidmat pada agama, bangsa dan negara.

81 Mohd. Reduan Aslie & Mohd. Radzuan Hj. Ibrahim 1984 *Op. cit.* hlm. 398.

82 *Ibid.*, hlm. 398.

83 Jane Jacobs 1961. *The Death and Life of Great American Cities*. New York: Vistage Books, hlm. 115.

Dalam hal ini polis haruslah memahami kedudukan mereka dalam masyarakat. Thomas J. Cahill, Ketua Polis San Francisco berkata:

Pentadbiran polis mestilah memenuhi keperluan hari ini, mengambil berat tentang dirinya lebih dari sebelumnya dengan beberapa faktor yang membawa kepada pertelingkahan kebudayaan yang pahit, yang berpunca daripada kehidupannya. Oleh sebab terdapat perubahan masyarakat, dia mestilah lebih memberatkan perkembangan hubungan kemanusiaan yang baik antara polis dengan masyarakat. Ia tidaklah mudah menjadi pegawai polis dalam masyarakat bandar yang besar yang mengandungi pelbagai konflik kehidupan, tetapi ia adalah pekerjaan yang mesti dijalankan dengan sebaik mungkin. Pentadbiran polis hari ini mestilah faham bahawa hasrat perhubungan antara polis dan masyarakat boleh wujud melalui usaha yang berhati-hati dan persekitaran yang rapi. Ia tidak boleh diharapkan untuk berkembang melalui peluang atau tanpa perancangan seperti pada masa lalu.⁸⁴

Aspek pencegahan jenayah ini juga memerlukan perhubungan dua hala antara polis dengan masyarakat. Dalam usaha membanteras jenayah, maklumat orang ramai merupakan bahan yang paling penting bagi menyelesaikan kes. Untuk mendapatkan maklumat ini bekas Ketua Polis Negara, Tun Mohd. Haniff Omar menegaskan:

Justeru itu arahan telah pun dikeluarkan agar semua kontinjen dan komponen meningkat dan memperbaiki lagi cara-cara mendapatkan maklumat perisikan tentang setiap kegiatan jenayah dan dadah. Kesemua para anggota dikehendaki melipatgandakan usaha bagi menambahkan lagi peratus pencapaiannya. Orang ramai juga digalakkan supaya tampil ke hadapan untuk memberi apa juga maklumat kepada polis dalam usaha kita bersama membanteras jenayah dan dadah.⁸⁵

Selain memupuk kesedaran dan kerjasama orang ramai terhadap kejadian jenayah, usaha pencegahan jenayah lain yang dilakukan oleh polis seperti yang berikut:

- (a) Penubuhan Jawatankuasa Mencegah Jenayah.
- (b) Gerakan polis.
- (c) Penubuhan Cawangan Pencegahan Jenayah.⁸⁶

84 Thomas F. Adams 1972. *Criminal Justice Readings*. California: Goodyear Publishing Company Inc., hlm. 135

85 Tun Mohd. Haniff Omar 1984 Perutusan Hari Polis.

86 Laporan Jabatan Siasatan Jenayah Bukit Aman 1985.

Di samping itu, Bukit Aman juga mengambil beberapa langkah menyusun strategi berkaitan perkara ini. Antara strategi tersebut termasuklah:

- (i) Mewujudkan sebuah sistem pentadbiran pencegahan jenayah yang efektif di semua peringkat.
- (ii) Meningkatkan kesedaran sivik di kalangan masyarakat agar se-seorang itu tidak mudah menceburi jenayah.
- (iii) Memperketatkan keselamatan sasaran penjenayah yang teruk dan mengurangkan peluang berlakunya jenayah.
- (iv) Menghapus atau mengurangkan peluang dan motivasi berlakunya jenayah dengan cara mencegah penjenayah itu sendiri daripada melakukan kegiatan jenayah.
- (v) Berhubung rapat dan bekerjasama dengan agensi kerajaan yang lain.
- (vi) Mendapatkan kerjasama dan penglibatan syarikat swasta dalam pencegahan jenayah.
- (vii) Melibatkan semua pertubuhan sukarela, persatuan, kelab orang perseorangan dalam pencegahan jenayah.⁸⁷

Jabatan Siasatan Jenayah Polis telah juga mengambil langkah memperbaiki dan mengorganisasikan pendekatan secara integrasi pencegahan jenayah dengan menubuhkan dua unit baru, iaitu:

- (i) Unit Perisikan Pusat (*Crime Intelligence Unit* – CIU).
- (ii) Unit Pencegahan Jenayah (*Crime Prevention Unit* – CPU).

Unit Perisikan Pusat (CIU) berorganisasi melalui perangkaan jenayah serta maklumat yang diperoleh daripada Unit Perisikan Jenayah Kontinjen dan tindakan diambil secara koordinasi dan bersepadu. Sementara Unit Pencegahan Jenayah (CPU) ditubuhkan dengan tujuan berikut:

- (a) Mengkaji kedudukan jenayah dan mencadangkan tindakan efektif melalui rancangan jangka panjang bagi pencegahan di seluruh negara.
- (b) Menyelaras aktiviti atau langkah pencegahan yang dilaksanakan oleh kontinjen atau komponen polis serta maklum balas.
- (c) Menyelaras bagi pihak Jabatan Siasatan Jenayah dengan

87 Mohd. Reduan Aslie 1990. *Jenayah di Malaysia*. Kuala Lumpur: AMK Interaksi Sdn. Bhd., hlm. 311

- Cawangan Perhubungan Awam tentang program radio/televi-
syen serta akhbar dalam aspek mencegah jenayah atau isu
tentang jenayah dan pencegahan.
- (d) Merancang dan menyelaraskan perkembangan dalam aspek pendidikan masyarakat (*public education*) berhubung dengan pencegahan jenayah dan perhubungan polis dengan masyarakat.
 - (e) Bertanggungjawab terhadap kajian dan perkembangan cara baru dan teknik baru dalam mengesan (*identify*) serta langkah mencegah jenayah mahupun secara fizikal ataupun *conceptual*.⁸⁸

Sementara itu, perkembangan terbaru tentang aspek pencegahan jenayah ialah penubuhan Majlis Pencegahan Jenayah Kebangsaan yang bertujuan sebagai satu pendekatan untuk meningkatkan keberkesanan pencapaian kelompok kesemua jabatan yang ada di bawah Sistem Keadilan Jenayah di Malaysia. Ia dibentuk bagi menyelaraskan aktiviti agensi dalam sistem supaya hasrat untuk mencegah jenayah menjadi lebih berkesan. Secara keseluruhannya objektif penubuhan Majlis Pencegahan Jenayah Kebangsaan adalah untuk memerangi jenayah secara bersepadu dalam jangka masa panjang melalui dua cara, iaitu:

- (i) Dengan mengintegrasikan semua agensi kerajaan dan badan sukarela yang terlibat dengan peranan dan fungsi Sistem Keadilan Jenayah ke arah memerangi jenayah, dan
- (ii) Untuk menggembelng tenaga rakyat melalui individu dan organisasi sukarela yang berminat bersama-sama ke arah memerangi jenayah.⁸⁹

Pembendungan Jenayah

Kategori pembendungan jenayah ialah daripada aspek menutup atau mengurangkan peluang perlakuan jenayah. Dalam hal ini polis menjalankan tugas rondaan bit di samping mengadakan perancangan khusus terutamanya di tempat yang sering menjadi sasaran penjenayah.

Pengawalan dan pembendungan jenayah terbukti memberi kesan apabila Sistem Salleh diperkenalkan sepenuhnya pada tahun 1968. Sistem ini dikemukakan oleh Tun Salleh bin Ismail, Ketua Polis Negara

88 *Ibid.*, hlm. 242.

89 *Ibid.*

Kedua, dalam usaha untuk memperkukuhkan lagi tindakan membasmi jenayah dengan melibatkan orang ramai secara langsung, Sistem Salleh siap digubal pada bulan September 1967, tetapi pelaksanaan di seluruh negara dikuatkuasakan pada 7 Jun 1968.⁹⁰ Antara tujuan Sistem Salleh ialah:

- (a) Memupuk perasaan orang ramai melalui berdampingan dengan orang yang menjalankan bit supaya mendapat kepercayaan.
- (b) Memberi bantuan dengan segera kepada orang ramai dengan cara bersedia atas panggilan bantuan dan menerima pengaduan.
- (c) Memudahkan kerja dengan menambah dan memperbaiki aliran maklumat.
- (d) Menyediakan satu sistem yang menarik dengan tujuan melindungi atau mengurangkan kemalangan dan jenayah bagi memperoleh kejayaan.
- (e) Menanamkan semangat pegawai polis berhubung dengan tugas mereka dengan cara menyatukan pengetahuan yang didapati.⁹¹

Pelaksanaan sistem ini diperkemas dengan adanya rondaan bit biasa (termasuk berjalan kaki, berbasikal atau bermotosikal dan *mobile patrol vehicles*). Semua anggota peronda disediakan *walkie-talkie* bagi memudahkan mereka menghubungi dan dihubungi dengan cepat jikalau berlaku kejadian jenayah dan sebagainya. Sistem ini juga telah mewujudkan *beat base* atau pondok polis sama ada di bandar atau di kampung di seluruh negara. Bilik maklumat yang lengkap dengan pelbagai maklumat seperti peta kawasan, rekod kesalahan, jenis kesalahan, *modus operandi* penjenayah, butir peribadi penjenayah, tempat yang sering berlaku jenayah dan lain-lain diwujudkan di balai polis. Sistem Salleh terbukti menghasilkan kejayaan polis dalam aspek pembendungan jenayah.

Satu lagi usaha yang dilakukan oleh polis bagi membendung jenayah ialah memperkenalkan konsep Konstabel Masyarakat (KON-MAS). Konsep ini hampir serupa dengan Sistem Salleh, iaitu menempatkan beberapa orang konstabel polis di sesuatu kawasan tertentu. Mereka akan memahami segala aspek tentang kawasan itu sama ada dari segi kedudukan tempat, jalan dan penduduknya.

90 Mohd. Reduan Aslie & Mohd. Radzuan Hj. Ibrahim 1984 *Op. cit.*, hlm. 406

91 Hassan Yusof 1983. "Perhubungan Awam Polis dan Orang Ramai di Malaysia - Satu Aspek Kajian Kes tentang Sikap Penduduk-penduduk Kuala Lumpur". Tesis Sarjana (tidak diterbitkan).

Pendek kata mereka dikehendaki mempunyai pengetahuan yang sedalam-dalamnya tentang penduduk dan kawasannya serta menjalin hubungan yang baik dengan masyarakat setempat supaya tugas polis dapat dijalankan dengan licin dan berkesan. Konstabel itu diingatkan supaya menamakan sikap bahawa diri mereka juga sebahagian daripada masyarakat.⁹²

Tugas mereka menjalankan bit dan patrol serta memberikan bantuan dan perkhidmatan kepada masyarakat di kawasan mereka. Idea mewujudkan Konstabel Masyarakat (KONMAS) diambil daripada Sistem Koban di Jepun yang terbukti keberkesanannya dalam usaha mengawal kegiatan jenayah.⁹³ KONMAS diperkenalkan di Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan sebagai peringkat percubaan dan terbukti mendapat kejayaan yang memberangsangkan. Pihak pentadbiran polis sedang dan telah membuat kajian untuk memperkembangkan KONMAS di seluruh negara.

Selain itu usaha pembendungan jenayah juga dilakukan dengan mengadakan 'Operasi Sapu' atau pemeriksaan di kawasan tertentu dan pada masa yang tertentu. Biasanya apabila menjelang perayaan seperti Tahun Baru Cina, Hari Raya atau Hari Natal, kadar jenayah akan meningkat. Justeru itu pihak polis sering mengadakan operasi pembendungan jenayah dengan membuat pemeriksaan dari rumah ke rumah di kawasan tertentu atau mengadakan sekatan pemeriksaan di jalan raya. Ada juga operasi dan pemeriksaan dibuat secara rambang bagi menunjukkan kehadiran polis berpakaian seragam dengan tujuan mengawal kejadian jenayah.

Menangkap dan Mengesan Penjenayah

Salah satu fungsi polis ialah menangkap dan mengesan penjenayah (seksyen 3(3) Akta Polis).⁹⁴ Tugas menangkap dan mengesan penjenayah ini dilakukan oleh polis sejak awal penubuhan pasukan polis lagi. Dalam menjalankan tugas tersebut polis tidak boleh bertindak secara membabi buta atau sewenang-wenangnya. Sebaliknya konsep 'polis adalah masyarakat dan masyarakat adalah polis',⁹⁵ mesti ditanam dalam jiwa setiap orang supaya hasilnya akan memberikan kesan sebagaimana yang diharapkan. Thomas F. Adams menyatakan:

92 *Ibid.*, hlm. 8.

93 *Berita Bukit Aman*, Mei 1990. Cawangan Perhubungan Awam Bukit Aman.

94 No. 41 tahun 1967.

95 Konsep ini diperkenalkan oleh Sir Robert Peel, Setiausaha Dalam Negeri England awal tahun 1800-an (Mohd. Reduan Aslie 1990. *Op. cit.*, hlm. 303).

Berkenaan dengan pengehadan kuasa, anggota polis mestilah perlu diberi pertimbangan menjalankan kuasa menangkap secara bebas. Sebagai hasil tiada tugas yang dijalankan untuk penghakiman individu yang lebih kompleks dan lemah. Kesilapan penghakiman boleh mencetuskan rusuhan atau menambahkan aktiviti jenayah kemudiannya oleh seseorang yang dibebaskan secara salah oleh pegawai yang berkenaan. Tangkapan yang salah boleh dengan seriusnya dan barangkali selama-lamanya memberi kesan kepada kehidupan masa hadapan seseorang itu. Perkara yang penting berkenaan kuasa menangkap dan kepentingan pelaksanaan di peringkat nasional bagi kuasa ini tidak boleh dinyatakan dengan berlebihan.⁹⁶

Ini bermakna kuasa menjalankan tangkapan dalam lingkungan kuasa yang ditetapkan oleh undang-undang. Jikalau polis melampaui kuasa tersebut, maka adalah *ultra vires* dan jikalau dilakukan dengan *mala fide* maka ia adalah *arbitrariness* terhadap kuasa yang diberikan itu. Dalam hal ini polis memerlukan pegawai dan anggota yang mahir menjalankan kuasanya. Perkembangan dan kemajuan pakar dalam pasukan polis seharusnya mendapat pengiktirafan sewajarnya sebagaimana pendapat Wayne R. La Fave:

Perkembangan kepakaran polis mestilah digalakkan dan kewujudannya haruslah diiktiraf di mana yang sesuai. Adalah suatu keperluan dan seperti yang berlaku di bidang yang lain, bagi pembangunan dan pewujudan kepakaran polis untuk suatu perbicaraan atau apabila dipanggil oleh mahkamah yang bersidang bagi menentukan isu-isu tangkapan.⁹⁷

Sehubungan ini Pasukan Polis Diraja Malaysia mengadakan beberapa strategi ke arah menjalankan pengesanan dan tangkapan yang berkesan terhadap penjenayah antaranya ialah:

- (a) Penubuhan pasukan penyiasat khas. Contohnya Pasukan Penyiasat Kes Rogol, Pasukan Anti Dadah dan lain-lain.
- (b) Penekanan terhadap kaedah penyiasatan.
- (c) Latihan yang berterusan (*in service training*) pegawai Jabatan Siasatan Jenayah Polis di maktab polis atau kursus berkaitan di institusi luar polis.
- (d) Meningkatkan publisiti kes untuk mendapatkan saksi bagi menyelesaikan kes.

96 Thomas F. Adams 1972. *Criminal Justice Readings*. California: Goodyear Publishing Company Inc., hlm. 144.

97 Wayne R. La Fave 1965. *Arrest: The Decision to Take a Suspect into Custody*. Boston: Little Brown and Company, hlm. 512-513.

- (e) Tekanan tumpuan pegawai penyiasat polis atas penyelesaian kes.
- (f) Mewujudkan Unit Risikan Jenayah di peringkat Bukit Aman dan juga kontinjen.
- (g) Meningkatkan sistem berkomputer dan rekod Jabatan Siasatan Jenayah Polis. Analisis *modus operandi* dan kes yang mempunyai persamaan di seluruh negara.
- (h) Perhubungan dengan negara luar untuk mendapatkan maklumat jenayah yang berbentuk antarabangsa.
- (i) Meningkatkan pembayaran wang hadiah untuk maklumat yang diterima dalam kes yang menarik perhatian.⁹⁸

Melindungi Nyawa dan Harta Benda

Polis sebagai organisasi utama penguat kuasa undang-undang negara bertanggungjawab secara langsung melindungi nyawa dan harta benda orang ramai. Pelaksanaan tugas ini dilakukan melalui fungsi polis yang digariskan dalam Akta Polis,⁹⁹ dan peruntukan lain undang-undang negara.

Perlindungan nyawa dan harta benda merupakan tanggungjawab berat yang terpaksa dipikul oleh setiap anggota polis. Polis juga sebuah organisasi penguat kuasa yang bebas daripada tekanan politik atau pihak tertentu dan menjadi payung yang menjamin keselamatan rakyat. Ini ditegaskan oleh Tun Mohd. Haniff Omar:

Kita bolehlah berbangga sebagai anggota kepada satu profesion yang mulia, mencurahkan tenaga untuk menjamin keselamatan negara kita dan kesejahteraan rakyatnya menerusi penguatkuasaan undang-undang negara dengan saksama. Kemampuan kita menjalankan tanggungjawab dengan saksama ialah kerana kita tidak terikat kepada mana-mana golongan politik atau mana-mana kumpulan orang ramai.¹⁰⁰

Penegasan Tun Mohd. Haniff Omar itu ditambah lagi dengan harapan agar tugas dijalankan secara profesional.

Hakikat ini adalah sangat penting dan harus dipupuk oleh tiap-tiap ahli pasukan supaya semua golongan yang taat kepada undang-undang negara boleh berteduh di bawah perlindungan pasukan kita. Rakyat

98 Mohd. Reduan Aslie 1990. *Jenayah di Malaysia*. Kuala Lumpur: AMK Interaksi Sdn. Bhd., hlm. 310.

99 Seksyen 3(3), Akta Polis No. 41 tahun 1967.

100 Tun Mohd. Haniff Omar 1987. Perutusan Hari Polis.

bukan daripada satu golongan atau satu fahaman. Hanya dengan menjalankan tugas-tugas secara profesional iaitu berlandaskan undang-undang negara, dapat kita berkhidmat secara saksama, sah dan adil.... Perkhidmatan polis memang mempunyai banyak cabaran dan keperluan terhadap tenaga fizikal. Cabaran mental terus mendesak kerana rakyat lebih sedar akan hak-hak mereka, lebih berpelajaran dan lebih berkebolehan untuk menyuarakan tuntutan dan membuat kritikan-kritikan atas sesuatu yang salah mengikut persepsi mereka.¹⁰¹

Dengan penegasan Tun Mohd. Haniff Omar itu nampaknya masyarakat Malaysia pada zaman ini menaruh harapan yang tinggi terhadap anggota polis. Tugas polis bukan sahaja menjaga keselamatan nyawa dan harta benda tetapi juga mencakupi aspek lain seperti menjadi *opinion leader* dalam masyarakat atau penyelesaian masalah kehidupan hinggalah soal rumah tangga. Peranan dan tanggungjawab polis yang penting ini maka kerajaan dan pasukan polis telah mengemaskinikan pentadbiran, tugas dan keanggotaan pasukan polis agar ia benar-benar profesional. Tahap kemahiran anggotanya dipertingkatkan dan peralatan yang moden dan canggih telah digunakan.¹⁰² Justeru itu polis telah dapat menghadapi segala cabaran dengan meraih kejayaan dan berjaya menjaga keselamatan nyawa dan harta benda rakyat secara menyeluruh.

Penjagaan nyawa dan harta benda rakyat juga dapat dilakukan dalam kewujudan sistem kepolisan yang adil dan saksama kepada seluruh rakyat. Tidak ada penjenayah yang sewenang-wenangnya melakukan kesalahan tanpa mendapat perhatian daripada pihak polis. Dengan itu rakyat dapat berlindung di bawah payung polis dalam soal keselamatan nyawa dan harta benda dengan erti kata yang sebenarnya.

Perkhidmatan Polis Jaga Aman

Selain peranan yang disebutkan di atas, polis juga memberikan perkhidmatan yang berbentuk bukan melibatkan jenayah. Selaras dengan kehendak masyarakat dan keperluan semasa, pasukan polis telah mempelbagaikan tugasnya memberi perkhidmatan lain daripada penguasaan dan pencegahan jenayah. Perkhidmatan seperti tugas trafik, kawal aman di tempat awam, kawalan perhimpunan atau majlis tertentu, program khidmat masyarakat dan sebagainya dijalankan oleh polis. Pendek kata sebagai sebuah organisasi profesional ia dibentuk begitu rupa sehingga segala kehendak dan keperluan masyarakat dapat dipe-

101 *Ibid.*

102 *Pengaman*, Julai - September 1983.

nuhi. Dalam soal profesional, Thomas F. Adam menyatakan masyarakat mengiktiraf polis sebagai profesional bermula dengan sikap individu pegawai polis terhadap dirinya.¹⁰³

Jadi, sikap anggota polis berdasarkan kepakaran menjalankan tugas kepolisan dan mencerminkan pasukan polis secara keseluruhannya. Dan dia menentukan tahap pasukan sama ada profesional ataupun sebaliknya. Max Weber menyatakan:

Perkara utama birokratik menawarkan kemungkinan terbaik bagi mewujudkan prinsip pada bahagian pekerja dalam pentadbiran mengikut pertimbangan teknikal sebenar, memperuntukkan pekerjaan individu untuk peranan mereka yang dilatih sebagai pakar dan mereka yang berterusan menambah pengalaman dengan amalan yang mantap. Perlakuan profesional dalam kes ini bermakna perlakuan awal tanpa mengambil kira orang, mengikut kesesuaian dengan peraturan-peraturan yang ada.¹⁰⁴

Daripada perbincangan di atas jelas menunjukkan bahawa pasukan polis merupakan pasukan profesional dan menjalankan peranannya sebagai salah satu subsistem di bawah Sistem Keadilan Jenayah di Malaysia.

PERANAN POLIS DALAM SISTEM KEADILAN JENAYAH DI MALAYSIA

Pasukan polis merupakan satu organisasi yang kompleks yang berperanan sebagai penguat kuasa utama dan tertinggi di Malaysia.¹⁰⁵ Walaupun pasukan polis terletak di bawah Sistem Keadilan Jenayah yang mengandungi subsistem lain seperti pendakwaan dan pembelaan, mahkamah dan penjara, namun ia tidak diberikan kuasa yang terlampau luas dalam erti kata dapat memperlakukan semua perkara dengan sewenang-wenangnya. Polis hanya boleh menjalankan tugas mengikut kuasa yang ditentukan mengikut lunas undang-undang yang sedang berkuat kuasa di Malaysia. Segala kuasa yang dilakukan dengan melampaui atau menyalahi undang-undang adalah *ultra vires* dan *void ab initio*. Begitu juga sekiranya cara pelaksanaan kuasa tersebut secara *mala fide* maka *prima facie* juga keluar daripada kuasa yang sah dan merupakan perlakuan yang *void*.

103 Thomas F. Adams 1972. *Criminal Justice Readings*. California: Goodyear Publishing Company Inc., hlm. 134.

104 Max Weber 1954. *Law in Economy and Society*. Cambridge MA: Harvard University Press, hlm. 350.

105 *Berita Bukit Aman*, Mei 1984.

Anggota polis terikat pada peraturan kerja yang digariskan dalam akta tertentu seperti Akta Polis,¹⁰⁶ Perintah Am Bab 'D', Kanun Acara Jenayah, Perintah Tetap Ketua Polis Negara (IGSO), dan sebagainya. Segala pelanggaran peraturan akan menyebabkan tindakan boleh dikenakan ke atas anggota yang terlibat, sama ada atas tuduhan di mahkamah biasa ataupun tindakan tatatertib pasukan polis. Orang ramai yang mempunyai *locus standi* boleh mengemukakan laporan dan mengambil tindakan ke atas pegawai dan anggota polis dan juga Kerajaan Malaysia atas sesuatu kesalahan atau tinggalkan yang menyebabkan mereka menanggung kerugian, kecederaan, kehilangan atau apa-apa tanggungan lain yang boleh menjejaskan serta memudaratkan kehidupan mereka di dunia. Dalam kes tertentu, tindakan yang boleh diambil termasuklah *writ of habeas corpus*, tuntutan ganti rugi ataupun tuduhan yang lain.

Dalam Sistem Keadilan Jenayah, polis tidak boleh membuat sebarang syor kepada pendakwa raya supaya memberikan pertimbangan pertuduhan yang ringan ke atas pesalah yang telah menginsafi kesalahannya selain tuduhan yang selaras dengan kesalahan mengikut pertuduhan seksyen undang-undang.¹⁰⁷

Ini bermakna polis tidak mempunyai kuasa untuk membuat sebarang syor tertentu kepada pendakwa raya, walaupun semasa siasatan pihaknya mendapati pesalah berkenaan telah pun menginsafi tentang kesalahan yang telah dilakukannya. Undang-undang begitu ketat menentukan bahawa hanya pertuduhan yang boleh dibuat ke atas seseorang pesalah, iaitu selaras dengan seksyen tertentu yang telah diperuntukkan dalam mana-mana undang-undang yang sedang berkuat kuasa di Malaysia.

Polis juga tidak mempunyai pilihan lain dan tidak ada bidang kuasa untuk membuat perakuan kepada pendakwa raya supaya memaafkan kesalahan pesalah dalam kes kesalahan harta yang kecil setelah pesalah atau pesalah-pesalah itu insaf dan kehilangan atau kerugian tersebut dikembalikan kepada si mangsa.¹⁰⁸ Dalam hal ini pihak polis tidak mempunyai kuasa budi bicara di bawah Sistem Keadilan Jenayah bagi tujuan melepaskan pesalah. Kuasa budi bicara sama ada untuk menuduh ataupun melepaskan tuduhan terhadap pesalah terletak di tangan pendakwa raya. Kebiasaannya budi bicara pendakwa raya digunakan setelah si mangsa mengajukan perkara tersebut dan pendakwa raya akan menye-

106 No. 41 tahun 1967.

107 Ismail Johari 1989. "Penguatkuasaan Undang-undang dalam Sistem Keadilan Jenayah", Kertas Projek (tidak diterbitkan) hlm. 29.

108 *Ibid.*, hlm. 25.

mak kes tersebut secara menyeluruh dengan mengambil kira kesannya, jenis kesalahan, jumlah wang kerugian yang terlibat dan juga pihak yang terbabit. Di sini jelaslah polis tidak boleh terlibat secara langsung dalam urusan melepaskan pesalah yang melakukan kesalahan daripada pertuduhan jenayah.

Namun begitu keadaan di Jepun agak berbeza dengan yang diamalkan di Malaysia. Di Jepun, polis diberi kuasa menggunakan kuasa budi bicara untuk melepaskan pesalah yang melakukan kesalahan yang melibatkan harta yang kecil (iaitu nilai kehilangan atau kerugian yang sedikit) setelah pesalah itu insaf dan dimaafkan oleh si mangsa serta membayar balik kerugian atau kehilangan yang terlibat.¹⁰⁹ Ini bermakna polis tidak perlu merujuk perkara tersebut kepada pendakwa raya, tetapi memadai dengan membuat laporan bulanan. Perangkaan menunjukkan di Tokyo, Jepun terdapat 40 peratus daripada kes yang sepatutnya dirujuk kepada pihak pendakwa raya telah tidak dirujuk. Peraturan tersebut telah diselesaikan dengan menggunakan budi bicara polis.¹¹⁰

Kesimpulannya, polis sebagai satu subsistem dalam Sistem Keadilan Jenayah merupakan subsistem yang terdekat dengan masyarakat. Ia merupakan satu organisasi penting kerana ia menentukan sesuatu kesalahan itu dapat diselesaikan ataupun sebaliknya. Ia juga menjadi alat penting dalam mengawal keamanan dan kestabilan masyarakat khususnya dalam pengawalan dan pencegahan jenayah. Namun begitu tidaklah bermakna keberkesanan Sistem Keadilan Jenayah secara keseluruhannya semata-mata bergantung pada polis sahaja. Sebaliknya setiap subsistem yang ada masing-masing mempunyai peranan dan kepentingan dalam Sistem Keadilan Jenayah yang saling berkait antara satu sama lain. Apa sahaja kepincangan yang berlaku dalam subsistem akan memberikan kesan kepada masyarakat secara langsung serta memberikan implikasi yang buruk dan merugikan masyarakat. Justeru itu, setiap subsistem hendaklah memastikan masing-masing memainkan peranan yang berkesan agar Sistem Keadilan Jenayah benar-benar dapat memberikan faedah dan keuntungan kepada masyarakat dan negara secara keseluruhannya.

¹⁰⁹ Lih. Minoru Shikita 1981. *Integrated Approach to Effective Administration of Criminal Justice*. Kertas Seminar – UNAFEI, Kuala Lumpur, 27 April.

¹¹⁰ *Ibid.*, hlm. 12.

BAB 3

INSTITUSI POLIS DI MALAYSIA

PENDAHULUAN

Pasukan Polis Diraja Malaysia ditubuhkan untuk menjaga keamanan dan keselamatan masyarakat daripada gangguan penjenayah dan antinasiona. Sungguhpun sejarah pasukan polis tidak dapat dipastikan tarikh penubuhannya lantaran ia telah wujud sejak berabad-abad lamanya lagi, namun para pengkaji menyatakan pasukan polis moden bermula pada tahun 1807 apabila Piagam Keadilan Pertama diperkenalkan di Pulau Pinang.¹

Walau bagaimanapun, daripada catatan sejarah negara, institusi kepolisan Semenanjung telah wujud pada zaman pemerintahan kesultanan Melayu tradisional. Institusi kepolisan menjadi alat bagi menegakkan *status quo* dan kekuasaan sultan atau pemerintah yang berkuasa di samping menjaga keamanan dalam negeri. Sifat institusi ini yang berbentuk 'pesuruh raja' atau 'budak raja', maka ia tidaklah tersusun sebagai institusi unggul sepertimana dalam pasukan polis moden.

SEJARAH POLIS TRADISIONAL

Institusi polis boleh dilihat sebagai satu badan penguat kuasa undang-undang dan peraturan masyarakat. Sejak zaman Kerajaan Majapahit dan empayar Sri Vijaya serta zaman kegemilangan kesultanan Melayu lagi telah wujud peraturan masyarakat yang teratur.² Dalam struktur masyarakat yang bertamadun itu, telah ada institusi pegawai yang berfungsi

1 Mohd. Reduan Aslie & Mohd. Radzuan Hj. Ibrahim 1994. *Polis Diraja Malaysia: Sejarah, Peranan & Cebaran*. Kuala Lumpur: Karangkrat Sdn. Bhd., hlm. 9.

2 Penulis *Makalah Sejarah & Organisasi PDRM* 1989. Cawangan Perhubungan Awam Bukit Aman, hlm. 1.

sebagai polis. Namun begitu kaedah tugas dan penguatkuasaan tidak dipenuhi dengan jelas.

Pada zaman kesultanan Melayu Melaka, sultan adalah pusat kuasa. Baginda bukan sahaja sebagai kepala negara, malah bertindak selaku hakim, pemerintah tertinggi angkatan tentera dan juga sebagai ketua agama. Bendahara selaku orang kedua yang berperanan sebagai Perdana Menteri ketika ini. Bendahara merupakan ketua pentadbir, penasihat sultan dan juga sebagai panglima perang.

Laksamana adalah orang ketiga penting selepas Bendahara. Pada masa itu kebiasaan musuh melanggar negeri melalui jalan laut, maka Melaka banyak bergantung pada armada lautnya dan Laksamana bertindak sebagai kepala perang mempertahankan negara.


Temenggung bertanggungjawab menjaga keselamatan dan ketenteraman di sekitar istana dan negeri keseluruhannya. Dalam konteks institusi polis pada masa kini, Temenggung adalah Ketua Polis Negara. Tugas Temenggung pada masa itu ialah menangkap penjenayah, membina penjara dan melaksanakan hukuman. Pasukan polis di bawah kekuasaannya. *Sejarah Melayu* telah merekodkan sejarah menarik pada zaman Sultan Alauddin Riayat Shah (1477-1488) yang bertindak sendiri menangkap pencuri yang sedang berleluasa dan berjaya membunuhnya. Baginda menghadapkan pertanyaan kepada Temenggung:

Setelah siang hari, maka Sultan Alauddin pun keluar dihadap orang. Maka Bendahara dan segala orang besar-besar dan para Menteri, Sida-Sida, Bentara, Hulubalang sekaliannya hadir menghadap. Maka titah Sultan kepada Seri Maharaja, kerah ia Temenggung. "Adakah kawal semalam?"

Maka sembah Seri Maharaja "Ada Tuanku", maka titah Sultan, kita dengar ada orang mati dibunuh orang, di atas bukit seorang, di bawah bukit seorang, di hujung jambatan seorang, jikalau demikian orang itu, Seri Maharajakah yang membunuhnya? Maka sembah Seri Maharaja, "Tiada patik tahu Tuanku". Titah Sultan "Sia-sialah kawal Seri Maharaja, tiga orang mati tiada diketahui. Sekarang kita dengar pencuri terlalu ganas dalam negeri ini". Maka Sultan pun memerintahkan memanggil Hang Isap, ia pun datang, peti itu pun dibawanya. Maka titah Sultan Alauddin kepada Hang Isap dan Hang Siak, "Apa pemandangan engkau semalam?" Maka Hang Isap dan Hang Siak pun berceritalah akan segala perihal ehwal semalam, semua dikatakannya....

Semenjak itu kawal Seri Maharaja terlalu keras. Jika bertemu dengan orang dijalan, dibunuhnya, tiada ditangkap lagi. Pada suatu malam Seri Maharaja berkawal, bertemu dengan seorang pencuri. Maka diparang oleh Seri Maharaja dengan pedang bertupai, putus di bahunya....³

3 Tun Seri Lanang 1950 *Sejarah Melayu*. Singapore: The Malayan Publishing House, Ltd., hlm. 142-143.



Sumber: Mohd. Reduan Aslie dan Mohd. Radzuan Hj. Ibrahim 1984, hlm. 3.

Rajah 3.1 Struktur pentadbiran kerajaan Melayu.

Daripada petikan *Sejarah Melayu* jelas memperlihatkan bahawa institusi polis memang wujud pada zaman kesultanan Melayu Melaka. Namun tidak disebutkan institusi polis ataupun angkatan tentera. Institusi yang ada pada ketika itu ialah hulubalang, pengawal istana, bentara serdadu, juak-juak atau budak raja. Struktur organisasi kesultanan Melayu seperti dalam Rajah 3.1.

Selain itu, penghulu atau ketua yang dilantik oleh sultan bagi menjaga sesuatu kawasan juga mempunyai pasukan polis sendiri. Pasukan polis menjalankan tugas utama memungut cukai, menguatkuasakan undang-undang dan menjaga keselamatan kampung.

Pada zaman kegemilangan kesultanan Melayu Melaka, telah wujud undang-undang yang dikanunkan, iaitu Hukum Kanun Melaka. Di samping itu, undang-undang Islam turut dipakai dalam soal-soal perkahwinan, kekeluargaan, *faraid*, dan perintah lain. Kata putus dan hukuman sultan juga merupakan undang-undang yang wajib dipatuhi oleh semua rakyat. 'Orang-orang istana' atau 'budak raja' adalah orang-orang yang melaksanakan kuasa polis yang diberikan kuasa oleh sultan untuk menangkap, malah menghukum rakyat yang ingkar perintah sultan atau melanggar undang-undang Melaka.

Institusi penghulu juga diberikan kuasa oleh sultan untuk menjalankan tugas sebagai majistret, polis dan pemerintah tentera tempatan bagi pihak sultan.

PENJAJAHAN BARAT DI NEGERI-NEGERI MELAYU

Sistem kesultanan Melayu telah diamalkan bukan sahaja di Melaka, tetapi juga di negeri Melayu yang lain, iaitu Kerajaan Melayu Pahang, Terengganu, Perak dan Johor. Tambahan pula raja-raja di negeri berkenaan adalah keturunan sultan Melaka.

Namun begitu, pada abad ke-19, sejarah kegemilangan pemerintahan kesultanan Melayu telah tergendat dengan kedatangan penjajah Barat yang memulakan dasar imperialisme di rantau sebelah sini. Pada 10 Ogos 1511, Melaka jatuh ke tangan armada Portugis pimpinan Alfonso de Albuquerque.⁴ Portugis menjajah Melaka dengan mengamalkan pemerintahan ketenteraan. Tugas kepolisan dilakukan oleh askar Portugis. Menjelang tahun 1511, Melaka telah muncul sebagai bandar kosmopolitan. Setiap kaum diletakkan di bawah pentadbiran ketua masing-masing. Ketua yang digelar 'Kapitan' itu bertindak sebagai polis dan berkuasa dalam kawasanya.

Melaka kemudian dijajah oleh Belanda yang merampasnya daripada Portugis pada 14 Januari 1641.⁵ Seperti Portugis, Belanda juga memerintah Melaka dengan sistem ketenteraan serta meneruskan sistem 'berkapitan' yang diperkenalkan sejak zaman Portugis. Belanda menubuhkan pasukan polis setelah ramai penduduk Eropah mendiami Melaka. Sebuah pasukan polis ditubuhkan dengan nama *Burgher Guard*. Keanggotaan pasukan *Burgher Guard* terdiri daripada orang-orang Belanda yang tinggal di Melaka. Sementara anggota bawahan terdiri daripada peribumi tempatan. *Burgher Guard* bertanggungjawab secara langsung pada Majlis Keadilan yang dianggotai oleh orang-orang Belanda di Melaka. Semasa pentadbiran Belanda di Melaka, institusi penghulu juga wujud dan menjalankan kuasa polis.

Perkembangan yang berlaku di Eropah telah memberi kesan secara langsung pada pentadbiran tanah jajahan di Timur Jauh. Setelah Perancis berjaya menakluki Belanda pada tahun 1795, Melaka diserahkan kepada British yang dimiliki sementara bagi pihak Stadholder.⁶

POLIS MODEN

Setiap negara di dunia ini mempunyai pasukan polis masing-masing. Walaupun terdapat perbezaan dari segi struktur organisasi, sistem dan kawalannya, namun pada asasnya peranan yang dimainkan oleh pasukan polis tidak banyak berbeza. Penguatkuasaan undang-undang dan

4 Hall D.G.E. 1971. *Sejarah Asia Tenggara*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

5 *Ibid*

6 *Ibid*.

penjagaan keamanan dan keselamatan negara merupakan peranan utama pasukan polis. Sebelum pasukan polis terbentuk secara sistematik, peranan ini diletakkan pada angkatan tentera yang turut diberikan kuasa polis.

Daripada catatan sejarah, Sistem Polis Moden bermula di England pada tahun 1285.⁷ Sistem *Watch and Ward* telah diperkenalkan, iaitu seramai dua orang konstabel ditempatkan di setiap bandar dengan bantuan *watchman* yang berkongsi berkawal pada malam hari. Konstabel yang bertugas tidak diberikan gaji yang tetap dan *watchman* diberikan kuasa polis seperti menahan orang-orang yang disyaki penjenayah atau mengejutkan penduduk apabila berlaku kecemasan dan bahaya lain.

Pada tahun 1737 perkembangan pesat berlaku di London yang memerlukan perkhidmatan polis yang berkesan. Satu akta telah diluluskan, iaitu satu pasukan polis yang dianggotai oleh seramai 68 orang ditubuhkan. Anggota polis diberi gaji tetap.

Oleh sebab kejadian jenayah telah bertambah dengan kadar yang cepat, Kerajaan British telah membuat rancangan menguatkuasakan pasukan polis. Pada tahun 1829 Sir Robert Peel menubuhkan London Metropolitan Police yang beribu pejabat di Scotland Yard. Pasukan tersebut telah membuktikan kejayaannya mengawal kejadian jenayah dan kekacauan. Kejayaan pasukan itu juga menyebabkan pada tahun 1835 Kerajaan British mengarahkan supaya setiap bandar menubuhkan pasukan polis masing-masing. Bagi mengenang jasa Sir Robert Peel, orang ramai menggelarkan pegawai polis sebagai "Bobby" atau "Peeler".⁸

Kejayaan penubuhan pasukan polis di London, kemudian merebak ke New York apabila pada tahun 1930-an pasukan polis "day and night" ditubuhkan. Pasukan ini menyamai sistem yang ada di London. Ini diikuti di bandar lain di Amerika Syarikat dan pasukan polis digelar "cops" atau "coppers".⁹ Perkataan tersebut berdasarkan singkatan "Constable on patrol". Namun sesetengahnya berpendapat gelaran ini daripada "eight pointed copper star" yang dipakai oleh polis New York.

Perkembangan ini merebak di Kanada iaitu Toronto telah menubuhkan pasukan polis yang dianggotai oleh seorang ketua konstabel dan lima konstabel. Kemudian perkembangan ini terus berlaku dan pada abad ke-19 kebanyakan negara Eropah dan Asia telah menubuhkan pasukan polis masing-masing.

7 Mohd. Reduan Aslie & Mohd. Radzuan Hj. Ibrahim 1984. *Polis Diraja Malaysia: Sejarah, Peranan & Cabaran*. Kuala Lumpur: Karangkrat Sdn. Bhd., hlm. 6

8 *Ibid.*

9 *Ibid.*, hlm. 7.

Pada asasnya pasukan polis moden dapat dibahagikan kepada tiga kategori, iaitu:

- (i) Pasukan polis yang dikawal oleh kerajaan pusat sepenuhnya, seperti Polis Diraja Malaysia.
- (ii) Pasukan polis yang dikawal oleh kerajaan pusat dan sesetengahnya oleh kerajaan tempatan/negeri, contohnya Polis London.
- (iii) Pasukan polis tempatan yang dikawal oleh pihak tempatan. Contohnya pasukan polis di Amerika Syarikat.¹⁰

Sementara itu polis rahsia ditubuhkan oleh kerajaan yang bercorak diktator. Pasukan polis ini biasanya digunakan bagi kepentingan mengekalkan *status quo* politik pemerintah dan terdapat unsur peneanan dan kezaliman. Contohnya, polis "gestapo" di Jerman, polis "kompeitai" di Jepun, polis "savak" di Iran (semasa Shah Iran) dan "KGB" di Rusia.

Penubuhan pasukan polis moden di Malaysia bermula pada 25 Mac 1807, apabila *Charter of Justice* atau Piagam Keadilan Pertama diisytiharkan di Pulau Pinang.¹¹ Pasukan polis moden menggunakan *Sheriff System* seperti yang diamalkan di England.¹²

Pembentukan pasukan polis moden berjalan secara berperingkat-peringkat antara negeri di Tanah Melayu. Pasukan polis di peringkat negeri Melayu hanya bersatu pada tahun 1948, iaitu selepas pemerintahan Jepun dan dikenali dengan nama Pasukan Polis Persekutuan Tanah Melayu (*Federation of Malaya Police Force*). Pasukan polis telah mendapat penganugerahan 'Diraja' daripada DYMM Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong pada 24 Julai 1958 sebagai tanda mengingati dan mengiktiraf khidmat bakti cemerlang terhadap rakyat dan negara.¹³

Perkembangan pasukan polis terus berlaku selepas merdeka pada tahun 1957, dan hal ini lebih terasa lagi apabila penyatuan Tanah Melayu, Singapura, Sabah dan Sarawak ke dalam Malaysia diisytiharkan pada 16 September 1963. Dari saat itu, wujudlah penyatuan yang sepenuhnya dalam pasukan polis dengan nama 'Pasukan Polis Diraja Malaysia'.

¹⁰ *Ibid.*

¹¹ Beberapa kes menunjukkan hakim memutuskan *Charter of Justice* memperkenalkan undang-undang Inggeris. *Lit. kes Kamoo Iwn Bassett* (1808) 1 Ky 1. *In the Goods of Abdullah* (1835) 2 Ky, Ecc. 8. *Regina Iwn Williams* (1858) 3 Ky 16.

¹² *Op. cit.*, hlm. 9.

¹³ *Pengaman*, Jan/Mac 1979, hlm. 62.

Polis Negeri-negeri Selat

Negeri-negeri Selat mengandungi tiga buah negeri yang diperintah oleh Inggeris. Negeri tersebut ialah Pulau Pinang, Melaka dan Singapura. Pasukan polis moden mula diperkenalkan di Tanah Melayu, di Negeri-negeri Selat, kemudian merebak dan berkembang ke Negeri-negeri Melayu Bersekutu dan Negeri-negeri Melayu Tidak Bersekutu. Negeri-negeri Selat diperintah oleh seorang gabenor berpusat di Singapura.

Pulau Pinang

Sejarah tentang penubuhan polis di Tanah Melayu telah banyak dicatatkan. Patrick Morrah,¹⁴ menyatakan penubuhan polis di Pulau Pinang telah disuarakan oleh Francis Light, yang datang ke Pulau Pinang pada tahun 1786 apabila mendapati kesukaran dalam memulihkan keamanan daripada kekacauan yang meletus di negeri itu. Beliau telah berkali-kali berhubung dengan gabenor Inggeris di India dan mencadangkan supaya ditubuhkan pasukan polis bagi menjaga keamanan di Pulau Pinang.

Pulau Pinang hanya menerima Piagam Keadilan (*Charter of Justice*) yang pertama pada 25 Mac, 1807.¹⁵ Dengan adanya piagam itu, maka terbentuklah sebuah pasukan polis yang bersistematik sejajar dengan pasukan yang ada di Britain pada masa itu. Sistem ini telah memperkenalkan jawatan seperti *High Sheriff* dan *Deputy High Sheriff*. Orang pertama yang memegang jawatan *sheriff* di Pulau Pinang ialah James Carnegy, manakala ramai anak tempatan yang dilantik menjadi konstabel polis. Dengan itu, bermulalah pasukan polis yang tersusun dan bersistem di negeri Melayu.

Melaka

Negeri Melaka telah berada di bawah pemerintahan Inggeris pada tahun 1795. Pada masa pemerintahan itu, Gabenor Jeneral British, Kapten Farquhar telah mengarahkan penubuhan Majlis Keadilan (*Council of Justice*) yang menjalankan fungsi sebagai majistret dan polis. Negeri Melaka telah berada di tangan Belanda pada tahun 1814, tetapi berikutan dengan Perjanjian Inggeris-Belanda pada tahun 1824, Melaka telah diserahkan semula kepada Inggeris. Setelah tertubuhnya Kerajaan

14 Patrick Morrah 1960. *The History of the Malayan Police*. Singapore: Tien Wah Press Ltd.

15 Mohd. Reduan Aslie, *op. cit.*, hlm. 9.

Awam British di Melaka pada tahun 1825, satu sistem yang dinamakan *Burgher Guard System* dibentuk untuk mengawasi keadaan di situ. Seorang pegawai Inggeris bernama W.T. Lewis dipilih menjadi pegawai polis yang pertama negeri Melaka pada tahun 1827 dan pasukan polis negeri itu kemudiannya telah berkembang menjadi 63 orang anggota termasuk dua orang berbangsa Eropah.¹⁶

Singapura

Penubuhan polis di Singapura bermula dengan penubuhan Negeri-negeri Selat, iaitu Pulau Pinang, Melaka dan Singapura disatukan di bawah satu pemerintahan Pesuruhjaya Polis yang dipilih oleh kerajaan tempatan Inggeris pada tahun 1825.¹⁷

Pemerintahan Negeri-negeri Selat telah ditukar daripada di bawah pemerintahan Kerajaan Inggeris di India kepada Kerajaan Inggeris di London (*British Crown*) untuk memesatkan perkembangan pasukan polis dalam kedua-dua wilayah. Sehingga tahun 1872, kesemua pasukan polis Negeri-negeri Selat telah berada di bawah satu pemerintahan sahaja, iaitu di bawah Ketua Polis yang beribu pejabat di Singapura.¹⁸ Pegawai-pegawai di bawah Ketua Polis ini termasuklah Penguasa, Inspektor dan Mata-mata di tiap-tiap Negeri Selat. Sistem kepolisan itu terus digunakan di Pulau Pinang, Melaka dan Singapura sehingga kemasukan tentera Jepun ke Tanah Melayu.

Polis Negeri-negeri Melayu Bersekutu

Penubuhan Negeri-negeri Melayu Bersekutu yang mengandungi Perak, Selangor, Negeri Sembilan dan Pahang pada 1 Julai 1896 telah meletakkan pasukan polis keempat-empat negeri ini di bawah satu pemerintahan seorang Pesuruhjaya Polis. Orang pertama yang dilantik menjadi Pesuruhjaya Pasukan Polis Negeri-negeri Melayu Bersekutu ialah Kapten H.C. Syers. Pemerintahan di peringkat negeri diketuai oleh seorang Ketua Polis Negeri. Pada 2 Jun 1899, satu Perintah Am Polis bagi menyelaraskan keempat-empat negeri itu telah dikeluarkan di Ibu Pejabat Persekutuan. Berikutnya enakmen pasukan polis telah dikeluarkan pada tahun 1903 yang menggariskan kuasa yang diberikan kepada seorang Pesuruhjaya sebagai Ketua Polis Persekutuan Negeri-negeri Melayu Bersekutu.

16 Makalah Cawangan Perhubungan Awam Bukit Aman, 1989.

17 *Ibid.*

18 *Ibid.*

Perak

Perjanjian Pangkor di Perak pada tahun 1874 merupakan pembuka jalan bagi Kerajaan Inggeris mencampuri hal ehwal dalam negeri-negeri Melayu. Selepas perjanjian itu, Kapten Speedy, Penguasa Polis telah membawa 110 orang askar Sepoi India di Pulau Pinang dan 110 orang Melayu ke Larut untuk menghapuskan kekacauan yang ditimbulkan oleh kongsi gelap Cina. Kapten Speedy kemudian dilantik menjadi Penolong Residen Perak dan mengetuai pasukan polis yang mempunyai anggota seramai 160 orang.¹⁹

Apabila G. Davidson dilantik menjadi Residen Perak, beberapa perkembangan telah berlaku ke atas pasukan polis. Beliau telah membesarkan pasukan polis yang mengandungi seramai 200 orang Sikh dan 800 orang anggota polis berbangsa Melayu. Pada bulan Disember 1876, Paul Swinburn telah dilantik sebagai Pesuruhjaya Polis Perak yang pertama. Apabila Hugh Low dilantik menggantikan Swinburn, beberapa perubahan telah berlaku. Beliau mengurangkan keanggotaan kepada 550 orang dalam *Perak Armed Police*, iaitu nama yang diberi kepada pasukan itu kemudiannya. Dalam pada itu Polis Air (*Water Police*) yang mengandungi seramai 12 orang anggota Melayu ditempatkan di Larut. Sebanyak 27 buah balai polis didirikan di seluruh Perak pada masa itu. Pasukan polis telah memainkan peranan penting dalam menyelesaikan pergaduhan di Taiping apabila seramai 28 orang Cina telah dibunuh dan ramai lagi yang tercedera pada bulan Oktober 1879.²⁰

Pada tahun 1882, Swinburn bersara dan digantikan oleh Kapten Walks. Kapten Walks bertanggungjawab menubuhkan satu pasukan polis berkuda, bertujuan untuk menghapuskan perompak yang kian menjadi-jadi di Segenting Kemunting, Taiping. Pasukan Polis Bersenjata Perak yang mengandungi orang Sikh ditubuhkan pada 1884. Pasukan ini ditugaskan sebagai pengawal peribadi sultan, dan dikenali dengan nama Batalion Pertama Orang-orang Sikh Perak.²¹ Tetapi pasukan ini dibubarkan tidak berapa lama kemudian dan beberapa orang anggotanya dipilih menjadi anggota pengawal negeri-negeri Melayu yang ditubuhkan beribu pejabat di Taiping. Unit Berkuda Pasukan Polis Bersenjata Perak ditawarkan sebagai pengawal peribadi Sultan Perak di upacara rasmi negeri. Sehingga sekarang, Pasukan Polis Diraja Malaysia masih menggunakan tradisi ini di upacara rasmi iaitu pegawai polis lelaki

19 Inder Singh 1965. *History of Malaya States Gurdes 1873-1919*. Penang, Cathay Printers Ltd.

20 *Ibid.*

21 *Ibid.*

dikehendaki berpakaian lengkap dengan pedang dan kasut pemacu yang biasa digunakan oleh Ketua Polis Negara atau Timbalan Ketua Polis Negara, tetapi tanpa kuda.

Selangor

Kuala Lumpur sebagai ibu kota Negeri-negeri Melayu Bersekutu sejak tahun 1896 merupakan pusat kegiatan pasukan polis. Residen Selangor yang dilantik pada tahun 1874, G. Davidson telah menubuhkan sebuah pasukan kecil polis terdiri daripada orang-orang Melayu Melaka. Berikutnya, telah dirasakan mustahaknya menubuhkan pasukan polis secara besar-besaran di negeri itu dan tugas menubuhkan pasukan polis tetap telah diberikan kepada Henry Syers, seorang tentera dari Rejimen Foot ke-10, bertempat di Melaka. Beliau dilantik sebagai Penguasa Polis dan Penjara di Selangor pada 1 Julai 1875.²² Semasa memegang jawatan itu, Henry Syers melantik seramai 150 orang anggota dari Melaka menyertai pasukan tersebut yang dikenali dengan nama Pasukan Polis Tentera Selangor. Ibu Pejabat Polis Selangor telah dipindahkan dari Klang ke Fort Hill, Jalan Bluff (kini dikenali dengan nama Jalan Bukit Aman), Kuala Lumpur pada tahun 1882. Tempat itu terus kekal menjadi pusat pentadbiran polis sehingga sekarang.

Negeri Sembilan

Negeri Sembilan menerima pemerintahan Sistem Residen Inggeris pada tahun 1874 iaitu seorang Pemangku Residen. Kapten Tathan telah dilantik dan ditempatkan di Sungai Ujong. Kemudian beliau digantikan oleh Kapten P.J. Murray. Kapten Murray telah menubuhkan dua pasukan polis mengandungi anggota yang sebilangan besar terdiri daripada orang-orang Sikh. Pasukan polis itu terus hidup walaupun perkembangannya tidaklah begitu pesat jikalau dibandingkan dengan pasukan polis di negeri Perak dan Selangor.

Pahang

J.P. Rodger dilantik sebagai Residen Inggeris pertama di Pahang pada tahun 1888. Pahang pada masa itu dalam keadaan huru-hara akibat pelbagai pergaduhan yang meletus dan ditambah lagi dengan ketiadaan sistem perhubungan yang baik di negeri itu. J.P. Rodger telah merasakan

22 J.M. Gullick 1978. *Syers and the Selangor Police 1875-1879*. M.B.R.A.S. Reprint No. 5. Kuala Lumpur: Rajiv Printers.

penting menubuhkan pasukan polis bagi memulihkan keadaan huru-hara itu. Berikutnya, Selangor telah meminjamkan Syers ke Pahang selama dua bulan untuk kerja penubuhan pasukan polis di negeri itu. Pada awal tahun 1890, terdapat dua orang Inspektor Polis di Pahang seorang Melayu dan seorang lagi berbangsa Eropah. Di samping itu di bawahnya mengandungi seramai 10 orang Sikh dan 142 orang Melayu.²³ Pada bulan Mac, 1890, Penguasa Polis yang pertama Letenan D.B. Lockhart telah dilantik, tetapi setahun kemudian beliau telah jatuh sakit dan meninggal dunia.

Kekacauan dan keadaan huru-hara terus berlaku di Pahang terutama pada penghujung tahun 1891. Kekacauan itu telah menyebabkan Kerajaan Inggeris mengambil keputusan untuk menyatukan keempat-empat pasukan polis dalam Negeri-negeri Melayu Bersekutu. Pernyataan itu dirasakan berfaedah kerana dapat dibuat penyelarasan yang baik dengan menggunakan kos penyelenggaraan yang agak kurang. Di samping itu pasukan polis dapat ditumpukan di negeri-negeri yang berlaku kekacauan, demi memulihkan keadaan dan keamanan.

Polis Negeri-negeri Melayu Tidak Bersekutu

Pasukan polis juga ditubuhkan di Negeri-negeri Melayu Tidak Bersekutu, iaitu Johor, Kedah, Perlis, Kelantan, dan Terengganu tetapi perkembangannya lembap sedikit jikalau dibandingkan dengan pasukan polis di Negeri-negeri Melayu Bersekutu.

Johor

Negeri Johor menerima seorang Pesuruhjaya Inggeris bernama G.P. Cuscaden pada tahun 1912. Walaupun begitu beliau bukanlah merupakan Pesuruhjaya yang pertama kerana Johor sebenarnya telah mempunyai pasukan polis yang mana Pesuruhjaya pertama Dato' Bentara Luar telah dilantik pada tahun 1882. G.P. Cuscaden telah ditugaskan menyusun kembali pasukan itu menjadi pasukan yang lebih baik. Pasukan polis Johor telah berjaya mematahkan pemberontakan di Singapura yang berlaku pada tahun 1915.²⁴

Pada tahun 1928 pasukan polis Johor berkembang begitu pesat dengan mempunyai keanggotaan seramai 1000 orang. Sebuah pusat

23 Mohd. Reduan Aslie & Mohd. Radzuan Hj Ibrahim 1984.

24 M.A. Fawzy Basri & Hasrom Harun 1978. *Sejarah Johor Moden 1855-1940: Satu Perbincangan Pelbagai Aspek*. Kuala Lumpur: Muzium Negara.

latihan di Johor Bahru ditubuhkan pada tahun 1937. Pasukan polis Johor mempunyai anggota seramai 1400 orang semasa meletusnya Perang Dunia Kedua.²⁵

Kedah

Negeri-negeri di utara Tanah Melayu, iaitu Kedah, Perlis, Kelantan dan Terengganu telah bernaung di bawah pemerintahan Siam sehingga tahun 1909, apabila negeri-negeri itu diserahkan kepada Inggeris. Sebelum tarikh tersebut, beberapa orang pegawai Inggeris telah pernah berkhidmat di negeri itu, memberi pertolongan kepada Kerajaan Siam menubuhkan pasukan polis.

Semasa Kedah mendapat penasihat Inggeris yang pertama, tiga orang pegawai Inggeris sudah pun berada di negeri itu. B.E. Mitchell berjawatan Pesuruhjaya Polis dan bertugas di bawah Tuanku Ibrahim yang menjadi Ketua Negeri. Sehingga tahun 1909, pasukan itu mempunyai keanggotaan seramai 501 orang terdiri daripada keturunan Melayu dan India. Perkembangan pasukan itu bertambah maju, iaitu pada tahun 1922 pasukan polis Kedah hanya diletakkan di bawah kawalan seorang Pesuruhjaya. Pemerintahan itu hanya sampai tahun 1929 kerana kemudiannya Kedah telah dibahagikan kepada tiga buah jajahan, iaitu Alor Setar, Sungai Petani dan Kulim.

Sebelum Perang Dunia Kedua, pasukan polis Kedah mempunyai 755 orang anggota.²⁶

Perlis

Perlis mempunyai sejarah pasukan polis yang boleh dibanggakan kerana negeri itu merupakan satu-satunya negeri Melayu yang pasukan polisnya bergerak maju tanpa bimbingan sebarang pegawai daripada keturunan Eropah. Sehingga tahun 1909 seramai 30 orang Melayu dan 27 orang Sikh telah menganggotai pasukan polis negeri Perlis. Seorang anggota polis Melayu, Encik Mat bin Kassim telah dilantik sebagai Inspektor pada tahun 1910, setelah menerima latihan di Kedah.²⁷

Pada tahun 1933 seorang penasihat Inggeris O.E. Venables telah melaporkan kejadian merompak lembu kambing berkurangan dan kejadian jenayah, kegiatan curi dan sebagainya telah dapat dikawal.

25 *Ibid.*

26 Mohd. Reduan Aslie & Mohd. Radzuan Hj. Ibrahim 1984. *Op. cit.*, hlm. 51.

27 Hassan Yusof 1978. "Sejarah Ringkas Polis Perlis hingga 1946", *Pengaman*, Oktober/Disember, hlm. 37.

Encik Mat bin Kassim kemudian telah dilantik menjadi Ketua Polis Negeri sehingga tahun 1946.²⁸

Kelantan

Kelantan telah mempunyai pasukan polisnya sendiri dan sehingga tahun 1909, keanggotaan pasukan itu berjumlah 268 orang di bawah perintah Tunku Sri Maharaja.²⁹ Di samping itu sebuah pasukan polis tentera Sikh juga telah diwujudkan, tetapi disiplin di kalangan anggota polis tidaklah baik, menyebabkan kejadian jenayah semakin menjadi-jadi.

Berikut itu, seorang pegawai Inggeris bernama G. Cullen dari pasukan polis Negeri-negeri Melayu Bersekutu telah dipinjamkan ke negeri Kelantan sebagai Penguasa Polis. Sesampainya beliau ke negeri Kelantan, beliau telah menyusun semula pasukan polis negeri itu, manakala jawatan Pesuruhjaya terus disandang oleh Tuanku Sri Maharaja.

Pada 28 April 1913, berlaku sedikit pertukaran, Kapten H.A. Anderson tiba di Kota Bharu dan mengambil alih jawatan Ketua Polis Negeri Kelantan.³⁰ Semenjak memegang jawatan itu, Kapten H.A. Anderson telah mengenakan disiplin tentera yang ketat dalam pasukan polis.

Terengganu

Sehingga awal abad ke-20, Terengganu pada keseluruhannya mengamalkan sistem polis 'Budak Raja'. Di samping itu satu pasukan polis telah diwujudkan di Kuala Terengganu yang diketuai oleh Tuanku Panglima Besar pada tahun 1914 dan seramai 18 orang mata-mata biasa telah menjadi anggotanya. Pada tahun 1919 pasukan itu diperbesarkan lagi menjadi 240 orang anggota, dan pada tahun berikutnya, iaitu 1920 seorang Pesuruhjaya dilantik bernama E. Cheers.³¹ Beliau telah memberikan perkhidmatan yang baik dan melengkapkan pasukan polis Terengganu dengan alat dan senjata yang sempurna.

Komponen Polis Sarawak

Pasukan polis Sarawak ditubuhkan antara tahun 1840 hingga 1880. Sejarah penubuhan polis di negeri itu bermula dengan kedatangan Sir James Brooke yang kemudiannya mendirikan kota di kawasan penting di Sarawak. Kota itu dikawal oleh pengawal pasukan garison, iaitu ber-

28 *Ibid*

29 Hassan Yusof 1979. "Sejarah Polis Kelantan" dlm. *Pengaman*, Januari/Mac, hlm. 63.

30 *Ibid*

31 Makalah Cawangan Perhubungan Awam Bukit Aman, 1989.

ikutan dengan kedua-dua pasukan itu disatukan dan dinamakan Sarawak Constabulary.³²

Di Kuching pada tahun 1962, Mejar W.H. Rodway telah memerintah satu pasukan yang ditubuhkan pada tahun itu dengan keanggotaan seramai 120 orang dan pasukan itu dikurniakan gelaran Renjer Sarawak.³³ Pasukan Renjer Sarawak telah mendirikan pusat latihannya di Kuching. Pasukan itu telah mengambil bahagian dalam semua ekspedisi besar di kawasan Kuching dan juga di daerah luar.

Semasa awal penubuhan Sarawak Constabulary pada tahun 1932, keanggotaannya hanya mata-mata kampung yang dilantik menjalankan tugas kepolisan, tetapi pasukan itu bukanlah sebahagian daripada Sarawak Constabulary. Pasukan itu telah dibubarkan pada tahun 1938 kerana tidak dapat mencapai objektif sebagaimana yang dikehendaki. Berikutan itu, Sarawak Constabulary telah diperbesarkan menjadi 1000 orang bagi membolehkan mengambil alih tugas mata-mata kampung yang dibubarkan itu.³⁴ Di bawah perintah pasukan Sarawak Constabulary tahun 1940, telah mensyaratkan setiap anggota mengambil langkah yang sah di sisi undang-undang dengan cara ketenteraan bagi membendung kebangkitan bersenjata, di samping menjalankan tugas awam dan sebagai polis biasa.

Pasukan Sarawak Constabulary telah dipecahkan kepada dua unit pada tahun 1940. Pasukan A mengandungi anggota seramai 900 orang yang bertanggungjawab menjalankan tugas am polis biasa, membuat kawalan dan pengiringan bersenjata di stesen utama negeri itu. Manakala pasukan B mengandungi tiga platoon Dayak, yang terdiri daripada 100 orang anggota pelbagai pangkat menjalankan tugas separuh tentera.³⁵

Inggeris dengan rasminya mengambil alih kuasa di Sarawak pada 1 Julai, 1946. Pada masa itu Sarawak Constabulary dianggotai oleh seramai 1079 orang. Perkembangan pesat terus berlaku dalam pasukan itu, iaitu pada tahun 1960, syarat kelulusan yang diperlukan untuk menjadi rekrut telah dinaikkan kepada kelulusan Darjah VI dari sekolah aliran Inggeris dan Melayu.

Komponen Polis Sabah

Pasukan polis di Sabah hanya ditubuhkan pada 1882, apabila pihak Kompeni Borneo Utara menubuhkan Constabulary Bersenjata Borneo

32 *Ibid*

33 *Ibid*

34 *Ibid*

35 *Ibid*

Utara yang dianggotai oleh mereka yang berketurunan Sikh dan Punjab yang beragama Islam.³⁶ Pasukan yang dilengkapi dengan mesin-gan dan meriam katak itu memainkan peranan besar dalam mematahkan kebangkitan perjuangan dan pemberontakan bersenjata di Sabah, termasuklah Pemberontakan Mat Salleh dan Rundum.

Pada masa Perang Dunia Kedua, pasukan Constabulary Bersenjata Borneo Utara ini mempunyai anggota yang terdiri daripada enam orang pegawai Eropah, tiga India, dua anak tempatan berpangkat Inspektor dan 650 orang anggota pangkat rendah.³⁷ Semasa pemerintahan Jepun, pasukan ini masih wujud tetapi ramai anggotanya yang meninggalkan tugas dan lari menyertai gerila yang diketuai oleh Askar Payung Terjun Australia. Selepas pengunduran tentera Jepun, pasukan itu disusun semula mengandungi seramai 1000 orang anggota.

Perkembangan terus berlaku dalam pasukan itu, dan pada tahun 1950 ia telah ditukarkan nama kepada Polis Borneo Utara. Pasukan Polis Hutan ditubuhkan pada tahun 1948 dan pada tahun 1950 Pasukan Polis Laut pula ditubuhkan. Dalam masa darurat tahun 1949 dan 1950, beberapa platon Pasukan Polis Hutan telah dihantar berkhidmat di Tanah Melayu.³⁸ Begitu juga ketika meletusnya pemberontakan Brunei, beberapa platon Pasukan Polis Hutan telah dihantar bertugas melindungi Lapangan Terbang Brunei. Pasukan Polis Laut di Sabah juga banyak mencapai kejayaan dalam memerangi penceroboh dan lanun di perairan Sabah.

Pasukan Polis Malayan Union dan Polis Persekutuan

Malayan Union telah dibentuk pada tahun 1946. Pembentukan Malayan Union merupakan sebagai titik permulaan bagi penyatuan antara pasukan polis Negeri-negeri Selat (tidak termasuk Singapura), Negeri-negeri Melayu Bersekutu dan Negeri-negeri Melayu Tidak Bersekutu, di bawah satu pemerintahan yang beribu pejabat di Kuala Lumpur.

Apabila penubuhan Persekutuan Tanah Melayu diisytiharkan dan Malayan Union dimansuhkan pada tahun 1948, Pasukan Polis Malayan Union dibubarkan dan pasukan itu telah diserap menjadi Pasukan Polis Persekutuan Tanah Melayu.³⁹

36 *Pengaman*, Oktober/Disember 1980, hlm. 12.

37 *Ibid.*, hlm. 13.

38 *Ibid.*, hlm. 16.

39 *Ibid.*

Pengiktirafan 'Diraja'

Kejayaan dan kecemerlangan dalam menjalankan tugas telah ditunjukkan oleh pasukan polis semenjak ia mula-mula ditubuhkan di negeri-negeri Melayu. Untuk mengenang khidmat bakti dan taat setia yang dicurahkan oleh setiap anggota dalam pasukan, maka pada 24 Julai 1958, DYMM Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong telah berkenan menganugerahkan 'Diraja' kepada Pasukan Polis Persekutuan Tanah Melayu.⁴⁰ Penyerahan Panji-panji Diraja telah dilakukan oleh DYMM Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dalam satu upacara yang bersejarah di Depot Polis, Kuala Lumpur pada 1 November 1961.

Penubuhan Malaysia

Persekutuan Malaysia telah ditubuhkan pada September 1963. Pada tarikh itu jugalah, Pasukan Polis Diraja Malaysia ditubuhkan. Dengan penubuhan itu bermakna semua pasukan polis dari Malaya, Singapura, Sarawak, dan Sabah telah bersatu di bawah satu pemerintahan sahaja, iaitu Ketua Polis Negara. Tan Sri Claude Fenner, Pesuruhjaya Inggeris yang terakhir dalam Pasukan Polis Diraja Malaysia yang juga pada masa itu bertugas sebagai penasihat British, telah dilantik menjadi Ketua Polis Negara yang pertama. Apabila Singapura keluar dari Persekutuan Malaysia pada 9 Ogos 1965, pasukan polis Singapura telah terkeluar daripada menjadi sebahagian atau komponen Pasukan Polis Diraja Malaysia.⁴¹

Semenjak itu Pasukan Polis Diraja Malaysia telah menjalankan tugas yang dipertanggungjawabkan di samping mengalami perkembangan dan pembesaran dari semasa ke semasa. Pentadbiran Pasukan Polis Diraja Malaysia diletakkan di bawah Ketua Polis Negara dan sehingga sekarang masih beribu pejabat di Bukit Aman Kuala Lumpur.

ORGANISASI DAN FUNGSI POLIS DIRAJA MALAYSIA

Pembentukan Malaysia pada 16 September 1963 telah turut menyatukan semua pasukan polis negeri-negeri dalam Persekutuan Tanah Melayu termasuk Sabah dan Sarawak. Pada peringkat awal penyatuan ini tidak ada perubahan besar dalam pasukan polis negeri. Tiap-tiap pasukan

40 Mohd. Reduan Aslie & Mohd. Radzuan Hj. Ibrahim 1984. *Op. cit.*, hlm. 120.

41 *Ibid.*

polis terus memiliki kuasa, menikmati faedah dan syarat perkhidmatan yang sama sebagaimana yang diperolehi sebelum penubuhan Malaysia. Dalam usaha menyamakan corak perkhidmatan bagi seluruh pasukan polis di Malaysia, satu kajian semula telah dibuat selepas 10 tahun penubuhan Malaysia seperti yang dilaporkan oleh Jawatankuasa Akta Kerajaan. Pasukan polis di Sabah dan Sarawak tidak ada perubahan yang besar selain Pesuruhjayanya diletakkan di bawah kuasa Ketua Polis Negara. Sementara jawatan Pesuruhjaya Polis di Malaysia Barat dimansuhkan dan diganti dengan jawatan Timbalan Ketua Polis Negara.

Dari segi struktur pentadbiran, Pasukan Polis Diraja Malaysia adalah sebuah jabatan di bawah Kementerian Dalam Negeri (KDN). Pasukan ini mempunyai akta-akta tersendiri yang digubal untuk diikuti dan diamalkan dengan tujuan melicinkan perjalanan dan pentadbiran pasukan. Akta-akta yang ada ialah Akta Polis 1967, Peraturan-peraturan Polis (*Police Regulation*) dan Hukuman-hukuman Tetap (*IGSO dan IG Directive*). Dalam Akta Polis 1967,⁴² menggariskan peranan polis kepada lima tugas utama, iaitu memelihara keutuhan undang-undang dan ketenteraman, menjaga keamanan dan keselamatan negara, mencegah dan mengesan jenayah, menangkap dan mendakwa pesalah-pesalah dan mengintip, mengumpul dan menilai risikan-risikan tentang ancaman terhadap keselamatan negara.

Antara tugas polis termasuklah tugas yang disebutkan dalam Akta Polis 1967, iaitu:

- (a) Menangkap semua orang yang dia berhak menangkap menurut undang-undang.
- (b) Menjalankan risikan keselamatan.
- (c) Menjalankan pendakwaan.
- (d) Menolong menjalankan kehendak-kehendak sebarang undang-undang mengenai hasil, cukai, kesihatan, kuarantina, imigresen dan pendaftaran.
- (e) Menolong mengekalkan ketenteraman di pelabuhan, pangkalan dan lapangan terbang dalam Persekutuan dan menguatkuasakan undang-undang pelabuhan.
- (f) Menjalankan saman, sepina, waran dan proses lain yang dikeluarkan dengan sah oleh pihak berkuasa.
- (g) Menghebahkan maklumat.
- (h) Menjaga harta-harta yang tiada bertuntut dan tercicir serta mencarinya.

42 Lih seksyen 3(3), Akta Polis 1967

- (i) Menangkap binatang yang merayau dan mengurungkannya dalam tempat kurungan.
- (j) Menolong menyelamatkan harta benda.
- (k) Menjaga harta orang ramai daripada hilang atau rosak.
- (l) Menghadiri mahkamah-mahkamah jenayah dan jika diperintahkan dengan khas, menghadiri mahkamah-mahkamah sivil serta menjaga ketenteraman di dalamnya.
- (m) Mengiringi dan menjaga orang-orang salah dan orang lain yang di dalam tahanan polis.⁴³

Pasukan Polis Diraja Malaysia juga diletakkan di bawah kawalan sebuah Suruhanjaya Pasukan Polis. Suruhanjaya itu ditubuhkan mengikut peruntukan Perkara 140(1) Perlembagaan Malaysia yang memberi tanggungjawab kepada suruhanjaya untuk melantik, mengesah, memasukkan ke dalam jawatan tetap dan berpencen, kenaikan pangkat, pertukaran dan menjalankan kawalan tatatertib ke atas seluruh lapisan anggota polis. Perkara 140(1) Perlembagaan menyatakan:

Maka hendaklah ada satu Suruhanjaya Pasukan Polis dan bidang kuasanya hendaklah meliputi semua orang yang menjadi anggota pasukan polis dan tertakluk kepada peruntukan mana-mana undang-undang yang ada. Suruhanjaya itu hendaklah bertanggungjawab bagi melantik, mengesahkan, memasukkan ke dalam jawatan tetap atau jawatan berpencen, kenaikan pangkat, pertukaran dan menjalankan kawalan tatatertib ke atas anggota pasukan polis.⁴⁴

Undang-undang Persekutuan juga boleh membuat sebarang peruntukan bagi Suruhanjaya Pasukan Polis menjalankan tugas lain. Keahlian Suruhanjaya Pasukan Polis disebutkan dalam Perkara 140(3) Perlembagaan Malaysia sebagai:

Suruhanjaya Pasukan Polis hendaklah mengandungi ahli-ahli yang berikut:

- (a) Menteri yang pada masa itu bertanggungjawab tentang polis, yang akan menjadi pengerusi.
- (b) Pegawai polis yang memerintah seluruh pasukan polis.
- (c) Orang yang menjalankan kewajipan setiausaha kementerian di bawah menteri yang pada masa itu bertanggungjawab tentang polis.
- (d) Seorang ahli Suruhanjaya Perkhidmatan Awam yang dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong.

43 *Lih.* seksyen 20(3), Akta Polis 1967.

44 Perkara 140(1), Perlembagaan Malaysia.

- (e) Tidak kurang daripada dua orang tetapi tidak lebih daripada empat orang ahli lain, yang dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong.

Struktur Organisasi di Peringkat Pusat

Pasukan polis diperintah oleh Ketua Polis Negara yang merupakan pemerintah tertinggi polis seperti peruntukan dalam Akta Polis 1967:

Pasukan hendaklah di bawah perintah Ketua Polis Negara yang adalah seorang pegawai polis dan hendaklah bertanggungjawab kepada Menteri bagi kawalan dan arahan pasukan dan semua orang lain yang dilantik atau diguna khidmat untuk menjalankan tugas-tugas polis, dan hendaklah mempunyai semua kuasa yang diberi kepada seorang Pesuruhjaya atau seorang Ketua Pegawai Polis.⁴⁵

Ini bermakna Ketua Polis Negara bertanggungjawab secara langsung kepada Menteri Dalam Negeri bagi mengawal, mentadbir serta merumuskan dasar bagaimana pasukan polis akan disusun, digerak atau diperintah dalam konteks kerajaan memerintah. Ketua Polis Negara juga merupakan teraju utama dalam pentadbiran pasukan yang meliputi segala aspek seperti memberi arahan tentang syarat-syarat perkhidmatan, pengambilan anggota, latihan, perancangan, perhubungan, keselamatan dalam negeri dan ketenteraman awam, siasatan jenayah, polis laut, udara dan tugas-tugas cawangan khas.

Ketua Polis Negara dibantu oleh Timbalan Ketua Polis Negara⁴⁶ dari segi penyelarasan tugas dan pelaksanaan polisi Ketua Polis Negara.

Ibu Pejabat Polis Bukit Aman mengandungi empat jabatan yang masing-masing diletakkan di bawah pengarah berpangkat Pesuruhjaya Polis. Jabatan itu ialah Jabatan Pengurusan, Jabatan Siasatan Jenayah (JSJ), Jabatan Keselamatan Dalam Negeri dan Ketenteraman Awam (KDN/KA) dan Jabatan Cawangan Khas.⁴⁷

Pengarah yang mengetuai jabatan itu mempunyai kuasa eksekutif

45 Lih. seksyen 4(1), Akta Polis 1967.

46 Seksyen (2), Akta Polis 1967 menggariskan "maka hendaklah dilantik seorang Timbalan Ketua Polis Negara yang adalah seorang pegawai polis dan hendaklah berada di bawah arahan Ketua Polis Negara". Kuasa-kuasanya dinyatakan dalam seksyen 4(3) Akta Polis 1967, iaitu "Timbalan Ketua Polis Negara hendaklah mempunyai semua kuasa yang diberi kepada seorang Pesuruhjaya atau seorang Ketua Pegawai Polis".

47 Mohd. Reduan Aslie 1990 *Tun Mohd. Haniff Omar: Kepolisan dan Keselamatan*. Kuala Lumpur: AMK Interaksi Sdn. Bhd., hlm. 28.

dan merupakan pegawai turus utama dan anggota pucuk pimpinan pasukan polis. Mereka mempunyai tanggungjawab antara lain seperti yang berikut:

(a) Jabatan Pengurusan

Ketua jabatan ini dikenali sebagai Pengarah Pengurusan Polis Diraja Malaysia. Antara tugasnya ialah pentadbiran am, perjawatan/perkhidmatan, latihan, kebajikan, keanggotaan, perhubungan awam, komputer, logistik dan polis tambahan.

(b) Jabatan Siasatan Jenayah (JSJ)

Ketua jabatan ini dikenali sebagai Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah (PJSJ). Jabatan ini mempunyai tugas dalam siasatan jenayah, rekod penjenayah, pendaftaran cap jari dan cawangan foto.

(c) Jabatan Keselamatan Dalam Negeri dan Ketenteraman Awam (KDN/KA)

Ketua jabatan dikenali sebagai Pengarah Keselamatan Dalam Negeri dan Ketenteraman Awam (KDN/KA). Jabatan ini mempunyai bidang tugas keselamatan dalam negeri, ketenteraman awam dan operasi tugas separuh tentera juga dijalankan seperti melalui Pasukan Polis Hutan (PPH).


(d) Jabatan Cawangan Khas

Ketua jabatan dikenali sebagai Pengarah Cawangan Khas (PCK). Jabatan ini mempunyai tugas tentang risikan keselamatan, menilai, menyusun serta menyebarkan dan memberi taklimat terhadap keadaan keselamatan negara.


Rajah 3.2 memperlihatkan struktur organisasi Pasukan Polis Diraja Malaysia di peringkat pusat.

Struktur Organisasi di Peringkat Negeri/Kontinjen

Di peringkat negeri atau kontinjen, Pasukan Polis Diraja Malaysia diketuai oleh Ketua Polis Negeri (KP) dan bagi Sabah dan Sarawak diketuai oleh Pesuruhjaya Polis. Pangkat Ketua Polis Negeri mengikut gred sesebuah negeri, iaitu Penolong Pesuruhjaya Polis hingga ke pangkat Timbalan Pesuruhjaya Polis (lihat Rajah 3.3 dan 3.4).



↳ komputer



Rajah 3.2 Carta struktur organisasi Pasukan Polis Diraja Malaysia



Sumber: Cawangan Perhubungan Awam Bukit Aman, Julai 1990.

Rajah 3.3 Carta struktur organisasi peringkat komponen/kontinjen



Sumber: Cawangan Perhubungan Awam Bukit Aman, Julai 1990.

Rajah 3.4 Carta struktur organisasi bahagian polis Sabah/Sarawak

Di peringkat daerah dan kawasan, Ketua Polis Daerah yang dilantik terdiri daripada pegawai-pegawai kanan berpangkat Penolong Pesuruhjaya Polis (seperti Petaling Jaya dan Ipoh). Penguasa Polis, Timbalan Penguasa dan Penolong Penguasa Polis mengikut gred sesuatu daerah atau kawasan (lihat Rajah 3.5).

Manakala di peringkat balai polis, Ketua Polis Balai yang dilantik terdiri daripada pegawai pangkat rendah berpangkat Sub-Inspektor, Sarjan Mejar, Sarjan ataupun Koperal mengikut gred balai polis yang berkenaan.

Pasukan Polis Diraja Malaysia mempunyai dua komponen (Sabah dan Sarawak), 11 kontinjen, 113 daerah polis, 542 balai polis, 505 pondok polis dan 118 pondok bit di seluruh negara. Bilangan mengikut pecahan negeri seperti dalam Jadual 3.1.

Susunan Pangkat dalam Pasukan Polis

Mengikut seksyen 2(1) Akta Polis 1967, pangkat pegawai kanan polis (lihat Rajah 3.6) seperti yang berikut:

- (i) Ketua Polis Negara (KPN)
- (ii) Timbalan Ketua Polis Negara (TKPN)
- (iii) Pesuruhjaya Polis (PJP)
- (iv) Timbalan Pesuruhjaya Polis (TPJP)
- (v) Penolong Kanan Pesuruhjaya Polis I & II (PKP)
- (vi) Penolong Pesuruhjaya Polis (PPJP)
- (vii) Penguasa Polis (PP)
- (viii) Timbalan Penguasa Polis (TPP)
- (ix) Penolong Penguasa Polis (PPP)
- (x) Ketua Inspektor (K/Insp)
- (xi) Inspektor (Insp)
- (xii) Inspektor Percubaan (Insp/P)

Kumpulan pegawai pangkat rendah polis dan konstabel terdiri daripada:

- (xiii) Sub-Inspektor (S.I.)
- (xiv) Sarjan Mejar (SM)
- (xv) Sarjan (Sjn)
- (xvi) Koperal (Kpl)
- (xvii) Lans Koperal (L/Kpl)
- (xviii) Konstabel (Konst)
- (xix) Konstabel Tambahan (Konst/T)



Sumber: Cawangan Perhubungan Awam Bukit Aman, Julai 1990.

Rajah 3.5 Carta struktur organisasi peringkat daerah.

Jadual 3.1 Jumlah daerah polis, balai polis, pondok polis dan pondok bit di seluruh Malaysia

Kontinjen/Komponen	Daerah polis	Balai polis	Pondok polis	Pondok bit
Johor	8	57	77	5
Kedah/Perlis	8	54	46	8
Kelantan	8	40	37	-
Melaka	3	33	19	1
Negeri Sembilan	6	45	28	6
Pahang	8	47	46	6
Pulau Pinang	5	31	48	5
Perak	14	96	95	46
Selangor	8	40	42	4
Terengganu	4	26	31	-
W. Persekutuan	4	15	8	26
Sabah	14	37	13	7
Sarawak	24	21	15	10
Jumlah	113	542	505	118

Sumber: Cawangan Perhubungan Awam Bukit Aman, Julai 1990.

	Ketua Polis Negara
	Timbalan Ketua Polis Negara
	Pesuruhjaya Polis
	Timbalan Pesuruhjaya Polis
	Penolong Kanan Pesuruhjaya Polis
	Penolong Pesuruhjaya Polis
	Penguasa Polis
	Timbalan Penguasa Polis
	Penolong Penguasa Polis
	Kadet Penolong Penguasa Polis
	Ketua Inspektor Polis
	Inspektor Polis
	Inspektor Percubaan
	Sub-Inspektor
	Sarjan Mejar
	Sarjan
	Koperal
	Lans Koperal

Rajah 3.6 Lencana pangkat pegawai/anggota pangkat rendah Pasukan Polis Diraja Malaysia

Perjawatan bagi semua peringkat anggota Pasukan Polis Diraja Malaysia yang diluluskan sehingga 31 Ogos 1981 ialah seramai 76 390 dan jawatan perkeranian berjumlah 6574 orang.⁴⁸

PERANAN POLIS DALAM PEMBANGUNAN NEGARA

Dalam kebanyakan negara, pasukan polis diwujudkan atas kehendak dan keperluan masyarakat untuk menegakkan keamanan serta ketenteraman negara. Bagi memastikan tujuan itu dilaksanakan dengan berkesan, peranan utama yang dijalankan oleh pasukan polis ialah penguatkuasaan undang-undang. Tugas ini penting bagi menjamin keamanan dan kestabilan negara, terutama untuk memastikan pembangunan negara dapat dijalankan dengan licin dan sempurna.

Pembangunan negara bermaksud satu proses yang berkaitan dengan kemajuan, kestabilan dan kekukuhan sesebuah masyarakat dan negara. Berdasarkan maksud pembangunan itu, pasukan polis merupakan sebuah agensi kerajaan yang secara langsung terlibat dalam menjaga kestabilan masyarakat dan negara. Peranan yang begitu besar menjadikan pasukan polis mempunyai hubungan rapat dengan undang-undang negara. Pasukan polis diberikan kuasa dan hak untuk menjalankan tugas penguatkuasaan undang-undang seperti menangkap, menggeledah, menyiasat, dan mendakwa.⁴⁹ Antara tugas yang biasa dijalankan termasuklah mencegah dan mengesan jenayah, mengawal lalu lintas, mengawal penyeludupan dan menjaga keamanan dan ketenteraman awam.⁵⁰ Tugas tersebut meliputi darat, laut dan juga udara. Ini bermakna pasukan polis diberi kuasa meliputi penguatkuasaan pelbagai undang-undang yang wujud dan berkuat kuasa di Malaysia, seperti Akta Kastam dan Eksais, Akta Pendaftaran Negara, Undang-undang Laut dan lain-lain. Ia juga berkuasa membantu menguatkuasakan Undang-undang Pentadbiran Hukum Syarak yang wujud di tiap-tiap negeri di Malaysia.⁵¹

Dari segi struktur perkhidmatan, pasukan polis mempunyai struktur yang berbeza dengan jabatan perkhidmatan *output side* proses politik.⁵² Namun begitu, pasukan polis juga turut diminta pandangan apabila sesuatu undang-undang negara hendak dibuat atau dipinda terutamanya dalam aspek keselamatan dan implikasi penguatkuasaan yang berkesan.⁵³

48 Makalah Sejarah & Organisasi PDRM, Cawangan Perhubungan Awam, 1989, hlm. 44.

49 Kuasa-kuasa ini dinyatakan dalam seksyen 3(3), Akta Polis 1967.

50 Lih. seksyen 20 & 25, Akta Polis 1967.

51 Zakaria Hj. Ahmad 1977. "The Police Organisation, Set up in Malaysia-Principle Command, Control". Tesis Ph.D. (tidak diterbitkan).

52 *Ibid.*

53 *Ibid.*

Dalam hal ini, pandangan polis adalah pandangan rakyat, kerana pasukan polis diwujudkan atas kehendak rakyat dan bertanggungjawab secara langsung kepada rakyat. Walaupun 'majikan' polis ialah kerajaan, tetapi hubungan polis adalah di peringkat kerajaan dan rakyat.⁵⁴ Justeru itu, setiap anggota polis tidak sepatutnya takut dan rasa ragu-ragu (*no-qualms*) dalam melaksanakan tugas menguatkuasakan undang-undang, walaupun ada kalanya undang-undang itu kelihatan condong atau memihak kepada kepentingan pihak tertentu kerana polis berkhidmat untuk rakyat keseluruhannya.⁵⁵

Dalam arus pembangunan negara, peranan polis dapat dilihat dalam pelbagai aspek, bukan sahaja aspek keselamatan tetapi juga meliputi ekonomi, sosial dan lain-lain.

Penguatkuasaan Undang-undang dan Pencegahan Jenayah

Penguatkuasaan terhadap undang-undang negara merupakan tugas utama yang dijalankan oleh pasukan polis. Tanpa penguatkuasaan undang-undang, sesuatu tugas yang dijalankan tidak akan memberikan kesan kerana ketidakpatuhan pihak tertentu terhadap undang-undang yang ada. Justeru itu kestabilan negara tidak wujud dan pasukan polis tidak akan dilihat sebagai sebuah institusi pelindung rakyat atau penguat kuasa undang-undang negara, kerana kewibawaan dan prestasi sesebuah pasukan polis bergantung sepenuhnya pada keberkesanan melaksanakan undang-undang.

Penguatkuasaan undang-undang merupakan satu proses *rules adjudication* atau cara penentuan atau bertindak sebagai pengadil bagi menentukan sama ada untuk mengambil tindakan atau tidak kepada sesiapa yang melakukan kesalahan.⁵⁶ Dengan itu, peranan menguatkuasakan undang-undang negara menjadi amat penting kerana sekiranya pasukan polis lemah atau tidak mampu bertindak sebagai penguat kuasa undang-undang yang berkesan dengan sendirinya akan melemahkan *authoritative control* (pengawalan kuasa) sesebuah kerajaan yang berkuasa. Jikalau ini berlaku, maka sukarlah untuk menguatkuasakan undang-undang yang dibentuk dan diluluskan oleh Parlimen dari semasa ke semasa dan pembangunan tidak dapat dijalankan dengan licin dan teratur.

Dari aspek pencegahan jenayah pula, pasukan polis diberikan tanggungjawab untuk mencegah jenayah. Pencegahan jenayah *enhance the*

54 *Ibid.*

55 Tun Mohd. Haniff Omar 1971. Perutusan Hari Polis.

56 Mohd. Reduan Aslie 1989. Nota syarahan.

quality of life dengan memastikan masyarakat bebas atau kurang daripada ancaman penjenayah. Elemen penting dalam aspek pencegahan jenayah ialah keselamatan nyawa dan harta benda serta ketenangan dan ketenteraman masyarakat.

Secara teorinya, apabila sesuatu pembangunan ekonomi negara dipesatkan, ia dapat meningkatkan taraf kehidupan, kesejahteraan serta kemajuan masyarakat. Namun begitu, pada masa yang sama akan memberi kesan negatif pada negara, iaitu meningkatkan kejadian dan kadar jenayah yang sekali gus boleh menjejaskan pembangunan ekonomi, masyarakat dan kestabilan negara. Dalam hal ini kewujudan pasukan polis yang *raison d'être* (berteraskan perkhidmatan masyarakat) serta perancangan rapi dan bersistematik dapat melaksanakan tugas pencegahan jenayah dengan cekap dan berkesan. Keberkesanan tugas pencegahan jenayah polis ini dapat dipastikan lagi dengan adanya sokongan dan bantuan padu daripada masyarakat. Sebagai contoh, masyarakat setempat boleh membentuk pasukan rondaan sukarela seperti Rukun Tetangga yang boleh dimanfaatkan untuk tujuan ini. Pada masa yang sama, pasukan polis boleh menumpukan kerja khidmat kepolisan (*policing*) dalam bidang yang memerlukan kepakaran polis.

Peranan Polis dalam Proses *State Building*

Elemen penting dalam proses *state building* atau pembangunan negara ialah kepentingan nasional (*national interest*). Kepentingan nasional menjadi prinsip utama pemerintahan sesebuah negara serta ia merupakan aspek utama dalam penentuan dasar negara dan juga dasar luar negara.

Walaupun terdapat pelbagai definisi atau pandangan ahli-ahli politik tentang kepentingan nasional, namun dapatlah disimpulkan bahawa ia merangkumi beberapa persoalan asas iaitu:

- Keadilan negara.
- Ketenteraman awam.
- Keselamatan sempadan.
- Kebebasan politik daripada campur tangan asing.
- Keharmonian rakyat.
- Nilai hidup budaya dan agama.

Namun begitu, mengikut Holsti, selain kepentingan nasional asas di atas, terdapat dua lagi kepentingan nasional pertengahan, iaitu:

- (i) Matlamat kerajaan untuk melaksanakan kehendak rakyat dalam aspek pembangunan ekonomi dan teknologi.

- (ii) Untuk meninggikan imej di kalangan masyarakat antarabangsa dengan cara meningkatkan tahap pencapaian kemajuan negara dalam semua bidang.⁵⁷

Dalam pengertian kepentingan nasional itu jelas memperlihatkan bahawa ia bermatlamatkan menjaga kedaulatan negara, pembangunan ekonomi dan kemajuan dalam bidang sosial dan pendidikan. Kepentingan itu mestilah dipertahankan dengan apa jua cara walaupun cara berperang sekalipun. Kepentingan nasional hanya wujud di negara yang berdaulat dan merdeka sahaja. Sementara negara yang masih dijajah terpaksa memperjuangkan kepentingan nasional negara yang menjajah.

Peranan polis ialah menegakkan kepentingan nasional supaya dapat dicapai dengan sebaik mungkin dan berkesan. Sekiranya pasukan polis lemah dan tidak mampu melaksanakan tanggungjawab tersebut bermakna wujud kegagalan dalam menegakkan kepentingan nasional. Dengan itu, pembangunan negara tidak dapat dilakukan dengan sempurna. Oleh yang demikian, peranan pasukan polis mestilah dipertingkatkan dari semasa ke semasa sesuai dengan arus pemodenan dan kemajuan dunia yang mutakhir.

Pengawal Kerajaan Pusat

Pasukan Polis Diraja Malaysia mempunyai peranan penting bagi mengekalkan keamanan dan kestabilan negara secara keseluruhannya. Oleh sebab sifatnya sebagai polis kebangsaan, kerajaan negeri tidak mempunyai kuasa kawalan ke atasnya seperti yang terdapat di Amerika Syarikat ataupun Britain. Dengan sifatnya sebagai pasukan polis kebangsaan ia juga mempunyai kuasa yang menjangkau ke seluruh negara dan ini membolehkan kerajaan pusat membuat kawalan politik (*politic control*) ke seluruh negara.

Dalam sejarah negara ini, kerajaan pusat tidak pernah menggunakan kekerasan pasukan polis bagi mengatasi masalah atau pertikaian yang timbul dengan kerajaan negeri. Sebagai contoh krisis kerajaan Stephen Kalong Ningkan di Sarawak pada tahun 1965/1966 dan krisis politik Kelantan. Kedua-dua krisis tersebut telah memaksa kerajaan pusat menggunakan kuasa darurat, tetapi kekerasan pasukan polis tidak digunakan.

Pemeliharaan Perpaduan

Dengan sebuah negara yang penduduknya terdiri daripada berbilang bangsa dan kaum, perasaan hormat-menghormati antara satu sama lain

⁵⁷ *Ibid.*

dianggap perkara utama untuk mengekalkan perpaduan. Sedikit sahaja kesilapan daripada mana-mana pihak atau salah satu pihak gagal membendung sikap perkauman, maka pergeseran akan meletus. Justeru itu, pasukan polis yang diamanahkan menjaga kestabilan dan keamanan negara terpaksa peka dengan keadaan yang wujud dalam masyarakat Malaysia.

Dr. Zakaria Hj. Ahmad⁵⁸ dalam tulisannya menyebut bahawa kajian yang dibuat oleh sepasukan pengkaji sains sosial yang membuat kajian tentang perpaduan nasional di Malaysia telah mendapati pasukan polis telah digunakan untuk menyelesaikan pertelingkahan kaum.

Peristiwa berdarah pertelingkahan kaum terbesar yang pernah meletus di Malaysia ialah Peristiwa 13 Mei 1969. Pasukan polis telah memainkan peranan penting bagi memulihkan keamanan dan kestabilan negara. Tugas risikan keselamatan yang dijalankan oleh Cawangan Khas PDRM termasuklah kumpulan pelampau atau pengacau keamanan antara kaum. Malahan selepas Peristiwa 13 Mei 1969, kepekaan pasukan polis terhadap pertelingkahan kaum semakin bertambah. Ini disebabkan pasukan polis telah dikemas kini dan perancangan rapi telah dibuat untuk mempertingkatkan tahap kemahiran dan pendidikan supaya dapat dilaksanakan dengan berkesan.

Peranan sebagai Perantaraan dan Simbol Kekuasaan

Peranan pasukan polis bukan sahaja sebagai agensi penguat kuasa undang-undang negara, tetapi juga menjadi alat perantara antara kerajaan dengan rakyat. Peranan ini jelas dijalankan oleh Pasukan Polis Diraja Malaysia sebagai agensi penjaga keamanan dan juga pemelihara undang-undang.

Kehadiran polis dan penempatan polis di balai polis yang berselerak di seluruh pelosok negara adalah sebagai simbol kewibawaan, tekad serta azam kerajaan untuk memerintah. Ia juga sebagai satu kuasa perwakilan (*representative of authority*) dan simbol kekuasaan kerajaan. Ini bertepatan dengan pendapat seorang pengkaji, Tom Bowden, iaitu:

Dalam semua sistem politik, polis menjadi senjata yang aktif bagi kemajuan dan barisan hadapan pertahanan negara, menghadapi setiap cabaran yang berkemungkinan bercantum ke dalam kuasa dan autoritinya.⁵⁹

58 Dr. Zakaria Hj. Ahmad 1977.

59 Tom Bowden 1978. *Beyond the Limit of the Law*. England: Penguin Books Ltd., hlm. 20.

Orang ramai juga akan merasakan keselamatan, kesejahteraan dan hak asasi mereka terjamin dengan kehadiran pasukan polis di tempat mereka. Perasaan ini timbul, apabila pasukan polis dipercayai oleh mereka dengan kemahiran serta kebolehan menjalankan tugas dengan berkesan. Sungguhpun kadar penempatan anggota polis yang sedikit berbanding dengan jumlah penduduk keseluruhannya, namun keyakinan itu tetap wujud selagi pasukan polis dapat membuktikan keberkesanan tugas yang dijalankan.

Sekiranya pasukan polis lemah bermakna kerajaan kurang *authoritative control* dan dengan itu banyak masalah akan berlaku. Hanya sebuah pasukan polis yang cekap mampu berfungsi dengan berkesan, dengan itu sebuah kerajaan lemah pun boleh dimantap dan dipertahankan serta boleh menghadapi apa juga ancaman dan cabaran.⁶⁰

Secara keseluruhannya, sebahagian besar rakyat di negara ini masih mempunyai kepercayaan dan keyakinan yang tinggi terhadap tugas yang dijalankan oleh pasukan polis. Ia menjadi simbol kekuasaan kerajaan dan perantara antara kerajaan dengan rakyat.

Kaunselor Orang Ramai

Pasukan polis merupakan sebuah agensi kerajaan yang paling hampir dengan masyarakat. Penempatan balai polis yang ada di seluruh pelosok negara menjadi tumpuan orang ramai mengemukakan masalah yang dihadapi mereka, bukan sahaja berkisar pada perkara dalam bidang kuasa polis tetapi sering kali juga dalam perkara yang di luar bidang kuasa polis. Sebagai contoh dalam persoalan rumah tangga, persoalan tanah, pertelingkahan politik dan persoalan lain berkaitan dengan urusan kerajaan. Dalam hal ini, walaupun pasukan polis tidak mempunyai bidang kuasa, tetapi pandangan dan nasihat polis diminta bagi menyelesaikan masalah mereka.

Pihak kerajaan juga meletakkan penghargaan tinggi kepada pasukan polis dalam usaha untuk membangunkan masyarakat. Pembentukan Jawatankuasa Kemajuan Kampung (JKKK) dan jawatan penyelaras mukim adalah usaha kerajaan untuk mewujudkan pembangunan, keharmonian dan keselamatan tempatan. Penyertaan pasukan polis dalam jawatankuasa itu dapat memainkan peranan yang penting untuk sama-sama ke arah mencapai tujuan tersebut. Di samping polis dapat memberikan nasihat tentang keselamatan dan jenayah dengan berkesan, maklumat

60 Pamela D. May Hall 1984. *Police Community Relation and the Administration of Justice*. Edisi Ketiga. New Jersey: Prentice-Hall, Englewood Cliff, hlm. 4.

terbaru berkenaan dasar dan undang-undang kerajaan dapat disalurkan. Pendek kata, polis bertindak sebagai kaunselor orang ramai dalam menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh mereka. Penyelesaian masalah itu akan dapat mewujudkan kestabilan masyarakat dan pembangunan masyarakat dapat berjalan dengan licin.

Polis dan Keselamatan Negara

Malaysia merupakan sebuah negara membangun. Dalam negara Dunia Ketiga masalah yang dihadapi selain masalah pembangunan negara ialah untuk mengekalkan keamanan, kestabilan, kedaulatan dan keselamatan negara. Pelbagai ancaman yang menggugat keselamatan negara timbul berpunca daripada pelbagai faktor dalaman dan juga luar negara.

Faktor dalaman termasuklah ancaman daripada pelbagai kelompok, puak atau kaum dalam negara yang tidak berpuas hati dengan sistem pentadbiran yang sedia ada, ingin menegakkan sesuatu ideologi atau idea yang berbeza, ingin menghapuskan ketidakadilan sosial dan keinginan satu kaum atau agama tertentu.

Manakala faktor luar negara termasuklah campur tangan asing dalam pentadbiran negara, sokongan luar terhadap pergerakan negatif dalaman, ataupun serangan luar negara atas tujuan penaklukan.

Menurut Dr. Zakaria Hj. Ahmad, apabila sesebuah kerajaan terancam atau merasa tidak selamat kerana wujudnya ancaman daripada pihak yang dianggap musuh negara, maka negara tersebut bolehlah dikatakan menghadapi masalah keselamatan negara.⁶¹

Malaysia menghadapi banyak ancaman dalaman dan juga luaran. Ancaman dalaman termasuklah ancaman dari sudut perkauman, pelampau agama, komunis, dadah, jenayah dan rasuah. Sementara ancaman luaran termasuklah pencerobohan negara asing dan juga dalam bentuk ideologi.

Ancaman Komunis

Ancaman komunis di Malaysia berpunca daripada pemberontakan dan perjuangan bersenjata Parti Komunis Malaya (PKM) sejak tahun 50-an. Di Sarawak ancaman berpunca daripada pemberontakan yang dicetuskan oleh Pertubuhan Komunis Sarawak (SCO) atau Parti Komunis Kalimantan Utara (NKCP).

Perjuangan PKM bermatlamat untuk merampas kuasa politik negara dengan cara kekerasan, sungguhpun pada peringkat awal mereka ber-

61 Zakaria Hj. Ahmad 1977. *Op. cit.*, hlm. 1.

juang melalui cara yang dihalalkan oleh undang-undang dan perlembagaan negara, iaitu menerusi Barisan Bersatu (*United Front*). Perjuangan dengan cara kekerasan seperti yang dianjurkan oleh pemimpin komunis China, Mao Tze Tong "Kuasa datangnya daripada muncung senjata" itu setelah perjuangan secara halal gagal mendapat sambutan rakyat. Pasukan polis telah diberikan tugas utama menghadapi pemberontakan komunis ini. Di kemuncak pemberontakan komunis (1950) pasukan polis yang mempunyai kekuatan seramai 161 281 (31 164 polis tetap, 44 117 polis khas dan 86 000 polis bantuan) merupakan pasukan keselamatan terbesar berbanding dengan pasukan tentera yang pada masa itu hanya mempunyai 10 batalion infantri (dua batalion tentera British, lima batalion tentera Gurkha dan tiga batalion Askar Melayu) sahaja.⁶²

Pasukan polis telah menjalankan peranan yang penting dalam membendung kemaraan komunis. Sehingga darurat berakhir pada tahun 1960, seramai 6711 pegganas komunis telah berjaya dibunuh. Manakala seramai 1346 anggota polis telah terkorban dan seramai 519 anggota pasukan keselamatan lain turut terkorban.⁶³

Perjuangan komunis ternyata tidak berakhir dengan tamatnya darurat 1960, tetapi meneruskan perjuangannya pada tahun 1969. Mereka melancarkan peperangan gerila di hutan Semenanjung, Sabah dan Sarawak, membunuh pegawai-pegawai polis (termasuk Ketua Polis Negara Tan Sri Abdul Rahman Hashim dan Ketua Polis Perak Tan Sri Khoo Chong Kong), mengadakan sabotaj seperti mengebom Tugu Negara, menggagalkan projek Lebu Raya Timur Barat dan lain-lain. Namun begitu di kalangan mereka wujud pertelingkahan sesama sendiri yang menyebabkan PKM dipecahkan kepada tiga bahagian, iaitu:

- (1) PKM asal.
- (2) Parti Komunis Marxist Leninist.
- (3) PKM kumpulan revolusi.

Kegagalan menarik sokongan orang Melayu merupakan salah satu faktor kegagalan PKM di Malaysia. Justeru itu, PKM telah menubuhkan sebuah parti bertujuan menarik orang Melayu supaya menyokong, bersimpati dan menyertai perjuangan mereka. Parti itu dinamakan Parti Persaudaraan Islam (PAPERI). Namun parti itu juga tidak mendapat sokongan orang Melayu. Langkah seterusnya dengan menubuhkan Parti Revolusi Nasionalis Melayu yang berteraskan konsep NASAKOM. Penuhuan parti ini kononnya untuk menyatukan semua tenaga komunis, na-

62 Mohd. Reduan Aslie & Mohd. Radzuan Hj. Ibrahim 1984. *Op. cit.*, hlm. 114.

63 Nota syarahan Cawangan Perhubungan Awam 1989.

sionalis, sosialis dan agama dalam satu Kerajaan Campuran Demokratik.

Pasukan polis, khususnya melalui Cawangan Khas telah berjaya memusnahkan rangkaian Barisan Bawah Tanah Komunis dan Barisan Bersatu yang bergerak di bandar dan kampung.

Pada akhir tahun 1980-an dan tahun 1990 pergerakan komunis menjadi semakin lemah. Ini ditambah lagi dengan pergolakan menuntut demokrasi di negara blok komunis seperti Jerman, serta negara-negara Eropah lain dan juga China. Pada bulan Ogos 1990, pemimpin PKM, Chin Peng telah membuat perjanjian untuk meletakkan senjata dengan Kerajaan Malaysia dan Thailand.

Perjanjian yang serupa kemudian diadakan antara Kerajaan Malaysia dengan Parti Komunis Kalimantan Utara di Sarawak. Dengan perjanjian tersebut, nampaknya berakhirlah perjuangan bersenjata yang dicituskan oleh parti komunis.

Namun begitu perjanjian tersebut bukanlah membubarkan parti komunis yang ada, cuma menghentikan pemberontakan bersenjata. Ini bermakna parti komunis masih wujud dan tidak menjadi perkara mustahil parti haram itu mengembalikan pemberontakan bersenjata mereka pada masa hadapan.

Ancaman Pelampau Perkauman dan Agama

Malaysia mempunyai penduduk yang berbilang kaum dan agama. Dalam masyarakat yang mempunyai pelbagai adat resam dan cara hidup tentunya amat sukar untuk disatukan. Sedikit sahaja perselisihan faham atau pertelingkahan antara kaum, kalau tidak dibendung dengan segera boleh mencetuskan medan pertumpahan darah dan kacau-bilau yang dahsyat.

Peristiwa hitam yang paling serius dan mencetuskan pertumpahan darah antara kaum ialah Peristiwa 13 Mei 1969. Tiga kaum terbesar, iaitu Melayu, Cina dan India telah terlibat yang mengorbankan seramai 196 nyawa dan 149 mengalami kecederaan.⁶⁴

Tunku Abdul Rahman Putra, Perdana Menteri Malaysia yang pertama,⁶⁵ menyalahkan komunis dan anasir kongsi gelap yang bertanggungjawab mencetuskan peristiwa itu. Manakala Tun Dr. Ismail (Menteri Dalam Negeri ketika itu) berpendapat demokrasi telah mati disebabkan tindak tanduk parti politik pembangkang yang mendorong meletusnya keganasan tersebut.

Pasukan polis dan tentera telah menjalankan sebanyak 33 operasi

64 Nota syarahan Cawangan Perhubungan Awam 1989.

65 Tunku Abdul Rahman Putra 1977. *Looking Back*. Kuala Lumpur: Pustaka Antara.

bersama bagi memberkas dan menghancurkan kegiatan kongsi gelap, samseng, dan anasir jahat yang lain. Data MAGERAN berakhir 9 Oktober 1969,⁶⁶ menunjukkan pecahan jumlah yang ditangkap semasa darurat (13 Mei – 31 Julai 1969) ialah:

Melayu	-	2077
Cina	-	5126
India	-	1874
Lain-lain	-	66
Jumlah:		<u>9143</u>

Sumber: Mohd. Reduan Aslie & Mohd. Radzuan Hj. Ibrahim 1984.

Manakala pecahan jumlah orang yang didakwa semasa darurat (13 Mei – 31 Julai 1969) ialah:

Melayu	-	1133
Cina	-	2907
India	-	1470
Lain-lain	-	51
Jumlah:		<u>5561</u>

Sumber: Mohd. Reduan Aslie & Mohd. Radzuan Hj. Ibrahim 1984.

Pasukan polis telah menjalankan tugas dengan berkesan, dengan lebih berhati-hati dan peka terhadap isu-isu sensitif yang dijangka boleh menyebabkan ketegangan serta pergaduhan kaum. Pasukan polis dalam hal ini menggunakan dua kaedah, iaitu pertama, penyelesaian secara baik iaitu melalui rundingan dan kedua, menggunakan undang-undang untuk memastikan krisis itu tidak merebak sehingga mencetuskan pergaduhan kaum.

Dalam mengatasi masalah pelampau agama pula, pasukan polis telah membuat pengawasan rapi dan mengambil tindakan wajar ke atas mereka yang terlibat. Terdapat golongan tertentu yang mengeluarkan fatwa tertentu untuk menimbulkan perpecahan di kalangan rakyat dan mengikis ketaatsetiaan rakyat terhadap pemerintah. Ada juga golongan ekstrem ini menghasut rakyat supaya menentang pemerintah dengan cara kekerasan dan menjatuhkan kerajaan yang dipilih oleh rakyat secara demokrasi. PKM telah menggunakan isu agama ini untuk mendapat sokongan rakyat Islam terhadap perjuangan bersenjata mereka dengan

66 Mohd. Reduan Aslie & Mohd. Radzuan Hj. Ibrahim 1984. *Op. cit.* hlm. 138.

menubuhkan Parti Persaudaraan Islam (PAPERI). Namun begitu kegiatan mereka telah dapat dibendung dan pasukan polis telah memainkan peranan yang berkesan dalam usaha membanteras kegiatan jahat mereka. Akhirnya parti tersebut telah berkubur tanpa mendapat simpati daripada orang Islam.

Pasukan polis melalui Cawangan Khas telah mengadakan risikan keselamatan yang berkesan sehingga kesemua kegiatan pelampau agama ataupun perkauman telah dapat dikesan dan diambil tindakan dengan sewajarnya. Beberapa percubaan golongan pelampau tersebut untuk mencetuskan kekecohan dan krisis bagi mencapai matlamat mereka juga telah dapat dihalang. Pendek kata peranan polis begitu berkesan bagi menstabilkan keamanan dan keselamatan masyarakat dan negara.

Ancaman Dadah dan Jenayah

Masalah dadah bukan lagi dianggap sebagai masalah sosial, tetapi kerajaan telah mengisytiharkannya sebagai masalah keselamatan. Masalah ini jikalau tidak segera dibendung akan menjejaskan ummah dan keselamatan negara.

Ancaman dadah dianggap sebagai masalah keselamatan negara kerana: Pertama, dari segi bilangan penagih yang kian bertambah di seluruh negara. Sehingga April 1986 terdapat sejumlah 111 688 orang penagih di seluruh negara.⁶⁷ Dan jumlah tersebut kian bertambah dari semasa ke semasa.

Kedua, kebanyakan mereka yang terlibat ialah kaum belia yang bakal mewarisi negara. Jikalau tidak dibendung, negara akan mempunyai rakyat yang lemah dan tidak bermaruah.

Ketiga, kemungkinan dadah digunakan oleh pihak anasir subversif bertujuan melemahkan rakyat dan negara, di samping mendapat wang bagi tujuan menentang kerajaan.

Keempat, kebanyakan kejadian jenayah dilakukan oleh penagih dadah. Perangkaan menunjukkan 60 peratus hingga 70 peratus kejadian jenayah ada kaitan dengan dadah.

Selain itu, penglibatan dengan dadah juga boleh menggugat keharmonian rumah tangga, masyarakat dan negara, menjadi manusia yang tidak produktif, malas dan membawa maut, di samping menjejaskan keutuhan ummah.

Tanggungjawab penguatkuasaan bagi mencegah penggunaan dadah diserahkan kepada pihak polis dengan dibantu oleh Jabatan Kastam

67 Nota syarahan Cawangan Perhubungan Awam 1989.

dan Eksais Diraja Malaysia dan Bahagian Farmasi Kementerian Kesihatan.⁶⁸

Pasukan polis Cawangan Anti-Dadah Jabatan Siasatan Jenayah telah berjaya dalam usaha pambanteras dadah melalui operasi dan risikan rapi yang dijalankan serta kerjasama orang ramai.

Pada sepanjang tahun 1989,⁶⁹ seramai 11 225 orang telah ditangkap kerana pelbagai kesalahan di bawah Akta Dadah Berbahaya berbanding dengan tangkapan ke atas 13 757 orang pada tahun 1988. Ini menunjukkan penurunan sebanyak 18 peratus.

Daripada jumlah tersebut, seramai 680 orang ditangkap atas kesalahan mengedar dadah di bawah seksyen 39B Akta Dadah Berbahaya 1952 yang boleh membawa hukuman mati mandatori. Manakala seramai 508 orang lagi ditangkap kerana memiliki dadah dengan jumlah yang besar di bawah seksyen 39A(1) dan 39A(2) akta yang sama.

Hukuman di bawah seksyen 39A(1) akta tersebut boleh dikenakan penjara tidak kurang daripada dua tahun hingga lima tahun dan disebat tidak kurang daripada tiga rotan dan tidak melebihi sembilan rotan. Manakala hukuman di bawah seksyen 39A(2) akta yang sama ialah penjara tidak kurang daripada lima tahun hingga seumur hidup dan disebat tidak kurang sepuluh rotan.⁷⁰

Selain itu, polis juga telah menangkap seramai 9146 orang kerana

Jadual 3.2 Dadah yang dirampas tahun 1988 & 1989

Jenis	1988	1989	% pencapaian berbanding tahun 1988
Candu mentah	221.21 kg	570.69 kg	203.19
Candu masak	3.98 kg	8.71 kg	118.84
Morfin	0.68 kg	0.24 kg	64.7
Heroin base	214.86 kg	115.56 kg	46.21
Heroin no. 3	92.12 kg	142.49 kg	54.67
Heroin no. 4	-	7.91 kg	
Ganja	1179.91 kg	1300.97 kg	10.26
Pil psikotronik	13 142 biji	16 119 biji	783.57

Sumber: Siaran Akhbar Cawangan Perhubungan Awam, 1990 Januari.

68 Mohd. Reduan Aslie 1990. *Krisis Dadah*. Kuala Lumpur: AMK Interaksi Sdn. Bhd.

69 Siaran Akhbar Cawangan Perhubungan Awam 1990.

70 Lih. Akta Dadah Berbahaya 1952.

pelbagai kesalahan lain di bawah akta yang sama. Seramai 449 orang lagi ditangkap di bawah undang-undang pencegahan, iaitu Akta Dadah Berbahaya (Langkah-langkah Pencegahan Khas) 1985.

Sementara itu pasukan polis telah mengadakan siasatan ke atas 27 kes yang melibatkan harta bernilai berjuta-juta ringgit di bawah Akta Dadah Berbahaya (Perlucutan Hak Harta) 1989 sejak akta itu berkuat kuasa pada 10 Jun 1988.

Mengikut akta tersebut harta benda haram pengedar-pengedar dadah boleh dilucutkan haknya.⁷¹ Di sepanjang tahun 1988 dan 1989, pasukan polis berjaya merampas pelbagai jenis dadah seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 3.2.

Satu perubahan baru telah ditemui oleh pihak polis ialah terdapat senjata api dan peluru di samping dadah yang dirampas. Di sepanjang tahun 1989 sebanyak empat kejadian dengan rampasan sejumlah enam pucuk pistol dan 92 butir peluru.⁷²

Dengan tindakan tangkapan, rampasan dan serbuan yang berterusan daripada anggota polis telah dapat membendung masalah dadah, walaupun gejala dadah masih lagi menjadi ancaman utama negara.

Tentang masalah jenayah, Malaysia masih menghadapi ancaman yang sering menggugat keselamatan negara. Walaupun indeks jenayah yang dikeluarkan oleh Polis Diraja Malaysia, menunjukkan penurunan, namun masalah jenayah boleh menggugat keselamatan negara dan mencetuskan kebimbangan masyarakat.

Pasukan polis membahagikan jenayah kepada dua kategori; iaitu jenayah kekerasan dan jenayah harta benda. Jenayah kekerasan terdiri daripada kes-kes bunuh, cuba bunuh, samun berkawan dengan senjata api, samun berkawan tanpa senjata api, samun bersenjata, samun bersenjata api, rogol dan mencederakan manusia. Sementara jenayah harta benda ialah pecah rumah dan curi siang hari, pecah rumah dan curi malam hari, curi lori/van, curi motokar, curi motosikal, curi basikal dan kecurian lain.⁷³

Pada sepanjang tahun 1989, terdapat sejumlah 8869 kes jenayah kekerasan telah dilaporkan berbanding dengan 10 145 kes pada tahun 1988. Kadar penurunan sebanyak 14.84 peratus. Sementara jenayah harta benda yang dilaporkan pada sepanjang tahun 1989 ialah sebanyak 65 500 kes berbanding sebanyak 78 479 kes dilaporkan pada tahun 1988. Penurunan kes pada kadar 16.73 peratus.⁷⁴

71 Siaran Akhbar Cawangan Perhubungan Awam 1990.

72 *Ibid.*


73 *Ibid.*

74 *Ibid.*

Jadual 3.3 Perangkaan dan peratusan jenayah seluruh Malaysia bagi tahun 1986-1989

	1986		1987		1988		1989	
	Jumlah Laporan	Ubahan %	Jumlah Laporan	Ubahan %	Jumlah Laporan	Ubahan %	Jumlah Laporan	Ubahan %
JENAYAH KEKERASAN								
Bunuh	386	18.04	362	- 6.22	346	- 4.42	323	- 6.65
Cuba bunuh	84	42.37	37	- 55.95	44	18.92	23	- 47.73
Samun berkawan senjata api	56	1.82	71	26.79	85	19.72	64	- 24.71
Samun berkawan tanpa senjata api	576	- 8.86	542	- 5.90	425	- 21.59	344	- 19.06
Samun bersenjata api	1 022	7.58	848	- 17.03	770	- 9.20	638	- 17.14
Samun tanpa senjata api	7 416	18.77	6 146	- 17.13	5 518	- 10.22	4 433	- 19.66
Rogol	688	29.81	668	- 2.91	611	- 8.53	575	- 5.89
Mencederakan manusia (Sek. 324-326 JJ)	2 617	- 2.50	2 647	1.15	2 616	- 1.17	2 469	- 5.62
Jumlah	12 845	11.88	11 321	- 11.86	10 415	- 8.00	8 869	- 14.84
JENAYAH HARTA BENDA								
Peras ugut & curi siang hari	5 171	- 1.55	4 286	- 17.11	3 910	- 8.77	3 556	- 9.05
Peras ugut & curi malam hari	20 373	- 0.19	17 917	- 12.06	15 860	- 11.48	13 428	- 15.33
Curi lori/van	558	19.74	509	- 8.78	658	29.27	617	- 6.23
Curi motokar	3 813	21.43	3 898	2.23	3 442	- 11.70	3 165	- 8.05
Curi motosikal	16 056	- 11.59	13 378	- 16.68	12 047	- 9.95	10 286	- 14.62
Curi basikal	3 832	- 11.23	3 475	- 9.32	3 158	- 9.12	2 522	- 20.14
Kecurian lain	32 511	7.28	30 464	- 6.30	28 983	- 4.84	23 057	- 20.46
Jumlah	62 314	5.88	73 927	- 10.19	68 064	- 7.93	56 631	- 16.80
Jumlah besar	95 156	6.65	85 248	- 10.42	78 479	- 7.94	65 500	- 16.54

Sumber: Siaran Akhbar Cawangan Perhubungan Awam Polis Bukit Aman, Januari 1990.



Rajah 3.7 Jenayah indeks 1989

Lihat Jadual 3.3 untuk membandingkan penurunan kadar kes-kes yang dilaporkan dari tahun 1986 hingga 1989, dan Rajah 3.7 yang menunjukkan carta kes tersebut.⁷⁵ Daripada perangkaan dan perbincangan di atas telah menunjukkan bahawa peranan polis dalam membendung ancaman dadah dan jenayah telah dijalankan dengan berkesan.

Ancaman Luar Negara

Dalam sejarah Malaysia telah tercatat peristiwa pahit percubaan negara Indonesia di bawah rejim Soekarno untuk mengganyang Malaysia berikutan lahirnya Gagasan Malaysia pada 10 September 1963. Rejim Soekarno mengisytiharkan konfrontasi terhadap Malaysia dan melancarkan tindakan bukan sahaja dari segi politik dan diplomatik, tetapi juga menyusupkan anasir subversifnya untuk melakukan pengintipan dan sabotaj. Komando Indonesia telah diterjunkan di beberapa tempat dengan tujuan untuk menakluki Malaysia.

Kegiatan ejen Indonesia dikenali dengan Angkatan Revolusi Malaysia (APREMA) yang dianggotai oleh rakyat Indonesia dan sebahagian kecil rakyat Malaysia telah dapat dikesan dan ditangkap oleh pasukan polis. Di samping itu, pasukan polis bersama-sama angkatan tentera telah berjaya mematahkan tindakan Indonesia daripada segenap penjuru. Menjelang tahun 1966, kebanyakan ejen yang dilatih di Indonesia telah dapat dikesan dan ditangkap. Peranan polis pada masa konfrontasi Indonesia ini telah dinyatakan oleh Dr. Zakaria Hj. Ahmad sebagai:

Tugas polis kepada semua jenis ancaman telah berjaya dan sebenarnya menggambarkan keupayaannya semenjak Pasukan Polis Diraja Malaysia memainkan peranan pertahanan luar semasa konfrontasi Indonesia.⁷⁶

Selain itu, ancaman luar negara adalah dalam bentuk idea komunisme, ancaman bersifat ketenteraan dan ancaman berbentuk subversif serta penyuluhan (*espionage*).⁷⁷ Namun yang menjadi nyata ialah ancaman dari China dan Vietnam yang menjadi *proxy* Kesatuan Soviet. Sememangnya China dan Kesatuan Soviet ingin meluaskan pengaruh di rantau Asia Tenggara bagi merealisasikan hegemoni di rantau ini.

75 Semua rajah dipetik daripada Siaran Akhbar Cawangan Perhubungan Awam, Januari 1990.

76 Zakaria Hj. Ahmad 1977. "The Police Organisation Set Up in Malaysia—Principles, Command, Control". Kertas seminar.

77 Mohd. Reduan Aslie 1989. Nota syarahan.

Peranan sebagai Pendidik Masyarakat

Di samping memainkan peranan sebagai penguat kuasa undang-undang negara, pasukan polis juga bertindak sebagai pendidik masyarakat. Ini jelas keterlibatan pasukan polis dalam beberapa pasukan tertentu yang dianggotai oleh orang awam.

Pasukan Kadet Polis adalah sebuah organisasi pelajar yang ditubuhkan di bawah Akta Polis 1967. Ia bertujuan memberikan kepimpinan dan bimbingan kepada murid sekolah menengah supaya menjadi masyarakat yang baik, bertanggungjawab, berdisiplin serta mengetahui kehendak undang-undang negara. Di samping itu ia diharap dapat membendung mereka daripada gejala negatif seperti pengaruh antinasional dan sub-versif, kongsi gelap, pengedar dadah, serta pengawal kebudayaan yang bercanggah dengan tatasusila negara.

Semenjak awal penubuhannya, Pasukan Kadet Polis telah terbukti menepati matlamatnya. Ia berjaya menyediakan satu dimensi baru yang membantu ke arah pembangunan negara.

Satu lagi pasukan yang ditubuhkan di bawah Akta Polis 1967 ialah Pasukan Sukarelawan Polis (PVR) – seksyen 34 akta itu membenarkan ditubuhkan satu pasukan sukarelawan polis yang dianggotai oleh orang awam.⁷⁸ Penubuhannya bertujuan memberi peluang kepada rakyat menyumbang khidmat secara sukarela untuk menjaga keselamatan negara. Seseorang ahli pasukan ini diberi latihan dan pengetahuan yang cukup dengan harapan akan lahir perasaan bertanggungjawab dan semangat cintakan negara dan seterusnya sama-sama menjaga keamanan dan keselamatan negara.

Sementara itu, penubuhan Ikatan Relawan Rakyat (RELA) merupakan satu usaha untuk memberi peluang kepada rakyat mempertahankan dan menjaga keselamatan negara. Pasukan ini diletakkan di bawah Kementerian Dalam Negeri dan ditubuhkan pada tahun 1972. Objektif RELA sama dengan Pasukan Home Guard semasa darurat pertama 1948 dahulu.⁷⁹ Pasukan RELA diorientasikan kepada pasukan polis dan pegawai polis dipinjam untuk berkhidmat dengan pasukan tersebut. Di samping itu bantuan latihan, kepimpinan, perhubungan, pengangkutan dan perancangan disediakan oleh pasukan polis.

Penglibatan pasukan polis juga jelas dalam penubuhan dan perjalanan pasukan Rukun Tetangga. Ia dibentuk dengan tujuan mewujudkan masyarakat yang bersatu dan bekerjasama dalam bidang kemasyarakatan, ekonomi dan keselamatan.

78 *Lih.* seksyen 34, Akta Polis 1967.

79 Mohd. Reduan Aslie 1989. Nota syarahan.

Dengan penglibatan pasukan polis dalam pasukan yang dianggotai oleh orang awam menunjukkan yang pasukan polis berperanan sebagai perubah dan pendidik masyarakat. Pasukan polis memberikan bimbingan dan nasihat agar keharmonian dan kestabilan masyarakat dapat dikekalkan. Pada masa yang sama dapat membentuk individu yang sedar, berdisiplin, cintakan negara dan sanggup berkorban untuk negaranya.

Peranan dalam Pembangunan Ekonomi Negara

Pengurusan ekonomi negara sama ada dalam sektor pertanian atau perindustrian memerlukan keadaan negara yang aman dan stabil. Sekiranya negara dilanda huru-hara segala kegiatan ekonomi tidak dapat dijalankan dengan bebas dan sempurna.

Sebagai contoh, apabila negara diisytiharkan darurat pada 13 Mei 1969 rakyat tidak bebas untuk menjalankan kegiatan harian dan urusan ekonomi menjadi lumpuh. Akibatnya pendapatan rakyat terjejas dan seluruh negara berada dalam ketakutan serta tidak stabil.

Justeru itu peranan pasukan polis dalam mengekalkan keamanan dan kestabilan negara merupakan satu sumbangan besar terhadap pertumbuhan ekonomi negara.

Dengan wujudnya keamanan dan kestabilan, negara dapat menarik para pelabur untuk menanam modal di negara ini. Tambahan pula pelbagai insentif yang diberikan oleh kerajaan kepada pelabur seperti jaminan pelepasan cukai dan sebagainya akan lebih menarik minat pelabur.

Dalam kempen kerajaan menggalakkan industri pelancongan, pasukan polis mengambil inisiatif menubuhkan Unit Pelancongan Polis dengan tujuan memberikan kerjasama kepada para pelancong asing yang memerlukan bantuan ataupun apa-apa maklumat tertentu.

Dalam bidang ekonomi pula, pasukan polis menceburi kegiatan ekonomi melalui Koperasi Polis yang menjalankan perniagaan dalam industri perhotelan, hartanah, penanaman modal dan lain-lain. Sehingga tahun 1985 Koperasi Polis mempunyai harta berjumlah RM125 819 dan harta kumpulan berjumlah RM961 673 553.⁸⁰ Penglibatan ini merupakan sumbangan besar ke arah pencapaian matlamat Dasar Ekonomi Baru.

Selain itu, melalui penguatkuasaan undang-undang dan kutipan pengeluaran permit import/eksport, lesen pemilikan dan penjualan senjata api, kompaun dan denda kesalahan trafik dan lain-lain, pasukan

80 *Ibid.*

polis telah dapat mengutip sejumlah besar sumbangan untuk pendapatan negara. Kutipan denda bagi kesalahan trafik sahaja, bagi tahun 1984 ialah sebanyak RM17 876 242 berbanding dengan kutipan sejumlah RM23 600 400 bagi sepanjang tahun 1985.⁸¹ Unit Pencegahan Penyeludupan Polis (UPP) yang ditempatkan di sempadan Malaysia/Thailand telah berjaya menyelesaikan wang negara berjuta-juta ringgit setahun daripada kegiatan mengelakkan cukai yang dijalankan oleh penyeludup. Pendek kata peranan pasukan polis dalam pembangunan ekonomi negara begitu besar dan tidak boleh dipandang ringan.

Penjamin Sistem Demokrasi

Malaysia mengamalkan Sistem Demokrasi Berparlimen. Dalam sistem ini, rakyat adalah penentu bagi pemilihan pemimpin dan kerajaan. Semenjak mencapai kemerdekaan sehinggalah ke hari ini, Malaysia dapat mengekalkan sistem tersebut dan pembangunan negara dapat berjalan dengan pesatnya. Sungguhpun beberapa buah negara di rantau ini telah berubah kepada corak pemerintahan autokrasi, *martial law* ataupun *emergency law*, tetapi Malaysia masih dapat mempertahankan sistem demokrasi dengan teguh.

Dalam mengekalkan sistem demokrasi negara, pasukan polis menjalankan tugas penting terutama dalam memastikan pilihan raya berjalan dengan lancar, adil dan mengikut perlembagaan negara. Mengikut Tun Salleh Abas, pilihan raya penting bukan sahaja kerana menunaikan kehendak perlembagaan, tetapi untuk menentukan siapa yang dipilih bagi membentuk kerajaan yang memerintah dalam jangka masa tertentu.⁸² Polis memainkan peranan dalam setiap peringkat pilihan raya sama ada pada hari penamaan calon, berkempen, hari mengundi, semasa pengiraan kertas undi, pengumuman keputusan dan mengawal keadaan selepas pilihan raya.

Dalam pilihan raya yang diadakan pada tahun-tahun 1955, 1959, 1964, 1969, 1973, 1979, 1982, 1986, dan 1990, pasukan polis telah terbukti melaksanakan tugas dengan tegas, adil, amanah dan tidak memihak kepada mana-mana parti politik. Polis bertindak tegas untuk memastikan ahli-ahli politik tidak menyalahgunakan kesempatan berkempen dengan menyentuh isu-isu sensitif yang boleh menggugat keselamatan negara. Pelbagai undang-undang dan akta digunakan dalam penguatkuasaan tugas polis, termasuklah Akta Hasutan, Akta Mesin Cetak

81 *Ibid.*

82 Tun Salleh Abas 1984. *Pilihan Raya Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, hlm. 4.

dan Akta Keselamatan Dalam Negeri. Pasukan polis tidak dijadikan alat oleh kerajaan yang memerintah untuk mengekalkan kuasa dan *status quo* mereka, walaupun kemungkinan kerajaan boleh melakukannya sebagaimana pendapat Tom Bowden:

Pasukan polis berpotensi untuk dijadikan alat politik di sesebuah negara.⁸³

Selain itu, pasukan polis menjalankan risikan dan kawalan keselamatan secara berterusan bagi menjamin sistem demokrasi negara tidak tergugat. Penguatkuasaan undang-undang yang dijalankan oleh pasukan polis berdasarkan peruntukan perlembagaan negara serta akta yang berkuat kuasa di Malaysia.

Peranan Separa Ketenteraan

Di samping tugas kepolisan, pasukan polis juga menjalankan peranan separa ketenteraan bertujuan menegakkan keamanan dan ketenteraman negara dengan menggunakan kekuatan yang ada untuk menghalang sebarang percubaan menumbangkan kerajaan dengan kekuatan bersenjata.

Pasukan separa ketenteraan ini mempunyai sifat *highly mobile* dan *self contained* dalam aspek tertentu. Dari segi struktur dan organisasi, pasukan ini menyerupai pasukan tentera tetapi perannya tertumpu pada keselamatan dalam negeri dan ketenteraman awam. Di samping itu, pasukan ini boleh menjalankan tugas sebagai pertahanan luar (*external defence*) dalam keadaan yang memerlukan.

Pasukan yang menjalankan tugas ini ialah Pasukan Polis Hutan (PPH), yang pada dasarnya merupakan pasukan simpanan kepada Ketua Polis Negara bagi menghadapi keadaan yang mengancam keselamatan dan ketenteraman negara. Ia adalah pasukan yang bertindak berdikari, mudah dipindahkan (*mobile self supporting strike force*) dan boleh bertugas pada bila-bila masa dan dengan apa cara sebagaimana yang diarahkan oleh Ketua Polis Negara.

Berdasarkan perbincangan di atas, jelaslah bahawa pasukan polis memainkan peranan penting dalam konteks pembangunan negara. Peranan itu bukan sekadar daripada aspek keselamatan sahaja, tetapi meliputi seluruh kehidupan masyarakat. Sering kali pasukan polis bertindak sebagai perubah masyarakat, ejen pemodenan, pendidik dan

83 Tom Bowden 1978. *Beyond the Limit of the Law*. England: Penguin Books Ltd., hlm. 20.

memberikan sumbangan yang besar dalam pembangunan ekonomi serta pembangunan mental masyarakat dan negara.

POLIS KE ARAH PROFESIONALISME

Pasukan Polis Diraja Malaysia semenjak awal penubuhannya telah banyak menempuh dugaan yang memerlukan semangat keberanian dan kesungguhan setiap anggota menjalankan tugas. Berkat semangat, disiplin dan kemahiran dalam aspek tugas, pasukan polis berjaya menghadapi segala cabaran dan dugaan yang ditempuhi. Sejarah telah mencatatkan kejayaan pasukan polis seperti kejayaan membanteras kejadian jenayah, kegiatan kongsi gelap, ancaman kesatuan sekerja/kesatuan buruh yang pro-komunis pada masa Darurat 1948 hingga 1960, semasa konfrontasi Indonesia-Malaysia, Peristiwa 13 Mei 1969, kejayaan membanteras penyeludupan, penjenayahan, dadah, maksiat dan lain-lain.

Kejayaan itu berkat perkhidmatan yang dijalankan dengan cekap dan bersemangat oleh anggota polis, meskipun terpaksa berdepan dengan segala macam ancaman yang ada kalanya boleh menggugat nyawa sendiri.

Kini di merata pelosok negara sama ada di darat, laut atau udara, pasukan polis terus cergas menghadapi tanggungjawab yang dibebankan ke bahunya. Kalau pada awal penubuhan, tugas polis semata-mata untuk membanteras jenayah dan kongsi gelap, namun pada zaman mutakhir ini pasukan polis telah melangkah ke arena yang lebih mencabar, dalam masyarakat yang serba maju. Pasukan polis telah menuju ke arah profesionalisme.

Dalam soal profesionalisme, watak dan nilai profesion di kalangan anggota pasukan polis akan turut disentuh. Menurut Profesor Lateef Ahmad,⁸⁴ dua faktor penting yang mempengaruhi watak profesionalisme ialah pendapatan yang terjamin dan kedudukan ataupun taraf. Kedua-dua faktor ini memang telah sedia ada dalam pasukan polis Malaysia.

Watak pula merangkumi segala aspek yang melibatkan keperibadian, perlakuan, pemikiran, perasaan dan tindak balas, pengalaman, dan sebagainya. Dalam hal ini, profesionalisme yang dimaksudkan ialah nilai pekerjaan setiap anggota polis tidak kira di peringkat mana mereka berada, yang menjalankan tugas polis sepenuh masa sebagai profesion mereka untuk menyara kehidupan.

Daripada aspek profesionalisme dalam pasukan polis tidaklah bermaksud secara terus berkenaan bidang kemahiran bertugas sahaja.

84 Lateef Ahmad 1984. "New Thinking in Malaysia Public Administration" dlm. *Berita Bukit Aman*, Mei, hlm. 8.

tetapi juga meliputi perasaan yang benar-benar bertanggungjawab pada pekerjaan, cinta kepadanya dan perkara lain harus dijadikan perkara kedua. Menurut Tun Mohd. Haniff Omar;

Seseorang pegawai polis yang profesional dan berkaliber bukanlah seorang yang mampu menumpukan pengetahuannya dalam bidang sains kepolisan sahaja, tetapi ia juga harus faham dan boleh menganalisa dengan wajarnya segala masalah sosial masyarakat sekelilingnya, melibatkan diri dengan kerja-kerja kemasyarakatan yang tertentu, mampu bertindak sebagai nadi dalam perkhidmatan sosial dan masyarakat.⁸⁵

Petikan di atas menunjukkan bahawa profesionalisme pasukan polis tidak terhad pada bidang kepolisan sahaja. Ia juga meliputi perkara berkenaan kemasyarakatan di sekelilingnya. Kini pasukan polis bukan sahaja berperanan sebagai badan penguat kuasa undang-undang utama negara, bahkan menjadi teman, pelindung dan pemandu masyarakat dalam kehidupan sehari-hari. Pasukan polis menghadapi seribu satu macam masalah masyarakat daripada sekecil-kecil hinggalah pada masalah besar seperti kematian, kemalangan dan ancaman. Harapan masyarakat begitu tinggi terhadap pasukan polis bukan sahaja bagi menjaga keamanan dan keselamatan negara, tetapi juga merupakan pasukan yang memberi perkhidmatan kepada mereka.

Dengan perkembangan itu, pasukan polis menghadapi tugas mereka dengan lebih mencabar. Kejadian jenayah seperti rompakan, pembunuhan, penculikan, penipuan, pemalsuan dan lain-lain kian bertambah dengan sifatnya yang lebih sukar serta dilakukan dengan cara yang terancang. Ancaman dadah, maksiat, jenayah perdagangan yang ada *international link* lebih menyukarkan kerja penyiasatan dan pembersihan. Semuanya memerlukan kepakaran dan pengetahuan yang benar-benar mendalam di bidang berkenaan. Tegasnya, tahap profesionalisme pasukan polis memerlukan peningkatan yang seiring dengan perubahan dan peredaran masa.

Justeru itu pasukan polis telah mengorak langkah membentuk kepakaran, kemahiran dan profesionalisme. Profesionalisme yang ditegakkan atas dasar kepakaran dan sains kepolisan dan bukannya atas dasar kegunaan atau kaedah lain yang tidak bertamadun. Sebuah sekretariat Perancangan Kemajuan Kerjaya dibentuk di Bukit Aman, di samping Cawangan Latihan yang dikemaskinikan dari semasa ke semasa untuk mencapai tahap profesionalisme yang tinggi. Pasukan polis telah

85 Tun Mohd. Haniff Omar 1978. Teks ucapan di Perayaan Jubli Perak Maktab Polis Kuala Kubu Bharu pada 22 April.

membuka pintu yang seluas-luasnya kepada anggota polis mengikuti kursus profesional/akademik sama ada di dalam ataupun di luar negeri. Di sepanjang tahun 1981 sahaja, pasukan polis menghantar seramai 12 pegawai mengikuti kursus ijazah undang-undang di London, dua orang mengikuti pengajian di peringkat sarjana (M.A.) di Amerika Syarikat, seorang mengikuti pengajian di peringkat ijazah doktor falsafah (Ph.D.) di Amerika Syarikat, lapan orang mengikuti dalam bidang sains kemasyarakatan dan kemanusiaan di Universiti Sains Malaysia, tujuh orang mengikuti kursus Diploma Kejuruteraan di Universiti Teknologi Malaysia, enam orang mengikuti kursus Diploma Kejuruteraan di Institut Teknologi MARA, dan 24 orang pengajian di peringkat Diploma Pengajian Strategi dan Keselamatan di Universiti Kebangsaan Malaysia.⁸⁶

Jumlah anggota polis yang mempunyai kelulusan akademik yang tinggi, iaitu doktor falsafah, sarjana, sarjana muda dan diploma dalam pelbagai bidang telah bertambah dari setahun ke setahun. Ini ditambah lagi dengan pengambilan anggota baru ke dalam pasukan polis yang terdiri daripada mereka yang mempunyai ijazah ataupun diploma.

Di samping itu anggota polis juga dihantar menghadiri kursus-kursus jangka pendek di institusi latihan polis dan juga di luar negeri seperti di United Kingdom, Amerika Syarikat, Jepun, Hong Kong, Australia dan lain-lain. Institusi latihan polis terdiri daripada Pusat Latihan Polis (PULAPOL) di Jalan Semarak, Kuala Lumpur, Pusat Latihan Polis Air Hitam (PULAPAH) di Bahau, Negeri Sembilan Darul Khusus, Maktab Polis Kuala Kubu Bharu, Selangor Darul Ehsan, Sekolah Latihan Cawangan Khas, Maktab Jabatan Siasatan Jenayah, Sekolah Latihan Pasukan Polis Hutan, Sekolah Latihan Unit Kawalan Kawasan, Sekolah Teknik Tun Salleh dan sekolah-sekolah latihan kawasan. Institusi latihan itu memberikan kursus asas kepolisan serta pengetahuan baru dalam pelbagai bidang.

Dari segi peralatan yang digunakan oleh pasukan polis, kerajaan telah memperuntukkan perbelanjaan yang mencukupi untuk membeli dan menyediakan peralatan moden sejajar dengan perkembangan serta pembangunan dunia mutakhir. Peralatan baru yang lebih canggih telah disediakan, di samping anggota pasukan telah dilatih sebagai tenaga mahir dalam penggunaan peralatan tersebut.

Bangunan Ibu Pejabat Polis Bukit Aman telah dibangunkan menjadi bangunan yang boleh menampung suatu pasukan yang profesional. Bangunan yang terletak di atas bukit di tengah-tengah bandar raya kosmopolitan Kuala Lumpur menjadi lambang kedaulatan undang-undang

86 Tun Mohd. Haniff Omar 1981. Ucapan perasmian Kursus Pengajian Strategi dan Keselamatan di UKM pada 29 Ogos.

negara. Balai polis dan perumahan polis dibina di seluruh negara dengan menelan belanja berjuta-juta ringgit untuk kemudahan anggota polis dan melindungi masyarakat secara keseluruhannya.

Jabatan polis seperti Jabatan Siasatan Jenayah, Jabatan Keselamatan Dalam Negeri dan Ketenteraman Awam, Jabatan Cawangan Khas dan Jabatan Pengurusan diperbesarkan sesuai dengan pembangunan negara dan keperluan semasa. Cawangan Komputer dan Semboyan turut diperbesarkan meliputi seluruh negara bagi menyenangkan perhubungan dan melaksanakan tugas dengan cepat dan berkesan. Langkah mempertingkatkan profesionalisme pasukan polis dibuat melalui pembaharuan dalam perkhidmatan polis (*modernisation of the police service*). Sebahagian daripada program pemodenan yang dirancang oleh pasukan polis adalah seperti yang berikut:

- (a) Penggunaan komputer bagi membantu penguatkuasaan undang-undang.
- (b) Rancangan Biasiswa Polis untuk menentukan perkhidmatan polis mengamalkan kepandaian istimewa (profesionalisme) dengan keistimewaan dalam pendidikan undang-undang, kriminologi, sains forensik, sains politik, kejuruteraan, pengurusan, sains sosial, dan sebagainya. Tindakan telah diambil untuk menghantar pegawai pilihan belajar:
 - (i) Sebagai peguam untuk memegang jawatan Ketua Cawangan Jenayah dan mengisi jawatan Pendakwa Kanan Mahkamah.
 - (ii) Jurukira (*accountancy*) untuk Cawangan Jenayah Perdagangan.
 - (iii) Kriminologi untuk Jabatan Siasatan Jenayah.
 - (iv) Pengurusan kakitangan untuk Jabatan Pentadbiran.
 - (v) Siswazah sains politik untuk Cawangan Siasatan Jenayah dan Cawangan Khas.
 - (vi) Siswazah sains sosial untuk Cawangan Siasatan Jenayah terutama dalam bahagian Pencegah Maksiat.
 - (vii) Bahasa antarabangsa untuk satu kumpulan (*cadre*) yang dinamakan 'Pasukan penyoyal' (*Corp of interrogator*) dengan kebolehan pelbagai bahasa dan mendirikan sebuah makmal bahasa. Ini akan melibatkan latihan dalam pelbagai bahasa untuk kecekapan pegawai penyoyal dalam Cawangan Khas dan Cawangan Jenayah seperti bahasa Perancis, Jepun, Thai, Arab, Rusia, Indonesia, Vietnam, Burma, Tagalog, Korea, Jerman, Sepanyol dan Itali.

- (c) Mengadakan sebuah makmal bahasa yang telah ada di Universiti Malaya bagi latihan yang membolehkan pencapaian pertuturan yang cekap dalam pelbagai bahasa dunia.
- (d) Mengadakan makmal sains forensik. Satu kertas kerja telah disediakan untuk mengkaji kemungkinan mengadakan skim percubaan (*pilot scheme*) sebuah makmal sains forensik di Lembah Kelang. Setakat ini dialog sedang diadakan dengan Kementerian Kesihatan dan Kementerian Teknologi (Bahagian Jabatan Kimia) tentang pelaksanaan skim percubaan itu. Makmal sains forensik ini telah pun ditubuhkan walaupun tidak seperti yang dirancang. Sehingga ini makmal tersebut diletakkan di bawah pentadbiran Maktab Jabatan Siasatan Jenayah Polis Diraja Malaysia di Jalan Semarak Kuala Lumpur.
- (e) Menyediakan carta lalu lintas (*traffic chart*). Carta ini akan dapat membayangkan secara menyeluruh masalah-masalah lalu lintas kepada negara dari segi penyeliaan, penyiataan, penguatkuasaan dan perondaan lebuh raya. Seorang pegawai yang berpangkat Penolong Pesuruhjaya telah dilantik menjadi Pegawai Turus Cawangan Lalu Lintas di Ibu Pejabat Ketua Polis Negara ini supaya pengendalian lalu lintas seluruh negara akan dapat diberikan pandangan yang lebih rapi dan berkesan dari masa-masa yang lampau.
- (f) Pengajian teknikal polis bagi cawangan istimewa (*specialist branches*). Beberapa pegawai yang dipilih telah dihantar berlatih di pusat-pusat latihan istimewa (*specialist courses*) di seberang laut untuk kelulusan ijazah dalam kejuruteraan elektrik, kejuruteraan sivil, marin dan kejuruteraan mekanikal serta kursus diploma dalam kejuruteraan mekanikal serta kursus diploma dalam kejuruteraan elektrik, kejuruteraan sivil dan kejuruteraan mekanikal di pusat-pusat latihan tempatan.
- (g) Penubuhan sebuah pasukan perubatan polis (*police medical corp*) yang serupa dengan *army medical corp* untuk Pasukan Polis Hutan telah dicadangkan. Dalam satu mesyuarat yang diadakan di Kementerian Dalam Negeri dengan dihadiri oleh Jabatan Perkhidmatan Awam dan wakil-wakil dari Jabatan Perbendaharaan satu kelulusan telah diberikan untuk perkhidmatan seramai lima orang doktor dalam Pasukan Polis Hutan. Mereka masih belum ditugaskan bagi maksud tersebut. Pihak polis akan berusaha lebih giat lagi untuk mendapatkan peruntukan bagi seorang pakar pegawai kesihatan. Lapan belas orang pembantu hospital, 18 orang jururawat dan 18 orang bidan serupa dengan peruntukan yang diberikan kepada

batalion infantri pasukan tentera. Bagaimanapun rancangan menubuhkan pasukan perubatan polis ini tidak dapat dibuat secara meluas sehingga ke masa ini. Banyak faktor yang membantutkan pelaksanaan rancangan ini antaranya faktor kewangan dan peruntukan kerajaan.

- (h) Kajian sedang dijalankan kemungkinan menubuhkan Unit Rondaan Udara Polis. Terdahulu dari ini, satu kajian telah dibuat tentang kemungkinan menubuhkan perkhidmatan helikopter polis. Dalam aspek ini juga, Majlis Keselamatan Negara telah mengarahkan supaya pihak Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) diberitahu akan kehendak polis dan meminta TUDM memberikan perkhidmatan terus-menerus kepada polis. Dengan demikian, polis telah membuat perhitungan jam bertugas (*task hours*) yang diperlukan untuk pelbagai jenis tugas keselamatan dan telah disampaikan kepada TUDM supaya mereka boleh mengambil perhatian dalam rancangan pembesaran TUDM sendiri. Penubuhan Sayap Udara Polis ini tidak dapat dibuat dalam kadar segera kerana ia melibatkan peruntukan yang banyak. Namun pasukan polis telah pun mempunyai tiga buah helikopter yang diletakkan di bawah pentadbiran Unit Udara Polis.
- (i) Sebagai tambahan dalam Sayap Udara Polis, Menteri Dalam Negeri mencadangkan supaya diadakan satu tambahan perkhidmatan polis udara dengan menggunakan kapal terbang satu enjin jenis ringan dan bersayap tinggi (*light weight single engined high winged air craft*) untuk tujuan rondaan dan pengintipan dari udara, terutama untuk bergandingan dan bekerjasama dengan polis marin dalam tugas mengawal keselamatan perairan Malaysia yang luasnya tidak kurang daripada 24 000 batu persegi yang selama ini hanya dikawal oleh 123 buah lonci-lonci (bot-bot kecil) polis yang pelbagai rupa.⁸⁷ Sehubungan dengan ini, Unit Udara Polis yang ditubuhkan pada 19 Disember 1979 telah dilengkapi dengan pesawat kapal terbang jenis Cessna dan menjalankan tugas-tugas termasuklah mengawal perairan negara, mengawal kegiatan lanun dan penyeludupan, memberi bantuan rondaan kepada Cawangan Polis Marin, bantuan ketika berlaku kekacauan awam, bantuan pengangkutan kepada pegawai awam atau orang kenamaan ke kawasan pedalaman, penyiasatan kes-kes jenayah dan perisik-an dan bantuan penerbangan kecemasan.

87 Mohd. Reduan Aslie 1990. *Tun Mohd. Haniff Omar - Kepolisan dan Keselamatan*. Kuala Lumpur: AMK Interaksi Sdn. Bhd., hlm. 45-48.

Perkembangan yang berlaku dalam pasukan polis berjalan seiring dengan kemajuan akademik, material dan kesedaran dalaman anggota pasukan ini kerana kejayaan pasukan polis bukanlah terletak semata-mata pada mutu akademik anggotanya sahaja, tetapi yang lebih penting ialah bagaimana cekapnya setiap anggota mengendalikan tugas mereka, di samping perhubungan baik yang terjalin dengan masyarakat. Sehubungan itu anggota polis seharusnya diberi penerangan dan pengetahuan yang jelas dalam konteks perhubungan kemasyarakatan agar bergerak selari dengan kehendak pasukan dan negara. Jika ia diikuti, pasukan polis akan tetap terjamin sebagai institusi penguat kuasa undang-undang negara dan menjadi pasukan polis yang cekap, mahir dan berjaya dalam istilah profesionalisme yang sebenarnya.

POLIS DAN MASYARAKAT

Pasukan polis ditubuhkan bagi memberi perkhidmatan kepada masyarakat. Tema 'Bersedia Berkhidmat'⁸⁸ menepati konsep kerjasama antara polis dengan masyarakat, kerana pada zaman mutakhir ini tugas polis dapat dijalankan dengan berkesan sekiranya mendapat kerjasama yang sepenuhnya daripada masyarakat. Pembangunan negara yang pesat telah membawa gejala buruk dalam masyarakat. Perlakuan jenayah, kebudayaan liar dan sindiket bercorak antarabangsa adalah antara gejala buruk yang perlu diperhati dan disekat. Masyarakat ingin pasukan polis memainkan peranan yang lebih luas. Ini bukanlah wujud oleh sebab sengaja masyarakat berkehendakkan peranan polis, tetapi peranan dan tugas polis itu sendiri yang dihaskan supaya memberi perkhidmatan kepada masyarakat.

Pasukan polis dan orang ramai mempunyai tugas masing-masing dalam hal ini.⁸⁹ Masyarakat mendampingi polis sejak seorang anak dilahirkan (iaitu untuk membuat laporan kelahiran) sehinggalah sesuatu laporan kematian dibuat di balai polis. Dalam waktu yang sama masyarakat dan polis merupakan dua pihak yang saling memerlukan antara satu sama lain. Masyarakat memerlukan polis bagi menjaga keamanan dan keselamatan diri, harta benda dan kawasan mereka, sementara polis memerlukan masyarakat untuk mendapat maklumat dan kerjasama

88 Konsep "Bersedia Berkhidmat" diasaskan oleh Kolonel A.E. Young, pada tahun 1952 telah menjadi asas perhubungan awam polis, bagi menarik orang ramai memberi kerjasama kepada polis memerangi komunis dan menyekat orang ramai daripada memberi sokongan moral dan material kepada komunis pada masa darurat 1948 - 1960. *Lih. Mohd. Reduan Aslie, 1984. Op. cit* hlm. 39.

89 Mohd. Wahid 1984. "Perhubungan Polis dengan Orang Ramai" dalam *Berita Bukit Aman*, Februari, hlm. 9.

mengawal serta membanteras kejadian jenayah, subversif dan gejala buruk yang boleh mengancam negara.

Namun begitu terdapat juga pandangan negatif masyarakat terhadap polis. Sifat tugas sebagai penguat kuasa undang-undang yang dilakukan oleh pasukan polis ada kalanya menjadikan pasukan itu tidak popular atau kadang-kadang menjadi cemuhan segelintir daripada masyarakat. Seperti kata Tom Bowden, kehidupan pegawai dan anggota pasukan polis bukanlah sesuatu yang menyeronokkan. Peranan dan tugas yang begitu rupa menyebabkan mereka tidak popular. Kehidupan sosial dan keluarga mereka terjejas. Bebanan kerja lebih berat, lebih mencabar dan sering membahayakan nyawa.⁹⁰ Di samping itu, sering kali pasukan polis dianggap sebagai sebuah agensi yang gemar menggunakan kekerasan dan tidak berperikemanusiaan dalam menjalankan tugas harian. Pasukan polis juga dianggap mempunyai anggota yang tidak jujur dengan melibatkan diri dalam kegiatan rasuah dan penyelewengan. Anggapan negatif terhadap pasukan polis ini telah menjelaskan hubungan antara polis dengan masyarakat. Namun begitu pasukan polis tetap memainkan peranannya kerana organisasi polis merupakan satu institusi yang diberi mandat oleh masyarakat dan berkhidmat sebagai penghubung antara ahli dengan ahli dalam masyarakat.⁹¹ Perlulah ditekankan bahawa tidak ada ruang dalam sistem keadilan negara untuk mengizinkan pasukan polis menggunakan kekerasan, bertindak atas kepentingan peribadi atau membuat keputusan menerusi egoisme individu atau pertimbangan yang subjektif.⁹² Pasukan polis adalah sebuah pasukan yang sentiasa mementingkan kesejahteraan rakyat, ia tidak takut dan sanggup berkorban demi kebahagiaan negara.⁹³ Setiap tindakan yang dilakukan berdasarkan undang-undang yang berkuat kuasa. Sungguhpun polis mempunyai kuasa budi bicara dalam keadaan tertentu, namun secara keseluruhannya tugas yang dijalankan oleh pasukan polis amat memuaskan.

Pasukan polis telah mengatur beberapa strategi dan rancangan untuk mewujudkan perhubungan yang baik dengan masyarakat. Dalam konsep 'Bersedia Berkhidmat' A.E. Young (1952), terdapat dua matlamat utama perhubungan awam, iaitu:

- (i) Mewujudkan keyakinan orang ramai terhadap pasukan polis.

90 Tom Bowden 1979. *Beyond the Limit of the Law*. England: Penguin Books Ltd.

91 Bayley D.H. 1975. "The Police in Political Development in Europe" dalam C. Tilly (ed.) *The Formation of National States in Western Europe*. Princeton: Princeton University Press.

92 Mohd. Reduan Aslie & Mohd. Radzuan Hj. Ibrahim 1984.

93 *Pahlawan*, Januari 1979, Kuala Lumpur: Syed Hussein Publication Ltd., hlm. 18.

- (ii) Menirbulkan kesedaran dan menarik minat orang ramai untuk memberi kerjasama, sokongan dan bantuan kepada polis.⁹⁴

Kol. A.E. Young menegaskan:

Tugas polis mestilah diasaskan atas perkhidmatan dan tugas kepada masyarakat.⁹⁵

Konsep 'Bersedia Berkhidmat' itu masih diteruskan sehingga kini dan pasukan polis telah menyusun strategi berikut bagi mencapai matlamatnya:

- (i) Strategi Cawangan Perhubungan Awam
- (ii) Strategi kolektif
- (iii) Strategi individu

Strategi Cawangan Perhubungan Awam

Cawangan Perhubungan Awam, Polis Diraja Malaysia ditubuhkan di Bukit Aman, Kuala Lumpur pada 1 Januari 1970 yang diketuai oleh seorang pegawai kanan polis berpangkat Penguasa Polis.⁹⁶

Cawangan Perhubungan Awam PDRM merupakan satu institusi yang menitikberatkan pada imej baik pasukan dan perkhidmatan pada tahap profesionalisme anggota yang tinggi, serta hubungan erat yang terjalin antara polis dengan orang ramai. Untuk ini, Cawangan Perhubungan Awam telah mengendalikan serta menyelaraskan kegiatan sebaran am (*mass communications*) pasukan, bagi menjadikannya sebagai alat untuk mempercepatkan pembangunan masyarakat dengan tujuan seperti yang berikut:

- (a) Untuk menerangkan secara mendalam dan membuat liputan yang menyeluruh atau seluas-luasnya tentang kegiatan pasukan yang menarik perhatian ahli-ahli pasukan dan juga orang ramai dengan harapan mereka akan lebih memahami tugas dan tanggungjawab polis.
- (b) Untuk mendorong minat ahli-ahli pasukan supaya mementingkan perhubungan serta kerjasama erat dengan orang ramai.

94 Mohd. Reduan Aslie, *op. cit.*, hlm. 398.

95 *Pengaman*, Januari/April 1978, hlm. 11

96 Zakiah Laidin 1979 "Cawangan Perhubungan Awam PDRM" dlm. *Pengaman*, Julai/Disember.

- (c) Sebagai tenaga pendorong mengubah sikap ahli-ahli dalam menitikberatkan tahap profesionalisme pekerjaan mereka sejajar dengan kehendak pasukan dan kerajaan.
- (d) Mendorong minat orang ramai agar mempunyai kesedaran sivik serta memainkan peranan penting dalam masalah keselamatan negara, bukan semata-mata mengharapkan kepada Polis Diraja Malaysia.

Pada awal penubuhannya, Penguasa Cawangan Perhubungan Awam Polis telah dibantu oleh dua orang pegawai berpangkat Penolong Penguasa Polis. Di samping itu beliau juga bertindak sebagai pegawai kebajikan pasukan. Hanya pada awal tahun 1975, Cawangan Perhubungan Awam Polis dipisahkan daripada Cawangan Kebajikan Pasukan, untuk menumpukan pada perhubungan mikro, iaitu bagi menitikberatkan penyiaran media massa.

Perkembangan terus berlaku dalam Cawangan Perhubungan Awam Polis dari semasa ke semasa. Kalau pada awal penubuhannya, cawangan ini mengandungi dua bahagian, iaitu Bahagian Penyelidikan/Perancangan dan Perhubungan Radio/Televisyen, tetapi mulai 1 Januari 1976 ia telah diperbesarkan lagi menjadikan empat bahagian kesemuanya, iaitu Bahagian Penyelidikan/Perancangan, Perhubungan Radio/Televisyen, Bahagian Penerbitan dan Perhubungan Akhbar/Media.⁹⁷ Keanggotaannya juga telah bertambah menjadi 13 pegawai.

Perkembangan pesat yang berlaku dalam pasukan telah menambahkan peranan dan tanggungjawab Cawangan Perhubungan Awam. Pada umumnya cawangan ini memainkan peranan yang berikut:

- (i) Membuat kajian tentang sikap orang ramai terhadap dasar serta cara pelaksanaan tugas dalam pasukan.
- (ii) Memberi ulasan, pandangan, nasihat kepada Ketua Polis Negara tentang aspek perhubungan awam.
- (iii) Membuat perancangan dalam aktiviti bagi memberi penerangan yang jelas kepada orang ramai tentang pasukan polis.
- (iv) Memberi nasihat tentang kegiatan yang boleh mempengaruhi sokongan orang ramai.

Selain itu, Cawangan Perhubungan Awam ini juga ditugaskan untuk menjalin hubungan baik antara jabatan, bahagian dan cawangan dalam pasukan polis. Di samping itu cawangan ini menjadi penasihat rancangan jabatan polis yang berkaitan dengan soal perhubungan awam.

97 *Ibid.*, hlm. 72.

mengendalikan penerbitan majalah *Pengaman*, *Berita Bukit Aman* serta penerbitan lain, mengkaji, menyelidik dan juga mengulas artikel dalam akhbar; memberi nasihat teknik tentang filem, radio/televisyen atau semua perkara yang melibatkan peranan polis; membuat syarahan penerangan; mengadakan pameran bergerak polis dan sebagainya.

Peranan yang dimainkan oleh Cawangan Perhubungan Awam merupakan perkara yang penting, terutama dalam konteks menaikkan imej pasukan serta menjalinkan kerjasama dan hubungan baik dengan masyarakat keseluruhannya. Penyelidikan, penyusunan dan perancangan terus diadakan bagi mewujudkan matlamat pasukan. Matlamat tersebut ialah, mempertingkatkan kepercayaan orang ramai terhadap pasukan polis; menanamkan sifat kesedaran sivik serta menghormati undang-undang negara; memberi keinsafan kepada rakyat bahawa mereka juga mempunyai peranan dalam soal keselamatan dan ketenteraman negara; mewujudkan persefahaman polis dengan orang ramai; memberi kesedaran kepada setiap anggota pasukan polis supaya berlaku adil, bersopan santun dan tegas, dedikasi, serta berfikiran rasional dalam menjalankan tugas.

Cawangan Perhubungan Awam dari semasa ke semasa membuat kajian dan penyelidikan tentang segala masalah yang dihadapi oleh anggota polis dan juga orang ramai agar aspek perhubungan sebagaimana yang dikehendaki oleh pasukan dan kerajaan akan dapat dicapai dengan sepenuhnya.

Antara strategi Cawangan Perhubungan Awam ialah:

- (a) Meningkatkan imej pasukan dengan memaparkan kejayaan, perkembangan dan lain-lain melalui media seperti radio, televisyen, risalah dan akhbar tempatan.
- (b) Memberi kesedaran melalui ceramah kepada pegawai dan anggota polis tentang perlunya perhubungan awam.
- (c) Memberi ceramah kepada sekolah, institusi pengajian tinggi dan pertubuhan atau orang ramai tentang segala aspek kepolisan dan memberi kesedaran pentingnya penglibatan orang ramai dalam membantu pasukan polis.
- (d) Menerbitkan majalah, risalah atau artikel yang bertujuan mendidik pegawai dan anggota polis supaya bersikap sesuai dengan matlamat perhubungan awam.
- (e) Mengkaji dan menganalisis segala tohmahan atau aduan orang ramai terhadap mana-mana juga pegawai atau anggota pasukan polis.
- (f) Mengkaji dan merancang cara-cara memperbaiki hubungan baik dengan orang ramai.

- (g) Memastikan wujudnya hubungan baik antara polis dengan pihak media.⁹⁸

Strategi Kolektif

Menurut Mohd. Reduan Aslie,⁹⁹ strategi kolektif yang diperkuatkan oleh pasukan polis meliputi perkara seperti yang berikut:

- (a) Menganjurkan atau menyertai kerja gotong-royong.
- (b) Membuat amal bakti seperti mendirikan rumah untuk orang miskin atau memberi sumbangan atau derma.
- (c) Memberi pertolongan kepada orang ramai semasa berlaku bencana alam.
- (d) Turut aktif dalam kegiatan sukan.
- (e) Mengambil bahagian dalam sebarang kegiatan sosial.
- (f) Bekerjasama dengan jawatankuasa keselamatan dan kemajuan kampung.
- (g) Menganjurkan projek anak angkat dan sebagainya.

Strategi Individu

Dalam strategi ini, setiap anggota pasukan polis dilatih dan diingatkan supaya sentiasa menjaga personaliti, kecekapan, disiplin, sikap dan pembawaan diri yang membawa kebaikan kepada pasukan polis dan mendapat keyakinan orang ramai. Segala penyelewengan oleh polis dan kegiatan negatif individu polis mendapat tindakan wajar daripada pasukan. Tidak ada seorang anggota polis pun yang dibenarkan menyelewengkan kuasa, tidak amanah, rasuah dan lain-lain.

Anggota polis didedahkan tentang adat dan pantang larang tempatan agar mereka dapat memahami budaya masyarakat di tempat mereka ditugaskan. Konsep memasyarakatkan polis juga diperkenalkan. Melalui Sistem Salleh,¹⁰⁰ pasukan Pegawai Polis Kampung (PPK) ditubuhkan di kampung dan pondok polis ditubuhkan di bandar-bandar. Operasi Sistem Salleh dibuat melalui kawasan bit, patrol, sektor, wad dan zon. Rondaan bit basikal, motosikal dan kereta peronda. Setiap anggota patrol disediakan *walkie-talkie* bagi memudahkan perhubungan. Sistem Salleh telah berjaya mewujudkan satu situasi, iaitu orang awam tidak lagi menganggap polis sebagai satu institusi yang ditakuti, sebaliknya sebagai kawan yang boleh memberikan pertolongan ketika diperlukan.

98 Mohd. Reduan Aslie & Mohd. Radzuan Hj. Ibrahim 1984. *Op. cit.*, hlm. 400-401.

99 *Ibid.*, hlm. 401.

100 Sistem Salleh diambil sempena nama Ketua Polis Negara yang ke-2, Tun Salleh Ismail.

Selain itu KONMAS (Konstabel Masyarakat) diwujudkan dengan tujuan meningkatkan hubungan polis dan orang ramai. Tempat pertanyaan di balai polis telah juga diubahsuai supaya menimbulkan keadaan paling baik dan menyenangkan masyarakat berinteraksi dengan polis. Pasukan Sukarelawan Polis yang diperbesarkan bertujuan memberi peluang kepada orang ramai untuk berkhidmat kepada masyarakat melalui pasukan polis secara sukarela. Pasukan Kadet Polis diperkenalkan di sekolah menengah untuk mendidik generasi muda dengan aspek disiplin, kesedaran tentang tanggungjawab individu terhadap masyarakat dan memberikan pendidikan, memupuk perasaan cinta terhadap agama, bangsa dan negara.

Strategi dan perancangan pasukan polis terhadap perhubungan baik dengan masyarakat akan mendatangkan kejayaan kepada pasukan dan juga kestabilan negara. Kegagalan pasukan polis mewujudkan keamanan dan kestabilan negara, akan turut memberi kesan secara langsung kepada masyarakat. Jadi setiap pihak seharusnya mengambil berat tentang perkara ini untuk faedah dan kebaikan bersama. Pasukan polis menjalankan tugas untuk faedah keseluruhan rakyat dan negara tanpa mengamalkan diskriminasi antara kaum, bangsa dan warna kulit. Ini ditegaskan oleh Tun Mohd. Haniff Omar sebagai:

Dalam konteks penguatkuasaan undang-undang pendekatan yang mesti kita gunakan ialah undang-undang dalam pengertiannya tanpa mengira bangsa, kepercayaan, warna kulit, dan status. Adalah menjadi pegangan teguh kita bahawa Pasukan Polis Diraja Malaysia untuk semua rakyat dan tidak ada hubungan kepada kepentingan sesuatu kelompok. Justeru itu sebagai anggota polis kita tidak takut untuk menguatkuasakan undang-undang walaupun suatu undang-undang tertentu digubal dari semasa ke semasa yang bertentangan dengan kepentingan bahagian tertentu, kerana kita bukanlah atau untuk mana-mana bahagian masyarakat tetapi kita adalah dan untuk keseluruhan masyarakat.¹⁰¹

Kesimpulannya, kesedaran polis dan masyarakat bahawa pentingnya diwujudkan kerjasama rapat ini sesungguhnya dapat memberikan kebaikan kepada negara. Kesedaran dan penghayatan ini akan membangkitkan perasaan kesefahaman bagi memupuk semangat kerjasama antara polis dengan masyarakat. Pasukan polis ialah sebuah institusi yang berorientasikan perkhidmatan¹⁰² untuk menegakkan keluhuran perlembagaan dan kedaulatan undang-undang. Perkhidmatan ini tidak mungkin akan dapat disempurnakan tanpa sokongan dan kerjasama daripada masyarakat.

101 Mohd. Reduan Aslie 1990. *Tun Mohd. Haniff Omar: Kepolisan dan Keselamatan*. Kuala Lumpur: AMK Interaksi Sdn. Bhd.

102 *Berita Bukit Aman*, Februari 1984. Cawangan Perhubungan Awam Bukit Aman, hlm. 19.

BAB 4

KUASA POLIS DALAM AKTA

PENDAHULUAN

Pasukan polis merupakan sebuah institusi yang diberi mandat oleh masyarakat dan berkhidmat sebagai penghubung antara ahli masyarakat.¹ Polis mempunyai tanggungjawab kepada masyarakat untuk mengambil langkah-langkah yang perlu bagi menyelesaikan kesalahan jenayah yang berlaku. Polis juga melindungi orang ramai daripada jenayah yang dilakukan oleh mana-mana orang tanpa mengira umur.² Sesungguhnya tugas dan tanggungjawab polis adalah sebagai organisasi penguat kuasa undang-undang negara. Pada asasnya penguatkuasaan undang-undang adalah tentang pengumpulan maklumat dan keterangan berkenaan kesalahan yang dilaporkan dan dengan pengeksanan serta tangkapan terhadap orang-orang yang disyaki melakukan kesalahan. Tugas tersebut berkaitan dengan jenayah dalam keadaan yang bermatlamat dan bermanfaat kepada masyarakat.³

Tanggungjawab ini penting kerana ia berhubung dengan soal keamanan dan kestabilan negara. Faktor keamanan dan kestabilan negara merupakan nilai teras (*core value*) dan sosial sesebuah negara.⁴ Tanpa keamanan dan kestabilan, ekonomi negara dan juga kehidupan rakyat akan menjadi porak-peranda. Tidak ada pihak yang sanggup

-
- 1 Bayley D.H. 1975. "The Police and Political Development in Europe" dlm. C. Tilly (ed.) *The Formation of National States in Western Europe*. Princeton: Princeton University Press, hlm. 1.
 - 2 Allan Coffey, Edward Elderson & Walter Hartinger 1974. *Human Relations - Law, Enforcement in a Changing Community*. New Jersey: Prentice-Hall Inc. Englewood Cliffs, hlm. 23.
 - 3 *Ibid.*
 - 4 Tun Mohd. Haniff Omar 1989. Ucapan Penganugerahan Doktor Kehormat UKM.

melabur dan menjalankan urusan perniagaan. Begitu juga negara akan banyak menghabiskan perbelanjaan untuk keselamatan dan juga pertahanan, sedangkan perbelanjaan tidak dapat ditumpukan untuk kemajuan ekonomi, pembangunan infrastruktur dan sosial serta pendidikan. Justeru itu faktor keamanan dan keselamatan yang dibebankan ke bahu pasukan polis merupakan sesuatu yang amat penting dan perlu dipertahankan. Namun begitu nilai keamanan hanya akan dapat dirasakan jika telah hilang daripada kita.⁵

Dalam Sistem Keadilan Jenayah, pasukan polis merupakan sebuah agensi yang paling rapat dan sering diperhatikan oleh masyarakat. Ini dijelaskan oleh Allan Coffey bahawa:

Jarang rakyat melihat hakim, juga pendakwa raya, koroner, *sheriff*, pegawai pemulihan (*probation officer*) atau *warder* penjara. Polis yang berkawal lebih dikenali oleh semua. Pakaian seragamnya mengasingkannya daripada orang ramai dan dia menjadi simbol undang-undang bukan selalunya di atas keagungan (*majesty*), tetapi semata-mata di atas kuasa yang dimiliki. Sama ada anggota polis suka atau tidak, mereka selama-lamanya menjadi orang yang mendapat perhatian (*marked men*).⁶

Ini bermakna polis sebagai simbol undang-undang melalui kuasa yang diberikan oleh statut dan undang-undang yang sedang berkuat kuasa. Kuasa tersebut telah dibentuk dan digubal begitu rupa oleh Parlimen demi menegakkan keamanan dan keselamatan negara. Di samping kuasa yang terkandung dalam statut, terdapat juga kuasa budi bicara yang dijalankan oleh polis.

DEFINISI KUASA

Dalam pengertian bahasa, kuasa (*power*) bermaksud daya atau kemampuan untuk mengerjakan sesuatu; keupayaan; kekuatan tenaga; hak atau kewibawaan atas sesuatu atau untuk melakukan sesuatu (yang ditentukan oleh undang-undang, peraturan dan lain-lain), orang yang diberi hak untuk melakukan atau menentukan sesuatu.⁷

Namun begitu beberapa orang penulis mendefinisikan kuasa dalam pelbagai ungkapan yang berlainan menurut tafsiran masing-masing. Dr. A.R. Biswas mendefinisikan kuasa sebagai:

5 *Ibid.*

6 Allan Coffey 1974. *Op. cit.*, hlm. 43.

7 *Kamus Dewan* (Edisi Baru) 1989. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, hlm. 663.

Kuasa boleh didefinisikan sebagai autoriti yang diberi oleh seseorang yang dipanggil 'donor' (pemberi kuasa) kepada seseorang yang lain dipanggil penerima (*donee*) membolehkan penerima berurusan dengan atau melepaskan harta atau sahsiahnya sama ada secara mutlak atau sebahagiannya dan sama ada bagi kepentingan peribadinya atau bagi kepentingan orang lain dan sama ada ya atau tidak dia sudah pun mempunyai kepentingan dalam perkara yang dipertikaikan sebelum dia melaksanakan autoriti tersebut.⁸

Menurut E.R. Hardy Ivamy kuasa ialah:

Autoriti untuk melepaskan apa-apa harta atau harta persendirian secara bebas atau pengurangan bagi mana-mana harta yang ada atau kepentingan di dalamnya.⁹

Sementara itu, Henry Campbell Black mentakrifkan kuasa sebagai:

Hak, kemampuan, autoriti atau kebolehan melakukan sesuatu.¹⁰

Daripada definisi dan tafsiran tersebut menunjukkan bahawa kuasa diperuntukkan kepada seseorang untuk melakukan sesuatu perkara atau meninggalkan sesuatu perkara. Dalam kes *Porter Iwn Household Finance Corp. of Columbus*,¹¹ dijelaskan bahawa kuasa ialah autoriti untuk melakukan apa-apa tindakan menjamin atau membolehkan pelaksanaan undang-undang dijalankan.

PERBEZAAN KUASA DAN AUTORITI

Kuasa dan autoriti adalah dua perkara yang saling berkaitan, kerana autoriti ditafsirkan sebagai "hak untuk menjalankan kuasa, untuk melaksana dan menguatkuasakan undang-undang".¹² Dalam keadaan lain autoriti juga disebut sebagai "kuasa diberi oleh seorang kepada seorang lain untuk membolehkan dia melakukan sesetengah tindakan, satu badan pemerintah, alasan bagi sesetengah cadangan perundangan".¹³

Begitu juga autoriti dikatakan: hak, pihak berkuasa atau perintah

8 A.R. Biswas 1976. *Mitras Legal and Commercial Dictionary*. Calcutta: Eastern Law House, hlm. 546.

9 E.R. Hardy Ivamy 1988. *Mozley and Whiteley's Law Dictionary*. London: Butterworth's, hlm. 348.

10 Henry Campbell Black 1979. *Black's Law Dictionary*. St Paul Minn West Publishing Co., hlm. 1053.

11 D.C. Ohio, 385 F. Supp. 336, 341.

12 Henry Campbell Black, *op. cit.*, hlm. 121.

13 *Ibid.*, hlm. 40 dan 41.

perundangan, juga kuasa perundangan untuk melakukan tindakan oleh seseorang kepada seorang yang lain.¹⁴

Daripada tafsiran tersebut, bermakna autoriti termasuk juga badan-badan yang diberikan dengan kuasa tertentu. Dalam kes *Badri Prasad Iwn President District Board*,¹⁵ telah diputuskan suatu badan yang tidak diiktiraf oleh undang-undang sebagai *legal entity* tidak boleh dianggap sebagai autoriti.

Kesimpulannya, kuasa dan autoriti saling berkaitan kerana autoriti adalah suatu kuasa badan yang menjalankan fungsinya melalui peruntukan tertentu yang diberikan. Pasukan polis bertindak sebagai sebuah badan autoriti yang mendapat kuasa melalui peruntukan statut atau undang-undang yang sedang berkuat kuasa. Namun begitu, polis dalam menjalankan kuasa tersebut tidaklah boleh menyeleweng daripada apa yang telah ditentukan oleh statut dan undang-undang berkenaan. Secara tepatnya kuasa tersebut terhad dan bukanlah merupakan satu autoriti yang luas atau tidak ada hadnya, kerana dia tertakluk pada peraturan yang telah ditetapkan.

KUASA POLIS DAN *POLICE STATE*

Kuasa polis mestilah dibezakan dengan negara polis atau *police state*. Secara ringkas *police state* merupakan suatu sistem pemerintahan yang mana semua badan pemerintahan, iaitu perundangan (*legislative*), eksekutif dan kehakiman (*judiciary*) dikuasai oleh seorang pemimpin yang paling berkuasa (diktator).¹⁶

Di bawah sistem *police state*, pasukan polis merupakan satu agensi yang paling berpengaruh dan kuat menyokong pemimpin yang berkuasa. Setiap undang-undang yang dibuat semata-mata untuk keperluan pemerintah dan undang-undang tersebut boleh berubah-ubah mengikut keadaan. Kebebasan akhbar dan media lain terjejas akibat dikongkong oleh pemerintah. Rakyat juga terpaksa mengikut undang-undang yang dibuat oleh pemerintah dan mereka tidak sekali-kali dibenarkan membantah ataupun membuat sebarang bantahan terhadap undang-undang tersebut. Contoh yang jelas tentang pasukan polis di bawah sistem *police state* ialah polis *Savak* di Iran dan polis *Nazi* di Jerman.¹⁷ Pasukan Polis Diraja Malaysia tidak diberikan kuasa yang

14 A. R. Biswas 1976 *Mitras Legal and Commercial Dictionary*. Calcutta: Eastern Law House.

15 AIR, [1952], All 681.

16 *Pengaman*, Julai/September 1983 Cawangan Perhubungan Awam Bukit Aman.

17 *Ibid*.

terlalu luas kerana tertakluk pada undang-undang dan peraturan yang tertentu.

KEDUDUKAN KUASA POLIS DI UNITED KINGDOM

Semenjak tahun 60-an kuasa polis menjadi perkara yang diperbahaskan secara hangat di United Kingdom. Ia menjadi konflik antara beberapa golongan yang berlainan. Bagi pihak polis, mereka inginkan undang-undang yang ketat serta kuasa yang lebih untuk membolehkan mereka menjaga keamanan dan kestabilan negara dengan lebih berkesan, terutama dalam menghadapi ancaman jenayah serta aktiviti haram. Seorang jurucakap *Police Federation of United Kingdom*, James Jordin pada bulan Mac, 1982 telah mendesak supaya diadakan peperangan terhadap jenayah dan seterusnya mengutuk kerajaan kerana tidak mengambil langkah tertentu untuk menambahkan kuasa polis, di samping menganggap kerajaan hanya sebagai *paying lip service to the rule of law*.¹⁸ Pada bulan Januari 1983 pula *Police Federation* sekali lagi mengecam dasar kerajaan yang terlalu berlembut dengan 'perusuh dan perosak negara' apabila berlaku pertikaian antara majikan dengan pekerja (*labour dispute*).¹⁹

Hasil daripada kecaman itu di samping beberapa kritikan lain, pada tahun 1984 Parlimen British telah menggubal Akta Polis dan Keterangan Jenayah.²⁰ Akta tersebut telah memberi kuasa yang lebih luas kepada pihak polis untuk menahan, menangkap dan menyoal siasat orang-orang yang disyaki terlibat melakukan jenayah dan juga dalam penerimaan keterangan.

Namun begitu dari sudut lain, penggubalan akta tersebut telah menimbulkan reaksi yang negatif di kalangan pihak tertentu, terutamanya Majlis Peguam yang menuduh kerajaan meningkatkan penceroobohan hak asasi terhadap individu dan masyarakat, dan menegaskan bahawa tugas polis berupa paksaan, tidak lagi secara persetujuan masyarakat (*public consent*). Mereka juga mempertikaikan tentang prinsip peraturan undang-undang (*rule of law*) yang menurut mereka pihak polis sendiri sebagai organisasi penguat kuasa undang-undang perlu mematuhi undang-undang dalam menjalankan tugas mereka.

Prinsip peraturan undang-undang perlu ditafsirkan dengan betul di United Kingdom kerana tidak mempunyai perlembagaan bertulis yang

18 Musa Dato' Hj. Hassan 1989. *Rule of Law and Police Accountability*. Kertas kerja Maktab Polis Kuala Kubu Bharu, Selangor.

19 *Ibid.*

20 *Ibid.*

menjamin hak dan kebebasan asasi rakyat. Prinsip peraturan undang-undang ini sebenarnya diilhamkan oleh Dicey (1885) mengikut prinsip yang terkandung dalam *Magna Charter 1215 (Bil of Rights)* yang meletakkan bahawa ketua negara juga tertakluk kepada undang-undang bagi mengelakkan kekejaman pemerintahan raja Inggeris pada masa itu.²¹ Tiga prinsip penting yang digariskan oleh Dicey ialah:

- (a) Hukuman hanya boleh dijatuhkan sekiranya berlaku pengingkar-undangan melalui pengesahan atau keputusan perbicaraan mahkamah.
- (b) Hak yang sama rata antara setiap individu.
- (c) Mahkamah adalah untuk memelihara hak dan kebebasan rakyat.²²

Penekanan pada prinsip peraturan undang-undang di United Kingdom nampaknya memperlihatkan bahawa golongan tersebut tidak mengizinkan kuasa yang berlebihan yang diberikan kepada polis oleh penggubal undang-undang. Apa yang penting bagi mereka ialah kandungan undang-undang (*quatitative content*) tersebut memerlukan nilai dan kualiti (*qualitative values and qualitative standards*) yang tinggi dan dengan itu masyarakat akan lebih senang untuk mematuhi tanpa memberikan kuasa yang lebih luas pada organisasi penguat kuasa undang-undang.

Akan tetapi pihak polis yang menjalankan kuat kuasa undang-undang berpendapat kuasa yang lebih luas diperlukan bagi mencapai sesuatu tujuan. Contohnya, dalam menjalankan tugas mengawal keamanan, tangkapan untuk siasatan dan mendapatkan maklumat bagi tujuan mencegah berlakunya jenayah diperlukan. Pihak polis memerlukan kuasa untuk melakukan tangkapan tersebut. Tetapi pendapat pihak lain, pemberian kuasa itu telah mengabaikan pelaksanaan prinsip, peraturan undang-undang juga hak kebebasan peribadi seseorang.

Walau apa pun yang dibahaskan oleh pihak berkenaan, Akta Polis dan Keterangan Jenayah telah pun diwujudkan di United Kingdom dan ia berkuat kuasa sehingga ke hari ini.

PEMBENTUKAN KUASA POLIS DI MALAYSIA

Dari sudut sejarah, kuasa polis seperti siasatan dan tangkapan pada zaman kegemilangan pemerintahan kesultanan Melayu dikendalikan

21 *Ibid.*

22 *Ibid.*

oleh pemerintah, mengikut adat dan undang-undang pada masa itu. Kuasa itu diwakilkan kepada pembesar istana seperti Temenggung dan Bendahara. Kuasa ini kemudian dikodifikasikan menjadi undang-undang bertulis iaitu "Kanun Undang-undang Melaka" yang dibuat atas arahan Sultan Muzaffar Syah pada abad ke-15.²³ Undang-undang Terengganu (1881-1918) memperuntukkan kuasa siasatan sebagai:

Apabila hakim telah menerima pendakwaan seseorang, maka berkehendaklah ia akan mudalih, maka hendaklah kalian menyuruh khatib menulis surat dipanggil.²⁴

Di samping itu, kuasa penghakiman telah juga dicatatkan, iaitu:

Apabila tiada didatang orang yang dipanggil oleh hakim daripada mudail atau mudalih atau saksi atau lain daripada mereka serta melampaui mereka itu akan masa perjanjian yang diputuskan oleh hakim akan hal datangnya maka hendaklah hakim mentaksirkan akan mereka itu akan sebagai taksir yang layak jika jel dari lima hingga lima belas hari atau denda dari 10 ringgit hingga 30 ringgit.²⁵

Kini Malaysia merupakan sebuah negara yang mengamalkan sistem pemerintah demokrasi berparlimen dan perlembagaan merupakan undang-undang tertinggi Persekutuan (*supreme of federation*), kita berpegang teguh pada prinsip peraturan dan undang-undang dan hak asasi manusia. Asasnya ialah untuk memaju dan mencapai keadilan.²⁶ Parlimen adalah lembaga tertinggi dan mengikut Perkara 44 Perlembagaan Malaysia menggariskan institusi Parlimen mengandungi Yang di-Pertuan Agong, Dewan Negara dan Dewan Rakyat.²⁷ Dewan Negara terdiri daripada ahli yang dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong dan Dewan Rakyat dianggotai oleh wakil rakyat dari kawasan pilihan raya. Parlimen Malaysia adalah berdasarkan Parlimen British. Parlimen mempunyai kuasa membuat undang-undang yang digariskan dalam Jadual Kesembilan, Perlembagaan Malaysia, iaitu undang-undang yang mempunyai kepentingan nasional. Manakala Dewan Negeri berkuasa membuat undang-undang yang tidak berkepentingan nasional.²⁸ Di samping itu dalam hal tertentu terdapat peruntukan perlembagaan yang memberikan kuasa kepada Kerajaan Persekutuan dan kerajaan negeri

23 *Al-Ahkam Jilid 2* 1990. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, hlm. 4.

24 Bab 11, fasal 11, Undang-undang Terengganu.

25 *Ibid.*, Bab 7, fasal 11.

26 Tun Abdul Hamid Omar 1983. *Berita Bukit Aman*. Julai.

27 *Lih.* Perkara 44, Perlembagaan Malaysia.

28 Ahmad Atory Hussain 1983. *Pengantar Pentadbiran Awam*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd., hlm. 46. *Lih. juga* Perkara 73, Perlembagaan Malaysia.

membuat undang-undang secara bersama. Sekiranya terdapat pertentangan antara undang-undang Persekutuan dengan peruntukan undang-undang negeri, maka undang-undang Persekutuan dipakai.²⁹

Kuasa polis diperoleh melalui penggubalan undang-undang bertulis³⁰ seperti Akta Polis, Kanun Acara Jenayah, Akta Keselamatan Dalam Negeri, Akta Senjata Api, dan statut lain yang diluluskan oleh Parlimen selepas cadangan dan perbahasan terhadap rang undang-undang itu dibuat. Rang undang-undang yang diluluskan di Dewan Negara hendaklah dipersetujui oleh Yang di-Pertuan Agong,³¹ sebelum ia menjadi undang-undang yang sah. Sebenarnya rang undang-undang itu perlu dibincang dan dikaji oleh kementerian berkenaan terlebih dahulu dan kemudiannya dibawa ke Pejabat Peguam Negara untuk digubal oleh penggubal undang-undang Parlimen. Cadangan rang undang-undang itu setelah siap draf gubalan, bolehlah dibaca dalam mana-mana satu majlis Parlimen kecuali rang undang-undang kewangan yang mesti dimulai di Dewan Rakyat.³² Notis hendaklah diberi oleh Dewan Rakyat atau Dewan Negara sebelum mana-mana rang undang-undang pertama kalinya dibaca di Parlimen.

Apabila Dewan Rakyat meluluskan rang undang-undang tersebut setelah tiga kali bacaan, ia kemudiannya dibawa ke Dewan Negara untuk dibahaskan. Di Dewan Negara, rang undang-undang tersebut akan dibaca sebanyak tiga kali dan apabila diluluskan ia akan dipersembahkan kepada Yang di-Pertuan Agong untuk diperkenankan. Semua undang-undang yang diluluskan di Parlimen dan diperkenankan oleh Yang di-Pertuan Agong mempunyai kedaulatan mutlak, berkuat kuasa dan mestilah dipatuhi oleh semua rakyat.³³ Sungguhpun Yang di-Pertuan Agong tidak memperkenankan rang undang-undang yang diluluskan di Dewan Rakyat dan Dewan Negara, rang undang-undang tersebut masih boleh berkuat kuasa. Ini dinyatakan dengan jelas dalam Perkara 66 fasal (4A) dan Perkara 66 fasal (4B), iaitu selepas tempoh 30 hari rang

29 *Ibid.*, hlm. 46.

30 Undang-undang bertulis bermaksud semua Akta Parlimen yang diluluskan oleh Parlimen dan enakmen negeri yang diluluskan oleh Dewan Undangan Negeri. (Di Sabah dan Sarawak, enakmen negeri dikenali dengan nama 'Ordinan Negeri'). Tafsiran ini termasuk semua undang-undang yang telah diluluskan oleh badan-badan perundangan sebelum Hari Merdeka (di Malaysia Barat) dan sebelum Hari Malaysia (di Malaysia Timur) yang dikenali dalam buku-buku statut sebagai *ordinance* atau *enactment*. Semua undang-undang di atas adalah statut atau "statutes" (Hakim Yeop Sani, *Bagaimana Undang-undang Kita Diperbuat*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Pustaka, hlm. 10).

31 Perkara 66, Perlembagaan Malaysia.

32 Ahmad Atory Hussain 1983 *Op. cit.*, hlm. 51.

33 *Ibid.*, hlm. 51.

undang-undang itu dipersembahkan kepada Yang di-Pertuan Agong buat kali kedua. Rang undang-undang tersebut menjadi undang-undang sah berkuat kuasa seolah-olah baginda telah memperkenankannya.³⁴ Dalam pada itu mahkamah mempunyai bidang kuasa untuk mentafsir mana-mana undang-undang dan mengisytiharkan mana-mana undang-undang yang dibuat oleh Persekutuan dan negeri sebagai tidak sah sekiranya ia dibuat secara tidak sah seperti di luar bidang kuasa Parlimen atau negeri ataupun bertentangan dengan peruntukan perlembagaan.³⁵ Ini merupakan tanggungjawab mahkamah untuk mengekalkan keadilan semula jadi (*natural justice*) dan mempertahankan hak asasi rakyat melalui semakan kehakiman dan tafsiran kehakiman. Tugas mahkamah memastikan badan perundangan memainkan peranan penting seperti yang dijelaskan oleh Kongres Juri Antarabangsa (*International Congress of Jurist*) di New Delhi pada tahun 1959 sebagai:

Tugas badan perundangan dalam masyarakat yang bebas di bawah hukuman undang-undang ialah mewujudkan serta memelihara suasana yang akan menjamin darjat kemuliaan manusia sebagai seorang individu. Darjat kemuliaan ini memerlukan bukan hanya pengakuan terhadap hak-hak asasi seseorang itu tetapi juga memerlukan terbenutnya suasana serta keadaan yang baik dari segi sosial, ekonomi, pendidikan dan kebudayaan yang segala-galanya dianggap amat penting bagi perkembangan penuh sahsiahnya.³⁶

Berdasarkan perbincangan di atas, jelaslah bahawa kuasa polis diperoleh daripada undang-undang bertulis yang diluluskan di Parlimen. Kuasa tersebut menjadi sah, mutlak dan boleh dikuatkuasakan. Setiap rakyat diwajibkan mematuhiya dan polis diwajibkan menjalankan kuasa tersebut mengikut apa yang digariskan dalam undang-undang berkenaan. Sebarang penyelewengan dan perbuatan yang sewenang-wenangnya adalah *arbitrariness* dan *ultra vires*. Perbuatan tersebut *void in abnatio* serta pegawai polis tersebut boleh diambil tindakan mengikut undang-undang yang ditetapkan.

KUASA POLIS

Polis mempunyai kuasa yang amat luas. Kuasa polis boleh didapati dalam kebanyakan undang-undang atau akta terutamanya dalam aspek penguatkuasaan undang-undang. Ini disebabkan polis merupakan satu

34 Perkara 66(4B), Perlembagaan Malaysia.

35 Tun Mohd. Suffian Hashim 1974. *Mengenal Perlembagaan Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Pustaka, hlm. 97. Lih. juga keterangan Perkara 63(2), Perlembagaan Malaysia.

badan penguat kuasa yang utama di negara kita.³⁷

Fungsi Polis Diraja Malaysia terkandung dalam seksyen 3(3) Akta Polis 1967.

Pasukan hendaklah tertakluk kepada peruntukan-peruntukan akta ini, diguna khidmat di dalam dan di seluruh Persekutuan (termasuk perairan wilayahnya) bagi memelihara undang-undang dan ketenteraman, mengekalkan keamanan dan keselamatan Persekutuan, mencegah dan mengintip jenayah, menangkap dan mendakwa pesalah-pesalah dan mengumpul risikan keselamatan.

Daripada peruntukan seksyen 3(3) Akta Polis 1967 itu jelaslah bahawa polis mempunyai lima fungsi utama iaitu: memelihara undang-undang dan ketenteraman; mengekalkan keamanan dan keselamatan Malaysia; mencegah dan mengesan jenayah; menangkap dan mendakwa pesalah-pesalah, dan mengumpul risikan keselamatan.³⁸

Namun begitu, masyarakat masih lagi tidak memahami kuasa yang ada pada polis. Apa yang kebanyakan mereka tahu ialah polis hanya diberi kuasa menangkap sahaja. Pada masa yang sama segelintir masyarakat mempersoalkan kuasa yang diberi kepada polis itu. Baldwin mengatakan:

Isu apakah kuasa yang patut diberi kepada polis telah diketengahkan dalam perdebatan polis, walaupun kaitan antara fungsi dan kuasa tidak dibuat secara jelas.³⁹

Dalam Bahagian VII Akta Polis 1967 telah menggariskan tugas dan kuasa polis. Secara umumnya terdapat 18 seksyen yang mencakupi pelbagai tugas dan kuasa polis dalam bahagian ini, iaitu: seksyen 19 hingga 27, 27A, 27B, 27C, dan 28 hingga 33 (lihat Lampiran A).

Sementara itu tugas am pegawai polis seperti dinyatakan dalam seksyen 20(3) Akta Polis 1967, antara lain termasuklah:

Menangkap semua orang yang dia diberi kuasa oleh undang-undang menangkap, memproses risikan keselamatan, menjalankan pendakwaan, memberi bantuan dalam melindungi nyawa dan harta, melindungi harta awam daripada hilang atau rosak, dan lain-lain.⁴⁰

37 Zakaria Hj. Ahmad 1978 "Some Notes on Police Corruption, with Reference to Malaysia". A paper presented at the 4th. working meeting of IDRC (ASIA) project on bureaucratic behaviour and national development at Hong Kong, August 25-29.

38 *Ibid.*

39 Baldwin dan Kinsey R. 1982. *Police Powers and Politics*. London: Quartet Books London, hlm. 7.

40 Untuk menjelaskan lagi kenyataan ini sila lihat seksyen 20(3), Akta Polis 1967 (Lampiran A).

Daripada seksyen yang dinyatakan di atas, jelas terdapat kuasa yang mencakupi tangkapan, penyiasatan, pengegedahan dan pendakwaan, di samping tugas penguatkuasaan undang-undang negara. Kuasa tersebut terkandung juga dalam Kanun Acara Jenayah dan juga undang-undang (*specific laws*) seperti Akta Keselamatan Dalam Negeri, Akta Dadah Berbahaya, Akta Hasutan, dan sebagainya. Bab ini akan memberi penekanan pada kuasa polis berkenaan tangkapan, penyiasatan, pengegedahan dan pendakwaan.

Kuasa Tangkapan

Kanun Acara Jenayah memperuntukkan prosedur yang mesti diambil bagi kesalahan yang dinyatakan dalam Kanun Keseksaan dan kanun undang-undang lain yang berkuat kuasa di Malaysia. Seksyen 2(1) kanun ini mendefinisikan kesalahan sebagai:

Sebarang perbuatan atau ketinggalan yang boleh dihukum oleh sebarang undang-undang yang sedang berkuat kuasa.

Segala kesalahan di bawah Kanun Keseksaan dan undang-undang lain hendaklah disiasat dan dibicarakan mengikut peraturan Kanun Acara Jenayah, kecuali sebarang undang-undang am yang sedang berkuat kuasa telah pun mengatur cara dan tempat bagi siasatan atau perbicaraan itu.⁴¹

Terdapat empat kategori orang yang telah diperuntukkan oleh undang-undang untuk membuat tangkapan iaitu:

- (a) Polis
- (b) Penghulu
- (c) Orang awam
- (d) Majistret atau Jaksa Pendamai.

Pegawai polis bermaksud semua anggota Polis Diraja Malaysia. Ini termasuklah pegawai kanan polis berpangkat Inspektor Percubaan hingga ke pangkat Ketua Polis Negara; pegawai rendah polis daripada pangkat Koperal hingga ke pangkat Sub-Inspektor; dan konstabel berpangkat rendah daripada Koperal dan termasuk rekrut.⁴² Secara umumnya kesalahan boleh dibahagikan kepada dua, iaitu kesalahan yang boleh ditangkap tanpa waran (*seizable offence*) dan kesalahan

41 Seksyen 3, Kanun Acara Jenayah.

42 Seksyen 2(1), Akta Polis 1967.

yang tidak boleh ditangkap tanpa waran (*non-seizable offence*). Kesalahan boleh ditangkap tanpa waran ialah semua kesalahan yang terkandung dalam Jadual Pertama Kanun Acara Jenayah.⁴³ Kesalahan tersebut termasuklah semua kesalahan di bawah Kanun Keseksaan dan undang-undang lain yang sedang berkuat kuasa hukumannya dengan hukuman mati atau penjara jika sabit sehingga tiga tahun ataupun lebih. Namun begitu ada juga kesalahan yang tidak sampai hukuman penjara tiga tahun tetapi terdapat tafsiran khas sesuatu undang-undang yang sedang berkuat kuasa bahawa ia adalah kesalahan yang lazim ditangkap, maka tafsiran itu mestilah diikuti. Sebagai contoh yang nyata ialah seksyen 27 Akta Polis 1967 berkenaan dengan perhimpunan, rapat umum, perjumpaan dan perarakan. Seksyen 27(6) memperuntukkan:

Mana-mana pegawai polis boleh, tanpa waran, menangkap seseorang yang munasabah disyaki melakukan apa-apa kesalahan di bawah seksyen ini.

Sementara seksyen 27(8) memperuntukkan hukuman yang tidak sampai tiga tahun, iaitu:

Mana-mana orang yang melakukan suatu kesalahan di bawah seksyen ini boleh apabila disabitkan dikenakan denda tidak kurang daripada dua ribu ringgit tetapi tidak lebih daripada sepuluh ribu ringgit dan hukuman penjara selama tempoh tidak melebihi satu tahun.

Dalam hal ini, sungguhpun kesalahan itu tidak termasuk dalam Jadual Pertama Kanun Keseksaan dan undang-undang lain yang hukumannya melebihi tiga tahun, namun ia terpakai kerana telah wujud undang-undang khas dalam Akta Polis yang menetapkan sedemikian.

Mengikut seksyen 23 Kanun Acara Jenayah, pegawai polis atau penghulu boleh membuat tangkapan bagi kesalahan yang boleh ditangkap tanpa waran (*seizable offence*).⁴⁴ Walau bagaimanapun polis atau penghulu boleh juga membuat tangkapan atas kesalahan yang tidak boleh ditangkap tanpa waran (*non-seizable offence*) jika seseorang itu melakukan kesalahan di hadapan polis atau penghulu,⁴⁵ ataupun jika ia enggan memberikan nama atau alamat kediaman atau memberi nama dan tempat tinggal yang palsu menurut pandangan pegawai polis atau penghulu itu.⁴⁶ Begitu juga sekiranya ia memberikan alamat kediaman yang bukan dalam Persekutuan.⁴⁷

43 Seksyen 2(1), Kanun Acara Jenayah.

44 Seksyen 23(1)(a), Kanun Acara Jenayah.

45 Seksyen 24(i), *ibid.*

46 *Ibid.*

47 Seksyen 24(ii), *ibid.*

Undang-undang juga membenarkan orang awam melakukan tangkapan sekiranya kesalahan boleh tangkap tanpa waran (*seizable offence*) dan biasanya tidak berhak mendapat jaminan dilakukan di hadapannya.⁴⁸ Di samping itu orang awam juga boleh menangkap orang-orang yang telah diproklamasikan mengikut seksyen 44 Kanun Acara Jenayah.⁴⁹

Orang yang ditangkap oleh penghulu hendaklah diserahkan kepada pegawai polis atau dibawa ke balai polis dengan segera, dan pegawai polis hendaklah menangkap semula orang yang ditangkap itu.⁵⁰ Begitu juga orang awam yang menjalankan tangkapan hendaklah menyerahkan orang yang ditangkap itu kepada pegawai polis atau balai polis dengan tidak berlengah-lengah lagi.⁵¹ dan pegawai polis hendaklah menangkap semula jika pada pendapatnya ada kesalahan yang dilakukan.⁵² Keengganan memberikan nama dan tempat tinggal sebenar atau di luar daripada Persekutuan menyebabkan tindakan tangkapan mengikut seksyen 24 Kanun Acara Jenayah boleh dilakukan oleh pihak polis.⁵³ Walau bagaimanapun, sekiranya pegawai polis itu berpuas hati bahawa orang itu tidak melakukan kesalahan, dia bolehlah dibebaskan.⁵⁴

Maksud orang awam yang melakukan tangkapan supaya menyerahkan orang yang ditangkap ke balai polis "tanpa lengah-lengah" dapat dilihat dalam kes *Jone Lewis & Co. Ltd. lwn Tims*,⁵⁵ di mana ibu dan anak telah ditangkap di sebuah pasar raya atas kesalahan mencuri. Pihak pasar raya telah menjalankan pemeriksaan terhadap kedua-dua mereka dan kemudian ibu dibebaskan. Anaknya telah ditahan dan diserahkan kepada pegawai polis. Ibu telah memohon mahkamah mengisytiharkan yang dia dan anaknya ditahan tanpa membuat kesalahan dan terdapat kelengahan di bilik pengurusan pasar raya itu. Mahkamah telah memutuskan tidak ada kelengahan daripada bilik pengurusan pasar raya ke balai polis. Oleh yang demikian tangkapan yang dibuat oleh pengurus pasar raya itu sah.

Dalam melakukan tangkapan ini, mestilah diberi perhatian pada peruntukan hak kebebasan individu dalam perlembagaan negara. Perkara 5(1) Perlembagaan Malaysia memperuntukkan:

48 Seksyen 27(i), *ibid*.

49 *Ibid*.

50 *Ibid*.

51 Seksyen 25, *ibid*.

52 Seksyen 27(i), *ibid*.

53 Seksyen 27(ii), *ibid*.

54 Seksyen 27(iii), *ibid*.

55 [1951] 1 All. E. R. 1203.

Tiada seorang pun boleh dilucutkan kebebasan dirinya kecuali menurut undang-undang.

Peruntukan perlembagaan tentang hak kebebasan diri ini mestilah dipatuhi sama ada di bawah undang-undang biasa seperti Kanun Keseksaan, Akta Senjata api, Akta Dadah Berbahaya dan sebagainya, tetapi juga perlu diikuti dalam menguatkuasakan undang-undang darurat, iaitu Akta Keselamatan Dalam Negeri ataupun undang-undang khas keselamatan negara seperti *Preservation of Public Security Ordinance* 1961, dan sebagainya.

Dalam kes *Re Datuk James Wong Kim Min*,⁵⁶ persoalan yang timbul ialah sama ada tangkapan yang dibuat di bawah *Preservation of Public Security Ordinance* 1962, Sarawak, sah atau tidak kerana orang yang ditangkap itu menjalani hukuman di Penjara Taiping. Mahkamah telah memutuskan bahawa seseorang yang ditahan di bawah undang-undang negeri, iaitu *Preservation of Public Security Ordinance* 1952 Sarawak, tidak boleh ditahan di luar Sarawak, kerana undang-undang negeri hanya berkuat kuasa di Sarawak sahaja. Justeru itu tahanan itu tidak sah. Hakim Besar Borneo, Lee Hun Hoe dalam Mahkamah Persekutuan menyatakan:

Dalam sesuatu perkara yang asas dan penting seperti hak kebebasan seseorang, keputusan tegas kepada syarat-syarat undang-undang hendaklah diadakan apabila melucutkan seseorang daripada kebebasannya. Peruntukan-peruntukan yang penting dalam undang-undang yang membenarkan tahanan tanpa perbicaraan hendaklah diikuti dengan rapi dan syarat-syarat yang sengaja diadakan oleh undang-undang sebagai perlindungan seseorang rakyat hendaklah diberi kesan yang luas. Apabila tahanan itu tidak mengikuti cara yang ditetapkan oleh undang-undang, tahanan itu terbatal dan orang yang ditahan itu hendaklah dibebaskan.

Dalam perkara yang melibatkan kebebasan diri seseorang itu apabila memohon dibebaskan dengan *writ habeas corpus*, berhak menggunakan sebarang kecacatan teknikal yang boleh membatalkan perintah melucutkan kebebasannya.⁵⁷

Mahkamah memberikan perhatian yang ketat terhadap perlucutan hak kebebasan diri seseorang, kerana untuk memastikan ia dibuat mengikut undang-undang yang betul. Tangkapan yang dibuat oleh polis yang tidak mematuhi undang-undang adalah tidak sah dan batal.

56 [1976] 2 MLJ 245.

57 Lih. kes *Re Datuk James Wong Kim Min*, [1976] 2 MLJ 245.

Ini dapat dilihat dalam kes *Ketua Polis Negara lwn Tan Sri Raja Khalid*.⁵⁸ Tan Sri Raja Khalid ditangkap atas kesalahan penyalahgunaan wang di sebuah bank yang salah satu pemegang sahamnya ialah Lembaga Tabung Angkatan Tentera. Penahanannya disebabkan pihak polis bimbang satu rusuhan di kalangan tentera akan tercetus. Hakim Mahkamah Tinggi telah memutuskan alasan itu tidak mungkin berlaku dan oleh itu tahanan beliau adalah tidak berasas. Dengan itu beliau kemudiannya dibebaskan. Keputusan Mahkamah Tinggi telah disahkan oleh Mahkamah Agung. Ketua Hakim Negara, Tun Mohd. Salleh Abas (ketika itu) menyatakan:

Apabila seseorang yang telah dilucutkan kebebasannya mencabar tahananannya, pihak yang berkuasa hendaklah membuktikan bahawa, orang itu telah ditahan menurut kuasa yang diberi oleh undang-undang yang sah. Sebaik sahaja perkara ini dibuktikan, orang yang ditahan itu pula perlu membuktikan sebaliknya bahawa kuasa itu telah digunakan *mala fide* atau disalahgunakan atau digunakan bagi maksud *collateral* (sampingan) atau *ulterior* (terselindung).⁵⁹

Kenyataan bekas Ketua Hakim Negara itu menegaskan undang-undang memberikan hak membela diri kepada seseorang apabila hak kebebasan dirinya telah dilucutkan. Pihak polis yang membuat tangkapan mesti membuktikan bahawa perlucutan hak kebebasan diri itu dilakukan dengan *bona fide* dan menurut peruntukan undang-undang. Sebaliknya orang yang ditangkap boleh mengemukakan hujah dan bukti bagi mencabar pihak polis. Keputusan dalam kes *Ketua Polis Negara lwn Tan Sri Raja Khalid*,⁶⁰ agak bertentangan dengan keputusan dalam kes terdahulu yang mana penilaian secara objektif diambil kira. Dalam kes *Karam Singh lwn Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri Malaysia*,⁶¹ Mahkamah Persekutuan memutuskan apabila seseorang ditahan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri, soal terdapat alasan yang munasabah untuk menahan orang itu bergantung pada pegawai yang berkenaan dan dasar kerajaan, ini bermakna keputusan hanya boleh dibuat oleh pemerintah.

Keputusan Mahkamah Persekutuan didasarkan pada seksyen 73(7) Akta Keselamatan Dalam Negeri yang memperuntukkan seseorang yang ditahan di bawah kuasa yang diberi oleh akta ini hendaklah dianggap dalam tahanan yang sah. Jadi, apabila seseorang ditahan di bawah

58 [1988] 1 MLJ 182.

59 *Ibid.*

60 [1988] 1 MLJ 182.

61 [1969] 2 MLJ 129.

seksyen 73(1) atau seksyen 8 Akta Keselamatan Dalam Negeri, mahkamah tidak boleh mengarahkan pegawai polis atau menteri membuktikan pada mahkamah yang ada alasan mencukupi untuk mempercayai seseorang itu perlu ditahan. Namun begitu, keputusan dalam kes *Tan Sri Raja Khalid* menunjukkan bahawa pihak polis memberikan alasan tahanan dan mahkamah boleh menilai sama ada alasan itu munasabah ataupun tidak.

Tangkapan mestilah "menurut undang-undang", dalam perlembagaan negara⁶² bermaksud undang-undang yang berkuat kuasa di Malaysia. Undang-undang itu ditakrifkan termasuk undang-undang bertulis dan adat yang mempunyai kuat kuasa undang-undang dan termasuk *Common Law* seksyen 3 *Civil Law Act* menyebutkan:

Common Law tersebut, peraturan-peraturan ekuiti dan statut-statut bagi kegunaan umum akan digunakan hanya selagi keadaan negeri-negeri Malaysia dan penduduk-penduduk yang berkenaan membolehkannya dan tertakluk kepada syarat-syarat penyesuaian jika keadaan tempatan memerlukan.⁶³

Undang-undang Islam tidak termasuk dalam takrif undang-undang negara. Namun begitu, undang-undang Islam hanya dalam hal yang berhubung dengan kekeluargaan orang Islam seperti perkahwinan, perceraian, pengambilan anak angkat, perihal sah taraf anak, warisan dan beberapa kesalahan tertentu dari segi agama merupakan sumber undang-undang Malaysia.⁶⁴ Keputusan mahkamah yang lebih tinggi juga mengikat keputusan mahkamah yang lebih rendah daripadanya atau dikenali dengan 'Doktrin Dulu' ataupun 'Doktrin Teladan Kehakiman'.⁶⁵ Lord Atkin menyatakan sesuatu tangkapan itu *prima facie* tidak sah dan terpulanglah kepada orang yang membuat tangkapan memberi alasan bahawa tangkapan itu sah di sisi undang-undang yang sedang berkuat kuasa.

Pihak polis yang membuat tangkapan juga hendaklah mematuhi peruntukan Perkara 5 fasal (3), Perlembagaan Malaysia, iaitu:

Jika seseorang ditangkap maka ia hendaklah diberitahu dengan seberapa segera yang boleh sebab-sebab ia ditangkap dan ia hendaklah dibenarkan berunding dengan seorang pengamal undang-undang yang dipilih olehnya dan dibela oleh pengamal undang-undang itu.

62 Perkara 5(1), Perlembagaan Malaysia.

63 *Civil Law Act*, Undang-undang Malaysia, Akta 67, 1955.

64 Wu Min Aun 1978, *An Introduction to the Malaysian Legal System*, Kuala Lumpur: Educational Books (Asia), hlm. 34.

65 *Ibid.*

Ini bermakna seseorang yang ditangkap dilindungi haknya oleh perlembagaan, iaitu ia mestilah diberitahu sebab-sebab ia ditangkap dengan seberapa segera dan juga mestilah dibenarkan mendapat khidmat seorang peguam yang dipilih untuk membela dirinya. Hakim Macintyre dalam kes Mahkamah Persekutuan, *Abdul Rahman lwn Tan Fo Koh*,⁶⁶ dengan merujuk kes England, *Christie lwn Leachinsky*⁶⁷ menegaskan:

Seorang yang ditangkap kerana disyaki melakukan sesuatu kesalahan, berhak mengetahui dengan segera sebab-sebab ia ditangkap dan jika sebab itu tidak diberi, tangkapan itu dan penahanannya itu menjadi penahanan yang salah atau *false imprisonment* sehingga ia diberitahu sebab-sebabnya itu. Oleh sebab itu, seorang yang ditangkap tanpa diberitahu sebab ia ditangkap berhak menentang tangkapan dan sebarang kekerasan yang digunakan untuk mematahkan tentangan itu boleh disifatkan sebagai serangan (*assault*).

Sungguhpun demikian undang-undang tidaklah menyebutkan sebab tangkapan itu mestilah diberitahu secara bertulis ataupun dengan kehadiran saksi. Justeru itu, sering kali terjadi pertelingkahan, iaitu pihak polis menyatakan alasan tangkapan telah pun diberitahu kepada orang yang ditangkap sedangkan orang yang ditangkap pula menafikan dia telah diberitahu oleh pihak polis. Namun begitu, sekiranya dapat dibuktikan alasan tangkapan tidak diberitahu oleh pihak polis, orang yang ditangkap itu boleh menuntut ganti rugi kerana penahanan salah, tetapi tidaklah menjejaskan pertuduhan kesalahan terhadapnya.

Berkenaan hak mendapatkan perkhidmatan peguam yang dipilih oleh orang yang ditangkap, mahkamah tidak memberikan takrifan secara ketat terhadap Perkara 5 fasal (3) Perlembagaan Malaysia. Dalam kes *Hashim bin Saud lwn Yahya bin Hashim & Anor*,⁶⁸ Raja Azlan Shah, Hakim Persekutuan (pada masa itu) memutuskan:

Beban membuktikan kepada mahkamah bahawa dengan memberi hak berunding dengan peguam itu akan menghalang siasatan polis atau pentadbiran keadilan terletak pada pihak polis.

Ini bermakna hak tersebut boleh diketepikan sekiranya pihak polis ada alasan kukuh yang menunjukkan dengan pemberian hak itu akan menghalang siasatan polis atau pentadbiran keadilan. Dalam hal ini

66 [1968] 1 MLJ 205.

67 [1947] A.C. 573.

68 [1977] 2 MLJ 116.

mahkamah akan menilai keterangan polis dan menilai berdasarkan keseimbangan hak seorang yang ditangkap dengan tugas polis melindungi orang awam. Sehubungan ini, Hakim Suffian dalam kes *Ooi Ah Phua lwn OCCl Kedah/Perlis*,⁶⁹ menyebut:

Hak seseorang yang ditangkap untuk berunding dengan peguamnya bermula dari masa tangkapannya, akan tetapi hak ini tidak boleh dipergunakan dengan serta-merta selepas tangkapan. Keseimbangan hendaklah diadakan antara hak seorang yang ditangkap untuk berunding dengan peguamnya bagi satu pihak dan bagi pihak yang lain tugas polis untuk melindungi orang awam daripada penjenayah dengan menangkap mereka dan mencari apa-apa pembuktian yang ada terhadap mereka.

Ini bermakna polis boleh tidak membenarkan orang yang ditangkap itu daripada menggunakan haknya mendapatkan perkhidmatan peguam, jikalau mahkamah berpendapat ia untuk kepentingan awam dan mengumpul pembuktian terhadap kesalahannya serta untuk pentadbiran keadilan. Sebarang perbuatan yang *mala fide* dan tidak mengikut undang-undang yang dilakukan oleh polis akan menyebabkan tangkapan itu batal dan tidak sah.

Dalam fasal (4) Perkara 5 Perlembagaan Malaysia menghendaki orang yang ditangkap dibawa ke hadapan majistret dengan segera dan polis hanya boleh menahan dalam masa dua puluh empat jam (tidak termasuk masa perjalanan):

Jika seseorang ditangkap dan tidak dilepaskan, maka orang itu hendaklah dibawa ke hadapan seorang majistret dengan segera, sekiranya tiada apa-apa sebab yang berpatutan, tetapi walau bagaimanapun dalam tempoh dua puluh empat jam (tidak termasuk masa perjalanan yang perlu) dan orang itu tidak boleh ditahan selanjutnya dengan tiada kuasa majistret itu.⁷⁰

Peruntukan yang sama juga terdapat dalam Kanun Acara Jenayah, seksyen 28:

- (i) Seseorang pegawai polis yang menangkap orang tanpa waran hendaklah dengan tidak berlengah-lengah lagi dan tertakluk kepada peruntukan-peruntukan yang ada mengenai jaminan atau pelepasan yang terdahulu, membawa atau menghantar orang yang ditangkap itu ke Mahkamah Majistret.

69 [1975] 2 MLJ 198.

70 Fasal (4) Perkara 5, Perlembagaan Malaysia.

- (ii) Pegawai polis tidak boleh menahan seseorang yang ditangkap tanpa waran lebih daripada masa yang patut dengan menimbangkan semua keadaan kes itu.
- (iii) Tempoh penahanan mestilah tidak melebihi dua puluh empat jam tanpa dikira masa yang perlu untuk perjalanan dari tempat tangkapan ke Mahkamah Majistret, iaitu pada ketiadaan atau selepas tamat perintah khas daripada majistret mengikut seksyen 117.⁷¹

Walau bagaimanapun hak ini tidak diberikan kepada seseorang yang ditangkap di bawah undang-undang darurat dan undang-undang berkaitan dengan kediaman terhad (*restricted residence*).⁷² Peruntukan ini juga tidak terpakai kepada seseorang daripada negara musuh.⁷³

Ketika melakukan tangkapan terhadap seseorang, pegawai polis mestilah mengikut cara yang terkandung dalam peruntukan undang-undang. Dalam kes *Alderson lwn Booth*,⁷⁴ mahkamah menyatakan tangkapan boleh timbul melalui dua cara, iaitu:

Apabila seseorang ditahan secara paksa dan tangkapan secara simbolik melalui perkataan yang menyatakan seseorang itu tidak boleh ke mana-mana.

Seksyen 15 Kanun Acara Jenayah menggariskan tentang bagaimana tangkapan perlu dilakukan, iaitu:

- (i) Apabila pegawai polis atau orang lain hendak menangkap orang ia hendaklah menyentuh atau mengurung badan orang yang hendak ditangkap itu, melainkan jika ia menyerahkan dirinya melalui percakapan ataupun tingkah lakunya.
- (ii) Seksyen ini tidak sekali-kali memberi hak untuk menyebabkan kematian pada seseorang yang tidak dituduh berkenaan dengan kesalahan yang boleh dihukum mati atau penjara seumur hidup.
- (iii) Jika orang yang hendak ditangkap itu melawan dengan kekerasan atau cuba lari daripada tangkapan itu, maka pegawai atau orang lain itu boleh menggunakan sebarang tindakan yang perlu untuk melaksanakan tangkapan itu.

71 Seksyen 28, Kanun Acara Jenayah.

72 *Lih.* fasal (4) Perkara 5, Perlembagaan Malaysia.

73 Fasal (5) Perkara 5, Perlembagaan Malaysia.

74 [1969] 2 Q.B. 216.

Seksyen ini menentukan apabila tangkapan hendak dibuat ke atas seseorang, pegawai polis atau orang yang diberi kuasa menangkap mestilah dengan betul-betul memegang atau menahan badan orang itu melainkan dia menyerah diri baik secara lisan mahupun tingkah laku. Pegawai polis boleh menggunakan apa juga cara untuk melaksanakan tangkapan sekiranya orang yang hendak ditangkap itu melawan dengan kekerasan atau cuba melarikan diri. Namun tidaklah boleh sehingga menyebabkan kematian, kecuali orang yang hendak ditangkap itu dituduh melakukan kesalahan yang boleh dihukum mati. Apabila seseorang itu ditangkap, pegawai polis bolehlah membuat pemeriksaan ke atasnya dan barang-barang yang ada padanya bolehlah dirampas serta disimpan di tempat yang selamat. Barang-barang yang disyaki menjadi alat atau hasil atau yang berkaitan sesuatu perbuatan jenayah, boleh ditahan sehingga kes selesai ataupun dilepas daripada tuduhannya.⁷⁵ Pemeriksaan terhadap seorang perempuan mestilah juga dilakukan oleh seorang perempuan juga dan sepanjang pemeriksaan itu mestilah dijaga kesopanan.⁷⁶ Pemeriksaan juga boleh dibuat dan merampas senjata berbahaya daripada orang yang ditangkap.⁷⁷

Satu lagi peruntukan undang-undang ialah apabila seseorang itu ditangkap atas kesalahan yang boleh dijamin, maka hendaklah dia dibenarkan dijamin. Keengganan pihak polis atau mahkamah membenarkan ia dijamin, boleh menyebabkan rayuan dikemukakan ke Mahkamah Tinggi. Bagaimanapun, dalam kes *Manja Anak Kus lwn PP*,⁷⁸ mahkamah memutuskan seseorang yang ditahan di bawah kesalahan yang boleh dijamin, walaupun berhak menjamin dirinya tetapi terpulanglah kepada mahkamah untuk memberi jaminan ataupun meletakkan di bawah penyiasatan polis. Ini bermakna peruntukan jaminan itu bukanlah hak mutlak, tetapi merupakan budi bicara polis. Bagi kesalahan yang tak boleh ditangkap (*non-seizable offence*), pegawai polis tidak boleh menangkap tanpa waran mengikut ruang yang ketiga bagi Jadual Pertama.⁷⁹ Waran tangkap dikeluarkan oleh mahkamah,⁸⁰ ia mestilah dalam bentuk bertulis, ditandatangani serta dimeterai mengikut peruntukan dalam Akta Mahkamah Rendah 1949 dan Akta Mahkamah Keadilan 1964. Dalam kes *De Costa Small lwn Kirkpatrick*,⁸¹ mahkamah menggariskan bahawa:

75 Seksyen 20, Kanun Acara Jenayah.

76 Seksyen 19(ii), Kanun Acara Jenayah.

77 Seksyen 21, *ibid*.

78 [1985] MLJ 311.

79 Seksyen 2(1), Kanun Acara Jenayah.

80 Seksyen 47, *ibid*.

81 (1979) 68 Cr. App. Rep. 186 (1979) Crim. LR 41.

Apabila waran tangkap dikeluarkan, polis yang menjalankan waran tersebut adalah terlindung di bawah akta (*statutory protected*) daripada apa-apa sahaja tindakan jika ia dilakukan menurut waran itu. Jika tindakan itu tidak bertepatan dengan acara-acara jenayah, polis tidak boleh bergantung pada akta sebagai *defence* kepada pendakwaan jenayah, tetapi ia berkemungkinan mempunyai pembelaan yang baik di atas alasan tiada *mens rea*.

Tangkap di bawah waran tangkap bagi kes-kes sivil tidaklah sah jika pegawai yang melakukan tangkapan tidak mempunyai waran dalam milikannya.

Selain peruntukan dalam Kanun Acara Jenayah, kuasa membuat tangkapan oleh pegawai polis terdapat juga dalam undang-undang lain yang sedang berkuat kuasa di Malaysia. Contohnya, Akta Dadah Berbahaya (Langkah-langkah Pencegahan Khas) 1985⁸² yang memberi kuasa kepada polis sebagaimana yang berikut:

Mana-mana pegawai polis boleh menangkap tanpa waran dan menahan bagi maksud penyiasatan mana-mana orang yang berkenaan dengannya dia mempunyai sebab mempercayai bahawa ada alasan-alasan yang mewajarkan penahanan orang itu di bawah seksyen 6(i).

Mana-mana orang yang ditangkap dan ditahan di bawah seksyen ini boleh ditahan dalam jagaan polis selama suatu tempoh yang tidak melebihi enam puluh hari tanpa suatu perintah tahanan dibuat terhadap orang itu di bawah seksyen 6(i).

- (a) Orang itu tidak boleh ditahan selama lebih daripada dua puluh empat jam kecuali dengan kebenaran seorang pegawai polis yang berpangkat Inspektor atau yang lebih tinggi.
- (b) Orang itu tidak boleh ditahan selama lebih daripada empat puluh lapan jam kecuali dengan kebenaran seorang pegawai polis yang berpangkat Penolong Penguasa Polis atau pangkat yang lebih tinggi.
- (c) Orang itu tidak boleh ditahan selama lebih daripada empat belas hari melainkan seorang pegawai polis yang berpangkat Timbalan Penguasa Polis atau pangkat yang lebih tinggi telah melaporkan hal keadaan penangkapan dan penahanan itu kepada Ketua Polis Negara atau kepada seorang pegawai polis yang ditetapkan oleh Ketua Polis Negara atau pegawai polis yang ditetapkan olehnya. Mengikut mana yang berkenaan, hendaklah melaporkan hal kepada menteri.

Pegawai polis yang membuat penyiasatan berkaitan dengan seseorang yang ditangkap dan ditahan di bawah seksyen ini hendaklah mengemukakan satu salinan laporan lengkap penyiasatan itu:

82 Seksyen 3(i), Akta Dadah Berbahaya (Langkah-langkah Pencegahan Khas) 1985.

- (a) Kepada seorang pegawai siasatan yang dilantik di bawah seksyen 5(i), dan
- (b) Kepada Menteri.
Mana-mana orang yang ditahan di bawah kuasa yang diberi oleh seksyen ini hendaklah disifatkan berada dalam jagaan sah dan boleh ditahan di mana-mana penjara, atau di mana-mana balai polis, atau di tempat lain yang dibenarkan secara umum atau secara khusus oleh Menteri.

Justeru itu seksyen 3(i) Akta Dadah Berbahaya (Langkah-langkah Pencegahan Rasuah) 1985 telah memberikan kuasa kepada polis untuk menahan seseorang yang melakukan kesalahan di bawah akta ini selama tidak lebih 60 hari. Penahanan selanjutnya hanya boleh dibuat dengan arahan bertulis daripada menteri, dan tempoh yang dibenarkan tidak melebihi dua tahun.

Kuasa Penyiasatan

Pasukan polis merupakan salah satu agensi atau badan yang diberikan kuasa menjalankan penyiasatan di Malaysia. Kuasa penyiasatan polis terkandung dalam pelbagai undang-undang yang sedang berkuat kuasa. Dalam Bahagian V, Kanun Acara Jenayah telah menggariskan prosedur dan kuasa polis bagi tugas penyiasatan.

Secara amnya, penyiasatan polis dilakukan dalam keadaan yang berikut:

- (i) Berdasarkan maklumat pertama (*first information report*).
- (ii) Sekiranya polis syaki akan berlakunya kesalahan yang boleh ditangkap (*seizable offence*).
- (iii) Menerima arahan menyiasat daripada majistret.

Seksyen 107(i) Kanun Acara Jenayah menyebutkan:

- (i) Apabila maklumat diberi secara lisan kepada seorang Ketua Balai Polis berkenaan kejadian satu-satu kesalahan, Ketua Balai Polis itu atau pegawai polis lain di bawah arahnya hendaklah menulis maklumat itu dan setelah menulis hendaklah bacakan balik kepada si pemberitahu.

Maklumat itu juga hendaklah dicatatkan dalam buku laporan yang disimpan oleh pegawai itu, ditulis hari bulan dan tarikh maklumat itu diberikan. Begitu juga maklumat itu perlulah ditandatangani oleh si

pemberitahu maklumat.⁸³ Dalam amalan biasa di balai polis sesuatu maklumat akan ditulis dalam Borang Polis 55 dan akan dicatatkan nama dan alamat pemberi maklumat (aduan) serta ditandatangani olehnya.

Jadi, sekiranya seksyen 107(i) itu memberi makna bahawa sesuatu maklumat yang dikemukakan kepada polis mestilah dibuat secara bertulis semula oleh Ketua Balai Polis atau oleh orang yang di bawah arahannya. Persoalannya, sekiranya maklumat itu tidak ditulis dan pihak polis telah menjalankan penyiasatan, adakah tindakan penyiasatan polis itu salah dan batal?

Dalam persoalan ini, Hakim Gill dalam kes *PP lwn Foong Chee Cheong*⁸⁴ menyatakan bahawa pihak polis berhak membuat siasatan dalam kes-kes yang dilaporkan walaupun maklumat tiada bertulis. Ketiadaan maklumat bertulis hanya melemahkan, menjejaskan serta menimbulkan keraguan terhadap kes pendakwa raya. Dalam kes ini orang yang ditangkap dibebaskan oleh Mahkamah Rendah atas alasan ketiadaan maklumat atau laporan bertulis. Pendakwa raya merayu ke Mahkamah Tinggi memohon supaya diisytiharkan pembebasan orang yang ditangkap itu tidak sah. Mahkamah Tinggi telah memutuskan pembebasan yang dituduh itu adalah salah, kerana ketiadaan maklumat bertulis tidak menghalang penyiasatan polis. Ia cuma menjejaskan, melemahkan dan menimbulkan keraguan terhadap kes pihak pendakwa raya.

Walau bagaimanapun, hanya maklumat pertama (*first information report*) sahaja yang diterima sebagai keterangan di mahkamah. Pegawai penyiasat polis mestilah menentukan salinan laporan yang disahkan oleh Ketua Polis Daerah sahaja dimasukkan dalam fail kertas siasatan.⁸⁵

Dalam pada itu sekiranya pihak polis enggan membekalkan salinan maklumat kepada pihak yang memohon atau melengahkan tindakan, pihak yang membuat permohonan boleh mendapatkan *mandamus* daripada mahkamah. Dalam kes *Anthony Gomez lwn Ketua Polis Daerah Kuantan*,⁸⁶ Mahkamah Persekutuan memutuskan bahawa orang yang dituduh berhak kepada maklumat pertama dan hendaklah diberikan salinannya jika diminta. Hakim Suffian menjelaskan dalam kes itu, hak orang yang dituduh itu diasaskan kepada *Common Law*, yang menetapkan hak seseorang mendapatkan dokumen yang mempunyai kepentingan baginya.

Pegawai polis yang menerima maklumat itu mestilah memastikan

83 Seksyen 107(ii), Kanun Acara Jenayah.

84 [1970] 1 MLJ 9.

85 Lih. seksyen 159-160, Akta Keterangan dan seksyen 108A, Kanun Acara Jenayah.

86 [1977] 2 MLJ 24.

maklumat itu sebagai *reasonable complaint* atau tidak. Dalam kesalahan yang tidak boleh ditangkap, pegawai polis yang menerima maklumat hendaklah menyuruh pihak yang membuat maklumat berjumpa dengan majistret.⁸⁷ Majistret akan memeriksa aduan itu dengan cara mengangakat sumpah, ditulis dan ditandatangani oleh penghulu dan majistret.⁸⁸ Pegawai polis tidak boleh menggunakan kuasa khas penyiasatan dalam kes-kes kesalahan tidak boleh ditangkap tanpa mendapat perintah daripada pendakwa raya.⁸⁹ Kuasa-kuasa khas penyiasatan polis boleh dilakukan oleh pegawai polis berpangkat tidak kurang daripada Sarjan atau Ketua Balai Polis dalam kesalahan yang boleh ditangkap tanpa waran.⁹⁰

Maklumat yang diterima oleh polis adalah juga bermaksud aduan.⁹¹ Aduan ialah pernyataan yang dibuat secara lisan atau secara bertulis kepada majistret supaya dia dapat menjalankan tindakan di bawah kanun ini bahawa segelintir orang, sama ada dikenali atau tidak, telah melakukan atau didapati bersalah atas sesuatu kesalahan.⁹² Dalam menjalankan tangkapan dan siasatan dalam kes-kes kesalahan yang boleh ditangkap tanpa waran, mestilah ada maklumat yang munasabah (*reasonable suspicion*). Menurut Hakim Suffian, mesti ada *prima facie* dahulu sebelum *reasonable suspicion*. Namun begitu, Lord Devlin menyatakan tidak perlu *prima facie* sebab ia hanya untuk penyiasatan. Selepas penyiasatan dibuat, hanya *admissible evidence* sahaja diterima.⁹³ Begitu juga maklumat itu mestilah maklumat yang boleh dipercayai (*credible information*) untuk penyiasatan. Maklumat ini tidak perlu dibuat dengan cara bersumpah, tetapi mestilah disokong dengan perkara lain untuk menguatkannya. Dalam kes *Hashim bin Saud lwn Yahya bin Hashim & Anor*,⁹⁴ Hakim Harun memutuskan terdapat maklumat yang boleh dipercayai (*credible information*) terhadap plaintif dan pemberi maklumat terbukti pada masa lepas adalah *reliable* dan maklumatnya telah membawa pada tangkapan, pendakwaan dan persembitan. Ini bermakna, maklumat itu sah sebab ada *reasonable suspicion* dan ujian seperti dalam kes *Shaaban & Ors lwn Chong Fook Kam & Anor*,⁹⁵ telah dipenuhi.

87 Seksyen 108(ii), Kanun Acara Jenayah.

88 Seksyen 133, *ibid*.

89 Seksyen 108(iii), *ibid*.

90 *Ibid*.

91 Seksyen 107, *ibid*.

92 Seksyen 2(i), *ibid*.

93 *Shaaban & Ors lwn Chong Fook Kam & Anor* [1969] 2 MLJ 219.

94 [1977] 1 MLJ 259.

95 [1969] 2 MLJ 219.

Bagi kes kesalahan yang boleh ditangkap (*seizable offence*) pegawai polis mengesyaki kesalahan itu telah dilakukan ataupun akan dilakukan, tindakan tangkapan atau penyiasatan boleh dilakukan. Sebagai contoh, dalam kesalahan yang termasuk dalam seksyen 23 Kanun Acara Jenayah, mestilah ada *definate knowledge* terhadap kesalahan tersebut. Ini dijelaskan lagi dalam kes *Re Yacob bin Lebai Mat*,⁹⁶ mahkamah memutuskan sebelum tangkapan dibuat mestilah terlebih dahulu dibuktikan orang yang dituduh telah mengambil langkah untuk melakukan kesalahan itu. Ini bermakna, mestilah ada alasan untuk dipercayai bahawa langkah telah wujud ke arah melakukan kesalahan itu oleh orang yang dituduh. Jikalau tidak, tindakan polis itu tidak sah.

Dalam kes kesalahan yang boleh ditangkap tanpa waran, pegawai polis mempunyai kuasa khas penyiasatan ini dinyatakan dalam Bahagian V Bab XIII, iaitu daripada seksyen 109 hingga seksyen 120 Kanun Acara Jenayah.⁹⁷

Peruntukan tentang prosedur penyiasatan polis dalam kes kesalahan yang boleh ditangkap dinyatakan dalam seksyen 110(i) Kanun Acara Jenayah, iaitu:

Jika daripada maklumat yang diterima atau lain-lain lagi, maka seorang pegawai polis yang sekurang-kurangnya berpangkat Sarjan atau mana-mana Ketua Balai Polis ada mempunyai sebab-sebab untuk mengesyaki bahawa telah berlaku sesuatu kesalahan yang boleh ditangkap, melainkan dari jenis kesalahan yang pendakwa raya mengarahkan tiada payah lagi dimaklumkan kepadanya, hendaklah ia menghantar laporan mengenai kesalahan itu kepada pendakwa raya, dan hendaklah ia sendiri pergi atau memberi kuasa kepada pegawai yang di bawah jagaannya pergi ke tempat itu untuk membuat pertanyaan-pertanyaan mengenai perkara keadaan-keadaan yang sebenarnya tentang kes itu serta menjalankan langkah yang difikirkan mustahak untuk mendapat balik dan jika sesuai, menangkap orang salah itu, dengan syarat seperti berikut:

- (a) Apabila perkara yang dimaklumkan itu, adalah tentang seseorang yang disebutkan dengan namanya dan keadaan kes itu tidaklah berat, maka pegawai polis yang menerima maklumat itu tidak payahlah pergi sendiri atau menghantar pegawai bawahnya membuat siasatan di tempat itu.
- (b) Apabila pada fikiran pegawai polis yang menerima maklumat itu bahawa ia tidak ada alasan yang mencukupi bagi memulakan atau meneruskan penyiasatan dalam perkara itu maka tidak payahlah ia berbuat demikian.

96 [1937] MLJ 244.

97 Sila rujuk seksyen-seksyen tersebut untuk melihat peruntukan kuasa khas penyiasatan polis sepenuhnya.

Jelasnya dalam seksyen ini menempatkan mana-mana pegawai polis yang menerima maklumat tidak perlu pergi ke tempat kejadian untuk menjalankan penyiasatan awal jikalau laporan yang diterima tidak menampakkan kes itu serius dan alasan itu hendaklah dicatatkan. Begitu juga dia tidak perlu pergi ke tempat kejadian jikalau maklumat itu tidak mempunyai apa-apa keterangan yang cukup untuk membuatkan pegawai penyiasat itu pergi ke tempat kejadian bagi menjalani penyiasatan.

Mana-mana pegawai polis yang diwakilkan untuk menjalani penyiasatan awal di tempat kejadian tidak berhak menjalankan kuasa khas menyiasat seperti memanggil saksi di bawah seksyen 111 Kanun Acara Jenayah, merakamkan percakapan di bawah seksyen 112 & 113 Kanun Acara Jenayah, membuat penggeledahan di bawah seksyen 116 Kanun Acara Jenayah, dan menahan orang yang disyaki di bawah seksyen 117 Kanun Acara Jenayah.⁹⁸ Terdapat hanya satu pengecualian dalam perkara laporan pegawai polis kepada pendakwa raya, iaitu jika arahan pendakwa raya dikeluarkan supaya tidak payah melaporkan kepadanya dalam kes-kes tertentu, maka pegawai polis itu tidak perlu melaporkan kepadanya. Dalam kes lain, laporan mestilah dibuat kepada pendakwa raya dengan segera selepas mengesyaki kesalahan yang boleh ditangkap itu dilakukan.

Sementara itu, bagi kesalahan yang tidak boleh ditangkap tanpa waran, pemberi maklumat mestilah dirujuk kepada majistret yang akan memeriksa dan menentukan berkenaan maklumat itu.⁹⁹ Keputusan yang dibuat oleh majistret itu sama ada satu penyiasatan perlu dibuat atau tidak mestilah diikuti.

Apabila sesuatu penyiasatan dijalankan oleh pegawai polis, pertanyaaan dan pemeriksaan bolehlah dilakukan terhadap orang-orang yang dituduh melakukan kesalahan itu. Kuasa pemeriksaan saksi oleh polis ini dinyatakan dalam seksyen 112(i) Kanun Acara Jenayah, iaitu:

Seorang pegawai polis yang membuat penyiasatan polis di bawah bab ini boleh memeriksa secara lisan seseorang yang tahu tentang fakta-fakta dan keadaan kes dan akan mencatatkan secara bertulis apa-apa pernyataan yang dibuat oleh orang yang diperiksa itu.

Orang yang diperiksa oleh pegawai polis itu hendaklah menjawab semua soalan yang dikemukakan kepadanya dengan syarat dia bolehlah menolak daripada menjawab jika jawapannya akan menyebabkan ia dibabitkan pada suatu tuduhan jenayah, atau penalti atau perlucut

98 Mohd. Isa Wahab 1989. "Kuasa Menyiasat Polis", dim. *Berita Bukit Aman*, Ogos, Cawangan Perhubungan Awam Polis Bukit Aman, hlm. 5.

99 Lih. seksyen 108(i) dan 133(i). Kanun Acara Jenayah

hak.¹⁰⁰ Mengikut undang-undang, seseorang itu diwajibkan bercakap benar sama ada keterangan dibuat seluruhnya atau sebahagian sahaja bagi menjawab soalan yang dikemukakan.¹⁰¹ Pernyataan yang telah dibuat itu sama ada diberi amaran mengikut seksyen 113(1) atau tidak, hendaklah ditulis dan ditandatangani atau diturunkan cap jari, oleh orang yang diperiksa itu. Bagaimanapun, ia mestilah dibaca semula dalam bahasa yang ia faham dan jika ada pembetulan hendaklah dibuat sebelum menandatangani.¹⁰²

Percakapan saksi yang dirakamkan di bawah seksyen 112 Kanun Acara Jenayah boleh dengan sendirinya menjadi bukti dalam mahkamah seperti percakapan beramaran di bawah seksyen 113 Kanun Acara Jenayah. Dalam penggunaan biasa, pegawai penyiasat polis menggunakan seksyen 112 Kanun Acara Jenayah dalam penyiasatan mereka dengan syarat yang berikut:

- (a) Bacakan seksyen 112 (ii) hingga seksyen 112(v) kepada saksi dahulu dan tentukan ia faham.
- (b) Percakapan hendaklah ditulis mengikut seksyen 112(i).
- (c) Percakapan apabila dirakamkan hendaklah menampakkan bahawa percakapan yang dirakamkan itu adalah jawapan kepada sesuatu soalan yang ditanya. Sungguhpun percakapan itu dirakamkan secara naratif.
- (d) Pegawai merakam dan saksi hendaklah menandatangani borang percakapan dan semua pindaan yang dibuat.
- (e) Bacakan kembali percakapan kepada saksi setelah selesai dirakamkan. Tanya sama ada terdapat perubahan atau tidak.
- (f) Jika dibaca bersama seksyen 112 dan seksyen 113 Kanun Acara Jenayah serta difikirkan yang percakapan itu di bawah seksyen 112 itu mungkin akan digunakan dalam perbicaraan seperti seksyen 113, maka ada eloknya percakapan di bawah seksyen 112 itu dirakam oleh seorang yang berpangkat Inspektor ke atas.
- (g) Sekiranya saksi ini menjadi orang yang dituduh (OKT) selepas percakapan di bawah seksyen 112 dirakamkan dan siasatan selesai dijalankan, maka tidak perlu lagi merakamkan percakapan baru dalam seksyen 113.¹⁰³

100 Seksyen 112(ii), Kanun Acara Jenayah.

101 Seksyen 112(iii), *ibid.*

102 Seksyen 112(iv), *ibid.*

103 Mohd. Isa Wahab 1989. "Kuasa Menyiasat Polis" dlm. *Berita Bukit Aman*, Ogos, hlm. 5.

Sebelum tahun 1976, kenyataan seseorang yang dituduh tidak boleh diterima sebagai keterangan jikalau ia diberikan kepada polis dalam masa penyiasatan dan tidak boleh digunakan bagi mencabar kebenarannya tetapi boleh digunakan bagi mencabar kebenaran saksi-saksi yang lain. Kekecualian yang diberi ialah kenyataan yang dibuat di bawah seksyen 27 Akta Keterangan 1950 dan ia boleh digunakan jikalau orang yang dituduh melakukan kesalahan berhubung dengan perbuatan ataupun kandungan kenyataan itu. Namun begitu mulai 10 Januari 1976 kenyataan orang yang dituduh boleh diterima dengan syarat-syarat yang dinyatakan dalam seksyen 113 Kanun Acara Jenayah seperti yang berikut:

- (1) Jika seseorang itu dituduh dengan sesuatu kesalahan, apa-apa pernyataan sama ada pernyataan itu berupa pengakuan salah atau tidak atau secara lisan atau bertulis, dibuat bila-bila masa, sama ada sebelum atau sesudah orang itu dituduh dan sama ada semasa penyiasatan polis atau tidak dan tidak kira sepeenuhnya atau sebahagiannya dijawab, oleh orang yang tersebut itu atau dalam pendengaran seorang pegawai polis sekurang-kurangnya berpangkat Inspektor dan sama ada atau tidak diterjemahkan kepadanya oleh pegawai polis yang lain ataupun orang lain, akan diperakukan sebagai keterangan dalam perbicaraannya, dan sekiranya orang dituduh rela menjadi saksi, apa-apa penyiasatan itu boleh digunakan dalam pemeriksaan balas untuk tujuan mencabar kepercayaan ke atasnya. Dengan syarat bahawa:
 - (a) Pernyataan itu tidak boleh diterima atau digunakan seperti di atas:
 - (i) Dalam mendapatkan pernyataan itu jika pada pandangan mahkamah pernyataan itu disebabkan oleh dorongan, ugutan atau perjanjian yang ada kaitan dengan tuduhan terhadap orang yang dituduh itu, dibuat oleh seorang yang berkuasa dan pada pendapat mahkamah mencukupi untuk memberi orang yang dituduh itu mempercayai bahawa dengan membuat demikian dia akan beruntung atau melepaskan dirinya daripada kekejaman keduniaan berhubung dengan prosiding terhadapnya, atau
 - (ii) Jika pernyataan itu dibuat sesudah dia ditangkap sehingga mahkamah berpuas hati bahawa amaran

telah diberi kepadanya dengan perkataan atau perkataan semakna seperti yang berikut:

"Adalah kewajipan saya memberi amaran kepada kamu bahawa kamu tidak diwajibkan berkata apa-apa jua atau menjawab apa-apa soalan, tetapi apa-apa jua kamu katakan, sama ada sebagai jawapan kepada sesuatu soalan atau tidak, boleh diberikan sebagai keterangan", dan

- (b) Pernyataan yang dibuat oleh seseorang sebelum sempat untuk memberi amaran keterangan, cuma oleh sebab amaran tidak diberi kepadanya, asalkan amaran itu diberi secepat mungkin, maka tidaklah pernyataan itu menjadi tidak diterima sebagai keterangan.

- (2) Walau apa pun yang berlawanan terkandung dalam mana-mana undang-undang bertulis, seseorang yang dituduh di atas satu kesalahan di mana subseksyen (i) dipakai tidak diwajibkan menjawab apa-apa soalan mengenai kes itu selepas amaran tersebut telah diberikan kepadanya.

Dalam kes *Jayaraman & Anor lwn Pendakwa Raya*,¹⁰⁴ Mahkamah Persekutuan memutuskan kenyataan yang dibuat secara lisan kepada pegawai polis sebelum ditangkap, boleh diterima sebagai keterangan di mahkamah, walaupun tidak ditulis atau sebab-sebab yang munasabah diberi berkaitan dengan kegagalan tersebut.

Begitu juga sesuatu pengaduan salah oleh orang yang dituduh tidak akan diterima sebagai keterangan dalam percabaran jenayah jika dapat dibuktikan ia dibuat oleh sebab dorongan, ugutan atau janji berkenaan pertuduhan terhadap orang yang dituduh.¹⁰⁵ Ini dibuat oleh orang yang berkuasa dan dengan alasan yang munasabah bahawa dengan pengakuan itu ia akan memperoleh sesuatu faedah, atau mengelak sesuatu bahaya dunia berkenaan percabaran yang dijalankan ke atasnya.¹⁰⁶ Biasanya untuk menentukan sama ada kenyataan dibuat secara sukarela atau tidak, percabaran dalam percabaran diadakan.

Mahkamah Persekutuan telah memutuskan dalam kes *Dato' Mokhtar bin Hashim lwn Pendakwa Raya*,¹⁰⁷ beban pembuktian sama ada

104 [1982] 2 MLJ 306

105 Seksyen 113(1)(a)(i), Kanun Acara Jenayah.

106 Seksyen 24, Akta Keterangan.

107 [1983] 2 MLJ 232.

kenyataan dibuat secara sukarela atau tidak terletak kepada pihak pendakwa hingga ke tahap tidak ada keraguan yang munasabah. Ini bermakna, jikalau seseorang yang dituduh itu ditahan dan disoal selidik dari larut malam hinggalah ke pagi tanpa dibenarkan rehat atau tidur secukupnya, ia adalah suatu penganiayaan yang boleh dimaksudkan untuk memaksanya supaya mengaku bersalah. Sekiranya keadaan ini berlaku, ia adalah keadaan luar biasa yang termasuk dalam seksyen 113(1)(a)(i) Kanun Acara Jenayah.

Sehubungan ini Hakim Hailsham dalam kes *Wong Kam Ming lwn The Queen*,¹⁰⁸ berkata:

Mana-mana sistem perundangan yang bertamadun hendaklah memberi para hakim cara mengetepikan pengakuan salah atau pengakuan yang diperolehi dengan cara yang salah. Ini disebabkan bukan sahaja oleh sebab kenyataan seperti itu lazimnya tidak dapat dipercayai akan tetapi dan lebih-lebih lagi, oleh sebab dalam masyarakat yang bertamadun sangat perlu orang-orang di dalam tahanan atau orang yang dituduh melakukan kesalahan tidak didedahkan kepada perlakuan kejam atau dorongan yang tidak sah untuk menarik pengakuan salah.

Oleh sebab itu adalah sangat perlu mahkamah terus menegaskan bahawa sebelum kenyataan yang dibuat di luar mahkamah itu diterima sebagai keterangan, pihak pendakwa hendaklah diminta membuktikan hingga tidak ada keraguan yang munasabah bahawa nyataan itu tidak diperolehi dengan cara yang harus dikutuk dan nyataan sebenarnya dibuat dengan sukarela.

Justeru untuk mengelak daripada ia diperolehi dengan cara yang dikutuk, pengakuan salah yang diterima ialah disyaratkan ia dibuat di hadapan pegawai polis berpangkat Inspektor dan ke atas.¹⁰⁹ Majistret berkuasa merekod pengakuan atau pengakuan bersalah terhadapnya jika dia berpuas hati bahawa pengakuan dibuat secara sukarela.¹¹⁰ Di samping itu, apabila sesuatu maklumat diterima daripada seseorang yang dituduh yang berada di bawah jagaan polis (sama ada maklumat itu dianggap pengakuan salah atau tidak) dan ia berhubung dengan "nyataan yang didapati", dengan jalan demikian itu boleh dibuktikan.¹¹¹ Pengakuan salah adalah berkaitan sekiranya pada pendapat mahkamah pengakuan salah dibuat selepas sangkaan wujudnya dorongan, ugutan atau janji, dan sangkaan itu dihapuskan sepenuhnya.¹¹²

108 [1980] A.C. 247.

109 Seksyen 25, Akta Keterangan.

110 Seksyen 115, Kanun Acara Jenayah.

111 Seksyen 27, Akta Keterangan.

112 Seksyen 28, Akta Keterangan.

Pengakuan salah juga berkaitan jika dibuat dengan janji untuk me-rahsiakannya, oleh sebab suatu perdayaan bagi maksud untuk men-dapatkan pengakuannya, ketika mabuk dan menjawab soalan yang tidak perlu dijawab, atau tidak diberi amaran yang ia tidak terpaksa membuat pengakuan salah itu dan keterangan tentang pengakuan salah itu boleh diberi untuk menentangnya.¹¹³

Dalam kes pengakuan salah yang dibuat oleh seseorang bagi dirinya dan beberapa orang yang lain, mahkamah boleh menimbangkan pengakuan salah itu terhadap dirinya dan juga terhadap orang lain.¹¹⁴ Ini dijelaskan dalam kes *Bhuboni Sahu lwn King*.¹¹⁵ Sir John Beaumont menyatakan:

Jelaslah perlu ada keterangan yang lain. Pengakuan salah itu hanya satu perkara dalam mempertimbangkan semua fakta dalam kes itu. Keterangan boleh dikatakan dalam neraca dan ditimbang dengan keterangan yang lain. Pengakuan salah seorang yang dituduh bersama hanya boleh digunakan untuk menyokong keterangan yang lain dan tidak boleh dibuat asas sabitan orang yang dituduh.

Dalam kes *Surif lwn Pendakwa Raya*,¹¹⁶ salah seorang yang dituduh telah membuat pengakuan salah atas tuduhan merompak. Pengakuan salah itu telah dipertimbangkan terhadap seorang lagi yang dituduh. Mahkamah telah membebaskan orang yang dituduh itu kerana tidak ada keterangan lain yang boleh mengaitkannya dengan rompakan itu.

Apabila seseorang yang dituduh itu telah menarik balik pengakuan salahnya, jikalau mahkamah berpuas hati pengakuan salah itu benar atau tidak perlu keterangan sokongan, maka ia boleh disabitkan atas kesalahan itu. Dengan syarat, ia tidak diperolehi oleh sebab dorongan, ugutan dan janji daripada pihak polis.

Sementara itu Mohd. Isa Wahab mencadangkan pegawai penyiasat polis memenuhi peraturan berikut yang berhubung dengan rakaman percakapan terhadap orang yang dituduh (OKT) mengikut seksyen 113 Kanun Acara Jenayah.

- (a) Tentukan percakapan itu diberi secara sukarela, bererti tidak ada apa-apa unsur paksaan, pujuk dan janji dilakukan oleh pegawai yang merakamkan percakapan (seperti dalam *Mohd. Yusoff lwn PP*.¹¹⁷

113 Seksyen 29, Akta Keterangan.

114 Seksyen 30, Akta Keterangan.

115 [1949] L.R. 76 1A, 147.

116 Diputuskan dalam kes *Yap Sow Keeng & SL lwn Pendakwa Raya* [1947] MLJ 90.

117 *Lih. kes Mohd. Yusoff lwn PP* [1983] 2 MLJ 167.

- (b) Tentukan amaran dibaca dahulu secara *verbertim* kepada orang yang dituduh oleh pegawai yang merakamkan percakapan itu, sebelum percakapan dirakamkan dan tentukan orang yang memberi percakapan itu memahami amaran tersebut.
- (c) Gunakan jurubahasa jika diperlukan dan tentukan jurubahasa itu boleh bertutur dengan orang yang dituduh dengan lancar.
- (d) Sekiranya amaran tidak diberi semasa percakapan dirakamkan tentukan amaran tersebut diberi dengan segera selepas itu. Soalan bilakah "dengan segera" itu adalah satu fakta yang akan dikaji dan ditentukan oleh mahkamah sendiri.
- (e) Pegawai yang merakam, jurubahasa dan orang yang dituduh hendaklah menandatangani tiap-tiap helai percakapan tersebut. Jika tidak ditandatangani, pegawai pendakwa hendaklah memberi alasan yang cukup (*strict proof why cannot sign*) mengapa tidak ditandatangani.¹¹⁸
- (f) Pegawai perakam dan orang yang dituduh hendaklah menandatangani (*initial*) tiap-tiap pindaan percakapan.
- (g) Perlu diingat, tanpa menandatangani percakapan itu akan menjejaskan kegunaan percakapan tersebut sebagai keterangan dalam pendakwaan.¹¹⁹
- (h) Percakapan beramaran lebih sesuai dirakamkan sebelum jam 6.00 petang selagi pindaan Peraturan Lokap 1952 belum dipinda. Hujah pendakwa dan penguambela dalam kes *Mokhtar Hashim lwn PP* dan keputusan Mahkamah Tinggi adalah sangat jelas berkenaan dengan Peraturan Lokap 1952 ini.
- (i) Perlu juga diingat, sekiranya dalam perbicaraan itu ada tohmahan (*allegation*) dibuat terhadap pegawai polis tertentu, dikatakan memaksa orang yang dituduh memberi percakapan tersebut, maka pegawai yang dimaksudkan itu hendaklah dipanggil untuk menafikan tuduhan itu dalam 'perbicaraan dalam perbicaraan' (*trial within a trial*) yang berkenaan. Jikalau pegawai tersebut tidak dipanggil, maka akan menjejaskan kedudukan percakapan beramaran tersebut kerana tohmahan itu tidak dijawab.¹²⁰

118 *Lih. kes Ghani bin Jusuh lwn PP* [1981] 1 MLJ 25.

119 *Lih. kes Abdul Ghani Ishak lwn PP* [1981] 1 MLJ 197.

120 Mohd. Isa Wahab 1989. "Kuasa Menyiasat Polis" dlm. *Berita Bukit Aman*, Ogos, hlm. 6.

Kuasa Penggeledahan

Pegawai polis telah diperuntukkan kuasa untuk menjalankan penggeledahan. Penggeledahan boleh dibahagikan kepada dua, iaitu geledah terhadap badan dan geledah terhadap tempat. Geledah terhadap badan dinyatakan dalam seksyen 20 Kanun Acara Jenayah, iaitu:

Apabila seseorang itu ditangkap:

- (a) Oleh pegawai polis dengan waran yang tidak mengandungi syarat-syarat untuk jaminan ataupun dengan waran yang mengandungi syarat-syarat untuk memberi jaminan, tetapi orang yang ditangkap itu tidak dapat mengadakan jaminan;
- (b) Tanpa waran atau oleh orang persendirian dengan berwaran dan orang yang ditangkap itu di sisi undang-undang tidak boleh dijamin ataupun ia tidak berupaya mengadakan jaminan;

maka pegawai polis yang menjalankan tangkapan itu atau apabila tangkapan itu dijalankan oleh seorang persendirian, pegawai polis yang menerima orang yang ditangkap yang diserahkan kepadanya, bolehlah memeriksa orang itu dan mengambil segala barang yang ada pada badannya selain pakaian yang menutup badannya, dan menyimpannya di tempat yang selamat. Barang-barang yang dipercayai adalah alat atau hasil ataupun keterangan lain sesuatu perbuatan jenayah, bolehlah ditahan sehingga dibuang bicara atau dilepas daripada tuduhannya.

Namun begitu, perlulah ditekankan bahawa sekiranya geledahan itu dibuat ke atas seorang perempuan mestilah dilakukan oleh pegawai polis wanita serta dipertimbangkan kepada aspek kesopanan.¹²¹

Kuasa geledah tempat diperoleh dengan pelbagai cara, iaitu dengan saman penggeledahan,¹²² waran penggeledahan,¹²³ penggeledahan tanpa waran,¹²⁴ dan penggeledahan secara langsung.¹²⁵

Pengeledahan dengan saman penggeledahan, seksyen 51, Kanun Acara Jenayah menggariskan:

Apabila mana-mana mahkamah atau pegawai polis yang menjalankan sesuatu siasatan polis memikirkan mustahak bahawa mana-mana dokumen atau harta ditunjukkan kerana siasatan, pertanyaan, perbicaraan mahkamah atau perbicaraan-perbicaraan lain di bawah kanun ini oleh atau di hadapan mahkamah atau pegawai itu, maka mahkamah itu

121 Seksyen 19(ii), Kanun Acara Jenayah.

122 Seksyen 51, Kanun Acara Jenayah.

123 Seksyen 56, *ibid*.

124 Seksyen 62, *ibid*.

125 *Ibid*.

bolehlah mengeluarkan suatu saman atau pegawai polis itu menghantar suatu perintah bertulis kepada orang yang dipercayai memiliki atau berkuasa ke atas harta atau dokumen itu, memerintahkannya hadir dan menyerahkannya pada masa atau tempat yang tersebut dalam saman atau perintah itu.

Sebaik sahaja menerima saman penggeledahan ini, sekiranya orang-orang yang dikehendaki menyerahkan harta atau dokumennya telah menyerahkan harta atau dokumen itu secara datang sendiri, dia disifatkan juga sebagai mematuhi rekuisisi tersebut.¹²⁶

Pengeledahan dengan waran, mengikut seksyen 56 Kanun Acara Jenayah dikeluarkan oleh majistret, iaitu:

Jika seorang majistret menerima maklumat dan selepas membuat siasatan yang difikirkannya perlu, mempunyai sebab-sebab mempercayai bahawa di mana berhubung dengan kesalahan telah dilakukan, atau sebarang bukti, atau perkara yang perlu bagi menjalankan sesuatu penyiasatan mana-mana kesalahan, boleh didapati di sebarang tempat ia boleh dengan waran memberi kuasa orang yang waran itu di-alamatkan memasuki dengan apa-apa bantuan, yang mungkin dikehendaki, dan menggeledah tempat itu untuk sesuatu keterangan atau perkara dan jika apa-apa yang digeledah itu didapati, hendaklah dirampas dan dibawa ke hadapan majistret yang mengeluarkan waran itu, atau majistret yang lain yang akan bertindak mengikut undang-undang.

Bagi penggeledahan tanpa waran, seksyen 62 Kanun Acara Jenayah menyebutkan:

Jika maklumat diberi kepada mana-mana pegawai polis yang tidak rendah daripada Inspektor bahawa ada sebab-sebab yang munasabah bagi mengesyaki bahawa barang-barang curi disembunyi, atau disimpan di sesuatu tempat dan mempunyai alasan yang baik, untuk mempercayai barang itu akan dipindahkan jika terdapat kelengahan mendapat waran geledah, mana-mana pegawai dengan kuasa jawatannya bolehlah menggeledah tempat yang ditentukan untuk mendapatkan barang-barang yang dikatakan telah dicuri itu.

Seksyen itu memberi kuasa kepada polis menjalankan penggeledahan tanpa waran sekiranya pegawai polis yang berpangkat Inspektor dan ke atas mempunyai sebab-sebab yang munasabah mengesyaki barang-barang curi disembunyikan di sesuatu tempat tertentu dan jikalau berlaku

126 Seksyen 51(ii), *ibid*.

kelengahan untuk menggeledah akan menyebabkan barang itu dipindahkan.

Selain mengesyaki barang-barang curi tersembunyi di mana-mana tempat, geledah tanpa waran juga boleh dibuat apabila polis mengesyaki ada tersimpan wang syiling palsu, syiling lancung atau alat celupan bertujuan pemalsuan syiling.¹²⁷ wang kertas palsu atau kertas lancungan atau wang bank atau perkakas untuk memalsukan wang.¹²⁸

Sementara itu penggeledahan secara langsung oleh pegawai polis mengikut peruntukan seksyen 63 Kanun Acara Jenayah, iaitu:

- (i) Mana-mana pegawai polis dalam keadaan yang kemudian daripada ini disebut diberi kuasa secara bertulis oleh Ketua Polis Negeri memasuki dan jika diberi kuasa begitu, bolehlah memasuki mana-mana juga tempat untuk mencari barang-barang curi dan menggeledah lalu merampas dan menyelamatkan apa-apa barang yang dipercayai telah dicuri, dengan kuasa yang sama seolah-olah ia diberi kuasa berbuat demikian dengan waran geledah dan barang-barang yang dirampas itu, jika ada yang serupa dengan harta yang dinyatakan dalam waran geledah itu.
- (ii) Dalam setiap kes barang yang dirampas menurut seksyen ini, orang yang berada di tempat barang-barang itu telah dirampas ataupun pada orang mana ia diambil, jika orang itu adalah lain daripada orang di mana barang itu berada, hendaklah melainkan jika ia dahulunya telah dituduh kerana menerimanya dengan mengetahui barang-barang itu telah dicuri, disaman ke hadapan majistret untuk menerangkan bagaimanakah ia mendapat barang-barang itu, dan majistret itu akan membuat apa-apa perintah mengenai pelupusan barang-barang itu dan akan menetapkan kos yang berpatutan berdasarkan kes itu.
- (iii) Ketua Polis Negeri bolehlah memberi kuasa sedemikian seperti tersebut di atas itu di dalam perkara yang berikut atau salah satu daripadanya:
 - (a) Apabila tempat yang hendak diperiksa itu adalah, ataupun dalam tempoh dua belas bulan terdahulu, diduduki atau digunakan oleh orang-orang yang telah disabitkan kesalahan kerana menyimpan barang-barang curi, ataupun melindungi pencuri, atau
 - (b) apabila tempat yang hendak diperiksa itu, diduduki atau digunakan oleh orang yang telah disabit kesalahan yang berkaitan dengan kecoh atau tipu boleh dihukum dengan penjara.

127 Seksyen 62A, Kanun Acara Jenayah.

128 Seksyen 62B, *ibid.*

- (iv) Dalam memberi kuasa, Ketua Polis Negeri itu tidak perlu menyebutkan barang yang tertentu, tetapi bolehlah ia memberi kuasa jika ada sebab untuk dipercayai tempat itu pada amnya digunakan untuk menerima barang-barang curi.

Semasa penggeledahan dijalankan, pegawai polis yang menjalankan penggeledahan itu hendaklah menyediakan senarai barang yang dirampas serta menyebutkan tempat ia dijumpai dan menandatangani senarai itu.¹²⁹ Penghuni tempat itu atau sesiapa yang mewakili pihaknya hendaklah hadir semasa penggeledahan dan apabila diminta olehnya pegawai polis hendaklah menyerahkan satu salinan senarai geledahan tersebut dan ditandatangani.¹³⁰

Apabila pegawai polis menjalankan penggeledahan di suatu tempat, orang yang tinggal di dalamnya atau yang menjaga tempat itu hendaklah membenarkan pegawai polis yang menjalankan waran masuk dan mestilah memberi segala kemudahan yang munasabah bagi menjalankan penggeledahan itu.¹³¹ Sekiranya tempat itu tertutup dan tidak dapat dimasuki, pegawai polis bolehlah mengambil langkah mengikut cara dalam seksyen 16(ii) Kanun Acara Jenayah untuk menyempurnakan penggeledahan itu.¹³²

Cara yang dinyatakan dalam seksyen 16(ii) ialah dengan memecahkan pintu atau tingkap bagi membolehkan tempat itu dimasuki.

"Jika tidak dapat masuk ke dalam tempat itu mengikut subseksyen yang di atas, maka adalah sah bagi orang yang bertindak dengan waran dan dalam mana-mana kes dalam mana waran boleh dikeluarkan tetapi tidak boleh didapatinya melainkan akan memberikan peluang kepada orang itu melarikan diri, maka pegawai polis atau penghulu bolehlah masuk ke dalam tempat itu dan menggeledah tempat itu, dan supaya dapat masuk ke dalamnya bolehlah ia memecahkan mana-mana pintu luar atau dalam atau tingkap di mana-mana tempat sama ada dipunyai oleh orang yang hendak ditangkap itu atau oleh orang lain, jika selepas diberitahu kuasa dan tujuannya serta diminta supaya membenarkan ia masuk tetapi tidak dibenarkannya."

Sekiranya barang curi itu disyaki disembunyikan pada badan orang yang berada di tempat itu, semua orang yang berada di situ bolehlah ditahan sehingga penggeledahan selesai dan pemeriksaan badan bolehlah dilakukan di hadapan majistret, Jaksa Pendamai atau pegawai

129 Seksyen 64, Kanun Acara Jenayah.

130 Seksyen 65, *ibid*.

131 Seksyen 59(i), *ibid*.

132 Seksyen 59(ii), Kanun Acara Jenayah.

polis yang tidak rendah pangkatnya daripada Inspektor.¹³³ Bagaimanapun pemeriksaan terhadap orang perempuan mestilah diperiksa oleh polis wanita dan dijaga kesopanannya.¹³⁴

Dalam penggeledahan dengan waran, pegawai polis yang menjalankan waran mestilah mengikut syarat-syarat bagi menyempurnakan waran penggeledahan itu. Satu persoalan timbul, sekiranya dalam penggeledahan itu barang yang disenaraikan dalam waran tidak didapati, sebaliknya barang lain yang disyaki ada kaitan dengan suatu perbuatan jenayah telah dijumpai. Adakah pegawai polis boleh merampasnya? Dalam kes *Chic Fashions (West Wales) Ltd. Iwn Jones*.¹³⁵ polis telah diberikan waran menggeledah sebuah kedai yang dipunyai oleh plaintif untuk mencari barang curi jenis "Ian Peters Ltd.". Apabila penggeledahan dibuat di kedai itu, polis tidak menemui barang curi jenis "Ian Peters Ltd.", sebaliknya menjumpai barang lain yang disyaki barang curi. Barang itu dirampas oleh polis. Tetapi setelah mendapat penjelasan daripada pengarah urusan plaintif, barang itu kemudiannya dikembalikan ke kedai plaintif. Plaintif telah menuntut ganti rugi atas kesalahan menceroboh (*trespass*). Mahkamah memutuskan tindakan polis itu tidak salah dan dibenarkan. Lord Denning berkata:

Apabila konstabel, memasuki rumah dengan menggunakan waran bongkar bagi barang-barang curi, dia boleh merampas bukan sahaja barang yang dia dengan munasabahnyanya percaya dilindungi oleh waran bongkar, tetapi juga apa-apa barang lain di mana dia percaya atas alasan yang munasabah barang itu dicuri dan menjadi bukti yang berkaitan atas tuduhan mencuri atau menerima barang curi terhadap seseorang yang memilikinya atau sesiapa yang bersubahat dengannya.¹³⁶

Keputusan yang sama juga telah didapati dalam kes *Frank Truman Export Ltd. Iwn Metropolitan Police Commissioner*¹³⁷ dan *Re Kah Wai Video (Ipoh) Sdn. Bhd.*¹³⁸ Bagaimanapun, dalam kes lain, *Ghani Iwn Jones*.¹³⁹ Lord Denning telah menggariskan keperluan yang mesti dipenuhi dalam mengesahkan tindakan polis merampas barang yang berkaitan jenayah dalam sesuatu penggeledahan, kata beliau:

133 Seksyen 17, *ibid.*

134 Seksyen 19(ii), *ibid.*

135 [1968] 2 W.L.R. 201.

136 *Ibid.*, hlm. 209.

137 [1980] Q.B. 952.

138 [1987] 2 M.L.J. 459.

139 [1970] 1 Q.B. 693.

Apa juga prinsip yang harus digunakan dalam kes-kes ini, kita perlu menimbangkan dari satu pihak, kebebasan individu. Keadaannya tersendiri dan harta bendanya tidak harus diganggu kecuali atas sebab-sebab yang sangat penting. Bagi pihak lain pula, kita harus menimbangkan kepentingan masyarakat umum untuk mengesan penjenayah dan mencegah jenayah.

Rakyat yang jujur hendaklah menolong pihak polis dan tidak menghalang mereka dalam usaha mengesan penjenayah. Menimbangkan kepentingan itu, pada pendapat saya untuk mengesahkan pengambilan sebarang benda, apabila seorang belum ditangkap atau dituduh, keperluan yang berikut hendaklah dipatuhi.

Pertama, pegawai polis hendaklah mempunyai alasan yang munasabah untuk mempercayai bahawa sesuatu jenayah yang berat telah dilakukan dan orang-orang yang terlibat perlu ditangkap dan dihadapkan ke mahkamah.

Kedua, pegawai polis hendaklah mempunyai alasan yang munasabah untuk mempercayai bahawa benda yang berkenaan itu adalah hasil daripada jenayah (seperti benda yang telah dicuri) atau alat untuk melakukan jenayah (seperti kapak, yang digunakan oleh pembunuh) atau keterangan penting untuk membuktikan jenayah itu (seperti kereta yang digunakan oleh perompak bank).

Ketiga, pegawai polis hendaklah mempunyai alasan yang munasabah untuk mempercayai bahawa orang yang memiliki benda itu melakukan sendiri jenayah itu atau ia terlibat dengannya atau bersubahat dalam perkara itu, atau keengganannya membenarkan barang itu diambil sama sekali tidak munasabah.

Keempat, pihak polis tidak boleh menyimpan benda itu atau menghalang benda itu diambil balik, untuk masa lebih lama daripada yang perlu untuk digunakan sebagai keterangan dalam perbicaraan. Jika salinannya memadai, salinan itu harus dibuat, dan keterangan yang asal dikembalikan. Sebaik sahaja kes itu tamat atau jika diputuskan kes tidak diteruskan, benda itu hendaklah dikembalikan.

Yang akhir, kesahan tindakan polis hendaklah diputuskan mengikut keadaan pada masa itu dan tidak dari keadaan yang berlaku kemudian.¹⁴⁰

Satu lagi persoalan berkenaan penggeledahan ini ialah apabila terbukti bahawa rampasan atau penggeledahan yang dibuat oleh polis itu dibuat dengan cara yang tidak sah, adakah barang yang dirampas itu tidak boleh digunakan sebagai keterangan di mahkamah? Dalam hal ini, mengikut keputusan kes yang telah dibicarakan menunjukkan bahawa mahkamah biasanya tidak akan memberi perhatian pada cara keterangan itu diperolehi tetapi dilihat adakah keterangan itu berkaitan dengan perkara yang menjadi persoalan kes. Ini bermakna, barang-barang yang

140 *Ibid.*

dirampas itu masih lagi boleh digunakan sebagai keterangan yang boleh diterima walaupun cara polis mendapatkannya tidak sah.

Dalam kes *Kuruma lwn R*,¹⁴¹ seorang dituduh memiliki peluru secara haram. Penggeledahan telah dilakukan oleh dua orang pegawai polis pangkat rendah daripada Inspektor, sedangkan undang-undang menetapkan penggeledahan hanya boleh dibuat oleh pegawai polis berpangkat Inspektor dan ke atas. Persoalannya, adakah keterangan yang diperoleh secara tidak sah diterima dan digunakan di mahkamah. Lord Goddard CJ ketika memutuskan kes berkata, "Ujian yang digunakan dalam mempertimbangkan kes itu ialah adakah keterangan itu relevan pada perkara yang menjadi isu. Jika ia relevan, maka keterangan itu diterima dan mahkamah tidak mempersoalkan tentang bagaimana keterangan itu diperoleh."

Kata Lord Goddard:

Cadangan ini mungkin tidak disebutkan dengan banyak perkataan dalam mana-mana kes Inggeris, ia adalah keputusan di mana disokong dan pada pendapat hakim ia sememangnya benar dari segi prinsip-prinsipnya.¹⁴²

Oleh yang demikian, sungguhpun pihak polis memperoleh keterangan atau barang itu dalam penggeledahan yang salah, ia masih diterima sebagai keterangan di mahkamah. Prinsip yang sama juga telah digunakan dalam kes terdahulu di Malaysia, iaitu dalam kes *Saminathan lwn Pendakwa Raya*.¹⁴³ Penggeledahan dilakukan oleh seorang Inspektor Polis, sedangkan kuasa menggeledah diberikan kepada pegawai polis yang lebih kanan. Telah diputuskan orang yang dituduh boleh disabitkan atas kesalahan mengadakan rumah perjudian. Majistret harus memberi perhatian hanya sama ada dokumen yang diperoleh ada kaitan dengan kes dan bukannya bagaimana dokumen itu diperoleh.

Setelah penggeledahan selesai dijalankan dan pihak polis telah menahan seseorang berhubung dengan sesuatu kes yang disiasat, orang itu bolehlah ditahan dalam tempoh 24 jam untuk siasatan.¹⁴⁴ Sekiranya siasatan tidak dapat diselesaikan dalam masa 24 jam seperti ditetapkan dalam seksyen 28 Kanun Acara Jenayah, dan pegawai polis percaya orang itu terlibat atau mungkin terlibat, pegawai polis itu hendaklah menghantar satu salinan catatan buku harian tentang kes itu dan membawa orang yang kena tuduh itu ke hadapan majistret.¹⁴⁵ Majistret

141 [1955] 1 All. E. R. 236.

142 *Ibid.*

143 [1937] MLJ 39.

144 Seksyen 24, Kanun Acara Jenayah.

145 Seksyen 117(i), *ibid.*

bolehlah memberikan perintah melanjutkan tahanan sehingga 15 hari sekiranya difikirkan patut sama ada dia mempunyai bidang kuasa atau tidak membicarakan kes tersebut. Majistret juga boleh mengarahkan supaya kes itu dihantar ke hadapan majistret lain yang berkuasa membicarakannya. Atau jika kes hanya boleh dibicara di Mahkamah Tinggi, majistret mengarahkan dibawa ke hadapannya atau majistret lain bagi tujuan diselidik kes untuk dibicarakan di Mahkamah Tinggi.¹⁴⁶ Setelah membenarkan polis menahan orang yang dituduh dalam tempoh tertentu, majistret hendaklah merekod sebab-sebab dia berbuat demikian.¹⁴⁷

Kuasa Pendakwaan

Satu lagi kuasa yang dijalankan oleh polis ialah kuasa menjalankan pendakwaan. Menurut Zakaria Hj. Ahmad, kuasa pendakwaan yang dijalankan oleh polis adalah:

Satu perkara yang penting berkenaan kuasa perundangan, bahawa polis boleh menjalankan pelaksanaan tujuan mereka iaitu ia juga bertanggungjawab bagi pendakwaan-pendakwaan kuasa yang diambil bagi pihak pendakwa raya. Bagi tujuan ini perkara utamanya memerlukan mereka mengetahui undang-undang dengan sebaik-baiknya. Sebagai tambahan, mereka juga mestilah mengetahui dengan sebenarnya ordinan keterangan yang membuatkan pegawai polis sensitif kepada isu-isu berkaitan tanggungjawab mereka sebagai pegawai polis. Peranan pendakwaan yang dijalankan oleh Pasukan Polis Diraja Malaysia adalah salah satu tanggungjawab yang unik, suatu yang tidak dijalankan oleh kebanyakan pasukan polis yang lain.¹⁴⁸

Kanun Acara Jenayah telah menetapkan orang yang boleh menjalankan pendakwaan dalam kes kesalahan yang lazim ditangkap dan kesalahan yang tidak lazim ditangkap sama ada di Mahkamah Tinggi atau Mahkamah Rendah adalah seperti yang berikut:

- (i) Pendakwa raya
- (ii) Timbalan pendakwa raya
- (iii) Peguambela
- (iv) Plider yang dilantik oleh pengadu (di Terengganu sahaja)
- (v) Pegawai polis tidak kurang daripada pangkat Inspektor

Dalam pendakwaan jenayah bagi kesalahan jenayah di Mahkamah Tinggi dan kesalahan yang lazim ditangkap dalam percabaran di hadap-

146 Seksyen 117(ii), *ibid*.

147 Seksyen 117(iii), *ibid*.

148 Zakaria Hj. Ahmad 1977. "The Police and Political Development in Malaysia". Tesis Ph.D. hlm. 97-98 (tidak diterbitkan).

an majistret, seksyen 377 Kanun Acara Jenayah menyebutkan:

Tiap-tiap pendakwaan jenayah di hadapan sesuatu Mahkamah Tinggi dan tiap-tiap pendakwaan jenayah bagi kesalahan boleh ditangkap serta tiap-tiap siasatan di hadapan majistret, tertakluk kepada seksyen berikut, hendaklah dijalankan:

- (a) Oleh pendakwa raya atau timbalan pendakwa raya atau penguambela atau, dalam negeri Terengganu, seorang perayu (*pleader*) yang digajikan oleh pengadu dan diberi kuasa bertulis oleh pendakwa raya atau timbalan pendakwa raya yang bertindak di bawah kawalan dan arahan am pendakwa raya untuk menjalankan pendakwaan atau siasatan itu;
- (b) Oleh seorang polis yang berpangkat tidak kurang daripada Inspektor, yang bertindak bagi pihak pendakwa raya.

Dengan syarat dalam mana-mana juga daerah di mana tidak boleh dijalankan sedemikian tanpa kelengahan atau perbelanjaan yang tidak munasabah mengenai pendakwaan atau siasatan itu, maka pendakwa raya dari semasa ke semasa, dengan pemberitahuan dalam *Warta*, mengarahkan supaya pendakwaan terhadap kesalahan yang lazim ditangkap bolehlah dijalankan dalam daerah itu oleh seorang pegawai polis yang berpangkat tidak kurang daripada Inspektor dan dengan syarat selanjutnya bahawa semasa ketiadaan pegawai yang diberi kuasa dalam daerah itu untuk menjalankan pendakwaan mengikut peruntukan yang disebut sebelumnya bagi seksyen ini pendakwaan boleh dijalankan oleh seorang pegawai polis yang berpangkat tidak kurang daripada seorang Sarjan yang diberi kuasa bertulis oleh pendakwa raya menjalankan pendakwaan bagi tempoh tidak melebihi empat belas hari daripada tarikh pemberian kuasa bertulis itu.

Seksyen ini telah memberikan kuasa pendakwaan dalam kes kesalahan yang boleh ditangkap di mahkamah kepada pegawai polis yang berpangkat tidak kurang daripada Inspektor. Ini bermakna pegawai polis yang lebih rendah pangkatnya daripada Inspektor tidak boleh menjalankan pendakwaan di bawah seksyen ini. Walau bagaimanapun, seksyen ini memberi pengecualian dalam keadaan tertentu, iaitu pendakwa raya boleh memberikan arahan secara bertulis supaya pegawai polis berpangkat tidak kurang daripada Sarjan menjalankan kuasa pendakwaan itu. Dalam hal ini, pegawai polis yang diberi kuasa itu hanya boleh menjalankan tugas pendakwaan dalam tempoh tidak melebihi 14 hari daripada tarikh surat kuasa itu dibuat.

Dalam kes *Pawanteh & lain-lain lwn Pendakwa Raya*,¹⁴⁹ dua pegawai kastam dituduh melakukan kesalahan mengugut (*extortion*). Pen-

dakwaan dijalankan oleh pegawai polis berpangkat Inspektor, bukannya timbalan pendakwa raya. Rigby J. berkata:

Percubaan-percubaan yang dibuat oleh kerajaan yang bertanggungjawab untuk memusnahkan rasuah dan memberi peringatan dibuat dengan teliti kepada orang ramai supaya melaporkan kes rasuah dan perbuatan pemerasan dan memberi maklumat kepada pihak polis ataupun terus ke Pejabat Perdana Menteri adalah diketahui umum. Namun demikian, orang yang bertanggungjawab atas perlakuan dan pendakwaan kes-kes jenayah dalam negara ini memikirkan bahawasannya ini adalah perkara yang memadai dan cukup untuk pendakwaan kes jenayah yang serius ini yang melibatkan pegawai-pegawai kanan kerajaan hanya dilaksanakan oleh Inspektor Polis yang muda (*Junior Police Inspector*) di Mahkamah Majistret. Pelaksanaan ini dijalankan dengan jelas dan teliti oleh pegawai pendakwa polis dan kes ini diberi perhatian dengan bersungguh-sungguh oleh majistret. Namun ini tidak adil kepada pegawai pendakwa polis, ataupun kepada majistret ataupun kepada orang ramai bahawa kes seperti ini yang panjang dan rumit hanya dibiarkan dan dibuat dengan cara ini. Tuan majistret tidak mendapat apa-apa pertolongan daripada pendakwaan yang beliau sepatutnya dapat, dan saya menyatakan dengan dukacitanya bahawa beliau mendapat pertolongannya daripada penguambela seperti yang beliau telah jangkaan.¹⁵⁰

Walau apa pun yang dikatakan, mahkamah memutuskan yang rayuan itu dibenarkan dan perintah perbicaraan semula dikeluarkan, tetapi tidaklah disebabkan alasan tersebut.

Dalam satu lagi kes, *Pendakwa Raya lwn Mat Radri*,¹⁵¹ orang yang dituduh dihadapkan atas tuduhan menerima rasuah. Pendakwaan dilakukan oleh pegawai polis berpangkat Inspektor dan Penolong Penguasa Polis. Majistret yang mendengar kes mengemukakan pandangan beliau bahawa pendakwaan kes itu patut dilakukan oleh timbalan pendakwa raya. Menurutnya, kes tersebut melibatkan anggota angkatan bersenjata dan pasukan polis maka sepatutnyalah timbalan pendakwa raya yang mengemukakan kes. Oleh sebab timbalan pendakwa raya tidak menunjukkan minat dalam mengemukakan kes, mahkamah tidak ada pilihan lain kecuali membebaskan orang yang dituduh. Pendakwa raya mengemukakan rayuan ke Mahkamah Tinggi. Hakim Tan Chiaw Thong telah memutuskan alasan pembebasan tidak boleh diterima kerana bertentangan dengan undang-undang, dan dalam mana-mana keadaan, seksyen 377 Kanun Acara Jenayah membenarkan Inspektor menjalankan pendakwaan dalam kes yang boleh ditangkap.

150 *Ibid.*, hlm. 218.

151 [1982] 1 MLJ 221.

Kenyataan Hakim Tan Chiaw Thong dan keputusan dalam kes *Pendakwa Raya lwn Mat Razi*¹⁵² itu menunjukkan mahkamah mengikut peruntukan yang terdapat dalam Kanun Acara Jenayah. Inspektor Polis berkuasa menjalankan pendakwaan dalam kes-kes kesalahan yang lazim ditangkap.

Bagi kesalahan yang tidak lazim ditangkap pula, terdapat tiga kategori orang yang diberi kuasa menjalankan pendakwaan. Mereka ialah:

- (a) Pendakwa raya atau timbalan pendakwa raya atau pegawai polis.
- (b) Mana-mana pegawai dari jabatan kerajaan atau pihak berkuasa tempatan.
- (c) Mana-mana orang perseorangan secara sendiri atau penguambela atau plider (di Terengganu sahaja).¹⁵³

Dalam kes kesalahan yang lazim ditangkap telah ditetapkan hanya pegawai polis yang tidak kurang daripada pangkat Inspektor sahaja yang diberi kuasa menjalankan pendakwaan.¹⁵⁴ Namun begitu dalam kes kesalahan yang tidak lazim ditangkap, undang-undang tidak menetapkan pangkat pegawai polis yang boleh menjalankan pendakwaan. Menurut Mimi Kamariah Majid, setiap anggota polis termasuk konstabel boleh menjalankan pendakwaan dalam kes kesalahan yang tidak lazim ditangkap.¹⁵⁵ Pegawai polis juga mempunyai kuasa menghadiri kes rayuan jenayah. Seksyen 378 Kanun Acara Jenayah menyatakan:

Mana-mana orang pun tidak boleh menghadiri bagi pihak pendakwa raya dalam mana-mana juga rayuan jenayah selain pendakwa raya, atau timbalan pendakwa raya, atau pegawai polis yang berpangkat tidak kurang daripada Inspektor atau penguambela yang diberi kuasa bertulis secara nyata oleh pendakwa raya atau timbalan pendakwa raya, yang bertindak bagi pihak pendakwa raya.

Seksyen ini menetapkan hanya pegawai polis yang berpangkat tidak kurang daripada Inspektor diberi kuasa menghadiri rayuan jenayah. Dalam kes *Ponniiah lwn Lim*,¹⁵⁶ telah diputuskan orang yang berhak

153 *Ibid*.

154 Seksyen 380. Kanun Acara Jenayah.

155 Seksyen 377, *ibid*.

156 Mimi Kamariah Majid 1987. *Criminal Procedure in Malaysia*. Kuala Lumpur: Jabatan Penerbitan University Malaya, hlm. 91.

mengemukakan kes rayuan di Mahkamah Tinggi ialah pendakwa raya atau orang-orang yang dinyatakan dalam seksyen 378, Kanun Acara Jenayah.

Keputusan yang sama juga didapati dalam kes *M.I.S. Murray lwn Ooi Ah Kai*,¹⁵⁷ iaitu hanya satu sahaja responden untuk rayuan terhadap sabitan dan atau hukuman bagi orang yang telah disabitkan ialah pendakwa raya dan tidak seorang pun yang mempunyai hak kecuali mengikut seksyen 378 dan 379 Kanun Acara Jenayah.

Kesimpulannya kuasa pendakwaan yang dijalankan oleh polis ialah mengikut peruntukan yang terkandung dalam ketiga-tiga seksyen, iaitu 377, 378 dan 380 Kanun Acara Jenayah. Dalam amalan biasa, kuasa pendakwaan terhadap kes jenayah dijalankan oleh Pasukan Polis Cawangan Mahkamah. Pegawai pendakwa polis terdiri daripada pegawai yang sekurang-kurangnya berpangkat Inspektor. Sungguhpun seksyen 380 kanun ini memberi pengecualian kuasa pendakwaan kepada Sarjan dan ke atas, namun peruntukan ini boleh dikatakan langsung tidak dipakai. "Pengecualian ini nampaknya tidak dipakai langsung pada masa ini".¹⁵⁸

Tegasnya organisasi Polis Diraja Malaysia yang telah dikemas kini telah mampu menyediakan pegawai yang cukup dan mengetahui tugas mereka di setiap daerah dan bidang kuasa mahkamah di seluruh Malaysia. Hubungan baik antara polis dengan Pejabat Peguam Negara, khususnya timbalan pendakwa raya di setiap negeri, telah melicinkan lagi tugas pendakwaan yang dilakukan oleh pegawai polis.

158 4 MC 4.

159 Mimi Kamariah Majid, *op cit.*, hlm 89

BAB 5

PELAKSANAAN KUASA POLIS DAN KEBERKESANAN

PENDAHULUAN

Untuk menilai pelaksanaan dan keberkesanan kuasa polis iaitu kuasa tangkapan, penyiasatan, penggeledahan dan pendakwaan, tidaklah dapat dinilai secara berasingan. Kuasa tersebut berkesinambungan antara satu sama lain dan terletak atas satu transaksi tugas yang sama. Pegawai polis yang menjalankan tangkapan, akan mengadakan penyiasatan dan penggeledahan untuk mendapatkan barang bukti ataupun dokumen bagi membolehkan pendakwaan dijalankan. Justeru itu, kejayaan dan kelemahan kuasa polis hendaklah dinilai daripada keseluruhan tugas yang dijalankan oleh pasukan polis.

Pada zaman yang serba maju ini terdapat kepelbagaian tugas yang dijalankan oleh pasukan polis. Perbincangan tentang kepelbagaian peranan dan tugas polis itu telah pun dibuat dalam bab yang terdahulu, Tun Suffian berkata:

Bertambahnya kemakmuran dari segi teori sepatutnya membawa pengurangan kadar jenayah, tetapi dari segi kesannya telah membawa kesan sebaliknya. Kesan kemakmuran itu dipenuhi dengan dengki dan nafsu memiliki kekayaan di mana boleh dicapai melalui tipu, curi, pecah rumah dan rompak.¹

Pasukan polis hari ini terpaksa berhadapan dengan pelbagai ancaman yang lebih sukar untuk dikesan dan penggunaan peralatan yang lebih canggih. Mengikut Cesare Lambrose, seorang psikiatri Itali, penjenayah mempunyai sifat yang lebih agresif dan tidak berperikemanusiaan.

1 Tun Suffian & F.A. Trinidad 1984. *The Constitution of Malaysia the Development 1957 - 77*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.

Penjenayah mempunyai pemikiran jauh ke belakang iaitu semasa seperti di awal kemajuan manusia lebih primitif dan liar daripada yang bukan penjenayah.²

Pihak polis terpaksa berhadapan dan berurusan dengan penjenayah yang mempunyai sifat demikian. Justeru itu, pasukan polis telah mengorak langkah ke arah profesionalisme.

PELAKSANAAN KUASA POLIS DAN KEBERKESANANNYA

Bagi melihat pelaksanaan dan keberkesanan kuasa polis, perbincangan dibuat berdasarkan dua faktor yang utama, iaitu:

- (i) Faktor statistik kes yang dilapor dan 'kes selesai' dan;
- (ii) Faktor lain berhubung dengan pelaksanaan kuasa polis.

Faktor Statistik Kes yang Dilaporkan dan Kes Selesai

Jika dilihat statistik jenayah yang dilaporkan di seluruh negara, kadar jenayah telah meningkat dari setahun ke setahun. Kadar jenayah bagi tempoh lima tahun, iaitu dari 1983 hingga 1987 menunjukkan pertambahan yang ketara, kecuali pada tahun 1987 yang berkurangan 10.41 peratus dari tahun 1986. Bagi tahun 1983 terdapat sebanyak 73 760 kes dilaporkan dengan pertambahan sebanyak 8.90 peratus dari tahun sebelumnya. Pada tahun 1984 terdapat pertambahan sebanyak 5.67 peratus, iaitu 77 939 kes. Manakala tahun 1985 kes yang dilaporkan semakin meningkat kepada 89 224 iaitu bertambah sebanyak 6.65 peratus, iaitu 95 159 kes. Hanya pada tahun 1987 sahaja kes dilaporkan agak menurun kepada 85 248, iaitu penurunan pada kadar 10.41 peratus. (Lihat Jadual 5.1)

Dalam melihat perangkaan kes-kes itu, dan untuk mengetahui sejauh manakah berkesannya tindakan polis, banyak pihak yang membandingkan dengan "kes selesai". Mengikut Herschell Prins, sesuatu kes itu dikatakan selesai apabila penjenayah dapat dikesan, didakwa dan disabitkan kesalahannya.³ Sementara mengikut tafsiran INTERPOL, kes selesai ialah apabila:

2 George Vold. B. 1979. *Theoretical Criminology*. New York. Oxford University Press. hlm. 36.

3 Herschell Prins 1982. *Criminal Behaviour*. London and New York: Tavistock Publications, hlm. 24.

Jadual 5.1 Penyelesaian kes jenayah 1980 – 1987

Tahun	Jumlah kes	Kes selesai	Peratus
1980	70 823	14 695	21
1981	70 643	14 920	21
1982	67 735	9 700	14
1983	73 760	9 283	11
1984	77 939	9 516	11
1985	89 227	10 136	11.4
1986	95 159	11 146	11.7
1987	85 248	11 765	13.8

Sumber: Laporan Jabatan Siasatan Jenayah Bukit Aman, Januari 1988.

- (i) Pegawai penyiasat secara positif berpuas hati terhadap pengakuan dan keterangan positif diperoleh.
- (ii) Penjenayah yang melakukannya ditangkap sewaktu ia melakukan jenayah tersebut walaupun ia tidak mengaku berbuat demikian.
- (iii) Orang yang melakukan jenayah tersebut secara positif dicamkan oleh mangsanya.
- (iv) Mangsa penjenayah boleh memberi gambaran positif tentang *description* penjenayah dan boleh mengecamnya tidak kira sama ada penjenayah itu berada dalam tahanan polis atau masih bebas ataupun telah meninggal dunia, atau;
- (v) Apabila pegawai penyiasat telah berpuas hati bahawa kes yang disiasat itu bukannya sesuatu kes jenayah.⁴

Sehubungan ini, kes selesai di Malaysia dalam tempoh lapan tahun, iaitu dari tahun 1980 hingga 1987 ialah seperti dalam Jadual 5.1. Manakala Rajah 5.1 pula adalah sebagai perbandingan antara kes jenayah yang dilaporkan dengan kes selesai di seluruh Malaysia bagi tempoh tersebut.


Manakala kedudukan kes selesai di Malaysia berbanding dengan kes selesai antarabangsa di England, Wales, Singapura dan Jepun adalah seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 5.2.

4 Min bin Salleh 1988. "Masalah Kualiti Penyelesaian Kes Kontinjen Polis Kuala Lumpur & Negeri Sembilan". Kertas Projek Diploma Sains Kepolisan UKM, hlm. 11.

Jadual 5.2 Perbandingan kes selesai antarabangsa

Tahun	Malaysia		England & Wales		Singapura		Jepun	
	J/Kes	% Sel.	J/Kes	% Sel.	J/Kes	% Sel.	J/Kes	% Sel.
1982	67 735	14	3 262 422	37	30 255	24.8	1 673 305	53.4
1983	73 760	12.59	3 247 030	35	-	-	1 704 121	64.1
1984	77 939	12.21	3 499 107	35	35 728	23	1 747 401	66.5
1985	89 227	11.77	3 611 883	35	38 136	22.8	1 752 729	67.2
1986	95 159	11.71	-	-	-	-	-	-
1987	85 246	13.80	-	-	-	-	-	-

Sumber: Laporan Jabatan Siasatan Jenayah Bukit Aman, 1988.



Sumber: Laporan Jabatan Siasatan Jenayah, Januari 1988.

Rajah 5.1 Jumlah kes jenayah dan kes selesai 1980-1987

Walaupun secara keseluruhan kes selesai ialah pada kadar yang amat rendah di Malaysia, namun dalam kes besar seperti kes bunuh dan rogol, peraturan kes selesai adalah tinggi. Sebagai contoh lihat Jadual 5.3.

Kalau dilihat peratus kes selesai di atas amatlah menggalakkan kerana lebih kurang separuh daripada kes yang dilaporkan telah dapat diselesaikan. Peratusan ini bertambah baik lagi dalam kes rogol.

Jadual 5.3 Peratusan kes selesai dalam kes bunuh

Tahun	Jumlah kes	Kes selesai	Peratus
1980	279	138	49
1981	258	142	56
1982	225	157	70
1983	303	171	56
1984	298	168	57
1985	327	138	42.20

Sumber: Laporan Jabatan Siasatan Jenayah Bukit Aman, 1987.

Jadual 5.4 Peratusan kes selesai dalam kes rogol

Tahun	Jumlah kes	Kes selesai	Peratus
1980	388	159	43
1981	360	169	52
1982	442	238	54
1983	460	264	57
1984	470	233	50
1985	530	251	47.36
1986	688	475	69
1987	668	528	79
1988	615	492	80
1989	605	556	92

Sumber: Laporan Jabatan Siasatan Jenayah Bukit Aman, 1990

Perangkaan dalam Jadual 5.4 dengan jelas menunjukkan keberkesanan tugas yang dijalankan oleh polis dalam kes rogol. Pada tahun 1987 polis telah menyelesaikan sebanyak 528 kes daripada 668 kes yang dilaporkan, iaitu dalam kadar 79% peratus. Pertambahan kepada 80 peratus telah berlaku bagi kes selesai tahun 1988 dan polis telah menyelesaikan 492 kes daripada 615 kes yang dilaporkan. Manakala pada tahun 1989, sebanyak 556 kes telah diselesaikan daripada 605 kes yang dilaporkan. Kadar peratus kes selesai telah meningkat kepada 92 peratus.

Jumlah tangkapan dalam kes rogol sahaja dari tahun 1986 hingga 1989 ialah seramai 1534 orang. Pecahan tangkapan yang berjaya dibuat mengikut tahun seperti dalam Jadual 5.5.

Namun begitu dalam kes lain terutamanya dalam kes jenayah harta benda, kes selesai adalah terlalu kecil jumlahnya. Tidak terdapat

Jadual 5.5 Perangkaan tangkapan kes rogol

Tahun	Jumlah tangkapan
1986	321
1987	410
1988	396
1989	407
Jumlah	1534

Sumber: Laporan Jabatan Siasatan Jenayah Bukit Aman, 1990

perangkaan yang khusus tentang kes selesai itu, sama ada diperoleh melalui tangkapan atau adakah dituduh di mahkamah dan dijatuhkan hukuman. Oleh itu, kejayaan polis ataupun kelemahan polis tidaklah boleh dilihat secara terus daripada perangkaan atau statistik kes selesai yang ditunjukkan.

Di samping itu, kegagalan sesuatu kes untuk diselesaikan atau 'bukan kes selesai' tidaklah boleh diukur sebagai kelemahan polis. Ini disebabkan kes-kes yang dilaporkan mempunyai hubungan juga dengan faktor lain seperti kelemahan dan kegagalan jabatan atau pihak lain dalam Sistem Keadilan Jenayah. Sebagai contoh, kelewatan Jabatan Kimia menentukan barang kes akan melambatkan sesuatu kes didakwa di mahkamah, dan seterusnya menyebabkan sesuatu kes tidak dapat diselesaikan.

Selain itu, keupayaan mahkamah menyelesaikan kes yang dibicarakan juga merupakan salah satu faktor penting kes tidak dapat diselesaikan. Menurut Chooi Mun Sau, salah satu sebab terjadinya kes tertangguh ialah kekurangan hakim, Presiden Mahkamah Sesyen dan majistret yang boleh mengadili kes yang dihadapkan ke mahkamah.⁵ Ada pendapat mengatakan, kalau dengan keadaan kelengkapan dan cara biasa mahkamah membicarakan kes-kes di bawah seksyen 39B dan 39A⁶ yang ada setakat ini, mahkamah akan mengambil masa selama 25 tahun untuk menyelesaikannya.⁷ Pernah berlaku, oleh sebab kesilapan pihak penjara, seorang yang ditahan sebagai tahanan reman (*remand*

5 Chooi Mun Sau 1987. "On Corruption as an Obstacle to Good Government" kertas Kerja di Persidangan The Malaysian Constitution After 30 years, Universiti Malaya, Ogos.

6 Akta Dadah Berbahaya 1952.

7 Min bin Salleh 1988. "Masalah Kualiti Penyelesaian Kes Kontinjen Kuala Lumpur, Negeri Sembilan". Kertas Projek Diploma Sains Kepolisian, UKM, hlm. 53.

Jadual 5.6 Jumlah kes yang tertangguh di mahkamah di Malaysia sehingga Mac 1986

Mahkamah	Sivil	Jenayah	Jumlah	Jumlah besar
Mahkamah Agung	326	65	392	392
SEMANANJUNG MALAYSIA				
Mahkamah Tinggi	30 669	806	31 465	
Mahkamah Sesyen	17 849	1 830	19 795	
Mahkamah Majistret	46 307	28 680	172 625	= 223 895
SABAH				
Mahkamah Tinggi	222	38	260	
Mahkamah Sesyen	777	145	922	
Mahkamah Majistret	3 512	703	7 029	= 8 211
SARAWAK				
Mahkamah Tinggi	4 888	145	5 033	
Mahkamah Sesyen	614	154	768	
Mahkamah Majistret	4 618	7 448	15 247	= 21 048
Jumlah				253 546

Sumber: *Dewan Masyarakat*, November 1986, hlm. 16.

prisoner) di Sabah telah ditahan lebih lama daripada hukuman maksimum kesalahan yang dilakukannya.⁸ Selain itu kes tertangguh di mahkamah juga melibatkan aspek undang-undang, bidang kuasa badan kehakiman, peguam, saksi dan orang yang dituduh sendiri.⁹ Perangkaan menunjukkan kes tertangguh di mahkamah Malaysia sehingga Mac 1986 ialah sebanyak 253 546 kes. Daripada jumlah tersebut, di peringkat Mahkamah Agung 392 kes, Mahkamah Tinggi 36 768 kes, Mahkamah Sesyen 21 485 kes dan Mahkamah Majistret 194 901 kes.¹⁰ Jumlah kes tertangguh mengikut pembahagian mahkamah di Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak adalah seperti dalam Jadual 5.6.

⁸ Kes Mohd. Zainal Hashim dlm. *The Star*, 23 Julai 1987.

⁹ Zulkifli Salleh 1986, "Kes Tertangguh Perlu Penyelesaian Segera", dlm. *Dewan Masyarakat*, November, hlm. 16.

¹⁰ *Ibid*.

Faktor Lain Berhubung dengan Pelaksanaan Kuasa Polis

Keberkesanan kuasa polis bukanlah hanya dinilai daripada faktor statistik kes selesai sahaja, tetapi yang lebih penting ialah dinilai daripada keadaan keselamatan, keamanan dan kestabilan negara. Dalam laporan berkenaan gaji pegawai yang diwartakan pada tahun 1965, ada menyentuh tentang perkara ini, iaitu:

Nilai tugas sebenar polis hari ini tidak boleh dikira sepenuhnya atas jumlah tangkapan yang dibuat, tidak juga boleh diuji atas kejayaan yang dilandaskan daripada hasil penyiasatan. Penilaian yang adil hanya boleh diberi sebagai pencapaian atau selainnya matlamat pekerjaan yang dilakukan atau tidak yang menghasilkan kesan bertahun-tahun. Dalam lain perkataan ini bermakna keselamatan dalam negeri.¹¹

Dalam hubungan ini, sejarah Pasukan Polis Diraja Malaysia telah mencatatkan kejayaan yang besar dalam mengekalkan keselamatan negara. Kejayaan yang dicapai oleh polis ialah membanteras kejadian jenayah dan kegiatan kongsi gelap, ancaman kesatuan sekerja/buruh yang pro-komunis pada masa darurat tahun 1948 – 1960, kejayaan polis mempertahankan keselamatan negara semasa konfrontasi Malaysia dengan Indonesia, peranan polis menghadapi Peristiwa 13 Mei 1969, dan seterusnya peranan polis dalam menghadapi penjenayah, penyeludup, penyalahgunaan dadah, pelampau agama serta perkauman, maksiat, dan sebagainya. Ia merupakan satu jasa dan pengorbanan pasukan polis yang besar ertinya terhadap bangsa, agama dan negara.¹²

Dari segi menyelamatkan rakyat dan negara daripada anasir dan penganas komunis, polis telah mencapai kejayaan yang cemerlang sehingga kestabilan negara tidak lagi dipersoalkan di seluruh dunia. Ketiadaan angkara penganas komunis mengalih perhatian rakyat kepada prestasi pasukan dalam peperangannya terhadap pertumbuhan jenayah dan perkembangan penagihan dadah.¹³ Perletakan senjata oleh Parti Komunis Malaya (PKM) dan Parti Komunis Kalimantan Utara (PKU) pada tahun 1990 adalah hasil usaha dan tekanan yang berterusan yang dijalankan oleh pasukan polis. Justeru itu, keselamatan dan kestabilan negara telah dapat dipulihkan.

11 Royal Malaysia Police, Representation on Gazetted Officers Salaries. By The Senior Police Officers Association Gazetted Officer Branch, Malaya Component. Kuala Lumpur. Percetakan Kerajaan, 1965. hlm. 9-10.

12 Radzuan Hj. Ibrahim 1984. "PDRM Hadapi Cabaran" dlm. *Berita Bukit Aman*, Mei, hlm. 8.

13 Tun Mohd. Haniff Omar 1981. Perutusan Hari Polis pada 25 Mac.

Kajian Laporan Akhbar Berkaitan Polis

Satu kajian telah dijalankan oleh Cawangan Perhubungan Awam, Polis Diraja Malaysia, Bukit Aman berhubung dengan isu berkaitan polis yang tersiar melalui semua akhbar tempatan bagi tempoh tahun 1989. Daripada kajian tersebut, didapati isu berkaitan kejayaan polis mendapat liputan utama di akhbar, iaitu sebanyak 847 laporan atau 78.1 peratus berbanding keseluruhan isu berkaitan polis dilaporkan berjumlah 1084. Isu lain ialah kritikan atau aduan atau tohmahan sebanyak 129 laporan atau 11.93 peratus. Manakala pujian, tahniah atau ucapan terima kasih atau penghargaan berjumlah 57 laporan atau 5.26 peratus yang tersiar. Yang selebihnya iaitu 51 laporan atau 4.71 peratus berkisar pada cadangan, saranan dan komen berkaitan polis. Lihat Jadual 5.7 dan Rajah 5.2.

Daripada kajian ini menunjukkan kejayaan polis telah mendapat perhatian utama di Malaysia. Kejayaan dalam kajian ini ialah meliputi kejayaan tangkapan, geledahan, siasatan dan pendakwaan yang dijalankan oleh pasukan polis. Bagaimanapun dalam pelaksanaan kuasa polis terdapat juga kelemahan sama ada faktor dalaman atau faktor luaran. Kelemahan polis yang utama daripada faktor dalaman termasuklah kekurangan pegawai penyiasat berbanding dengan kes yang bertambah. Pada tahun 1985 sahaja, terdapat 1341 pegawai penyiasat berbanding dengan 89 227 kes jenayah, yang bermakna seorang pegawai penyiasat secara purata bertanggungjawab ke atas 66.5 kes setahun atau 5.5 kes sebulan.¹⁴ Bagi bandar besar seperti Kuala Lumpur, setiap kali pegawai penyiasat bertugas mereka akan menyiasat sekurang-kurangnya lima kes dan bertugas selang 72 jam, iaitu mereka akan bertugas 10 kali dalam tempoh sebulan, atau 50 kes dalam sebulan akan diasiasat.¹⁵ Di samping itu kelemahan pegawai penyiasat polis disebabkan kekurangan atau ketiadaan peralatan seperti kenderaan untuk menyiasat jenayah yang berlaku jauh daripada balai polis, alat mengesan cap jari, kamera, mesin taip, anjing pengesanan dan kadang-kadang kulit fail juga.¹⁶

Faktor Luaran yang Memberi Kesan pada Pelaksanaan Kuasa Polis

Faktor luaran utama yang menyebabkan kelemahan dalam pelaksanaan kuasa polis antaranya ialah sikap orang ramai yang enggan memberikan

14 Min bin Salleh 1988. "Masalah Kualiti Penyelesaian Kes Kontinjen Polis Kuala Lumpur & Negeri Sembilan". Kertas Projek Diploma Sains Kepolisan, UKM hlm. 36.


15 Ismail Johari 1987. "Polis dan Masalah Jenayah", hlm. 56 (tidak diterbitkan).

16 Min bin Salleh, *op. cit.*, hlm. 4.

Jadual 5.7 Perangkaan isu berkaitan polis yang tersiar di akhbar tempatan bagi tahun 1989

Jenis laporan	Bilangan	Peratus
Kejayaan	847	78.1
Pujian/tahniah terima kasih/ penghargaan	57	5.26
Kritikan/aduan/ tohmahan/rasa tidak puas hati	129	11.93
Saranan/cadangan	51	4.71
Jumlah	1084	100

Sumber: Cawangan Perhubungan Awam Polis Bukit Aman, 1990.



Sumber: Cawangan Perhubungan Awam Polis Bukit Aman, 1990.

Rajah 5.2 Peratus isu berkaitan polis yang tersiar di akhbar tempatan bagi tahun 1989

kerjasama kepada polis. Ini termasuklah keengganan orang ramai untuk tampil memberikan bukti dalam penyiasatan polis ataupun saksi dalam percaraan mahkamah. Ramai di kalangan saksi yang bekerja tidak hadir ke mahkamah sebagai saksi disebabkan keengganan majikan membenarkan mereka kerana tidak ada hubungan dengan syarikat. Hakim Sheikh Daud Ismail di Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur menegur sikap majikan yang tidak membenarkan pekerja mereka hadir ke mahkamah

sebagai saksi perbicaraan kerana tidak ada hubungan dengan syarikat. Katanya:

Tidak penting sama ada saksi-saksi datang ke mahkamah untuk perkara-perkara yang melibatkan syarikat-syarikat di mana mereka bekerja atau perkara-perkara lain. Fakta kekal bahawa mereka di sini atas perintah mahkamah.¹⁷

Sementara itu kontinjen polis yang bersempadan dengan negara asing menghadapi kesulitan menyiasat kes yang melibatkan pergerakan 'lintas batas' oleh penjenayah.¹⁸ Sungguhpun Malaysia mempunyai perjanjian bersama tentang jenayah dengan negara jiran seperti Thailand, Singapura dan Indonesia, namun kejadian 'lintas batas' sering berlaku dan tidak dapat dikesan. Keadaan ini juga merupakan faktor luaran yang mewujudkan kelemahan polis dalam melaksanakan kuasa polis.

Kelemahan dalam pelaksanaan kuasa polis juga disebabkan oleh tafsiran undang-undang yang ketat dan sikap pendakwa. Sebagai contoh, tafsiran undang-undang yang ketat seperti tafsiran memiliki (*in possession*) dalam kes dadah dan jenayah lain. Dadah atau pistol yang dijumpai di dalam sebuah rumah atau kereta belum tentu dapat dibuktikan sebagai hak milik tuannya. Justeru itu, mahkamah terpaksa membebaskan orang yang dituduh berdasarkan takrifan undang-undang, walaupun pada hakikatnya dia benar-benar memiliki barang tersebut.

Satu lagi faktor luaran yang melemahkan pelaksanaan kuasa polis ialah sikap pendakwa raya atau timbalan pendakwa raya yang enggan mendakwa jikalau kes hanya mempunyai peluang kurang daripada 90 peratus untuk menang, demi menjaga imej jabatan.¹⁹ Sikap ini melemahkan prestasi pelaksanaan kuasa polis, apatah lagi dalam kes yang memerlukan masa yang panjang untuk siasatan dan disebabkan sikap tersebut kes tidak dapat dihadapkan ke mahkamah. Dengan itu, kes itu menjadi 'kes tidak selesai' dan sekali gus melemahkan pelaksanaan kuasa penyiasatan dan pendakwaan polis.

Walau apa pun yang dibincangkan, secara keseluruhannya pasukan polis telah mencapai kejayaan yang besar dalam melaksanakan kuasa polis. Ini dapat dibuktikan dengan jelas apabila keamanan, keselamatan dan kestabilan negara telah dapat diwujudkan. Rakyat bebas menjalankan aktiviti harian tanpa diganggu gugat oleh penjenayah atau penjahat secara berleluasa. Kalau ada jenayah, ia dilakukan secara tersembunyi dan terbukti tindakan susulan untuk mengesannya dilakukan oleh polis

17 *New Straits Times*, 20 November 1990, hlm. 3.

18 Min bin Salleh, *op. cit.*, hlm. 55.

19 *Ibid.*, hlm. 57.

kemudiannya. Begitu juga rancangan dan projek pencegahan jenayah dilakukan oleh polis, termasuk memberi kesedaran rakyat untuk turut berganding bahu dengan polis menjaga keselamatan setempat (*policing*). Dengan itu pasukan polis sebagai penguat kuasa utama undang-undang negara telah melaksanakan kuasa polis dengan baik dan berkesan.

KUASA BUDI BICARA POLIS DAN KEPENTINGAN AWAM

Selain menjalankan kuasa yang diberikan dalam akta seperti menangkap, menyiasat, menggeledah dan mendakwa, sering kali dalam menjalankan tugas hariannya, polis menggunakan kuasa budi bicara. Menurut James Q Wilson,²⁰ polis boleh diibaratkan sebagai seorang yang luas dalam perkara yang amat penting, hidup dan mati, dihormati atau dikeji dalam suasana yang membimbangkan.

Profesor Loius B. Schwartz dari University of Pennsylvania Law School menyebut tentang budi bicara polis, iaitu:

Kita ingin mengiktirafkan polis sebagai seorang yang menjalankan budi bicara penting bagi penguatkuasaan undang-undang, pegawai yang mesti tahu bila untuk tidak mengambil tindakan, untuk mengemukakan tindakan kepada amaran, begitu juga bila tangkapan boleh dibuat. Walaupun beberapa kesalahan telah dilakukan, ia mungkin lebih baik untuk mematuhi arahan dan melenyapkan penentangan daripada terus membuat tangkapan.²¹

Definisi Kuasa Budi Bicara Polis

Budi bicara polis penting kerana menurut Allan Coffey:

Bagaimana seseorang pegawai polis bergerak di dalam kawasannya bergantung sebahagian besarnya pada budi bicara dirinya.²²

Namun begitu, dalam melaksanakan budi bicara ini polis kadang kala berada di persimpangan berhubung dengan penglibatannya dalam masyarakat. Ini digariskan oleh Michael Banton, iaitu:

20 James Q Wilson 1918. *Varieties of Police Behaviour*. Cambridge MA: Harvard University Press, hlm. 132.

21 *Pengaman*, Januari-April 1978, hlm. 38.

22 Allan Coffey, Edward Eldefonso & Walter Hartinger 1974. *An Introduction to the Criminal System and Process*. New Jersey: Prentice Hall Inc., hlm. 23.

Jika polis terlalu terlibat dalam hubungan kemasyarakatan dan persahabatan, dia kurang mematuhi keadilan sebagaimana yang dikehendaki dijalankan oleh seseorang yang ada kuasa. Jika dari sudut lain, dia mengasingkan diri daripada masyarakat, dia tidak lagi memahami perasaan masyarakat yang dikehendaki apabila dia ingin menjalankan budi bicara secara berkesan. Sekiranya polis terlalu terlibat, dia akan kehilangan hormat. Sekiranya dia terlalu terasing masyarakat akan menjauh hati dan tidak menepati tuntutan yang polis secara tidak langsung menjadi pengawal moral masyarakat. Lebih jauh lagi, ia boleh dibincangkan bahawa dua keadaan dalam peranan polis itu adalah permulaan yang lojik bagi penganalisa perhubungan awam polis.²³

Dalam kes *Associated Picture House Ltd. lwn Wednesbury Corporation*,²⁴ hakim menyatakan:

Seseorang yang diamanahkan dengan budi bicara mestilah mengarahkan dirinya mematuhi undang-undang. Dia mesti mengingatkan dirinya kepada perkara-perkara di mana dia dikehendaki mengambil kira. Dia mesti tinggalkan dalam pertimbangannya daripada perkara-perkara yang tidak berkaitan dengan perkara yang dia sepatutnya pertimbangkan.

Kuasa budi bicara polis amat luas dan apabila dijalankan dengan betul tanpa unsur-unsur *mala fide*, *ultra vires* dan *arbitrariness*, tidak boleh dipersoalkan oleh sesiapa termasuklah mahkamah. Dalam kes *R lwn Metropolitan Police Commissioner*,²⁵ Lord Denning berkata:

Dalam menjalankan tugas mereka menguat kuasa undang-undang, polis ada budi bicara di mana mahkamah tidak akan menghalangnya.

Definisi Kepentingan Awam

Sementara itu kepentingan awam atau *public policy* bermaksud sesuatu yang baik untuk kemaslihatan masyarakat dan orang ramai. Sesuatu yang merosakkan masyarakat atau membawa kemudaratan kepada masyarakat atau berlawanan dengan kehendak masyarakat adalah bertentangan dengan kepentingan awam.

Dalam kes *Egerton lwn Brownlow*,²⁶ dijelaskan *public policy* sebagai:

23 Michael Banton 1964. *The Policeman in the Community*. New York: Basic Books Inc. Publisher, hlm. 188.

24 [1947] 2 All. E.R. 680.

25 Ex. P. Blackburn (no. 3), [1973] Q.B. 241.

26 [1853] 4 HL Class I.

Prinsip undang-undang di mana berpegang bahawa tiada seorang pun boleh melakukan perkara yang ada berkemungkinan akan mencederakan orang ramai, atau berlawanan dengan kebaikan orang ramai.

Pelaksanaan Budi Bicara Polis dan Kepentingan Awam

Malaysia mengamalkan sistem politik bebas, demokrasi berperlembagaan. Perlembagaan adalah undang-undang tertinggi negara (*supreme law of federation*) dan mengamalkan peraturan undang-undang (*rule of law*) dan hak asasi manusia. Sebenarnya terima pakai proklamasi pengisytiharan universal Hak Asasi Manusia sebagai pencapaian yang standard bagi semua orang dan bangsa oleh Perhimpunan Agung Bangsa-Bangsa Bersatu pada 10 Disember 1940, semua negara ahli telah diminta supaya diberi publisiti teks pengisytiharan itu untuk disebar, dipamer, dibaca dan dihuraikan.²⁷

Menurut Tun Abdul Hamid Omar, sebuah negara yang mengamalkan peraturan undang-undang ialah yang mana perlakuan orang-orang yang menjalankan kuasa penimbangtaraan yang luas atau budi bicara memaksa adalah dicegah. Ia perlu dipertimbangkan juga sejauh mana perseimbangan antara kebebasan individu dan pengawalan undang-undang yang harus diselenggarakan.²⁸ Dengan kata lain, perseimbangan antara hak kebebasan individu dengan kepentingan awam mestilah diambil kira.

Sehubungan dengan ini, Lord Denning menjelaskan:

Kebebasan peribadi hendaklah dipadankan dengan keselamatan sosial yang saya maksudkan keamanan dan keadaan masyarakat yang teratur di sekeliling kita. Kebebasan seseorang itu tidak bererti sekiranya dia mudah menjadi mangsa si pembunuh atau pencuri. Setiap golongan masyarakat hendaklah mempunyai cara-cara mereka sendiri untuk melindungi diri daripada pencuri-pencuri. Ia mestilah mempunyai kuasa untuk menangkap, menyiasat dan memenjarakan mereka yang melanggar undang-undang. Asalkan kuasa-kuasa tersebut dijalankan dengan betul, mereka dengan sendirinya merupakan penjaminan keamanan.... Apa yang penting diperkukuhkan ialah antara kebebasan peribadi di satu pihak dengan keselamatan awam di satu pihak yang lain.²⁹

Perlembagaan negara telah memperuntukkan hak-hak asasi rakyat

27. Tun Abdul Hamid Omar 1983. "Hukum Undang-undang" dlm. *Berta Bukit Aman*, 27 Julai, hlm. 8-9.

28. *Ibid.*, hlm. 9.

29. Lord Sir Denning 1955. *The Road to Justice*. (Lih. juga *Berta Bukit Aman*, Julai 1982, hlm 9).

Antaranya, hak kebebasan beragama,³⁰ hak tidak dijadikan hamba abdi,³¹ hak kebebasan diri,³² hak sama rata,³³ hak tidak dibuang negeri,³⁴ hak pembelaan diri di atas tuduhan jenayah,³⁵ hak kebebasan bergerak,³⁶ hak terhadap harta³⁷ dan hak kebebasan berhimpun dan berperisuaan.³⁸

Perkara 5 Perlembagaan Malaysia menyatakan berkenaan kebebasan individu sewaktu sesuatu hukuman tidak boleh dijatuhkan kecuali telah didapati bersalah mengikut undang-undang negara setelah dibicarakan.

- (1) Tiada seseorang pun boleh diambil nyawanya atau dilucutkan kebebasan dirinya kecuali menurut undang-undang.
- (2) Jika pengaduan dibuat kepada Mahkamah Tinggi atau kepada mana-mana hakim Mahkamah Tinggi menyatakan bahawa seseorang adalah ditahan dengan menyalahi undang-undang, maka mahkamah itu hendaklah menyasiat pengaduan itu dan melainkan berpuas hati bahawa tahanan itu adalah sah di sisi undang-undang, mahkamah itu hendaklah memerintahkan orang itu dibawa ke hadapan mahkamah itu dan melepaskannya.
- (3) Jika seseorang ditangkap maka hendaklah diberitahu dengan seberapa segera yang boleh sebab-sebabnya ia ditangkap dan ia hendaklah dibenarkan berunding dengan seorang pengamal undang-undang yang dipilih olehnya dan dibela oleh pengamal undang-undang itu.
- (4) Jika seseorang ditangkap dan tidak dilepaskan, maka orang itu hendaklah dibawa ke hadapan seorang majistret dengan segera, sekiranya tiada apa-apa sebab yang berpatutan, tetapi walau bagaimanapun dalam tempoh dua puluh empat jam (tidak termasuk masa perjalanan yang perlu) dan orang itu tidak boleh ditahan selanjutnya dengan tiada kuasa majistret itu.

Dengan syarat bahawa fasal ini tidak boleh dipakai bagi apa-apa tangkapan atau tahanan yang dilakukan terhadap mana-mana orang di bawah undang-undang yang ada yang berkaitan dengan kediaman terhad dan semua peruntukan fasal ini hendaklah disifatkan sebagai telah menjadi sebahagian integral perkara ini mulai dari Hari Merdeka.

30 Perkara 11, Perlembagaan Malaysia.

31 Perkara 6, *ibid.*

32 Perkara 5, *ibid.*

33 Perkara 8, *ibid.*

34 Perkara 9, *ibid.*

35 Perkara 7, dan 5 (3) & (4), *ibid.*

36 Perkara 9, *ibid.*

37 Perkara 12, *ibid.*

38 Perkara 10, *ibid.*

(5) fasal (3) dan (4) tidak dipakai terhadap orang negara musuh.³⁹

Peruntukan Perkara 5 Perlembagaan Malaysia adalah bersamaan dengan *due process of law*.⁴⁰ Pihak polis tidak boleh menahan seseorang dengan sewenang-wenangnya dan tidak lebih daripada 24 jam untuk penyiasatan, melainkan melalui mahkamah mengikut cara yang digariskan dalam seksyen 117 Kanun Acara Jenayah. Budi bicara polis dalam soal menahan orang untuk penyiasatan ini terkandung dalam kes *Ooi Ah Phua lwn OCCl Kedah/Perlis*.⁴¹ Dalam kes ini perayu telah memohon kepada mahkamah supaya mengisytiharkan penahanannya tidak sah disebabkan pihak polis tidak membenarkan dia berjumpa dengan peguam semasa kes tahanan untuk penyiasatan. Hakim Tun Suffian ketika memutuskan kes menyatakan bahawa dalam menegakkan keadilan seseorang yang dituduh mempunyai hak untuk mendapatkan khidmat peguam pilihannya semasa ditahan. Namun begitu, hak itu hanya timbul apabila polis telah menyelesaikan penyiasatannya. Oleh yang demikian, polis mempunyai kuasa budi bicara dalam menentukan hak tersebut dipenuhi atau tidak, dengan syarat dalam menjalankan kuasa penyiasatan itu tidak ada unsur-unsur seperti melengah-lengahkan penyiasatan hingga boleh menyebabkan ketidakadilan.

Begitu juga dengan kuasa tangkapan, polis mempunyai budi bicara yang luas melakukan tangkapan. Sebagai contoh, tangkapan ke atas seseorang hanya boleh dilakukan setelah adanya syak wasangka yang munasabah⁴² (*reasonable suspicion*). Budi bicara polis mestilah dijalankan dengan cara yang wajar dan tidak dicatitkan dengan *mala fide* dan *irrelevant considerations*.⁴³ Apabila tangkapan hendak dilakukan atas alasan syak wasangka yang munasabah terhadap seseorang, hendaklah diberitahu alasan mengapa ia ditangkap. Dalam kes *Christie lwn Leachinsky*,⁴⁴ mahkamah menggariskan bahawa jika alasan tangkapan tidak diberitahu boleh menyebabkan tangkapan tersebut tidak sah dan sekiranya dia ditahan seterusnya, tahanan itu adalah tahanan salah.

Kuasa budi bicara polis diberikan juga dalam akta lain seperti Akta Keselamatan Dalam Negeri, 1960. Dalam seksyen 73 akta tersebut, telah memberi kuasa budi bicara kepada polis untuk menahan seseorang tanpa waran selama 60 hari dan menteri berkuasa arahkan penahanan sehingga

39 Perkara 5, Perlembagaan Malaysia.

40 Musa Dato' Hj. Hassan 1989 "Rule of Law and Accountability Police". Nota kursus di Maktab Polis Kuala Kubu Bharu, hlm. 5.

41 [1975] 2 MLJ 198.

42 Lihat seksyen 23(1) (a), Kanun Acara Jenayah.

43 Lihat kes *Chai Choon Hon lwn Ketua Polis Daerah Kampar dan Kerajaan Malaysia* [1986] 2 MLJ 203.

44 [1947] A.C. 573.

dua tahun sekiranya polis mempunyai *reasonable suspicion* bahawa orang itu akan menggugat keselamatan Malaysia, atau mana-mana bahagian dalamnya atau untuk melindungi perkhidmatan perlu ataupun terhadap ekonomi negara.⁴⁵ Kuasa budi bicara polis bagaimanapun mestilah dikuatkuasakan dengan memenuhi keperluan Perkara 151 Perlembagaan Malaysia sepenuhnya, iaitu:

- (1) memberitahu kepada tahanan dengan seberapa segera yang boleh alasan-alasan dia ditahan.
- (2) memberitahu kepada tahanan dengan seberapa segera yang boleh pernyataan-pernyataan di mana perintah diasaskan.
- (3) mengambil tindakan-tindakan supaya membolehkan tahanan membuat rayuan kepada Lembaga Penasihat, dan
- (4) Lembaga Penasihat dimestikan membuat laporan kepada Yang di-Pertuan Agong dalam tempoh tiga bulan atau lebih jika dibenarkan oleh Yang di-Pertuan Agong.

Dalam kes *Lim Kit Siang lwn Menteri Dalam Negeri Malaysia*.⁴⁶ Yang Arif Hakim menjelaskan:

Pada pendapat saya seksyen di atas memberi kuasa kepada pegawai polis untuk menangkap dan menahan mana-mana orang tanpa waran, untuk penyiasatan, jika dia mempunyai alasan untuk mempercayai bahawa ada asas untuk membenarkan tahanan di bawah seksyen 8 seksyen itu tidak menghendaki perisytiharan disertakan bersama asas penahanan. Telah diputuskan bahawa ada alasan untuk membenarkan tahanan yang dinyatakan oleh pegawai berkaitan dan mahkamah tidak boleh membatalkan keputusan itu. Lagipun adalah memuaskan sekiranya pegawai yang membuat tangkapan itu memberitahunya secara lisan tentang asas tangkapan.

Budi bicara polis bagi menentukan sama ada alasan penahanan munasabah atau tidak ditentukan oleh pegawai polis yang membuat tangkapan. Dalam kes *Theresa Lim Chin Chin & Others lwn Inspector General of Police*⁴⁷ mahkamah memutuskan bahawa alasan yang memunasabahkan tangkapan terletak kepada polis yang membuat tangkapan dan mahkamah tidak boleh melebihi daripada apa yang diputuskan (*cannot go behind his decision*).

Dalam satu lagi kes *writ habeas corpus. Ong Yew Teck lwn*

45 Seksyen 73, Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960.

46 Pulau Pinang Cr. App. CR 8/88.

47 F.T. Cr. App. CR 29/87.

Commissioner of Police Singapore,⁴⁸ salah satu alasan peguam orang yang dituduh ialah Koperal Polis yang membuat tangkapan itu "tiada mempunyai sebab-sebab untuk dipercayai (*no reasonable ground to believe*)" sebagaimana disyaratkan oleh undang-undang. Hakim Mahkamah Tinggi Singapura bersetuju dengan pandangan peguam dan membuat keputusan bahawa tangkapan itu dibuat secara salah (*illegal*) kerana tidak mengikuti kehendak undang-undang serta membebaskan orang yang dituduh.

Satu lagi masalah kepentingan awam (*public policy*), boleh dilihat dalam kes *Dorset Yacht Co. lwn Home Office*⁴⁹ beberapa orang tahanan telah melepaskan diri dari pusat tahanan di Poole Harbour, akibat kecuiaan pegawai penjara. Orang tahanan itu telah merosakkan harta (*yacht*) kepunyaan plaintif. *House of Lords* telah memutuskan *Home Office* bersalah. Tetapi dalam kes *Hill lwn Chief Constable of West Yorkshire*,⁵⁰ polis dituduh cuai menjaga keamanan dan menyekat penjenayah (pembunuh), diputuskan polis tidak mempunyai tugas berhati-hati (*duty of care*) dan permohonan ditolak. Lord Keith membandingkan dua kes tersebut sebagai:

Dalam kes penjenayah yang lari, pengenalan diri dan rupanya adalah diketahui. Dalam kes ini, pengenalan diri penjenayah yang dikehendaki pada masa itu tidak diketahui. Tuduhan terdapat kecuiaan polis kerana kegagalan untuk mendapatkan pengenalannya....⁵¹

Ini bermakna, secara munasabahnyanya tidak boleh dikatakan tugas berhati-hati kepada polis dalam soal mengenali *unknown criminal*.

Dalam hal ini, salah satu lagi alasan permohonan perayu ditolak dalam kes *Hill lwn Chief Constable of West Yorkshire*⁵² itu ialah kepentingan awam. Ini berdasarkan prinsip-prinsip dalam kes *Yuen Kun Yue lwn Attorney General of Hong Kong*,⁵³ Lord Keith berkata:

Ada satu lagi alasan mengapa tindakan bagi ganti rugi dalam kecuiaan tidak boleh dikenakan terhadap polis dalam keadaan seperti dalam kes ini, dan alasan itu ialah polisi awam.⁵⁴

48 [1960] 26 MLJ 67.

49 [1970] A.C. 1004.

50 [1988] 2 All. E.R. 239.

51 *Ibid.*

52 *Ibid.*

53 [1987] 2 All. E.R. 705.

54 *Ibid.*

Sementara kebebasan peribadi mestilah dipadankan dengan keselamatan sosial, keamanan dan keadaan yang baik masyarakat. Keseimbangan yang benar hendaklah dikekalkan antara kebebasan peribadi dan keselamatan awam. Negara yang pernah mengalami perbuatan subversif kerajaan hendaklah mengekalkan keseimbangan antara kebebasan peribadi (dalam sesetengah kes boleh menghakis hak asasi tertentu seseorang individu) dan juga keselamatan negara.⁵⁵ Daripada perbincangan tadi, jelaslah kuasa budi bicara polis mestilah dilakukan berlandaskan peraturan-peraturan yang ditetapkan oleh undang-undang. Ia mestilah tidak dilakukan dengan *mala fide*, *arbitrariness* ataupun *ultra vires*. Kuasa budi bicara polis dibentuk atas dasar menjaga kepentingan awam dan mengekalkan keamanan dan keselamatan negara.

PENYELEWENGAN KUASA DAN KEGANASAN POLIS

Sebagai sebuah organisasi penguat kuasa undang-undang utama negara, pasukan polis sering ditohmah menyelewengkan kuasa dan menggunakan kekerasan atau keganasan terhadap orang awam.

Penyelewengan bermaksud perbuatan menyeleweng, menyimpang daripada tujuan sebenar.⁵⁶ Manakala keganasan pula bermakna perihal ganas, kebusanan kegarangan, dan sebagainya.⁵⁷

Menurut keputusan kajian yang dibuat oleh Cawangan Perhubungan Awam Polis Bukit Aman, daripada 1084 laporan berkaitan polis yang tersiar di semua akhbar di sepanjang tahun 1989, hanya sebanyak 129 laporan atau 11.93 peratus adalah berkaitan dengan penyelewengan dan keganasan polis. Penyelewengan dan keganasan polis diterangkan dalam tajuk-tajuk kritikan, aduan tohmahan dan rasa tidak puas hati. (Lihat Rajah 5.2).

Daripada 129 laporan berkenaan penyelewengan dan keganasan polis, pecahan mengikut jenis laporan adalah seperti dalam Jadual 5.8.

Walaupun perangkaan menunjukkan laporan tentang penyelewengan dan keganasan polis adalah sedikit, namun ia jelas menunjukkan bahawa penyelewengan dan keganasan polis masih wujud. Penyele-

55 Lord Sir Alfred Denning 1955. *The Road to Justice*. London: Sterons.

56 *Kamus Dewan Edisi Baru* 1989. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, hlm. 1145.

57 Dalam konteks kajian ini, penyelewengan bermaksud penyelewengan kuasa polis dan keganasan ialah perbuatan polis terhadap orang awam termasuklah menggunakan kekerasan, mendera, memukul, menyakiti, dan sebagainya.

Jadual 5.8 Laporan penyelewengan dan keganasan polis di akhbar bagi tahun 1989

Jenis laporan	Bilangan
Kritikan	3
Aduan	47
Tohmahan	72
Rasa tidak puas hati	7
Jumlah	129

Sumber: Cawangan Perhubungan Awam Polis Bukit Aman, 1990.

wengan dan keganasan polis ini terbit daripada kuasa yang diberikan oleh undang-undang kepada polis. Ini ditambah pula dengan kuasa budi bicara yang luas dalam menjalankan tugas polis. Menurut Lord Denning, kuasa yang disalahgunakan adalah perbuatan kejam yang akan membawa kebencian rakyat kepada pasukan polis. Katanya:

Kuasa boleh disalahgunakan dan jika kuasa-kuasa ini disalahgunakan tidak ada yang lebih kejam daripada mereka. Ini membawa kepada satu keadaan di mana pihak polis boleh menangkap sesiapa sahaja lalu dihumbankan ke dalam penjara tanpa sebab-sebab yang ditetapkan. Inilah punca timbulnya kebencian kepada GESTAPO dan 'Police State' - lalu membawa kepada pengakuan secara paksaan dan pembicaraan yang mempersendakan keadilan.⁵⁸

Salah satu penyelewengan utama polis ialah terlibat dengan rasuah. Tun Mohd. Haniff Omar menyebutkan di sepanjang tempoh 10 bulan pertama tahun 1990, seramai 100 orang anggota polis termasuk pegawai berpangkat Penolong Pesuruhjaya Polis (PPJP) telah disiasat kerana disyaki terlibat dengan rasuah.⁵⁹ Pihak Badan Pencegah Rasuah (BPR) telah dijemput menjalankan penyiasatan terhadap anggota polis yang disyaki terlibat dengan rasuah. Tun Mohd. Haniff berkata:

Saya ingin dia (Badan Pencegah Rasuah) memberi lebih penekanan kepada polis kerana kita (polis) adalah badan penguatkuasaan undang-undang. Pegawai polis ada banyak kuasa di mana kita tidak boleh membenarkan mereka dibeli atau dijual. Sekiranya mereka boleh dijual

58 Lord Sir Alfred Denning 1955. *The Road to Justice*. London: Sterons.

59 *The Star*, 6 November 1990, hlm. 1.

kepada pengusaha sindiket maksiat, mereka boleh jualkan diri mereka kepada ejen-ejen negara lain.⁶⁰

Sementara itu, Ketua Pengarah Badan Pencegah Rasuah, Hj. Zulkifli Mahmood,⁶¹ menyatakan seramai 144 orang anggota polis ditangkap berkaitan dengan rasuah dalam tempoh 10 bulan pertama 1990. Bagi tahun 1989 seramai 60 anggota polis ditangkap dan tahun 1988 seramai 75 anggota polis ditangkap atas kesalahan yang sama. Manakala seramai 62 orang anggota polis dituduh di mahkamah pada tahun 1989 berbanding dengan 75 orang bagi tahun 1988. Pihak Badan Pencegah Rasuah juga telah merujuk sebanyak 46 kes dalam 10 bulan pertama tahun 1990 untuk tindakan tatatertib pasukan polis, berbanding dengan 28 kes pada tahun 1989 dan 39 kes pada tahun 1988. Dalam menjalankan kuasa polis, jikalau terdapat penyelewengan kuasa, keganasan digunakan atau tidak mengikut undang-undang maka orang yang ditangkap itu boleh mencabar tindakan polis di mahkamah. Ini mengikut *maxim audi alteram partem*,⁶² iaitu tiada keputusan kehakiman dibuat sebelum orang yang ditangkap dipanggil membela diri. Orang yang dituduh boleh merayu *autrefois acquit* atau *autrefois convict*. Rayuan orang yang dituduh bagi tahanan salah boleh dengan mengemukakan writ *habeas corpus ad subjiciendum* mengikut Bab XXXVI Kanun Acara Jenayah. Hal ini diberikan bagi melindungi keadilan.

Mahkamah merupakan institusi yang menegakkan keadilan.⁶³ Bekas Ketua Hakim Negara, Sultan Azlan Shah dalam kes *Pengaruh Tanah dan Galian Wilayah Iwn Sri Lempah Enterprise Sdn. Bhd.*⁶⁴ menyebut bahawa:

... Setiap undang-undang mesti ada batasnya. Jikalau tidak, kuku besi akan timbul apabila salah guna kuasa dilakukan. Oleh itu adalah menjadi tanggungjawab mahkamah untuk campur tangan. Ini kerana mahkamah adalah satu-satunya badan bebas yang melindungi rakyat daripada kekerasan ancaman jabatan kerajaan atau pihak berkuasa awam yang mempunyai kuasa dan pengaruh yang luas. Hal perlindungan ini amat mustahak bagi rakyat jelata....

Pendapat ini bertepatan dengan pendapat Lord Denning dalam kes *Conway Iwn Rimmer*⁶⁵ yang menyebutkan bahawa:

60 *Ibid.*

61 *The Star*, 28 November 1990, hlm. 6.

62 De Smith 1980. *Judicial Review of Administration Action*. London: Steven & Sons Ltd., hlm. 158.

63 *Dewan Masyarakat*, November 1986, hlm. 7.

64 [1979] 1 MLJ, 135 PC.

65 [1968] 1 All. E.R. 874.

Setiap orang mestilah dilindungi daripada kemungkinan perbuatan yang tidak adil.

Malahan Hakim Lord Mansfield berfalsafah ketika memberi keputusan dalam kes *Rex lwn Wilkes*.⁶⁶ berbunyi:

Keadilan itu mestilah ditegakkan walaupun seluruh syurga itu hancur.

Sementara itu bekas Ketua Hakim Negara, Tun Muhamad Suffian ketika menolak permohonan rayuan seorang anggota polis setelah disabitkan atas kesalahan mencederakan budak lelaki berusia 16 tahun pada 17 April 1980 berkata:

Anggota polis yang menjalankan tugas mengikut undang-undang akan menerima sokongan dan galakan kami, tetapi mereka yang melayan orang yang disyaki dalam keadaan yang zalim hanya boleh mengira untuk menerima hukuman yang berat.⁶⁷

Dalam soal tangkapan, undang-undang melarang polis menahan orang sehari-hari tanpa membenarkan haknya mendapatkan khidmat peguam, tanpa diberitahu alasan tahanan, tanpa sebarang tuduhan ke atasnya dan tanpa dihadapkan ke hadapan majistret selepas 24 jam.⁶⁸ Namun begitu dalam tugas hariannya, polis pernah dikatakan menyalahgunakan kuasanya seperti:

Ramai yang ditahan atas syak wasangka apabila polis tidak ada maklumat lanjut selain daripada laporan polis. Polis mungkin tidak mempunyai sebarang tanda tetapi dengan menahannya di dalam bilik tahanan tanpa membuat tuduhan, mereka berharap untuk mendapatkan maklumat daripadanya.⁶⁹

Sehubungan dengan ini Hakim Harun Hashim, ketika mengarahkan seorang yang dituduh dalam kes pecah amanah (CBT) dibebaskan pada 21 Februari 1980 berkata:

Rekod mahkamah menunjukkan bahawa separuh daripada orang yang ditangkap dan ditahan dalam beberapa bulan terbaru telah dibebaskan tanpa syarat oleh polis tanpa apa-apa pertuduhan yang dikenakan.⁷⁰

66 [1770] 4 Burr, 2527.

67 *The Malay Mail*, 22 Ogos 1981, hlm. 4

68 *Lih* Perkara 5, Perlembagaan Malaysia.

69 *Op. cit.*, hlm. 5.

70 *Ibid.*

Pernah berlaku satu kes pada tahun 1980, Mahkamah Sesyen Klang mendapati seorang lelaki berusia 26 tahun berada dalam tahanan polis selama tujuh bulan dan polis masih tidak menyiapkan penyiasatannya. Mahkamah kemudiannya membebaskan orang yang dituduh itu yang dihadapkan atas tuduhan menyimpan motosikal curi.⁷¹ Sedangkan mengikut Perkara 5 Perlembagaan Malaysia, orang yang dituduh berhak mendapatkan khidmat peguam dan dihadapkan ke mahkamah selepas 24 jam ditangkap tetapi polis tidak membenarkan hak tersebut dipenuhi. Profesor Ahmad Ibrahim menyatakan tidak ada sebarang kuasa secara nyata yang membenarkan polis menahan seseorang di balai polis, tetapi orang tersebut boleh diminta supaya berada di balai polis untuk disoal siasat atau diperiksa serta direkodkan kenyataannya.⁷²

Kenyataan orang yang dituduh yang direkodkan oleh polis hanya boleh diterima di mahkamah apabila dibuktikan ia dibuat secara sukarela, tidak dengan cara paksaan, ugutan atau pujukan. Jika terbukti polis telah menyelewengkan kuasanya dengan tidak mengikut peraturan tersebut, mahkamah akan mengisytiharkan kenyataan itu tidak boleh diterima (Inadmissibility in court). Dalam kes *Public Prosecutor lwn Ibrahim Mastari*,⁷³ Hakim Choor Singh telah memutuskan pendakwa gagal melepaskan beban untuk membuktikan kenyataan orang yang dituduh dibuat secara sukarela, kerana terdapat isu polis memukul orang yang dituduh. Oleh itu kenyataan orang yang dituduh tidak diterima di mahkamah.

Dalam kes *Mohd. Yusoff lwn PP*,⁷⁴ Hakim Syed Agil Barakbah menggariskan ugutan atau *inducement* tidak semestinya dibuat secara langsung. Ia boleh jadi daripada gaya bercakap dan daripada orang yang berautoriti.⁷⁵

Dalam kes *Dato' Mokhtar Hashim*,⁷⁶ mahkamah menyatakan jangka masa siasatan (soal siasat) yang terlalu lama adalah tidak sesuai dan menekan orang yang dituduh. Sehubungan dengan ini David Marshal telah mengkritik pelaksanaan penyiasatan berhubung dengan pengakuan salah dan kenyataan kepada polis.

Prinsip-prinsip yang terkandung di dalam penerimaan pengakuan salah dan kenyataan-kenyataan adalah sangat baik, tetapi tidak praktikal.

71 *Ibid*

72 Ahmad Ibrahim 1979. Are There Adequate Safeguards in Our Laws to Prevent Innocent People from Being Convicted? Fifth Malaysian Law Conference, Kuala Lumpur, Oktober 25-27, hlm. 9.

73 [1980] 2 MLJ 188.

74 [1983] 2 MLJ 167.

75 *Lh.* juga kes *DPP lwn Ping Lin* [1975] 2 All. E.R. 175.

76 [1983] 2 MLJ 232.

Pemakaiannya melibatkan membuang masa, menggalakkan pemalsuan pada pegawai penyiasat, menyebabkan kekecewaan di pihak pembela dan melenyapkan keyakinan orang ramai terhadap polis dan pentadbiran kehakiman. Pengkajian terperinci adalah dikehendaki untuk berhubung dengan penyakit ini di dalam sistem kita.⁷⁷

Mengenai keganasan polis yang dilakukan terhadap orang ramai, majalah *Asiaweek* keluaran 4 September 1981 telah memaparkan lima contoh yang berlaku. Lima kes tersebut dikatakan telah menarik perhatian umum:

- (1) Seorang jurujual berusia 24 tahun ditahan oleh polis atas alasan disyaki terlibat dengan kes pecah rumah dan dia diseksa oleh 14 orang tahanan lain, sementara polis hanya melihat dan menggalakkan mereka. Tohmahan itu telah dilaporkan dalam akhbar pada awal bulan Ogos, selepas peguamnya membuat aduan di Mahkamah Majistret di Kuantan Pahang. Tiga anggota polis telah dituduh berkaitan dengan kejadian tersebut.
- (2) Seorang pengurus syarikat perumahan berusia 21 tahun mengadu dia telah dipaksa duduk mencangkung selama tiga jam di atas lantai sementara polis mencaci terhadapnya, pihak polis berjanji untuk menyiasat tohmahan tersebut.
- (3) Pada pertengahan Ogos, seorang pemandu lori membuat laporan di Balai Polis Petaling Jaya, mendakwa dia dipukul dengan pemegang pistol oleh polis yang tidak berpakaian seragam kerana dia gagal untuk menyerahkan lampu elektrik (*Electric torch*). Pegawai polis berkenaan juga telah membuat laporan dan pihak polis sedang menjalankan penyiasatan terhadap kes tersebut.
- (4) Seorang anggota polis telah menggunakan pemegang senapang *rifle* untuk menahan penunggang skuter bersama-sama isteri dan anaknya. Hujung senapang itu terkena anaknya di bahagian muka dan kemudian meninggal dunia. Anggota polis itu telah dituduh dengan tuduhan menyebabkan kematian budak itu.
- (5) Seorang yang dituduh cedera selepas diikat dan digantung badannya di tingkap dan dipukul selama tiga jam dengan wayar getah. Empat anggota polis, seorang daripadanya bekas Ketua Inspektor telah masing-masing dijatuhi hukuman penjara daripada satu hingga tiga tahun kerana mendatangkan cedera parah.⁷⁸

⁷⁷ *Ibid.*

⁷⁸ *Asiaweek*, 4 September 1981, him. 14.

Sementara itu dalam satu kes yang lain, Mahkamah Sesyen Pulau Pinang telah mengeluarkan satu perintah bagi membolehkan seorang pemuda yang ditahan dalam penjara di Pulau Pinang membuat pengaduan polis berkaitan dengan dakwaan beliau dipukul polis. Pemuda berumur 21 tahun itu mendakwa dia dipukul oleh beberapa anggota polis semasa selepas ditangkap kerana dituduh mengedar ganja sebanyak 400 gram.⁷⁹

Dalam akhbar *The Malay Mail*,⁸⁰ telah dinyatakan bagaimana orang yang ditangkap untuk penyiasatan dan dianggap *hard core criminal* telah didera dan disiksa dalam *torture chambers* di balai polis. Antaranya ialah dengan meletakkan ketulan air batu di atas dada, digantung di kipas, dipukul dengan wayar getah, ditendang, dan sebagainya. Tentang hak diberitahu alasan tangkapan orang yang dituduh, Edger Joseph Jr. menyatakan:

Dari segi praktiknya adalah sukar, walaupun tidak mustahil bagi seseorang tertuduh untuk membuktikan hak ini tidak diberi. Dalam banyak kes, tertuduh adalah tidak diwakili pada peringkat ini, maka yang perlu dibuktikan ialah kata-kata beliau yang tidak ada sokongan sesiapa dengan kata-kata pihak polis, yang berkemungkinan disokong oleh pegawai-pegawai polis yang lain. Jika dia berjaya membuktikan, dia berkemungkinan akan diberikan pampasan bagi penahanan salah, tetapi ini tidak menjadi satu jawapan kepada tuduhan yang dikenakan kepadanya. Tambahan pula, jika pihak polis bertindak mengubah tuduhan tersebut, tidak ada apa yang dapat dia lakukan.

Dalam kes-kes yang lebih serius, kertas penyiasatan dihantar kepada timbalan pendakwa raya yang akan memberi nasihat tentang tuduhan yang akan dibuat. Maka dengan ini hak untuk diberitahu dengan segera seperti dinyatakan dalam *Christie Iwn Leachinsky*,⁸¹ ini seolah-olah hanyalah satu ilusi memandangkan tertuduh mempunyai cuma sedikit atau tidak ada langsung cara-cara untuk menguatkuasakan hak-hak tersebut. Hak ini tidak dinafikan, sukar untuk dilaksanakan kerana jika pun ia dibuat secara bertulis (setiap tertuduh diberitahu hak-haknya semasa ditahan secara bertulis) ia tidak praktikal kerana ini akan hanya membawa penambahan beban kerja yang bertimbun-timbun dan kakitangan yang ramai. Di sebelah pihak yang lain pula, sekadar menyatakan secara lisan tentang hak-hak ini akan juga menimbulkan perselisihan atau kesukaran memandangkan Malaysia mempunyai penduduk yang berbilang-bilang bangsa.⁸²

79 *Bintang Timur*, 2 Februari 1982, hlm. 12

80 *The Malay Mail*, 22 Ogos 1981, hlm. 4.

81 [1947] A.C. 573

82 Edger Joseph Jr. 1946. "Right of the Accused Law and Practice." 2 MLJ ii, hlm. vi.

Peguam K.C. Cheah berkata, banyak orang yang dituduh membuat aduan berkenaan penyelewengan dan keganasan polis tetapi biasanya tidak ada keterangan yang boleh menyokong laporan mereka.⁸³ Beliau juga berpendapat keganasan dilakukan oleh polis berdasarkan beberapa sebab, iaitu:

Sementara ada sesetengahnya (polis) boleh jadi benar-benar garang. Namun kebanyakan melakukannya kerana mereka ditekan untuk mendapatkan hasil siasatan. Keduanya mereka terpaksa menggunakan kekerasan bagi mendapatkan kebenaran daripada orang yang disyaki.⁸⁴

Di samping itu, kekurangan perlindungan undang-undang terhadap orang yang ditangkap juga merupakan satu lagi sebab keganasan polis berterusan.⁸⁵ Justeru itu Setiausaha Agung Parti Tindakan Demokrat (DAP), Lim Kit Siang pernah mencadangkan supaya dibentuk satu badan bebas untuk menjalankan penyiasatan terhadap keganasan polis dan kematian di bawah tahanan polis.⁸⁶ Katanya:

Saya tidak gembira sepenuhnya dengan cara kes-kes tohmahan terhadap keganasan polis dijalankan dan disiasat. Bagi mendapatkan kepercayaan rakyat bagi membolehkan 'black sheep' dalam pasukan polis diuruskan dengan tepat, badan berkenaan mestilah dilaksanakan.⁸⁷

Dalam pada itu, Pasukan Polis Diraja Malaysia sememangnya peka dengan tohmahan dan aduan yang dibuat oleh masyarakat berkaitan dengan penyelewengan dan keganasan polis. Tun Mohd. Haniff Omar berkata:

Saya tidak akan teragak-agak untuk mengambil tindakan terhadap mereka yang menyalahgunakan kuasa untuk kepentingan peribadi atau melakukan kesalahan tatatertib yang boleh menjejaskan imej pasukan serta kepercayaan orang ramai kepada pasukan polis.⁸⁸

Saya tidak boleh menjamin bahawa tidak ada pegawai polis yang melakukan kesalahan, tetapi saya boleh memberi jaminan bahawa sekiranya perkara ini dilaporkan, tindakan akan diambil.⁸⁹

83 *Asiaweek*, 4 September 1981, hlm. 14.

84 *Ibid.*

85 *National Echo*, 6 Februari 1982, hlm. 3.

86 *Ibid.*

87 *Ibid.*

88 Tun Mohd. Haniff Omar 1980 Ucapan di Majlis Prapenetapan Konstabel, Pusat Latihan Polis (PULAPOL) di Kuala Lumpur pada 29 September.

89 Tun Mohd. Haniff Omar 1980 Ucapan di Majlis Prapenetapan Inspektor di Maktab Polis Kuala Kubu Bharu, 20 September.

Namun begitu tidak semua aduan dan rungutan berkenaan keganasan polis benar-benar berlaku. Perangkaan menunjukkan daripada 727 laporan yang diterima dalam tempoh 1976 hingga Julai 1981 berkenaan keganasan polis, sejumlah 385 didapati palsu. Sebanyak 54 kes sahaja dihadapkan ke mahkamah dan 17 anggota polis telah didapati bersalah.⁹⁰ Daripada perangkaan ini jelas menunjukkan anggota yang terlibat terlalu kecil dibandingkan dengan jumlah keseluruhan anggota Pasukan Polis Diraja Malaysia.

Kejadian tersebut dilakukan oleh sebahagian kecil anggota yang terdiri daripada 'bad cop'. Dan jelaslah bilangan majoriti pegawai polis adalah mengikut undang-undang (*law abiding*).⁹¹

Tun Mohd. Haniff Omar pernah mendedahkan perbuatan segelintir pihak yang sengaja menggunakan isu keganasan polis bagi tujuan politik dan 'kepentingan peribadi'.⁹² Dalam hal ini, polis menerima tohmahan yang berat meskipun ia dilakukan oleh sebilangan kecil anggota, namun pasukan polis secara keseluruhannya mendapat nama buruk. Di samping itu, pasukan polis juga menghadapi dilema sama ada untuk menjawab tohmahan yang dilemparkan kepadanya atau tidak, seperti kata Tun Mohd. Haniff:

Sekiranya kita menafikan tohmahan-tohmahan, ia boleh 'subjudice' jika kes itu dibawa ke mahkamah, tetapi jika tidak menafikannya, orang ramai akan menganggap tohmahan itu adalah benar.⁹³

Bagaimanapun, fakta menunjukkan sesuatu keganasan ataupun penyelewengan anggota polis pasti akan disusuli dengan tindakan ke atasnya mengikut undang-undang negara. Sebagai contoh, dalam kes *Nordin bin Hamzah*,⁹⁴ Hakim Harun Hashim telah menjatuhkan hukuman penjara daripada setahun ke tiga tahun terhadap empat pegawai polis berpangkat Ketua Inspektor, dua anggota detektif konstabel dan konstabel kerana didapati bersalah atas tuduhan menyebabkan luka parah ke atas orang yang dituduh ketika di bawah tahanan polis untuk siasatan di Balai Polis Cheras.

Ketika menjatuhkan hukuman itu, Hakim Harun Hashim berkata:

90 *The Star*, 14 November 1981, hlm. 6.

91 *Asiaweek*, 4 September 1981, hlm. 14.

92 *The Star*, 27 November 1981, hlm. 12.

93 *Ibid.*

94 *New Straits Times*, 3 Ogos 1976.

Sebagai seorang warganegara, saya bangga menyatakan bahawa Pasukan Polis Diraja Malaysia adalah dianggap salah sebuah pasukan polis terbaik di dunia. Namun begitu dalam pasukan yang mengandungi lebih daripada 50 000 anggota polis terdapatlah seorang dua anggota yang tidak sempurna dan mencemarkan imej baik pasukan polis. Melihat fakta kes ini, adalah benar bahawa jenayah menjadi masalah besar dalam pembangunan negara. Kuala Lumpur telah menjadi bandaraya antara-bangsa dengan penambahan jumlah kejadian jenayah terutama jenayah kekerasan. Orang yang terlibat secara langsung dengan penjenayah-penjenayah yang keras cuba bertindak secara kekerasan pula terhadap mereka. Sebagai orang-orang yang bertamadun, mestilah ada jalan lain untuk berurusan dalam jenayah tersebut tanpa menggunakan penyeksaan fizikal. Paksaan digunakan oleh Kempetai Jepun semasa Perang Dunia Kedua. Kita tidak mahu metod ini digunakan dalam negara ini....⁹⁵

Statistik Kesalahan Tatatertib Polis

Bagi kesalahan tatatertib ahli dalam sesebuah organisasi amalan biasa adalah dalam kawalan ketua organisasi tersebut ataupun dibentuk sebuah jawatankuasa khas untuk menguruskannya. Pasukan Polis Diraja Malaysia juga tidak ketinggalan dalam perkara ini. Atas arahan Ketua Polis Negara, satu unit khas dinamakan Bahagian Tatatertib di Ibu Pejabat Polis Bukit Aman ditubuhkan pada tahun 1976. Bahagian Tatatertib ini diletakkan di bawah perintah Jabatan Pengurusan Polis. Pada tahun 1986 Urus Setia KPN (Tatatertib) telah diperkembangkan lagi mengikut memo Ketua Polis Negara No. 3/86 bertarikh 13 Februari 1986.⁹⁶ Antara lain, tujuan penubuhan Urus Setia KPN (Tatatertib) ialah untuk meningkatkan mutu tatatertib di segenap lapisan dan peringkat dalam pasukan polis serta meninggikan tahap perkhidmatan dan imej baik pasukan.⁹⁷ Ini bertepatan dengan kenyataan Donald F. Favreau,⁹⁸ yang menyebutkan bahawa tanpa disiplin yang tinggi perkhidmatan polis tidak akan berkesan. Disiplin pada umumnya melambangkan imej pasukan. Sekiranya seseorang anggota polis bertindak menyeleweng daripada tugas mereka, maka akan lunturlah anggapan masyarakat kepada pasukan. Kejayaan polis pada umumnya terdapat daripada sifatnya yang jujur serta taat setianya kepada disiplin dan profesionnya.⁹⁹

95 *New Straits Times*, 3 Ogos 1978, hlm 9.

96 Hj. Kamaruddin Alias 1989. "Kes-kes Tatatertib dalam PDRM Satu Kajian". Kertas Projek Sains Kepolisan di Maktab Polis Kuala Kubu Bharu sesi 1988/89, hlm. 19.

97 *Ibid*.

98 Donald F. Favreau & Joseph E. Gillispie 1978 *Modern Police Administration*. New Jersey USA. Prentice-Hall Inc.

99 Mohd. Reduan Aslie 1990. Tun Mohd. Haniff Omar - Kepolisan dan Keselamatan. Kuala Lumpur: AMK Interaksi Sdn. Bhd., hlm. 128.

Di sepanjang penubuhannya, Urus Setia KPN (Tatatertib) telah menjalankan penyiasatan dan mengambil tindakan terhadap anggota polis yang menyelewengkan kuasa dan tugas mereka. Perangkaan menunjukkan seramai 18 871 orang anggota polis telah dikenakan tindakan tatatertib dalam tempoh lima tahun, iaitu dari tahun 1984 hingga 1988. Pecahan mengikut tahun ialah, bagi tahun 1984 seramai 4448 anggota polis dikenakan tindakan tatatertib iaitu 6.34 peratus daripada jumlah keseluruhan anggota polis. Pada tahun 1985 bilangan itu menurun kepada 5.0 peratus atau 3506 anggota. Perangkaan juga menunjukkan peratus menurun kepada 4.2 peratus, iaitu 3068 anggota yang dikenakan tindakan pada tahun 1986. Pada tahun 1987 sebanyak 3499 anggota atau 4.18 peratus, berbanding 3936 anggota atau 5.18 peratus yang diambil tindakan pada tahun 1988. Lihat Jadual 5.9 dan Rajah 5.3.


Bagi melihat perbezaan jumlah anggota yang dikenakan tindakan tatatertib antara pegawai kanan polis dengan anggota pangkat rendah polis, lihat Jadual 5.10 dan Jadual 5.11. Jenis kesalahan tatatertib yang biasa dilakukan oleh anggota polis antaranya ialah tidak bertanggungjawab, tidak jujur dan kurang kecekapan. Jenis kesalahan yang dilakukan oleh pegawai kanan polis bagi lima tahun (1984-1988) ditunjukkan dalam Jadual 5.12.

Sementara hukuman yang dijatuhkan bagi kesalahan tatatertib dalam pasukan polis ialah dibuang kerja, diturunkan pangkat, ditangguhkan kenaikan gaji, diberhentikan kenaikan gaji, denda tidak melebihi sebulan gaji, celaan keras, celaan, tugas kawalan tambahan bagi suatu waktu yang tidak lebih daripada empat jam sehari, tugas memenatkan bagi suatu waktu yang tidak lebih daripada empat jam sehari dengan di-

Jadual 5.9 Bilangan anggota PDRM dan peratusan yang disabit dengan kesalahan tatatertib

Tahun	Bilangan anggota polis	Bilangan disabit melanggar tatatertib	Peratus
1984	70 063	4 448	6.34
1985	70 770	3 506	5.0
1986	72 892	3 068	4.2
1987	72 611	3 499	4.18
1988	75 871	3 936	5.18

Sumber: Cawangan Urus Setia KPN (Tatatertib) Bukit Aman, Januari 1989.



Sumber: Cawangan Urus Setia KPN (Tatatertib) Bukit Aman, Januari 1989.

Rajah 5.3 Bilangan anggota polis yang melakukan pelanggaran tatatertib.

Jadual 5.10 Bilangan pegawai kanan polis yang melakukan pelanggaran tatatertib

Tahun	Bilangan pegawai kanan Polis	Bilangan yang disabitkan melanggar tatatertib. Dalam () bilangan Inspektor	Peratus
1984	5519	135 (109)	2.44
1985	5548	111 (89)	2.00
1986	5720	75 (66)	1.3
1987	5691	121 (87)	2.12
1988	5971	183 (147)	3.06

Sumber: Cawangan Urus Setia KPN (Tatatertib) Bukit Aman, Januari 1989.

Jadual 5.11 Bilangan pegawai pangkat rendah (PPP) dan konstabel yang melakukan pelanggaran tata tertib

Tahun	Bilangan PPR dan konstabel dalam PDRM	Bilangan disabitkan melanggar tata tertib	Peratus
1984	64 544	4 313	6.68
1985	65 222	3 395	5.2
1986	67 172	2 993	4.45
1987	66 920	3 378	5.0
1988	69 900	3 650	5.2

Sumber: Cawangan Urus Setia KPN (Tata tertib) Bukit Aman, Januari 1989.

Jadual 5.12 Bilangan dan jenis kesalahan yang dilakukan oleh pegawai kanan polis

Jenis kesalahan	1984	1985	1986	1987	1988	Jumlah
Jenis perintah	24	45	21	51	117	258
Kesalahan terhadap tugas	16	5	6	6	10	43
Tidak bertanggung-jawab	62	43	28	31	66	230
Tidak jujur	31	29	14	16	18	1108
Kurang kecekapan	33	26	11	27	34	104

Sumber: Cawangan Urus Setia KPN (Tata tertib) Bukit Aman, Januari 1989.

beri masa rehat 10 minit selepas tiap-tiap sejam selama tempoh tidak lebih daripada lima hari, dan latihan tambahan bagi satu waktu tidak lebih daripada dua jam sehari dengan diberi masa rehat 10 minit selepas tiap-tiap sejam latihan tambahan dalam tempoh tidak melebihi lima hari.¹⁰⁰

Sebagai kesimpulan, pelaksanaan kuasa yang dilakukan oleh polis amat berkesan. Keamanan dan keselamatan negara telah dapat dikekal-

¹⁰⁰ Hj. Kamaruddin Alias 1989. "Kes-kes Tata tertib dalam PDRM—satu kajian". Kertas Projek Diploma Sains Kepolisan di Maktab Polis Kuala Kubu Bharu, sesi 1988/89, hlm. 37-38.

kan. Perbuatan jenayah telah dapat dibendung terutama dalam kes besar seperti bunuh dan rogol. Ancaman komunis telah dapat dipatahkan. Begitu juga ancaman yang terbit daripada perbuatan pelampau agama dan perkauman telah dapat dikawal. Penyeludupan dan pengedaran dadah, jenayah perdagangan terus digempur dengan cara yang berterusan. Pilihan raya telah dapat diadakan dengan aman, dan sebagainya.

Walaupun terdapat penyelewengan dan keganasan polis dalam melaksanakan kuasa itu, namun ia dilakukan oleh segelintir anggota sahaja. Segelintir *black sheep* dalam pasukan polis itu jika dilaporkan akan disiasat dan dihadapkan ke mahkamah. Jikalau terbukti dan sabit kesalahannya, mereka akan menerima hukuman. Begitu juga melalui Urus Setia KPN (Tatatertib) Bukit Aman, anggota polis yang melakukan pelanggaran tatatertib akan dikenakan hukuman yang setimpal dengan kesalahan mereka. Jadi secara keseluruhannya dengan pelaksanaan kuasa polis itu telah berjaya mengekalkan keamanan, keselamatan dan kestabilan Malaysia. Dengan kata lain, pelaksanaan kuasa polis adalah baik dan berkesan.

PERSEPSI ORANG AWAM TENTANG KUASA POLIS, PELAKSANAAN DAN KEBERKESANANNYA

Hubungan antara pihak polis dengan orang awam sangat penting untuk menjamin ketenteraman dan keamanan negara. Dengan kata lain, tugas polis adalah untuk menjaga keselamatan masyarakat awam.

Dalam menjalankan tugasnya pihak polis terpaksa berurusan dengan masyarakat dengan lebih rapat lagi. Hubungan yang baik antara kedua-dua pihak hanya akan wujud sekiranya kedua-dua pihak mengetahui peranan masing-masing.

Justeru itu melalui bab ini akan dilihat adakah orang ramai mengetahui tentang kuasa yang dimiliki oleh seseorang anggota polis seperti yang terdapat dalam akta. Dan sekiranya mereka mengetahui adakah mereka memahaminya.

Pengetahuan masyarakat tentang kuasa polis perlu untuk mewujudkan hubungan yang baik antara kedua-dua pihak. Berikut ini pandangan masyarakat terhadap kuasa polis, iaitu kuasa menangkap, menyiasat, menggeledah dan mendakwa.

Persepsi Orang Awam terhadap Kuasa Polis

Dalam menjalani kehidupan sehari-hari orang ramai tidak terlepas daripada menghadapi ancaman atau bahaya yang tidak dijangkakan. Lantaran itu, pasukan polis bertanggungjawab menjaga keselamatan mereka.

Jadual 5.13a Jenis perkhidmatan polis yang diterima oleh orang ramai

Perkara	Bilangan	Peratus
Laporan jenayah	25	35.2
Nasihat keselamatan	6	8.5
Bertanyakan arah jalan	4	5.6
Mengawal keselamatan lalu lintas	20	28.1
Melapor kemalangan jalan raya	4	5.6
Pendaftaran kelahiran	5	7.1
Menghantar berita kecemasan	5	7.1
Membantu semasa banjir	2	2.8
Jumlah	71	100

Sumber: Soal selidik Ogos 1990.

Malah melalui soal selidik yang telah dilakukan jelas menunjukkan bahawa orang ramai sentiasa meminta bantuan atau menerima perkhidmatan polis, baik secara langsung mahupun secara tidak langsung. Oleh itu, jelas bahawa 100 peratus daripada responden pernah menerima perkhidmatan polis. Dan perkhidmatan yang biasa diterima meliputi berbagai-bagai aspek (Lihat Jadual 5.13a).

Antara perkhidmatan yang biasa diterima oleh orang awam daripada pihak polis ialah laporan jenayah, nasihat keselamatan, bertanyakan arah jalan, mengawal keselamatan lalu lintas, melapor kemalangan jalan raya, membantu semasa banjir, pendaftaran kelahiran dan menghantar berita kecemasan.

Daripada lapan perkhidmatan ini, laporan jenayah merupakan kes yang terbanyak diterima, iaitu 35.2 peratus. Kemudian diikuti mengawal keselamatan lalu lintas sebanyak 28.1 peratus dan seterusnya nasihat keselamatan 8.5 peratus. Pendaftaran kelahiran dan menghantar berita kecemasan masing-masing 7.1 peratus, bertanyakan arah jalan dan

Jadual 5.13b Adakah anda fikir masyarakat memahami kuasa polis?

Perkara	Bilangan	Peratus
Ditahap benar-benar faham	-	-
Faham tetapi tidak sepenuhnya	42	82
Tidak faham	7	13
Tidak tahu	3	5
Jumlah	55	100

Sumber: Soal selidik Ogos 1990.

melapor kemalangan jalan raya masing-masing 5.6 peratus dan akhir sekali ialah membantu semasa banjir sebanyak 2.8 peratus.

Berdasarkan data dalam Jadual 5.13a jelas menunjukkan bahawa orang ramai amat memerlukan perkhidmatan polis baik secara langsung, mahu pun secara tidak langsung.

Dalam menjalankan tugasnya pihak polis mempunyai peraturan tertentu yang tertakluk pada Akta Polis 1967. Sewaktu menjalankan tugas sering kali terjadinya pertelingkahan antara orang awam dengan pihak polis disebabkan terdapat masyarakat yang tidak mengetahui secara terperinci tentang tugas polis seperti yang terdapat dalam akta. Untuk melihat masalah ini, maka pengkaji merujuk jadual di bawah.

Daripada Jadual 5.13b didapati bahawa jawapan yang diberikan oleh responden tentang pengetahuan masyarakat terhadap kuasa yang dimiliki oleh polis menunjukkan mereka kurang memahaminya. Tidak seorang pun yang memberikan jawapan di tahap benar-benar faham. Sedangkan jawapan bagi faham tetapi tidak sepenuhnya adalah tinggi sekali iaitu 82 peratus. Jawapan bagi soalan tidak faham tentang kuasa polis adalah 13 peratus dan jawapan tidak tahu langsung adalah sebanyak 5 peratus.

Dengan ini menunjukkan responden beranggapan bahawa golongan masyarakat majoritinya tidak faham dengan sepenuh atau terperinci tentang kuasa yang dimiliki oleh seseorang anggota polis.

Untuk menguatkan lagi hujah yang mengatakan bahawa ramai masyarakat kurang memahami sepenuhnya tentang kuasa yang dimiliki oleh anggota polis maka pengkaji telah menyediakan satu soalan yang berkaitan dengan kuasa polis berbunyi "Apakah kuasa-kuasa polis yang anda ketahui? Melalui jawapan yang diterima sebanyak 20 jenis kuasa polis yang dapat disenaraikan. Antaranya ialah tugas menjaga keamanan, tugas menangkap pesalah, membasmi perbuatan jenayah (dadah dan penyeludupan), menahan orang yang tidak mempunyai lesen memandu, kuasa mendakwa, menguatkuasakan undang-undang, menjaga keselamatan negara, menjaga keselamatan sosial masyarakat, mengadakan sekatan jalan raya, melindungi orang awam, menahan orang ramai untuk memeriksa kad pengenalan, membantu masyarakat, memastikan undang-undang dilaksanakan (sama ada di jalan raya, bandar dan desa), menjaga keamanan dan ketenteraman awam, menangkap pesalah, menyoal siasat saksi jenayah, menyelesaikan kes-kes kemalangan, menggeledah dan menahan pesalah.

Daripada jadual, pengkaji dapat menyenaraikan tugas anggota polis yang diketahui oleh masyarakat adalah sebanyak 20 tugas. Tugas yang disenaraikan di atas merupakan sebahagian kecil sahaja daripada tugas polis yang terkandung di dalam akta. Malahan jenis-jenis kuasa yang

diketahui oleh responden merupakan tugas yang umum dan dapat dilihat dengan nyata dalam kehidupan seharian. Sedangkan tugas yang lebih mendalam tidak diketahui oleh mereka. Ini menunjukkan bahawa masyarakat secara khususnya tidak mengetahui tentang tugas yang dilaksanakan atau dimiliki oleh seseorang anggota polis.

Faktor utama yang menyebabkan berlakunya kejadian ini disebabkan hampir sebahagian besar masyarakat terdiri daripada golongan yang sederhana. Mereka masih lagi kurang pengetahuan terutamanya dalam bidang undang-undang. Hanya mereka yang terlibat secara langsung dengan profesion undang-undang yang mengetahui dengan terperinci tentang tugas polis. Mereka mungkin terdiri daripada pegawai kehakiman, anggota polis sendiri dan para akademik yang sering menjalankan kajian tentang undang-undang.

Golongan masyarakat kelas sederhana ramai yang tidak pernah mendapat didikan dalam bidang undang-undang secara formal. Data ini dapat dilihat dengan lebih jelas dalam Jadual 5.13c. Berdasarkan jadual tersebut kira-kira 78 peratus responden tidak pernah mempelajari tentang undang-undang secara formal. Dan hanya 22 peratus sahaja yang pernah mempelajari secara formal. Dan daripada analisis yang dibuat, seramai 12 orang daripada 55 orang responden yang pernah mempelajari undang-undang secara formal terdiri daripada pelajar fakulti undang-undang dan golongan profesional seperti pensyarah, peguam, pegawai kastam dan ahli politik.

Jadual 5.13c Pernahkah anda mendapat pendidikan undang-undang secara formal?

Perkara	Bilangan	Peratus
Ya	12	22
Tidak	43	78
Jumlah	55	100

Sumber: Soal selidik Ogos 1990.

Pengkaji juga telah mengemukakan soalan yang lebih jelas tentang pandangan orang ramai terhadap tugas anggota polis. Sekiranya ramai yang telah membaca Akta Polis dan Kanun Acara Jenayah menunjukkan bahawa ramai yang mengetahui tentang tugas polis. Dan sekiranya ramai yang tidak pernah membacanya maka kurangnya pengetahuan mereka tentang tugas pihak polis.

Jadual 5.13d Pernahkah anda membaca Kanun Keseksaan?

Perkara	Bilangan	Peratus
Ya	15	27
Tidak	40	73
Jumlah	55	100

Sumber: Soal selidik Ogos 1990.

Jadual 5.13d menunjukkan bahawa seramai 40 orang atau 73 peratus responden tidak pernah membaca Akta Polis. Seramai 15 orang atau 27 peratus sahaja yang pernah membacanya. Begitu juga bagi soalan tentang Kanun Keseksaan dan Kanun Acara Jenayah, tidak ramai yang pernah membacanya. Ini dapat dilihat berdasarkan Jadual 5.13e di bawah:

Jadual 5.13e Pernahkah anda membaca Kanun Acara Jenayah?

Perkara	Bilangan	Peratus
Ya	21	38
Tidak	34	62
Jumlah	55	100

Sumber: Soal selidik Ogos 1990.

Hanya 38 peratus sahaja yang pernah membaca Kanun Keseksaan dan Kanun Acara Jenayah. Manakala 62 peratus lagi tidak pernah membacanya.

Berdasarkan Jadual 5.13d dan 5.13e di atas jelaslah bahawa masyarakat kurang pengetahuan tentang kuasa yang dimiliki oleh anggota polis. Dan sekiranya mereka mengetahuinya hanya terbatas atau terhad kepada golongan tertentu seperti mereka yang pernah mempelajari undang-undang secara formal dan juga mereka yang pernah membaca Akta Polis. Mereka terdiri daripada peguam, ahli politik, ahli perniagaan dan pegawai kerajaan yang bekerja di Jabatan Polis Diraja Malaysia. Tegasnya pengetahuan orang awam terhadap kuasa polis berdasarkan pandangan seharian sahaja, tidak pada undang-undang yang terkandung dalam akta tersebut.

Pelaksanaan Kuasa Polis

Setelah melihat pengetahuan masyarakat tentang tugas dan kuasa pihak polis, pengkaji akan melihat pula tentang pelaksanaan kuasa yang dijalankan oleh pihak polis. Di sini akan dilihat sejauh manakah pelaksanaan terhadap kuasa polis yang ada dalam akta itu telah dijalankan dalam tugas harian mereka.

Untuk tujuan di atas, telah disediakan beberapa soalan yang memperlihatkan sama ada pihak polis telah benar-benar menjalankan tugas harian mereka berdasarkan landasan dan peraturan yang terkandung dalam akta atau sebaliknya. Jawapan yang diberikan oleh responden berdasarkan pengalaman yang mereka alami sendiri dan juga yang pernah mereka lihat. Melalui jawapan inilah pengkaji dapat menilai sama ada pihak polis melaksanakan tugasnya dengan betul atau terkeluar daripada landasan yang telah ditetapkan.

Perkara pertama yang menjadi fokus pengkaji ialah dari segi kejujuran anggota polis semasa menjalankan tugas atau kuasa mereka?

Jadual 5.14a Pada fikiran anda sejauh manakah kejujuran anggota polis semasa menjalankan kuasa mereka?

Perkara	Bilangan	Peratus
Terlalu jujur	2	4
Sederhana kejujurannya	44	80
Tidak jujur	2	4
Hipokrit	4	7
Tidak tahu	3	5
Jumlah	55	100

Sumber: Soal selidik Ogos 1990.

Berdasarkan Jadual 5.14a hanya 4 peratus sahaja responden yang mengatakan bahawa anggota polis terlalu jujur dalam melaksanakan tugas mereka. Peratus ini terlalu kecil berbanding dengan peratus responden yang menyatakan anggota polis sederhana kejujurannya, iaitu 80 peratus. Manakala jumlah yang tidak jujur ialah 4 peratus, yang hipokrit ialah 7 peratus dan responden yang tidak tahu ialah 5 peratus.

Kajian di atas jelas menunjukkan bahawa masyarakat masih beranggapan tugas mereka masih di tahap yang sederhana. Mengikut perangkaan yang dibuat oleh Urus Setia KPN (Tatatertib) menunjukkan bahawa dari tahun 1984 sehingga 1988 terdapat kira-kira 108 orang pegawai kanan PDRM tidak jujur. Untuk menilai kejujuran anggota polis pengkaji juga melihat sikap mereka sewaktu memberi keterangan di mahkamah.

Jadual 5.14b Jika anda menghadirkan diri di mahkamah, apa yang anda fikir keterangan yang diberikan oleh anggota polis?

Perkara	Bilangan	Peratus
Betul dan tepat	8	15
Hampir betul dan tepat	25	45
Tidak betul dan tidak tepat	1	2
Mengada-adakan cerita	5	9
Tidak tahu	16	29
Jumlah	55	100

Sumber : Soal selidik Ogos 1990.

Dalam Jadual 5.14b, menunjukkan bahawa jumlah responden yang mengatakan anggota polis memberikan keterangan yang hampir betul dan tepat adalah paling tinggi, iaitu 45 peratus. Ini diikuti jumlah responden yang tidak tahu, iaitu 29 peratus. Seterusnya bagi jawapan yang mengatakan anggota polis memberi keterangan betul dan tepat ialah 15 peratus. Jumlah responden yang mengatakan anggota polis sengaja mengada-adakan cerita ialah 9 peratus. Dan akhir sekali ialah 2 peratus bagi keterangan yang tidak betul dan tidak tepat.

Peratusan yang tinggi, iaitu 45 peratus bagi jawapan "hampir betul dan tepat" menunjukkan dengan jelas bahawa kejujuran anggota polis masih lagi di tahap yang sederhana. Fakta ini bersesuaian dengan Jadual 5.14a sekiranya kita teliti Jadual 5.14b kita akan dapati bahawa peratus bagi responden yang tidak tahu dan tidak memberikan sebarang jawapan adalah kedua tingginya. Keadaan ini mungkin disebabkan responden-responden tersebut tidak pernah menghadirkan diri di mahkamah.

Walaupun peratus ini agak tinggi, iaitu 29 peratus namun ia tidak mencatatkan andaian yang telah dibuat. Kesimpulannya data di atas

Jadual 5.14c Bagaimana pendapat anda tentang penyelewengan polis terutamanya dalam penyalahgunaan kuasa?

Perkara	Bilangan	Peratus
Kerap berlaku	21	38
Jarang berlaku	24	44
Tidak berlaku	-	-
Tidak tahu	10	18
Jumlah	55	100

Sumber: Soal selidik Ogos 1990.

menunjukkan dengan jelas bahawa kejujuran anggota polis dalam menjalankan tugas mereka masih di peringkat yang sederhana. Ini juga tidak bermakna bahawa ramai anggota polis yang sering memberikan keterangan yang tidak tepat. Secara umum kejujuran seseorang itu tidak dapat dinilai daripada perlakuannya sahaja. Kejujuran seseorang itu terletak pada niatnya.

Setelah melihat tentang kejujuran anggota polis dalam menjalankan tugas mereka, maka seterusnya pengkaji akan melihat pula sama ada berlaku atau tidak penyelewengan kuasa sewaktu anggota polis menjalankan tugas. Penyelewengan kuasa dinilai daripada sikap anggota polis sewaktu melayan orang-orang tahanan di dalam lokap dan keterlibatan mereka dalam amalan rasuah. Kajian terhadap penyelewengan kuasa amat penting kerana ia dapat memberi panduan kepada pasukan polis untuk mengesan dan membanteras penyelewengan yang sering berlaku.

Daripada kajian yang dilakukan didapati bahawa penyelewengan kuasa oleh polis memang berlaku. Berdasarkan Jadual 5.14c jumlah responden yang menyatakan bahawa penyelewengan kerap berlaku ialah 38 peratus diikuti 44 peratus bagi soalan jarang berlaku. Seramai 18 peratus pula memberikan jawapan mereka tidak tahu, dan tidak seorang pun yang memberikan jawapan tidak berlakunya penyelewengan kuasa polis.

Justeru itu bermakna memang wujud penyelewengan kuasa di kalangan anggota polis. Di samping untuk menguatkan kenyataan ini, pengkaji telah menyediakan soalan yang juga berkaitan dengan masalah penyelewengan kuasa oleh polis. Di sini pengkaji telah menyediakan soalan tentang layanan anggota polis terhadap tahanan lokap polis.

Daripada jumlah responden yang ditanya itu, 58 peratus mengatakan bahawa mereka pernah melihatnya sendiri dan sebanyak 42 peratus pula mengatakan bahawa mereka tidak pernah melihatnya sendiri. Data ini boleh dilihat dalam Jadual 5.14d di bawah:

Jadual 5.14d Adakah anda sendiri pernah nampak perbuatan polis menyalahgunakan kuasa?

Perkara	Bilangan	Peratus
Ya	32	58
Tidak	23	42
Jumlah	55	100

Sumber: Soal selidik Ogos 1990.

Kesimpulan yang dapat dibuat berdasarkan data yang tertera dalam Jadual 5.14d ialah memang ramai masyarakat yang pernah melihat sendiri penyelewengan kuasa polis tersebut. Antara bentuk penyelewengan yang dinyatakan oleh responden ialah menerima rasuah, menakut-nakutkan orang yang ditahan, melepaskan orang yang ada hubungan rapat daripada didakwa, menangkap seseorang tanpa bukti yang nyata, dan memukul pesalah tanpa usul periksa.

Jadual 5.14e Pada pendapat anda, adakah polis melayan orang-orang tahanan dalam bilik kurungan (*lock up*) dengan baik dan mengikut undang-undang?

Perkara	Bilangan	Peratus
Melayan dengan baik	5	9
Memukul orang tahanan	23	42
Tidak tahu	27	49
Jumlah	55	100

Sumber: Soal selidik Ogos 1990.

Berdasarkan kajian penulis tentang layanan polis terhadap orang-orang tahanan, Jadual 5.14e menunjukkan bahawa jumlah responden yang tidak tahu untuk memberikan jawapan adalah paling tinggi, iaitu 49 peratus. Keadaan ini mungkin disebabkan mereka tidak pernah melihat anggota polis melayan orang tahanan di dalam lokap. Di samping itu, jumlah responden yang memberikan jawapan bahawa terdapat anggota polis yang memukul orang tahanan ialah 42 peratus. Jumlah mereka yang mengatakan terdapat anggota polis yang melayan orang tahanan dengan baik ialah 9 peratus sahaja. Perbezaan peratus yang amat ketara ini memperlihatkan bahawa telah berlaku penyelewengan kuasa sewaktu anggota polis menjalankan tugas mereka. Penyalahgunaan kuasa yang berlaku ini disebabkan keadaan yang memaksa mereka untuk mendapatkan maklumat dengan tujuan menyelesaikan kes yang disiasat. Kenyataan ini bertepatan dengan apa yang telah dikatakan oleh K.C. Cheah dalam *Asiaweek*¹⁰¹ yang disebutkan terdahulu.

Untuk melihat penyelewengan kuasa di kalangan anggota polis juga, pengkaji telah merujuk aspek amalan rasuah. Berdasarkan data yang tertera dalam Jadual 5.14f, menunjukkan bahawa sebanyak 75 peratus responden mengatakan memang berlaku rasuah di kalangan anggota polis, 20 peratus responden tidak tahu dan hanya 5 peratus responden

101 *Asiaweek*, 4 September 1981, hlm 14

Jadual 5.14f Pada fikiran anda adakah anggota polis terlibat dengan amalan rasuah

Perkara	Bilangan	Peratus
Ya	41	75
Tidak	3	5
Tidak tahu	11	20
Jumlah	55	100

Sumber: Soal selidik Ogos 1990.

sahaja mengatakan anggota polis tidak terlibat dengan rasuah.

Perbezaan peratus yang ketara ini mencerminkan bahawa pasukan polis belum boleh dibanggakan dengan sepenuhnya, dalam soal rasuah, 75 peratus merupakan jumlah yang begitu tinggi sekali berbanding dengan 5 peratus sahaja yang mengatakan anggota polis tidak melakukan rasuah. Walaupun 41 orang daripada 55 orang responden mengatakan bahawa terdapat anggota polis yang mengamalkan rasuah, namun jumlah mereka yang terlibat tidaklah kesemuanya. Jadual 5.14g dapat menjelaskan perkara ini dengan lebih nyata lagi.

Jadual 5.14g Kalau ya, dalam jumlah yang bagaimana?

Perkara	Bilangan	Peratus
Semua	—	—
Ramai	4	9.7
Sebahagian besar	18	44
Sebahagian kecil	16	39
Tidak pasti	3	7.3
Jumlah	41	100

Sumber: Soal selidik Ogos 1990.

Berdasarkan kajian didapati bahawa sebanyak 44 peratus responden mengatakan sebahagian besar anggota polis terlibat dengan rasuah. Manakala 39 peratus lagi mengatakan sebahagian kecil sahaja anggota yang terlibat, dan 9.7 peratus lagi mengatakan bahawa ramai anggota yang terlibat. Akhir sekali 7.3 peratus bagi mereka yang tidak pasti.

Data ini menunjukkan bahawa anggota polis memang terlibat dengan rasuah. Dalam akhbar *The Star* bertarikh 28 November 1990, Ketua Pengarah Badan Pencegah Rasuah, Hj. Zulkifli Mahmood mengatakan

bahawa pada 10 bulan pertama tahun 1990 sahaja seramai 44 anggota polis telah ditangkap kerana rasuah. Dan daripada jumlah itu, seramai 37 orang telah didakwa. Pernyataan ini jelas menunjukkan bahawa persepsi orang ramai terhadap anggota polis yang melakukan rasuah adalah benar.

Butir tangkapan anggota polis yang rasuah tersiar di media massa dengan meluasnya dan ini boleh mempengaruhi persepsi orang ramai untuk mengatakan polis sebahagian besarnya menerima rasuah. Di samping itu, perbuatan segelintir anggota polis yang menerima rasuah secara terbuka di khalayak ramai juga boleh memberikan gambaran bahawa rasuah dilakukan oleh anggota polis walaupun masih ramai anggota polis yang lain tidak melakukannya. Pepatah Melayu menyatakan "Sebab nila setitik rosak susu sebelanga".

Jadual 5.14h Pada pendapat anda, cawangan bahagian polis yang manakah sering menyelewengkan kuasa?

Cawangan	Bilangan	Peratus
Tugas-tugas Am	7	13
Trafik	30	55
Jenayah (CID)	4	7
Cawangan Khas	1	2
Keselamatan Dalam Negeri dan Ketenteraman Awam	0	0
Tidak tahu	13	23
Jumlah	55	100

Sumber: Soal selidik Ogos 1990.

Persepsi orang ramai menunjukkan bahawa Cawangan Trafik merupakan cawangan yang sering menyeleweng terutamanya dalam melakukan rasuah. Dalam Jadual 5.15h kira-kira 55 peratus responden memilih Cawangan Trafik sebagai menyeleweng kuasa. Kemudian diikuti Cawangan Tugas-tugas Am sebanyak 13 peratus. Cawangan Jenayah (CID) sebanyak 7 peratus dan Cawangan Khas 2 peratus. Bagi Bahagian Keselamatan Dalam Negeri dan Ketenteraman Awam (KDNKA) tidak ada langsung dan jumlah mereka yang tidak tahu ialah 23 peratus.

Daripada jumlah ini, jelaslah menampakkan bahawa Cawangan Trafik sering melakukan penyelewengan. Fenomena ini disebabkan cawangan tersebut lebih terdedah kepada hubungan dengan orang ramai pada setiap masa di samping keadaan persekitaran mereka di luar ibu pejabat. Situasi yang sedemikian memberi peluang kepada cawangan tersebut mudah melakukan penyelewengan terutamanya rasuah.

Setelah melihat tentang ketidakjujuran anggota polis dan penyelewengan anggota polis, adakah pelaksanaan kuasa-kuasa itu bercanggah dengan hak asasi manusia. Di sini pengkaji telah melihat daripada aspek kekerasan yang dilakukan oleh anggota polis terhadap orang awam. Aspek kekerasan yang dimaksudkan ialah kekerasan dari segi fizikal.

Jadual 5.14i Pada pendapat anda pernahkah berlaku kekerasan polis?

Perkara	Bilangan	Peratus
Ya	38	69
Tidak	13	24
Tidak tahu	4	7
Jumlah	55	100

Sumber: Soal selidik Ogos 1990.

Daripada Jadual 5.14i, kira-kira 69 peratus responden mengatakan bahawa memang berlaku kekerasan polis. Bilangan responden yang mengatakan tidak berlaku kekerasan ialah 24 peratus dan bilangan mereka yang tidak memberikan jawapan (tidak tahu) ialah 7 peratus. Perlulah diingatkan bahawa setiap bentuk kekerasan yang dilakukan oleh seseorang di luar daripada peruntukan undang-undang dengan apa tujuan sekalipun adalah bertentangan dengan hak asasi manusia.

Jadual 5.14j Adakah anda dengar atau tahu kekerasan polis itu daripada:

Perkara	Bilangan	Peratus
Melihat sendiri	15	27
Mendengar cerita orang lain	19	35
Daripada akhbar	16	29
Tidak tahu	5	9
Jumlah	55	100

Sumber: Soal selidik Ogos 1990.

Berdasarkan jumlah 69 peratus responden (Jadual 5.14i) yang menyatakan bahawa memang wujud kekerasan polis, Jadual 5.14j

menunjukkan 27 peratus pernah melihat sendiri, 35 peratus hanya mendengar cerita daripada orang lain, 29 peratus mengetahuinya daripada akhbar dan 9 peratus lagi memberikan jawapan tidak tahu.

Antara bentuk kekerasan polis yang dinyatakan oleh responden ialah mencederakan orang awam, memukul tahanan untuk mendapatkan keterangan atau bukti, memukul seseorang tanpa ada bukti yang mereka itu bersalah, menendang, menengking serta menampar tahanan. Oleh yang demikian, Jadual 5.14i dan 5.14j di atas menunjukkan bahawa dalam menjalankan tugasnya terdapat anggota polis yang telah melanggar hak asasi manusia. Perkara ini telah terkeluar daripada landasan yang telah ditetapkan dalam Akta Polis 1967.

Menurut akhbar *New Straits Times* 3 Ogos 1978,¹⁰² empat orang anggota polis telah dihadapkan ke mahkamah kerana memukul seorang tahanan. Keempat-empat mereka yang dituduh ini terdiri daripada pegawai polis peringkat atas (tinggi). Laporan akhbar tersebut membuktikan bahawa sesiapa yang cuba melanggar hak asasi manusia walaupun seorang anggota polis tetap dihukum. Sebagai seorang pegawai yang menjaga ketenteraman dan keamanan, sewajarnya anggota polis berusaha menjaga hak asasi manusia dan bukannya menceroboh.

Walaupun masyarakat awam mengetahui wujudnya kekerasan sama ada pernah melihat sendiri, melalui akhbar dan melalui orang lain, namun mereka tidak mengambil langkah yang efektif untuk mengurangkannya. Berdasarkan Jadual 5.14k jelas menunjukkan bahawa sebanyak 78 peratus responden mengambil langkah mendiamkan diri sahaja. Manakala 22 peratus membuat laporan kepada pihak tertentu seperti akhbar, Ketua Polis Negara, laporan ke balai polis dan Parli-men.

Jadual 5.14k Jika ada, apakah tindakan anda?

Perkara	Bilangan	Peratus
Diamkan sahaja	43	78
Buat laporan kepada pihak tertentu	12	22
Memberi sokongan	-	-
Jumlah	55	100

Sumber. Soal selidik Ogos 1990

102 *New Straits Times*, 3 Ogos 1978, hlm. 9.

Jadual 5.141 Pada fikiran anda, adakah kuasa polis itu bercanggah dengan hak asasi manusia?

Perkara	Bilangan	Peratus
Ya	17	31
Tidak	34	62
Tidak tahu	4	7
Jumlah	55	100

Sumber: Soal selidik Ogos 1990.

Laporan kepada pihak akhbar dapat kita lihat sebagai contoh dalam akhbar *The Star*.¹⁰³ Laporan kepada Ketua Polis Negara adalah dengan cara menulis surat secara rasmi. Ketua Polis Negara sendiri memberi jaminan sekiranya ada laporan tentang keganasan polis tindakan akan diambil.¹⁰⁴ Di samping itu terdapat juga laporan yang dibuat di Parlimen, seperti yang pernah dilakukan oleh Setiausaha Agung DAP, Lim Kit Siang.¹⁰⁵

Dalam usaha menerangkan secara lebih lanjut tentang pencabulan hak asasi manusia, pengkaji telah menyediakan satu soalan yang menjurus kepada maksud tersebut. Secara ringkasnya yang dimaksudkan dengan hak asasi di sini ialah hak kebebasan diri seperti yang termaktub dalam Perlembagaan Malaysia.

Menurut Jadual 5.141 di atas, sebanyak 62 peratus responden menyatakan kuasa polis tidak bercanggah dengan hak asasi manusia dan sebanyak 31 peratus menyatakan ia bercanggah dengan hak asasi manusia.

Di sini terdapat percanggahan pendapat yang wujud ekoran daripada perbezaan interpretasi antara kedua-duanya. Pihak yang mengatakan tidak wujud percanggahan dengan hak asasi manusia mungkin berpendapat bahawa kekerasan yang dilakukan oleh polis terhadap kepada golongan tertentu sahaja seperti penjenayah, antisubversif dan pengacau ketenteraman awam.

Justeru itu adalah wajar tugas yang dijalankan oleh anggota polis itu menggunakan kekerasan. Bagi responden yang menyatakan memang berlaku percanggahan hak asasi manusia, golongan ini mungkin memandang dari segi perikemanusiaan dan juga Perlembagaan Malaysia yang memberi kebebasan diri kepada setiap warganegara. Mereka mengata-

103 *The Star*, 14 November 1981, hlm. 6

104 Tun Mohd. Haniff Omar 1980. "Ucapan di Majlis Prapenetapan Inspektor" di Maktab Polis Kuala Kubu Bharu, 20 September.

105 *National Echo*, 6 Februari 1982, hlm. 3

kan sekiranya pihak polis menjalankan kekerasan terhadap seseorang, maka ini telah bercanggah dengan hak asasi manusia sedangkan mereka tidak melihat kenapa kekerasan dilakukan.

Sebagai kesimpulannya, majoriti orang awam berpendapat kekerasan kuasa yang dilakukan oleh anggota polis tidak bercanggah dengan hak asasi manusia. Misalnya untuk mendapatkan sesuatu bukti atau maklumat polis akan menggunakan kuasa budi bicaranya sendiri. Menurut Akta Keselamatan Dalam Negeri, seksyen 73, memberi kuasa pada pihak polis untuk menahan orang yang disyaki dengan syak wasangka yang munasabah selama 60 hari tanpa dibicarakan. Dan ini bertentangan dengan *maksim audi alteram partem*. Namun begitu, kuasa polis itu diberi bagi menjamin keamanan, ketenteraman dan kestabilan negara.

Di samping itu timbul pula pertanyaan adakah kuasa yang dilaksanakan oleh anggota polis bertentangan dengan kepentingan awam. Untuk mendapatkan jawapan maka pengkaji telah menganalisisnya berdasarkan data yang diperolehi melalui soal selidik yang telah dilakukan.

Berdasarkan Jadual 5.14m, daripada seramai 55 orang responden yang ditanya, seramai 49 orang atau 89 peratus memberikan jawapan tidak bertentangan dan hanya seorang atau 2 peratus sahaja menyatakan bertentangan dengan kepentingan awam manakala 9 peratus lagi tidak tahu. Antara aspek kepentingan awam ialah seperti mengadakan perhimpunan. Sekiranya pihak polis merasakan bahawa sesuatu perhimpunan itu boleh menggugat keamanan negara atau kaum tertentu, maka pihak polis akan mengambil tindakan seperti membubarkannya atau menarik balik lesen perhimpunan. Langkah ini menunjukkan bahawa kuasa polis tidak bertentangan dengan kepentingan awam. Kuasa budi bicara merupakan salah satu bidang kuasa yang dimiliki oleh polis. Untuk melihat adakah anggota polis telah menggunakan kuasa budi bicara dalam menguatkuasakan undang-undang maka di bawah ini diperturunkan persepsi orang ramai.

Jadual 5.14m Adakah kuasa polis bertentangan dengan kepentingan awam?

Perkara	Bilangan	Peratus
Ya	1	2
Tidak	49	89
Tidak tahu	5	9
Jumlah	55	100

Sumber: Soal selidik Ogos 1990

Jadual 5.14n Pada fikiran anda, adakah polis menggunakan kuasa budi bicara dalam menguatkuasakan undang-undang?

Perkara	Bilangan	Peratus
Ya	37	67
Tidak	11	20
Tidak tahu	7	13
Jumlah	55	100

Sumber: Soal selidik Ogos 1990.

Daripada Jadual 5.14n sebanyak 67 peratus responden mengatakan bahawa pihak polis menggunakan kuasa budi bicara dalam menguatkuasakan undang-undang. Hanya 20 peratus sahaja yang menyatakan tidak. Manakala 13 peratus lagi tidak tahu. Perbezaan peratusan ini menunjukkan bahawa rata-ratanya pihak polis menggunakan kuasa budi bicara dalam menguatkuasakan undang-undang.

Di samping itu, terdapat desas-desus yang mengatakan bahawa penggunaan kuasa budi bicara terlalu luas telah menimbulkan ketidakadilan. Untuk menjawab pertanyaan ini kita perlu melihat Jadual 5.14o di bawah.

Jadual 5.14o Jika ada, adakah kuasa budi bicara polis itu terlalu luas hingga menimbulkan ketidakadilan?

Perkara	Bilangan	Peratus
Ya	14	25
Tidak	36	65
Tidak tahu	5	10
Jumlah	55	100

Sumber: Soal selidik Ogos 1990.

Jadual 5.14o memperlihatkan 65 peratus daripada responden menyatakan bahawa kuasa budi bicara polis tidaklah terlalu luas hingga menimbulkan ketidakadilan. Dan 10 peratus lagi tidak tahu. Berdasarkan penerangan di atas menunjukkan bahawa masih lagi terdapat persepsi orang ramai bahawa anggota polis terlalu bebas menggunakan kuasanya sehingga menimbulkan ketidakadilan. Namun begitu kita perlu sedar bahawa pihak polis yang bersikap demikian hanyalah merupakan sebahagian kecil sahaja. Masih ada golongan masyarakat yang berpendapat bahawa dengan adanya kuasa polis itu akan memberikan kesan yang baik kepada masyarakat dan negara.

Jadual 5.14p Adakah dengan kuasa polis itu akan memberi kesan yang baik kepada keadilan masyarakat dan negara?

Perkara	Bilangan	Peratus
Ya	47	85
Tidak	1	2
Tidak tahu	7	13
Jumlah	55	100

Sumber: Soal selidik Ogos 1990.

Berdasarkan Jadual 5.14p majoriti responden berpendapat bahawa kuasa polis akan memberi kesan yang baik kepada masyarakat dan negara. Sebanyak 85 peratus menyatakan ya dan hanya 2 peratus sahaja menyatakan kuasa polis itu tidak baik. Ini mungkin dipengaruhi oleh emosi. Sementara 13 peratus responden lagi memberi jawapan tidak tahu.

Keberkesanan Kuasa Polis

Setelah membincangkan tentang kuasa polis dan pelaksanaan kuasa polis maka perlulah dibincangkan adakah kuasa tersebut berkesan atau tidak. Untuk mendapatkan jawapannya, maka pengkaji telah mengambil pendapat orang ramai tentang kejayaan yang dapat dicapai oleh anggota polis melalui tugas yang dijalankan.

Pertamanya, pengkaji melihat dari aspek kuasa menangkap dan menahan pesalah. Di sini pengkaji telah mengemukakan beberapa peringkat soalan supaya jawapan yang diterima benar-benar mencerminkan pendapat responden.

Jadual 5.15a Sejauh manakah kejayaan polis dalam menjalankan kuasa menangkap dan menahan pesalah?

Perkara	Bilangan	Peratus
Sangat berjaya	3	5
Berjaya	29	53
Sederhana	16	29
Tidak jujur	1	2
Tidak tahu	6	11
Jumlah	55	100

Sumber: Soal selidik Ogos 1990.

Daripada Jadual 5.15a di atas, tiga orang atau 5 peratus menyatakan bahawa mereka berada di peringkat sangat berjaya, dan 53 peratus di peringkat berjaya, 29 peratus di peringkat sederhana. Hanya 2 peratus sahaja berada di peringkat tidak berjaya, sedangkan 11 peratus memberikan jawapan tidak tahu.

Aspek kedua, yang dilihat ialah tentang kejayaan polis dalam menjalankan kuasa pendakwaan. Kuasa pendakwaan bermaksud kuasa polis dalam mendakwa seseorang pesalah.

Jadual 5.15b Sejauh manakah kejayaan polis dalam menjalankan kuasa pendakwaan?

Perkara	Bilangan	Peratus
Sangat berjaya	1	2
Berjaya	19	34
Sederhana	26	47
Tidak berjaya	2	4
Tidak tahu	7	13
Jumlah	55	100

Sumber: Soal selidik Ogos 1990.

Jadual 5.15b menunjukkan 2 peratus responden menyatakan kejayaan polis dalam bidang kuasa pendakwaan berada di peringkat sangat berjaya, 34 peratus di peringkat berjaya dan 47 peratus di peringkat sederhana berjaya. Manakala 4 peratus lagi menyatakan masih tidak berjaya dan yang selebihnya, iaitu 13 peratus menyatakan tidak tahu.

Jadual 5.15c Sejauh manakah kejayaan polis dalam menjalankan kuasa risikan keselamatan?

Perkara	Bilangan	Peratus
Sangat berjaya	4	7
Berjaya	28	51
Sederhana	16	29
Tidak berjaya	-	-
Tidak tahu	7	13
Jumlah	55	100

Sumber: Soal selidik Ogos 1990.

Jadual 5.15c menunjukkan kuasa polis dalam bidang risikan keselamatan adalah berjaya dan amat berkesan. Ini disebabkan seramai 55 orang responden yang ditanya tiada seorang pun yang menyatakan bahawa pihak polis gagal atau tidak berjaya dalam menjalankan kuasa risikan keselamatan. Sebanyak 51 peratus menyatakan berjaya, 29 peratus menyatakan sederhana berjaya, 13 peratus lagi menyatakan tidak tahu dan 7 peratus menyatakan sangat berjaya. Data yang ditunjukkan di atas dengan jelas membayangkan kepada kita bahawa pihak polis telah mencapai kejayaan dalam kuasa risikan keselamatan.

Setelah melihat bidang kuasa pihak polis menangkap dan menahan pesalah, pendakwaan dan risikan keselamatan, maka sekarang dilihat pula kejayaan polis di bidang pencegahan dan pengesanan jenayah. Kuasa ini bermaksud langkah membanteraskan jenayah, baik jenayah kecil-kecilan, mahupun jenayah serius.

Jadual 5.15d Sejauh manakah kejayaan polis dalam kuasa pencegahan dan pengesanan jenayah?

Perkara	Bilangan	Peratus
Sangat berjaya	2	4
Berjaya	28	51
Sederhana	21	38
Tidak berjaya	-	-
Tidak tahu	4	7
Jumlah	55	100

Sumber. Soal selidik Ogos 1990.

Jadual 5.15d menunjukkan pihak polis telah berjaya menjalankan kuasa pencegahan dan pengesanan jenayah. Peratus yang menyatakan di peringkat berjaya ialah 51 peratus, sederhana berjaya 38 peratus, tidak tahu 7 peratus dan sangat berjaya ialah 4 peratus. Dan tidak ada seorang pun yang menyatakan tidak berjaya.

Sekarang pengkaji akan cuba pula melihat kejayaan pihak polis dalam bidang yang lebih mencabar, iaitu kuasa menjaga keamanan dan keselamatan negara. Kuasa-kuasa ini amat penting kerana ia melibatkan negara.

Daripada Jadual 5.15e majoriti responden menyatakan pihak polis telah berjaya menjalankan kuasa menjaga keamanan dan keselamatan negara. Peratus responden yang menyatakan di peringkat sangat berjaya ialah 13 peratus. Peratus ini telah meningkat, berbanding dengan kuasa menangkap dan menahan pesalah, kuasa pendakwaan, kuasa risikan

Jadual 5.15e Sejauh manakah kejayaan polis dalam kuasa menjaga keamanan dan keselamatan negara?

Perkara	Bilangan	Peratus
Sangat berjaya	7	13
Berjaya	42	76
Tidak berjaya	1	2
Tidak tahu	5	9
Jumlah	55	100

Sumber: Soal selidik Ogos 1990.

keselamatan dan kuasa pencegahan serta pengesanan jenayah. Manakala sebanyak 76 peratus responden menyatakan di peringkat berjaya, hanya 2 peratus sahaja menyatakan tidak berjaya. Dan jumlah mereka yang tidak tahu ialah 9 peratus.

Perkara terakhir yang ditanya oleh pengkaji dalam usaha untuk melihat kejayaan polis ialah dari aspek mengekalkan undang-undang dan ketenteraman negara. Aspek ini juga tidak kurang pentingnya jika dibandingkan dengan kuasa menjaga keamanan dan keselamatan negara.

Dalam sesebuah negara, adalah sesuatu yang jelik sekiranya undang-undang dan ketenteraman tidak dapat dikekalkan. Malah kejayaan atau kemasyhuran sesebuah negara itu, pertama sekali ialah dinilai berdasarkan faktor tersebut. Berdasarkan huraian di atas maka soalan yang diutarakan oleh pengkaji adalah amat penting untuk menunjukkan kejayaan yang telah dicapai oleh pihak polis.

Jadual 5.15f Sejauh manakah kejayaan polis dalam mengekalkan undang-undang dan ketenteraman negara?

Perkara	Bilangan	Peratus
Sangat berjaya	7	13
Berjaya	30	55
Sederhana	15	27
Tidak tahu	3	5
Jumlah	55	100

Sumber: Soal selidik Ogos 1990.

Seperti juga dengan Jadual 5.15f pihak polis telah mencapai kejayaan dalam aspek tertentu. Sebanyak 13 peratus responden menyatakan pihak polis sangat berjaya dalam mengekalkan undang-

undang dan keten-teraman negara, 55 peratus mengatakan di peringkat berjaya, 27 peratus masih di peringkat sederhana berjaya dan 5 peratus lagi tidak tahu.

Kesimpulan yang dapat dibuat berdasarkan keberkesanan kuasa polis dalam menjalankan tugas yang telah diamanahkan kepada mereka ialah berada di tahap berjaya. Dalam setiap soalan yang ditanya jelas sekali jawapan responden adalah tinggi peratusnya pada peringkat "berjaya". Peratusan kedua tertinggi ialah jawapan masih lagi di peringkat "sederhana" kejayaannya, sedangkan peratusan di peringkat "sangat berjaya" adalah kurang.

Begitu juga secara amnya responden telah memberikan penilaian mereka terhadap kuasa polis seluruhnya sebagai di tahap berjaya dan memuaskan. Ini dijelaskan dalam Jadual 5.15g di bawah. Kebanyakan

Jadual 5.15g Bagaimanakah penilaian anda tentang kuasa polis secara keseluruhannya?

Perkara	Bilangan	Peratus
Sangat memuaskan	4	7
Memuaskan	31	57
Sederhana	15	27
Tidak memuaskan	4	7
Tidak tahu	1	2
Jumlah	55	100

Sumber: Soal selidik Ogos 1990.

responden menyatakan kuasa polis secara keseluruhan adalah "memuaskan" iaitu sebanyak 57 peratus. Sebanyak 27 peratus responden memilih tahap "sederhana", manakala tahap "sangat memuaskan" dan tahap "tidak memuaskan" masing-masing mencatat 7 peratus. Akhir sekali sebanyak 2 peratus responden memilih "tidak tahu".

Berdasarkan penjelasan di atas, kejayaan yang telah dicapai oleh pihak polis bagi keseluruhan kuasa polis adalah di peringkat berjaya dan ini boleh dipertingkatkan lagi ke peringkat yang lebih cemerlang.

PERSEPSI ANGGOTA POLIS TENTANG KUASA POLIS, PELAKSANAAN DAN KEBERKESANANNYA

Pandangan anggota polis ini perlu kerana ia dapat menggambarkan pandangan sebenar mereka terhadap tugas yang dilaksanakan. Melalui pandangan anggota polis ini juga dapat diketahui sama ada mereka memang

meminati bidang yang diceburi atau semata-mata tidak ada pilihan lain.

Malah melalui kajian ini juga turut mendedahkan sejauh mana pengetahuan anggota polis itu tentang kuasa-kuasa yang terkandung dalam Akta Polis. Di samping itu, adakah dengan pengetahuan yang ada itu mereka menjalankannya berdasarkan peraturan yang telah ditetapkan. Dan sekiranya berlaku sebarang penyelewengan terhadap pelaksanaannya, apakah punca yang menyebabkan perkara tersebut berlaku. Perkara terakhir yang dilihat dalam bab ini ialah tentang kejayaan atau keberkesanan kuasa tersebut.

Kuasa Polis

Minat merupakan faktor penting dalam menjalankan sesuatu tugas terutama tugas yang melibatkan keselamatan masyarakat dan negara. Tanpa minat yang mendalam sebarang tugas atau tanggungjawab yang diamanahkan tidak dijalankan dengan baik dan sempurna.

Jadual 5.16a Bilakah anda membuat keputusan untuk berkhidmat dalam Pasukan Polis Diraja Malaysia?

Perkara	Bilangan	Peratus
Semasa di sekolah rendah	4	7
Semasa di sekolah menengah	14	23
Selepas tamat sekolah	24	40
Selepas tidak dapat pekerjaan lain	3	13
Selepas setahun dua bekerja dalam perkhidmatan lain	10	17
Jumlah	60	100

Sumber: Soal selidik Ogos 1990.

Daripada soal selidik yang dilakukan, kebanyakan anggota polis membuat keputusan untuk berkhidmat dalam pasukan polis selepas tamat persekolahan, iaitu sebanyak 40 peratus. Jumlah kedua terbanyak ialah mereka yang membuat keputusan ketika masih di sekolah menengah, iaitu 23 peratus. Kemudian diikuti oleh mereka yang selepas setahun dua bekerja dalam perkhidmatan lain, iaitu 17 peratus. Peratus mereka yang membuat keputusan setelah tidak mendapat pekerjaan lain ialah 13 peratus. Dan akhir sekali ialah mereka yang membuat keputusan semasa di sekolah rendah iaitu 7 peratus. (lihat Jadual 5.16a)

Data di atas dengan jelas menunjukkan bahawa penyertaan responden dalam Pasukan Polis Diraja Malaysia berdasarkan minat yang memang dipupuk sejak kecil lagi. Sekiranya dijumlahkan bilangan mereka

yang berminat semasa di sekolah rendah, sekolah menengah dan selepas tamat persekolahan ialah sebanyak 70 peratus dan jumlah mereka yang menyertainya kerana tidak mendapat pekerjaan lain ialah 13 peratus. Responden yang telah bekerja dalam perkhidmatan lain sebelum memasuki perkhidmatan polis ialah sebanyak 17 peratus. Data-data ini menunjukkan mereka memasuki perkhidmatan polis bukan atas perasaan kecewa tetapi lebih kepada dorongan minat.

Apabila diutarakan soalan tentang faktor yang mendorong mereka memasuki pasukan polis, sebanyak 57 peratus responden memang berminat atau bercita-cita untuk menjadi anggota polis. Dan sebanyak 25 peratus pula disebabkan tidak ada pilihan lain, 13 peratus adalah dorongan keluarga. Hanya 5 peratus sahaja atas dorongan rakan-rakan dalam pasukan polis (lihat Jadual 5.16b).

Dalam soalan lain yang diutarakan, sekiranya mereka diberi peluang untuk memohon pekerjaan lain sekali lagi, adakah mereka masih ingin memohon perkhidmatan polis? Jawapan yang diterima menunjukkan bahawa anggota polis tersebut masih berminat dengan perkhidmatan polis (lihat Jadual 5.16c).

Jadual 5.16b Apakah faktor yang mendorongkan anda memasuki pasukan polis?

Perkara	Bilangan	Peratus
Dorongan keluarga	7	13
Dorongan rakan-rakan dalam pasukan polis	3	5
Memang berminat/cita-cita	34	57
Tiada pilihan lain	15	25
Jumlah	60	100

Sumber: Soal selidik Ogos 1990

Jadual 5.16c Jika anda diberi peluang untuk memohon pekerjaan sekali lagi, adakah anda masih ingin memohon perkhidmatan polis?

Perkara	Bilangan	Peratus
Ya	36	60
Tidak	24	40
Jumlah	60	100

Sumber: Soal selidik Ogos 1990

Jadual 5.16d Pada pendapat anda, adakah perkhidmatan polis yang dijalankan pada hari ini merupakan satu perkhidmatan yang profesional?

Perkara	Bilangan	Peratus
Ya	47	78
Tidak	13	22
Jumlah	60	100

Sumber: Soal selidik Ogos 1990.

Antara sebab yang diberikan oleh anggota polis mengapa mereka masih berminat untuk menganggotai pasukan polis ialah kerana pekerjaan tersebut dikatakan sebagai pekerjaan yang penuh cabaran. Ada juga yang mengatakan bahawa mereka telah menjiwai tugas tersebut jadi mereka agak sukar untuk beralih ke profesion lain. Malah ada yang mengatakan bahawa pasukan polis mempunyai disiplin yang tinggi, ada banyak peluang untuk kenaikan pangkat dan dapat menjamin masa depan. Dan akhir sekali ialah pekerjaan ini amat dihormati masyarakat dan dianggap suatu peluang yang profesionalisme, pasukan polis boleh dianggap sebagai profesion yang profesional. Memandangkan taraf profesionalisme itu, maka ramailah orang yang berminat untuk menyertainya.

Jadual 5.16d menunjukkan 78 peratus responden menyatakan bahawa perkhidmatan polis merupakan salah satu jawatan atau pekerjaan yang profesional. Dan 22 peratus lagi menyatakan tidak profesional.

Untuk mengukuhkan pendapat yang mengatakan bahawa pekerjaan ini boleh dianggap profesional ialah dengan melihat ciri-ciri profesional yang ada dan membandingkannya dengan tugas-tugas yang dijalankan oleh polis.

Menurut Ee Ah Meng,¹⁰⁶ sesuatu pekerjaan itu dianggap profesional sekiranya memenuhi ciri-ciri yang berikut:

- (a) Pengetahuan dan kemahiran tinggi adalah diperlukan bagi menjalankan suatu tugas dengan baik.
- (b) Latihan khas meningkatkan lagi kemahiran.
- (c) Mementingkan perkhidmatan kepada masyarakat daripada ganjaran kewangan.

¹⁰⁶ Ee Ah Meng 1989 *Pendidikan di Malaysia untuk Guru Pelatih*. Kuala Lumpur. Fajar Bakti Sdn. Bhd., hlm. 20.

- (d) Memelihara nama baik sesuatu profesion.
- (e) Ahli profesion bertanggungjawab atas segala keputusan dan tindakan yang dijalankannya.
- (f) Keperluan orang yang ingin mendapatkan perkhidmatan diberi keutamaan.

Kesimpulannya, rata-rata anggota polis yang ada berminat dengan pekerjaan mereka. Minat ini amat penting kerana tanpa minat sesuatu pekerjaan yang dilakukan tidak berkesan.

Seterusnya pengkaji melihat pula tentang pengetahuan anggota polis tentang kuasa yang mereka miliki. Kajian ini penting untuk melihat sejauh manakah pengetahuan anggota polis tersebut dalam menjalankan kuasa yang telah diperuntukkan dalam akta. Kurangnya pengetahuan tentang kuasa yang dimiliki menyebabkan berlakunya penyelewengan kuasa dan percanggahan pendapat dengan orang ramai.

Berdasarkan data di atas, menunjukkan bahawa kesemua responden pernah membaca Akta Polis. Keadaan ini tidaklah menghairankan kerana setiap orang yang memasuki perkhidmatan polis diwajibkan mengambil peperiksaan undang-undang dan mereka terpaksa membaca akta tersebut. Selain Akta Polis, responden juga ditanya tentang akta-akta lain yang pernah mereka baca.

Jadual 5.17a Adakah anda pernah baca Akta Polis?

Perkara	Bilangan	Peratus
Ya	60	100
Tidak	0	-
Jumlah	60	100

Sumber: Soal selidik Ogos 1990.

Dalam Jadual 5.17b, semua anggota polis (responden) pernah membaca Kanun Keseksaan dan Kanun Acara Jenayah. Sebanyak 80 peratus pernah membaca Akta Dadah Berbahaya dan 73 peratus pernah membaca Akta Pencegah Rasuah. Di samping itu, tidak ramai yang pernah membaca Akta Keterangan, Akta Kontrak, Akta Pekerja dan Akta Perhubungan Perusahaan. Hanya 45 peratus yang pernah membaca Akta Keterangan, 17 peratus pernah membaca Akta Kontrak, 17 peratus pernah membaca Akta Pekerja dan 15 peratus pernah membaca Akta Perhubungan Perusahaan.

Jadual 5.17b Adakah anda pernah membaca akta-akta yang berikut:

Perkara	Ya		Tidak	
	Bilangan	Peratus	Bilangan	Peratus
Kanun Keseksaan	60	100	–	–
Kanun Acara Jenayah	60	100	–	–
Akta Dadah Berbahaya	40	80	12	20
Akta Pencegah Rasuah	44	73	16	27
Akta Keterangan	27	45	33	55
Akta Kontrak	10	17	50	83
Akta Pekerja	10	17	50	83
Akta Perhubungan Perusahaan	9	15	61	85

Sumber: Soal selidik Ogos 1990.

Sekiranya dilihat data-data tersebut, jelaslah menunjukkan bahawa kebanyakan anggota polis pernah membaca Akta Polis, Kanun Keseksaan, Kanun Acara Jenayah, Akta Dadah Berbahaya dan Akta Pencegah Rasuah. Akta yang jarang dibaca oleh anggota polis ialah Akta Keterangan, Akta Kontrak, Akta Pekerja dan Akta Perhubungan Perusahaan. Akta berkenaan banyak dibaca oleh responden kerana mereka diwajibkan mengetahui untuk menghadapi peperiksaan undang-undang.

Kurangnya pengetahuan tentang akta-akta seperti di atas akan menyebabkan anggota polis kurang memahami tentang kuasa yang mereka miliki dan cara-cara yang berkesan untuk melaksanakannya. Keadaan ini tambah menyulitkan sekiranya orang ramai juga tidak memahami tugas dan kuasa anggota polis. Gejala ini menyebabkan pelaksanaan kuasa tidak dapat dijalankan dengan sewajarnya.

Selain untuk mengetahui adakah anggota polis pernah membaca akta-akta yang sedang berkuat kuasa, pengkaji juga telah mengemukakan soalan tentang perasaan puas hati atau tidak puas hati mereka terhadap peruntukan akta-akta yang ada.

Daripada Jadual 5.17c kebanyakan responden mengatakan mereka berpuas hati dengan kuasa polis yang terdapat dalam akta, iaitu 85 peratus daripadanya memberikan jawapan "ya" dan 15 peratus lagi menjawab tidak puas hati. Perasaan tidak puas hati ini disebabkan akta-akta tersebut masih tidak memberikan kuasa yang mencukupi untuk menjalankan tugas mereka dengan berkesan. Namun begitu, majoriti

Jadual 5.17c Adakah anda berpuas hati dengan kuasa-kuasa polis yang terdapat dalam akta tersebut?

Perkara	Bilangan	Peratus
Ya	51	85
Tidak	9	15
Jumlah	60	100

Sumber: Soal selidik Ogos 1990.

berpuas hati dengan kuasa polis yang ada dalam akta.

Di sini pandangan responden tentang kuasa polis dalam akta juga dapat dilihat dalam Jadual 5.17d. Soalnya, adakah kuasa tersebut mencukupi, perlu ditambah atau perlu dikurangkan lagi.

Dalam jadual tersebut kebanyakan responden mengatakan bahawa kuasa polis seperti yang terdapat dalam akta adalah mencukupi. Sebanyak 63 peratus mengatakan ia telah mencukupi. Ini bermakna golongan ini berpendapat bahawa kuasa yang terdapat dalam akta telah membantu mereka untuk menjalankan tugas dengan licin. Kemungkinan golongan yang mengatakan demikian merupakan anggota polis yang tidak banyak mempunyai masalah dalam menjalankan tugas.

Golongan kedua yang mengatakan kuasa tersebut perlu ditambah lagi ialah sebanyak 43 peratus. Keadaan ini disebabkan masalah yang timbul sewaktu mereka menjalankan tugas. Oleh itu mereka mencadangkan kuasa tersebut perlu ditambah kerana akta yang sedia ada mungkin menghalang mereka daripada bertindak dengan lebih luas.

Jadual 5.17d Apakah pandangan anda tentang kuasa polis hari ini yang terdapat dalam akta?

Perkara	Bilangan		Peratus	
	Ya	Tidak	Ya	Tidak
Mencukupi	38	22	63	37
Perlu ditambah lagi	26	34	43	57
Perlu dikurangkan lagi	-	-	-	-
Jumlah	60		100	

Sumber: Soal selidik Ogos 1990.

Antara bidang yang perlu ditambah ialah dari aspek membanteras jenayah kolar putih dan menentang kerenah birokrasi. Dan tidak ada se-orang pun yang mengatakan bahawa kuasa yang terdapat dalam akta perlu dikurangkan lagi. Kesimpulannya, dapat dikatakan bahawa kuasa polis adalah mencukupi dan hanya pada sebahagian kecil sahaja yang perlu ditambah.

Pelaksanaan Kuasa

Perkara kedua yang dilihat dalam bab ini ialah tentang pelaksanaan kuasa yang dijalankan oleh anggota polis. Dalam bab sebelum ini ramai berpendapat bahawa pelaksanaan kuasa polis adalah di peringkat berjaya dan memuaskan.

Fokus pengkaji ialah tentang penyalahgunaan kuasa, amalan rasuah, kekerasan polis, percanggahan dengan hak asasi manusia dan bertentangan dengan kepentingan awam. Jadual 5.18a dan 5.18b menggambarkan pandangan responden tentang perkara tersebut.

Jadual 5.18a Pada pendapat anda, tohmahan orang ramai yang mengatakan polis kadang kala menyalahgunakan kuasa, adalah:

Perkara	Bilangan	Peratus
Anggota polis kadang kala menyalahgunakan kuasa yang ada pada mereka	51	85
Anggota polis tidak langsung menyalahgunakan kuasa mereka	8	13
Tidak tahu	1	2
Jumlah	60	100

Sumber: Soal selidik Ogos 1990.

Jadual 5.18b Apakah pendapat anda tentang tohmahan orang ramai bahawa polis kadang kala terlibat dengan rasuah?

Perkara	Bilangan	Peratus
Tidak terlibat langsung	2	3
Sebahagian besar terlibat	9	15
Sebahagian kecil terlibat	49	82
Tidak tahu	-	-
Jumlah	60	100

Sumber: Soal selidik Ogos 1990.

Daripada Jadual 5.18a kebanyakan responden tidak menafikan bahawa memang terdapat di kalangan anggota polis yang menyalahgunakan kuasa yang ada pada mereka. Sebanyak 85 peratus atau 51 orang responden mengatakan memang terdapat penyalahgunaan kuasa oleh anggota polis. Dan hanya 13 peratus sahaja mengatakan anggota polis tidak langsung menyalahgunakan kuasa mereka.

Keterlibatan polis dengan amalan rasuah memang berlaku. Dalam media massa sering kita lihat tentang pegawai-pegawai polis yang didakwa kerana kes rasuah. Namun begitu, tidak semua anggota polis yang berbuat demikian. Cuma segelintir sahaja daripada mereka yang terlibat. Berdasarkan Jadual 5.18b, sebanyak 82 peratus responden mengatakan hanya sebahagian kecil sahaja yang terlibat. Manakala 15 peratus lagi mengatakan sebahagian besar terlibat dan 3 peratus lagi tidak terlibat langsung.

Walaupun majoriti berpendapat bahawa sebilangan kecil sahaja yang terlibat, namun perkara ini perlu diambil perhatian yang serius. Keadaan ini disebabkan tugas polis yang lebih banyak melibatkan menjaga keselamatan masyarakat. Seandainya anggota polis sendiri tidak bersikap jujur maka masyarakat dan negara akan berada dalam kucar-kacir. Seperti kata pepatah Melayu "Harapkan pagar, pagar makan padi."

Amalan rasuah sukar untuk dibanteras walaupun dalam perkhidmatan polis sendiri. Keadaan ini berkaitan dengan gaji yang diterima oleh anggota polis terutamanya daripada mereka yang berpangkat rendah. Berdasarkan Jadual 5.18c dapat dilihat sama ada gaji yang diterima oleh anggota polis mencukupi atau tidak.

Kebanyakan responden yang terdiri daripada anggota polis mengatakan bahawa gaji polis yang diperoleh sekarang tidak mencukupi. Sebanyak 95 peratus mengatakan tidak cukup, cuma 5 peratus sahaja yang mengatakan cukup. Dan mungkin jumlah 5 peratus ini terdiri daripada responden yang berpangkat tinggi.

Jadual 5.18c Adakah gaji polis mencukupi?

Perkara	Bilangan	Peratus
Ya	3	5
Tidak	57	95
Jumlah	60	100

Sumber: Soal selidik Ogos 1990.

Jadual 5.18d Kalau tidak, nyatakan berapa peratus perlu ditambah?

Perkara	Bilangan	Peratus
5 – 10 peratus	3	5
10 – 30 peratus	21	35
30 – 50 peratus	29	48
50 – 100 peratus	7	12
Jumlah	60	100

Sumber: Soal selidik Ogos 1990.

Justeru itu, tidak mustahil dengan gaji yang tidak mencukupi ini terdapat segelintir anggota polis yang mengamalkan rasuah. Lantaran itu difikirkan perlu bagi pihak Polis Diraja Malaysia menaikkan gaji anggota polis dengan tujuan untuk mengelakkan rasuah. Malah disyorkan agar kenaikan itu ditambah pada peratus tertentu yang difikirkan logik diterima oleh anggota polis berdasarkan tugas yang dijalankan.

Berdasarkan Jadual 5.18d, sebanyak 5 peratus responden mengatakan gaji perlu ditambah daripada 5 – 10 peratus. Manakala 35 peratus menyatakan perlu ditambah daripada 10 – 30 peratus, 48 peratus mengatakan perlu ditambah daripada 30 – 50 peratus. Dan akhir sekali 12 peratus responden mengatakan perlu ditambah 50 – 100 peratus.

Seperkara lagi yang menjadi kriteria untuk mengukur pelaksanaan kuasa yang dijalankan oleh anggota polis ialah tentang kekerasan yang dilakukan oleh anggota polis.

Daripada Jadual 5.18e pula, sebanyak 22 peratus responden mengatakan mereka pernah melihat kekerasan polis terhadap orang ramai. Sebanyak 78 peratus lagi mengatakan tidak pernah melihatnya. Walaupun memang wujud kekerasan oleh pihak polis, namun kekerasan yang dilakukan hanya kepada pihak-pihak tertentu sahaja seperti orang yang disyaki dan didapati bersalah.

Biasanya kekerasan yang dilakukan adalah dalam usaha untuk menyelesaikan rusuhan, mendapatkan maklumat dan mempertahankan undang-undang.

Dalam usaha untuk menjayakan pelaksanaan kuasa, anggota polis terpaksa melakukan kekerasan tersebut. Dan di sini pengkaji cuba untuk melihat pendapat anggota polis sendiri tentang adakah kekerasan itu bercanggah dengan hak asasi manusia.

Mengikut data pada Jadual 5.18f, majoriti responden mengatakan bahawa kekerasan kuasa itu tidak bercanggah dengan hak asasi manusia kerana pada ketika tertentu misalnya untuk mencegah sesuatu rusuhan

Jadual 5.18e Sepanjang perkhidmatan anda dalam pasukan polis, adakah anda melihat kekerasan polis terhadap orang ramai?

Perkara	Bilangan	Peratus
Ya	13	22
Tidak	47	78
Jumlah	60	100

Sumber: Soal selidik Ogos 1990.

yang membahayakan kekerasan polis amat perlu. Sebanyak 98 peratus mengatakan kekuasaan itu tidak bercanggah dengan hak asasi manusia. Hanya 2 peratus yang menyatakan ia bercanggah. Alasan yang diberikan oleh responden tersebut ialah kadang-kadang sesuatu tangkapan yang dibuat tidak mengikut kuasa yang diperuntukkan. Dan semasa membuat soal siasat, orang yang disyaki diseksa oleh polis tersebut dahulu.

Di samping itu terdapat juga golongan masyarakat yang mengatakan bahawa kuasa yang dimiliki oleh anggota polis bertentangan dengan kepentingan awam. Untuk melihat pandangan itu benar atau tidak dari aspek pandangan anggota polis maka pengkaji telah menyediakan soalan seperti di bawah.

Kepentingan awam yang dimaksudkan ialah hak untuk menjaga keamanan dan keselamatan masyarakat. Sekiranya dirujuk aspek kekerasan yang dilakukan oleh anggota polis dengan tujuan untuk menjaga keselamatan dan keamanan masyarakat daripada rusuhan maka ia sama sekali tidak bertentangan dengan kepentingan awam.

Daripada Jadual 5.18g, 98 peratus responden mengatakan kuasa tersebut tidak bertentangan dengan kepentingan awam. Dan hanya 2 peratus sahaja yang mengatakan ia bertentangan. Ini kerana dalam banyak perkara pelaksanaan kuasa tersebut adalah menyusahkan orang awam.

Jadual 5.18f Adakah anda fikir kuasa polis itu bercanggah dengan hak asasi manusia?

Perkara	Bilangan	Peratus
Ya	1	2
Tidak	59	98
Jumlah	60	100

Sumber: Soal selidik Ogos 1990.

Jadual 5.18g Adakah kuasa polis bertentangan dengan kepentingan awam?

Perkara	Bilangan	Peratus
Ya	36	60
Tidak	24	40
Jumlah	60	100

Sumber: Soal selidik Ogos 1990.

Anggota polis juga dikatakan menggunakan kuasa budi bicara yang terlalu luas dalam menjalankan tugas mereka. Lantaran itu pengkaji ingin melihat sama ada dakwaan itu diakui benar oleh anggota polis sendiri atau sebaliknya. Malah sekiranya benar adakah kuasa budi bicara yang luas itu telah menggugat keadilan rakyat.

Daripada Jadual 5.18h anggota polis sendiri mengakui hal tersebut memang berlaku, iaitu anggota polis menggunakan kuasa budi bicara yang terlalu luas dalam menjalankan tugas. Daripada 60 orang responden yang ditanya, 36 orang atau 60 peratus mengatakan "ya" dan 24 orang lagi atau 40 peratus mengatakan "tidak".

Kemudian diikuti pula dengan kuasa budi bicara yang luas itu adakah ia menggugat keadilan kepada rakyat. Melalui Jadual 5.18i sebanyak 90 peratus mengatakan tidak menggugat dan hanya 10 peratus sahaja mengatakan tergugat. Dengan kuasa budi bicara yang luas itu, kadangkala akan menyebabkan berlakunya keadilan kepada masyarakat.

Berdasarkan huraian dan data di atas jelaslah bahawa kekerasan dan kuasa budi bicara yang terlalu luas oleh anggota polis adalah semata-mata untuk menjamin keamanan dan kesejahteraan masyarakat dan negara amnya.

Jadual 5.18h Adakah anda fikir polis menggunakan kuasa budi bicara terlalu luas dalam menjalankan tugas?

Perkara	Bilangan	Peratus
Ya	1	2
Tidak	59	98
Jumlah	60	100

Sumber: Soal selidik Ogos 1990.

Jadual 5.18i Adakah dengan kuasa budi bicara yang luas itu telah mengugut keadilan kepada rakyat?

Perkara	Bilangan	Peratus
Ya	6	10
Tidak	54	90
Jumlah	60	100

Sumber: Soal selidik Ogos 1990.

Keberkesanan Kuasa Polis

Perkara terakhir yang ingin dibincangkan dalam bab ini ialah keberkesanan kuasa polis dalam menjalankan tugas-tugas yang telah diamanahkan kepada mereka. Antara tugas tersebut ialah dari aspek menjaga keselamatan dan keamanan negara, kuasa menangkap dan menahan pesalah, kuasa penyiasatan, pendakwaan, risikan keselamatan, pencegahan dan pengesanan jenayah dan mengekalkan undang-undang serta ketenteraman negara.

Jadual 5.19a Pada pendapat anda, sejauh manakah kejayaan polis menjalankan kuasa menangkap dan menahan pesalah?

Perkara	Bilangan	Peratus
Sangat berjaya	9	15
Berjaya	44	73
Sederhana	7	12
Tidak berjaya	-	-
Tidak tahu	-	-
Jumlah	60	100

Sumber: Soal selidik Ogos 1990.

Secara ringkas, pengkaji cuba melihat adakah pihak polis berjaya dalam menjalankan tugas mereka. Pandangan daripada pihak polis adalah perlu kerana mereka sendiri yang menjalankan tugas tersebut, maka mereka sendirilah yang lebih tahu berapa banyak kes atau kejayaan yang telah mereka capai.

Keberkesanan kuasa polis dalam menjalankan kuasa menangkap dan menahan pesalah dapat dilihat melalui Jadual 5.19a. Responden yang mengatakan "sangat berjaya" ialah 15 peratus, "berjaya" sebanyak 73 peratus, "sederhana" sebanyak 12 peratus. Data ini menunjukkan

Jadual 5.19b Sejauh manakah kejayaan polis menjalankan kuasa-kuasa penyiasatan?

Perkara	Bilangan	Peratus
Sangat berjaya	6	10
Berjaya	42	70
Sederhana berjaya	12	20
Tidak berjaya	-	-
Tidak tahu	-	-
Jumlah	60	100

Sumber: Soal selidik Ogos 1990.

bahawa kejayaan polis dalam bidang ini adalah berjaya daripada persepsi anggota polis sendiri.

Berjaya atau tidak anggota polis dalam menjalankan kuasa penyiasatan dapat dilihat melalui Jadual 5.19b. Jumlah responden yang mengatakan kuasa penyiasatan di peringkat "sangat berjaya" ialah 10 peratus. Manakala di peringkat "berjaya" sebanyak 70 peratus, dan di peringkat "sederhana berjaya" ialah 20 peratus. Data-data ini menunjukkan bahawa polis berjaya dalam menjalankan kuasa penyiasatan.

Di samping kejayaan dalam bidang penyiasatan, pihak polis juga berjaya menjalankan tugas dalam bidang pendakwaan. Pendakwaan merangkumi bidang jenayah, melanggar peraturan dan sebagainya. Kejayaan dilihat pada jumlah kes yang dapat diselesaikan di mahkamah. Walaupun aspek pendakwaan ini melibatkan jangkamasa yang lama untuk melihat kejayaannya, namun ini tidak menghalang seseorang anggota polis untuk terus memberikan bukti di mahkamah untuk mendakwa seseorang pesalah. Kejayaan ini dapat dilihat dalam Jadual 5.19c.

Jadual 5.19c Sejauh manakah kejayaan polis menjalankan kuasa-kuasa pendakwaan?

Perkara	Bilangan	Peratus
Sangat berjaya	4	6
Berjaya	44	73
Sederhana berjaya	10	17
Tidak berjaya	1	2
Tidak tahu	1	2
Jumlah	60	100

Sumber: Soal selidik Ogos 1990.

Jadual 5.19d Sejauh manakah kejayaan polis menjalankan kuasa risikan keselamatan?

Perkara	Bilangan	Peratus
Sangat berjaya	13	22
Berjaya	41	68
Sederhana	4	6
Tidak berjaya	1	2
Tidak tahu	1	2
Jumlah	60	100

Sumber: Soal selidik Ogos 1990.

Sebanyak 73 peratus responden memberikan jawapan "berjaya". Ini bermakna anggota polis mengatakan polis berjaya menjalankan kuasa-kuasa pendakwaan. Sebanyak 17 peratus lagi mengatakan "sederhana berjaya", 6 peratus mengatakan "sangat berjaya" 2 peratus mengatakan "tidak berjaya" dan 2 peratus lagi "tidak tahu".

Dari aspek kejayaan pihak polis menjalankan kuasa risikan keselamatan, sebanyak 68 peratus responden mengatakan pihak polis "berjaya" menjalankan kuasa risikan keselamatan. 22 peratus mengatakan berada di peringkat "sangat berjaya", 6 peratus mengatakan di peringkat "sederhana berjaya", 2 peratus "tidak berjaya" dan 2 peratus lagi "tidak tahu". Data ini memperlihatkan bahawa kejayaan polis menjalankan kuasa risikan keselamatan di peringkat "sangat berjaya" adalah agak tinggi, iaitu 22 peratus. Peratus kejayaan ini agak tinggi berbanding dengan kejayaan pihak polis dalam melakukan kuasa menangkap dan menahan pesalah, kuasa penyiasatan dan pendakwaan (lihat Jadual 5.19d).

Jadual 5.19e Sejauh manakah kejayaan polis dalam menjalankan kuasa pencegahan dan pengesanan jenayah?

Perkara	Bilangan	Peratus
Sangat berjaya	6	10
Berjaya	43	72
Sederhana	9	15
Tidak berjaya	2	3
Tidak tahu	-	-
Jumlah	60	100

Sumber: Soal selidik Ogos 1990.

Jadual 5.19f Sejauh manakah kejayaan polis dalam menjalankan kuasa menjaga keamanan dan keselamatan negara?

Perkara	Bilangan	Peratus
Sangat berjaya	18	30
Berjaya	39	65
Sederhana	3	5
Tidak berjaya	-	-
Tidak tahu	-	-
Jumlah	60	100

Sumber: Soal selidik Ogos 1990.

Kriteria seterusnya untuk melihat kejayaan polis ialah dalam bidang pencegahan dan pengesanan jenayah. Aspek ini amat penting kerana jenayah merupakan perkara utama yang perlu dibanteras untuk mewujudkan keselamatan masyarakat dan keamanan negara.

Berdasarkan Jadual 5.19e kejayaan pihak polis dalam bidang pencegahan dan pengesanan jenayah adalah menggalakkan. Seramai 43 orang responden atau 72 peratus mengatakan pihak polis "berjaya" menjalankan kuasa pencegahan dan pengesanan jenayah. Ini diikuti oleh 10 peratus mengatakan di peringkat "sangat berjaya", 15 peratus di peringkat "sederhana" dan 3 peratus mengatakan "tidak berjaya". Data ini dengan jelas menunjukkan pihak polis berjaya menjalankan kuasa pencegahan dan pengesanan jenayah.

Jadual 5.19f pula menunjukkan pandangan anggota polis tentang kejayaan polis dalam menjaga keamanan dan keselamatan negara adalah di peringkat "berjaya". Sebanyak 65 peratus responden mengatakan polis "berjaya" dalam mengekalkan undang-undang dan ketenteraman negara. Namun terdapat perbezaan peratusan, iaitu 30 peratus responden mengatakan "sangat berjaya", 65 peratus mengatakan "berjaya" dan 5 peratus mengatakan "sederhana berjaya".

Jadual 5.19g Sejauh manakah kejayaan polis dalam mengekalkan undang-undang dan ketenteraman negara?

Perkara	Bilangan	Peratus
Sangat berjaya	14	23
Berjaya	42	70
Sederhana	4	7
Tidak berjaya	-	-
Tidak tahu	-	-
Jumlah	60	100

Sumber: Soal selidik Ogos 1990.

Jadual 5.19g menunjukkan tidak seorang pun responden yang mengatakan polis tidak berjaya mengekalkan undang-undang dan ketenteraman negara. 23 peratus responden mengatakan pihak polis "sangat berjaya" dalam menjalankan tugas tersebut dan 70 peratus mengatakan pihak polis berada di peringkat "berjaya". Kejayaan polis di peringkat "sederhana" ialah 7 peratus.

Berdasarkan huraian di atas telah jelas bahawa secara umumnya pihak polis telah berjaya menjalankan tugas-tugasnya. Walaupun tidak semua kes atau tugas tersebut dapat diselesaikan atau dilaksanakan, namun ini tidak bermakna polis telah gagal menjalankan tugas yang telah diamanahkan kepadanya.

Kebanyakan anggota polis apabila ditanya tentang pandangan mereka terhadap perkhidmatan polis mengatakan perkhidmatan tersebut adalah di peringkat berjaya dan memuaskan. Ini dapat dibuktikan dalam Jadual 5.19h.

Jadual 5.19h Bagaimana pandangan anda terhadap perkhidmatan polis secara keseluruhannya?

Perkara	Bilangan	Peratus
Sangat memuaskan	7	12
Memuaskan	46	76
Sederhana memuaskan	27	12
Tidak memuaskan	-	-
Jumlah	60	100

Sumber: Soal selidik Ogos 1990.

Sebanyak 12 peratus responden mengatakan perkhidmatan polis "sangat memuaskan", 76 peratus lagi mengatakan perkhidmatan tersebut berada di peringkat "memuaskan" dan 12 peratus lagi mengatakan perkhidmatan tersebut berada di peringkat "sederhana memuaskan". Tidak ada seorang pun responden yang mengatakan perkhidmatan polis "tidak memuaskan".

Pengkaji juga turut meninjau pandangan anggota polis tentang pandangan masyarakat terhadap mereka. Terdapat masyarakat yang tidak sukakan anggota polis, dan mereka ini kebanyakannya terdiri daripada golongan yang sering melanggar undang-undang seperti penjenayah. Tetapi kebanyakan masyarakat masih beranggapan bahawa anggota polis merupakan ejen kerajaan yang dapat menjaga keamanan dan keselamatan negara. Pengiktirafan masyarakat terhadap pekerjaan polis dapat dilihat melalui Jadual 5.19i.

Jadual 5.19i Bagaimanakah pengiktirafan yang diberikan oleh masyarakat sekeliling tempat anda tinggal terhadap pekerjaan anda?

Perkara	Bilangan	Peratus
Sangat tinggi	2	3
Tinggi	30	50
Sederhana	27	45
Tiada	1	2
Jumlah	60	100

Sumber: Soal selidik Ogos 1990.

Melalui data di atas jelas bahawa masyarakat masih memberi pengiktirafan yang tinggi terhadap pekerjaan sebagai anggota polis. 50 peratus mengatakan "tinggi", 45 peratus "sederhana", 3 peratus mengatakan "sangat tinggi", dan 2 peratus tidak memberikan apa-apa pengiktirafan.

Perkara terakhir yang dilihat oleh pengkaji dalam bab ini ialah tentang kesan pekerjaan seseorang anggota polis dalam kehidupan sehari-hari. Perkara ini memberi maksud adakah pekerjaan seseorang anggota polis itu telah menjejaskan hubungannya dengan masyarakat di sekelilingnya. Dengan kata lain, adakah tugas-tugas tersebut menimbulkan kemarahan ataupun kebencian masyarakat terhadap mereka.

Jadual 5.19j Bagaimanakah kesan pekerjaan anda sekarang dalam kehidupan sehari-hari?

Perkara	Bilangan	Peratus
Baik	57	95
Kurang baik	3	5
Buruk	-	-
Tiada	-	-
Tidak tahu	-	-
Jumlah	60	100

Sumber: Soal selidik Ogos 1990.

Sebagaimana yang ditegaskan, anggota polis juga beranggapan masyarakat masih lagi menghormati pihak polis. Ini dapat dilihat dalam Jadual 5.19j, iaitu 95 peratus responden mengatakan kesan pekerjaan mereka dalam kehidupan sehari-hari adalah "baik". Dan yang berpen-

dapat "kurang baik" cuma 5 peratus sahaja. Ini juga bermakna responden tidak mempunyai masalah yang besar dengan masyarakat sekeliling dan tidak menjejaskan hubungan dengan masyarakat.

Kesimpulannya, berdasarkan huraian di atas jelaslah bahawa persepsi anggota polis terhadap tugas yang mereka jalankan adalah baik serta memuaskan. Ini bermakna persepsi polis dan persepsi orang ramai dalam hal pelaksanaan dan keberkesanan menjalankan kuasa polis adalah sama, iaitu tahap baik dan memuaskan.

BAB 6

KESIMPULAN

Keberkesanan pelaksanaan sesuatu kuasa atau tugas adalah bersifat relatif dan subjektif. Ia juga bergantung pada keadaan sesuatu masyarakat serta faktor tempat, masa dan jenis tugas yang dijalankan. Sehubungan ini pelaksanaan dan keberkesanan kuasa polis banyak bergantung pada pandangan masyarakat serta hubungan polis dengan masyarakat tersebut.

Meskipun peranan polis hampir serupa sahaja di seluruh dunia, namun penerimaan dan pandangan masyarakat terhadap pelaksanaan dan keberkesanan kuasa polis adalah berbeza-beza daripada satu negara dengan negara yang lain. Polis di Republik Sosialis Rusia, dianggap menjadi ejen untuk menegakkan kerajaan dan bertindak menggunakan paksaan.¹ Ia sentiasa dibenci dan ditakuti oleh rakyat jelata. Di Amerika Syarikat, kebanyakan masyarakat mempunyai sifat bertentangan dengan polis. Hanya mereka yang ada hubungan dengan polis sahaja yang mempunyai sifat yang berlainan dan kebanyakan masyarakat hanya memikirkan berkenaan polis apabila mereka memerlukan perkhidmatan polis.² Begitu juga di England, masyarakat terus sahaja memandang serong dan sifat bermusuhan dengan polis.³

Di Malaysia keadaannya adalah berlainan. Polis merupakan agensi kerajaan yang paling banyak berhubung dengan masyarakat. Ia merupakan subsistem yang paling rapat dengan masyarakat dalam Sistem Keadilan Jenayah. Ia dianggap ejen pengubah sosial masyarakat

1 Adam Ulam 1965. *The Bolsheviks*. New York: Collier Books, hlm. 21-95.

2 J.Q. Wilson 1975. *Thinking About Crime*. New York: Vintage Books.

3 Robert Reiner 1985. *The Politics of the Police*. Sussex: Wheatsheaf Books Limited, hlm. 27.

dan simbol autoriti,⁴ pemimpin dan pelindung masyarakat.⁵ Di luar bandar juga polis dipandang sebagai lambang autoriti kerajaan dan mempunyai imej yang baik pada pandangan masyarakat. Dalam satu kajian di perkampungan di Malaysia, C. Bailey mendapati selain daripada bertindak sebagai penguat kuasa undang-undang, polis juga bertindak sebagai orang tengah antara rakyat dengan kerajaan.⁶

Sungguhpun begitu, imej polis agak terjejas apabila dalam beberapa keadaan polis bertindak menguatkuasakan kuasa-kuasa yang diberi oleh undang-undang bagi mencegah kekacauan atau menjaga keamanan dan keselamatan negara. Sebagai contoh semasa menjalankan kuasa-kuasa tersebut, sedikit sebanyak kekerasan, kekasaran dan tekanan telah dilakukan oleh polis bagi membolehkan tugas dapat dijalankan dengan berkesan. Sebagai contoh tugas-tugas polis semasa darurat (1948–1960), Peristiwa 13 Mei 1969, tugas mencegah rusuhan dan sebagainya telah menjejaskan hubungan baik antara polis dengan masyarakat. Justeru itu pasukan polis telah menyedari tentang hal ini dan memulakan beberapa langkah untuk menaikkan semula imej polis di mata masyarakat. Konsep "Bersedia Berkhidmat",⁷ Sistem Salleh, penubuhan Pasukan Kadet Polis, Pasukan Sukarelawan Polis, Rela dan aktiviti Cawangan Perhubungan Awam Polis adalah antara langkah yang telah diambil.

Imej polis juga turut terjejas dengan wujudnya berbagai-bagai penyelewengan dan penyalahgunaan kuasa di kalangan anggota polis. Pucuk pimpinan pasukan polis terus berusaha membendung elemen negatif itu daripada terus berleluasa di kalangan anggota polis. Anggota yang terlibat akan disiasat dan jika terbukti akan dikenakan tindakan sewajarnya. Di samping itu langkah meningkatkan imej polis diteruskan dan pasukan polis terus mengorak langkah menuju ke arah profesionalisme. Kepakaran anggota dan penggunaan peralatan yang canggih dapat membendung setiap ancaman yang menggugat masyarakat. Hubungan polis dengan masyarakat dipertingkatkan kerana ia menjadi salah satu ciri penting yang berkaitan dengan peningkatan tahap perkhidmatan atau daya pengeluaran pasukan.⁸

Kini dalam kehidupan sehari-hari nampaknya polis tidak lagi

4 G. Ben Dor 1974. "The Role of The Police In Political Development" dim. *The Police Journal*, XLVII: 2 (April-Jun), hlm. 107-108.

5 Tun Mohd. Haniff Omar 1978. "Institusi Agung Bagi Kepolisan" dim. *Pengaman*, Januari – April, Cawangan Perhubungan Awam Bukit Aman, Kuala Lumpur, hlm. 8.

6 C. Bailey Broker 1976. "Mediator, Patron and Kinsman – An Historical Analysis of Key Leadership Roles in a Royal Malaysian District" *Papers for International Studies Southeast Asia Series*, No. 38, Athens. Ohio University, hlm. 52-57.

7 Dimulakan pada tahun 1960.

8 Tun Mohd. Haniff Omar 1983. Perutusan Hari Polis pada 25 Mac.

mengalami apa-apa masalah besar ketika menjalankan kuasa polis. Soalan yang timbul ialah apakah masyarakat telah benar-benar memahami kuasa polis dan memberikan kerjasama sepenuhnya dalam melaksanakan kuasa tersebut? Pada masa yang sama adakah anggota polis sudah melaksanakan kuasa polis dengan betul tanpa menyeleweng atau menyalahgunakan kuasa? Dan bagaimana tahap keberkesanan pelaksanaan kuasa polis itu? Perbincangan dalam Bab 5 telah dapat menjelaskan persoalan tadi. Namun ia hanyalah berupa kajian daripada persepsi sebahagian masyarakat dan anggota polis sendiri terhadap kuasa polis, pelaksanaan dan keberkesanannya. Banyak faktor lain lagi yang perlu diambil kira sekiranya berkehendakkan hasil kajian yang lebih tepat. Walau bagaimanapun kajian ini sudah cukup untuk mengetahui kedudukan tahap pelaksanaan dan keberkesanan kuasa polis di Malaysia pada masa ini. Barangkali kajian seterusnya boleh dibuat bagi mendapatkan maklumat yang lebih berguna pada masa akan datang.

HASIL KESELURUHAN KAJIAN

Hasil keseluruhan kajian yang telah dinyatakan dalam Bab 5 telah menemukan berbagai-bagai jawapan dan pendapat tentang perkara yang dibangkitkan. Namun begitu pengkaji telah membahagikan hasil kajian kepada tiga bahagian utama, iaitu persepsi terhadap kuasa polis, pelaksanaan kuasa polis dan keberkesanan kuasa polis.

Kebanyakan responden yang terdiri daripada orang ramai berpendapat bahawa masyarakat masih lagi kurang pengetahuan mereka tentang kuasa polis. Sebanyak 82 peratus memilih jawapan "faham tetapi tidak sepenuhnya", dan tidak ada langsung jawapan yang menyatakan masyarakat betul-betul faham tentang kuasa polis. Keputusan kajian ini logik apabila dinilai pada taraf pendidikan masyarakat yang menunjukkan hanya 22 peratus sahaja yang mendapat pendidikan undang-undang yang formal. Manakala 78 peratus lagi terdiri daripada anggota masyarakat yang tidak mendapat pendidikan undang-undang secara formal. Begitu juga hanya 38 peratus sahaja mereka yang telah membaca akta, manakala 62 peratus lagi tidak pernah membaca akta. Pengetahuan tentang kuasa polis hanya akan diperoleh dengan adanya pendidikan formal undang-undang ataupun membaca akta. Jadi, kajian ini menunjukkan dengan jelas bahawa peratus masyarakat yang membaca akta atau mendapat pendidikan formal undang-undang adalah terlalu rendah. Justeru itu majoriti daripada mereka masih tidak memahami sepenuhnya kuasa polis.

Pengetahuan tentang kuasa polis yang mereka ketahui adalah berdasarkan pengalaman dan pemerhatian melalui kehidupan seharian

mereka. Kajian menunjukkan ke semua mereka telah pernah mendapat perkhidmatan polis sama ada secara langsung ataupun tidak langsung. Mereka berpendapat pasukan polis merupakan agensi kerajaan yang penting dan diperlukan oleh masyarakat.

Sementara kajian yang dibuat di kalangan anggota polis pula, kesemua mereka mengetahui kuasa polis. Ini tidaklah menghairankan kerana semua anggota polis telah diberi pengetahuan undang-undang dan mengetahui kuasa mereka ketika menjalani latihan asas dan juga menghadiri kursus sambil bekerja. Mereka juga terpaksa membaca akta-akta bagi tujuan menghadapi peperiksaan undang-undang jabatan, iaitu Peperiksaan Undang-undang Rendah bagi konstabel dan pegawai pangkat rendah. Peperiksaan Undang-undang Menengah bagi Inspektor Percubaan dan Peperiksaan Undang-undang Tinggi bagi Inspektor dan pegawai yang diwartakan. Namun begitu, kebanyakan mereka tidak membaca akta yang tidak termasuk dalam skop peperiksaan mereka seperti Akta Keselamatan Dalam Negeri, Akta Kontrak, Akta Pencegah Rasuah, Akta Pekerja, Akta Perhubungan Perusahaan, Akta Dadah Berbahaya dan lain-lain. Ini bermakna pengetahuan mereka tentang kuasa polis adalah terhad pada akta asas yang membicarakan tentang polis seperti Akta Polis, Kanun Acara Jenayah dan Kanun Keseksaan.

Dalam melaksanakan kuasa polis, masyarakat beranggapan kejujuran polis adalah di peringkat sederhana. Begitu juga keputusan kajian menunjukkan keterangan di mahkamah oleh polis adalah di peringkat sederhana. Persepsi masyarakat terhadap anggota polis ini dipengaruhi oleh berbagai-bagai elemen kurang sihat dan penyelewengan yang dikatakan dilakukan oleh anggota polis. Rata-rata masyarakat beranggapan penyelewengan dan salah guna kuasa memang berlaku dalam pasukan polis ketika melaksanakan kuasa polis. Perbuatan salah guna kuasa polis itu kebanyakannya dilihat sendiri oleh mereka seperti rasuah dan kekerasan polis. Sebanyak 75 peratus responden menyatakan rasuah berlaku dan hanya 5 peratus sahaja yang menyatakan tidak wujud rasuah dan 20 peratus lagi tidak tahu. Begitu juga terdapat anggota masyarakat yang beranggapan bahawa polis menyiksa orang yang disyaki di dalam lokap, iaitu 42 peratus menyatakan polis memukul orang salah, manakala 49 peratus lagi tidak tahu. Namun begitu, ada juga masyarakat yang menyatakan polis memberikan layanan baik di dalam lokap, iaitu 9 peratus.

Pelaksanaan kuasa polis ini dilihat secara negatif oleh sesetengah anggota masyarakat kerana berbagai-bagai penyelewengan dan kekerasan yang dilakukan oleh sebahagian kecil anggota polis. Cawangan Trafik Polis dicatat sebagai cawangan tertinggi yang mengamalkan

rasuah dan diikuti oleh Cawangan Tugas Am. Walaupun ia dilakukan oleh segelintir sahaja anggota polis, namun keseluruhan pasukan polis telah menerima akibatnya, iaitu menerima anggapan negatif daripada masyarakat. Dalam hal ini, kajian juga menunjukkan di kalangan anggota polis sendiri mengakui tentang wujudnya salah guna kuasa, amalan rasuah dan kekerasan polis terhadap orang awam. Namun, mereka beranggapan perbuatan negatif itu hanya dilakukan oleh sebahagian kecil anggota polis sahaja.

Kajian ini memang benar apabila dalam laporan akhbar Cawangan Perhubungan Awam Polis yang mencatatkan hanya 11.93 peratus sahaja berupa penyelewengan polis, berbanding dengan 78.1 peratus kejayaan polis, 5.26 peratus pujian/tahniah/terima kasih terhadap polis dan 4.71 peratus lagi adalah cadangan, saranan dan komen. Hal ini bertambah meyakinkan lagi apabila dilihat statistik laporan penyelewengan dan keganasan polis bagi tahun 1976 hingga 1981, iaitu sebanyak 727 laporan dan 385 daripadanya adalah palsu. Hanya 54 kes dihadapkan ke mahkamah dan daripadanya cuma 17 anggota polis telah disabitkan kesalahan.⁹ Begitu juga jikalau dilihat dari segi peratus tindakan tatatertib terhadap anggota polis yang melakukan kesalahan dan penyelewengan, didapati hanya mencatatkan peratus yang amat rendah berbanding dengan jumlah keseluruhan anggota polis. Bagi tahun 1984 sebanyak 6.34 peratus, tahun 1985 sebanyak 5.0 peratus dan bagi tahun 1986, 4.2 peratus yang diambil tindakan. Sementara tahun 1987 pula, tindakan yang diambil sebanyak 4.18 peratus dan tahun 1988 sebanyak 5.18 peratus. Daripada perangkaan peratusan ini jelas menunjukkan bahawa hanya sebahagian kecil anggota polis yang terlibat dengan penyelewengan kuasa dan elemen negatif. Mungkin kita bolehlah mengaitkan dengan minat anggota polis dalam menjalankan tugas.

Hasil kajian juga menunjukkan bahawa anggota polis memasuki pasukan polis kerana minat (57 peratus), dorongan keluarga (13 peratus), dorongan rakan-rakan (5 peratus) dan sebab tiada pilihan lain (25 peratus). Di sini, sebanyak 25 peratus memasuki polis disebabkan tidak mempunyai pilihan lain dan kemungkinan tidak mempunyai minat terhadap tugas polis. Tugas yang dilakukan tanpa minat tidak akan menghasilkan kejayaan yang sepenuhnya. Di samping itu ia juga akan lebih terdorong pada penyelewengan. Penyalahgunaan kuasa polis tersebut dilakukan oleh anggota polis yang terdiri daripada mereka yang tidak berminat dengan tugas polis, kerana seorang anggota polis yang profesional mestilah mempunyai perasaan yang benar-benar

9 *The Star*, 14 November 1981, hlm. 6.

bertanggungjawab pada pekerjaan dan cinta kepadanya dan perkara lain yang harus dijadikan perkara kedua.¹⁰

Berdasarkan perbincangan di atas telah jelas menunjukkan bahawa sungguhpun penyelewengan elemen negatif masih wujud dalam pasukan polis, namun ia dilakukan oleh sebahagian kecil anggota polis sahaja. Majoriti anggota polis menjalankan tugas dengan baik mengikut kuasa yang ada pada mereka.

Masyarakat secara majoritinya menyatakan kuasa polis tidak bercanggah dengan kepentingan awam dan juga hak asasi manusia. Hanya 31 peratus daripada mereka yang menyatakan kuasa polis bercanggah dengan hak asasi manusia dan 2 peratus menyatakan ia bercanggah dengan kepentingan awam. Begitu juga di kalangan anggota polis, majoritinya mempunyai pendapat yang sama, iaitu kuasa polis tidak bercanggah dengan kepentingan awam dan hak asasi manusia. Hanya masing-masing 2 peratus sahaja yang mengatakan kuasa polis bercanggah dengan hak asasi manusia dan kepentingan awam. Seperti mana perbincangan yang telah dibuat dalam bab yang terdahulu, sungguhpun terdapat beberapa kuasa polis yang menyekat hak asasi manusia tetapi ia semata-mata untuk kepentingan awam dan menjamin keselamatan, keamanan serta kestabilan negara secara keseluruhannya. Tujuan asal kuasa-kuasa yang diberikan kepada polis adalah untuk kebaikan dan kepentingan masyarakat dan negara.

Tentang kuasa budi bicara polis, masyarakat dan anggota polis berpendapat kuasa tersebut memang diamalkan dalam pasukan polis. Budi bicara polis tidaklah disalahgunakan oleh anggota polis. Sebaliknya, kedua-dua pihak bersetuju bahawa kuasa budi bicara polis itu memberikan kesan yang baik pada pelaksanaan kuasa polis demi keadilan dan keamanan negara. Sebanyak 85 peratus masyarakat mengatakan kuasa budi bicara polis memberikan kesan yang baik kepada masyarakat, manakala 13 peratus tidak tahu dan hanya 2 peratus sahaja yang mengatakan budi bicara polis ini akan menimbulkan keadilan kepada masyarakat. 90 peratus daripada mereka menyatakan kuasa budi bicara polis tidak menggugat keadilan responden dan hanya 10 peratus sahaja yang mengatakan keadilan tergugat.

Walau apa pun yang dinyatakan, kuasa budi bicara memang telah diberikan kepada polis dalam menjalankan kuasa. Kuasa budi bicara polis amat luas dan seperti kata Lord Denning dalam kes *R Iwn Metropolitan Police Commissioner*,¹¹ mahkamah tidak akan menghalang daripada

10 Mohd. Reduan Aslie & Mohd. Radzuan Hj. Ibrahim 1984. *Polis Diraja Malaysia: Sejarah, Peranan dan Cabaran*. Kuala Lumpur: Kumpulan Karangkrif Sdn Bhd., hlm. 365-366.

11 Ex. P. Blackburn (no 3), [1973], Q.B. 241.

menjalankan kuasa budi bicara jika ia dilakukan mengikut peraturan yang ditetapkan. Ia juga mestilah tidak wujud unsur-unsur *mala fide*, *ultra vires* dan *arbitrariness*.

Dari segi keberkesanan kuasa polis, masyarakat dan anggota polis sendiri menganggap pelaksanaan kuasa polis telah memberikan kesan di tahap berjaya dan memuaskan. Ini dapat dilihat daripada hasil kajian yang dijalankan ke atas orang ramai dan juga anggota polis. Bagi kuasa menangkap, kajian terhadap orang ramai mendapati majoriti mereka berpendapat ia di tahap berjaya (53 peratus). Begitu juga di kalangan anggota polis mempunyai pendapat yang sama dan mencatatkan sebanyak 73 peratus di tahap berjaya.

Tentang kuasa menyiasat, masyarakat juga beranggapan di tahap berjaya (51 peratus). Sementara kajian di kalangan anggota polis mencatatkan 70 peratus di tahap berjaya. Begitu juga, majoriti masyarakat beranggapan polis berjaya dalam menjalankan kuasa mencegah dan mengesan jenayah (51 peratus), menjaga keamanan dan keselamatan (76 peratus) dan mengekalkan undang-undang dan ketenteraman (55 peratus). Tetapi bagi kuasa pendakwaan, majoriti masyarakat berpendapat di tahap sederhana (47 peratus). Ini berbanding dengan hasil kajian di kalangan anggota polis yang mencatatkan kuasa yang dijalankan berada di tahap berjaya, iaitu mencegah dan mengesan jenayah (72 peratus), menjaga keamanan dan keselamatan (70 peratus) dan mengekalkan undang-undang dan ketenteraman (65 peratus). Bagi kuasa pendakwaan, majoriti anggota polis berpendapat di tahap berjaya, iaitu mencatatkan 73 peratus. Secara keseluruhan kuasa polis memberikan kesan yang memuaskan apabila majoriti masyarakat berpendapat ia di tahap memuaskan (57 peratus), dan anggota polis juga mempunyai pendapat yang sama (76 peratus).

Di samping itu, bagi anggota polis, kuasa polis yang dijalankan oleh mereka tidak menimbulkan kesan negatif dalam kehidupan seharian ataupun dalam konteks hubungan mereka dengan masyarakat di sekeliling. Kajian menunjukkan bahawa pandangan masyarakat terhadap anggota polis masih lagi di tahap yang tinggi (50 peratus). Kesan pekerjaan dalam kehidupan seharian anggota polis adalah baik (95 peratus). Justeru itu, majoriti anggota polis berpuas hati dengan kuasa polis yang ada pada mereka (84 peratus) dan kuasa polis yang ada dalam akta sudah mencukupi (63 peratus) dan tidak perlu ditambah atau dikurangkan lagi.

Sementara itu, dalam kajian terhadap faktor statistik kes yang dilaporkan dan kes selesai, peratusan kes selesai masih di tahap yang rendah. Bagi tahun 1985 kes selesai ialah 11.4 peratus, tahun 1986 sebanyak 11.7 peratus dan bagi tahun 1987 ialah 13.8 peratus. Begitu

juga dalam kes-kes besar seperti bunuh dan rogol, peratus kes selesai adalah tinggi sehingga hampir mencapai seratus peratus. Sebagai contoh, dalam kes rogol bagi tahun 1987, kes selesai ialah 79 peratus, tahun 1988 ialah 80 peratus dan bagi tahun 1989 mencapai 92 peratus. Seperti juga perbincangan yang dibuat dalam Bab 5 menunjukkan bahawa keberkesanan kuasa polis tidaklah boleh dinilai daripada peratus statistik kes selesai sahaja kerana ia banyak melibatkan faktor lain seperti keupayaan jabatan lain yang turut berhubung kait dengan tugas tersebut. Bagaimanapun, perkara yang jelas dapat dilihat ialah tentang keadaan keselamatan, keamanan dan kestabilan negara yang terjamin di samping kejayaan polis mematahkan segala macam ancaman dan cabaran yang boleh menggugat keadaan tersebut. Dengan itu bolehlah ditegaskan bahawa keberkesanan kuasa polis adalah di tahap baik dan memuaskan.

Sebagai kesimpulannya, daripada keputusan kajian dan perbincangan di atas jelas menunjukkan bahawa pelaksanaan kuasa polis telah memberikan kesan yang baik dan memuaskan di kalangan masyarakat. Kuasa polis telah berjaya mewujudkan keamanan, keselamatan dan kestabilan masyarakat dan negara secara keseluruhannya.

CADANGAN

Daripada perbincangan dalam bab-bab yang lalu jelaslah bahawa kuasa polis dalam akta memberikan kesan yang baik untuk mengekalkan keamanan dan keselamatan masyarakat dan negara. Namun terdapat beberapa peruntukan yang dirasakan perlu dipinda bagi menjamin keadilan serta melicinkan lagi pelaksanaan kuasa polis.

Aspek pemeriksaan terhadap orang yang disyaki terlibat dalam sesuatu kes jenayah dan pemeriksaan saksi, peruntukan undang-undang dalam memberi maklumat kepada polis, kuasa khas penyiasatan polis, kuasa mahkamah menyimpan barang kes, peruntukan tahunan untuk menyiapkan penyiasatan dan lain-lain adalah antara cadangan yang dikemukakan di sini. Dengan adanya pindaan terhadap peruntukan undang-undang ini diharapkan masalah tersebut akan dapat diatasi. Cadangan pindaan adalah sebagaimana di bawah ini.

Seksyen 13 Kanun Acara Jenayah

Semasa melaksanakan kuasa polis terutamanya dalam penyiasatan, polis memerlukan maklumat yang berkaitan daripada orang ramai. Seksyen 13 Kanun Acara Jenayah menyebutkan bahawa orang ramai dikehendaki memberikan maklumat kepada polis bagi kesalahan yang disenaraikan dalam seksyen kecil 1E, iaitu:

Berkenaan dengan berlakunya atau niat mana-mana juga orang lain hendak melakukan sebarang kesalahan yang boleh dihukum di bawah mana-mana seksyen Kanun Keseksaan seperti berikut: 121, 121A, 121B, 121C, 122, 123, 124, 125, 125A, 130, 143, 144, 145, 147, 148, 302, 304, 307, 308, 363, 364, 366, 367, 368, 369, 382, 384, 385, 386, 387, 388, 389, 392, 393, 394, 395, 396, 397, 399, 402, 435, 436, 449, 450, 456, 457, 458, 459 dan 460, dan (b) sebarang kematian mengejut atau yang luar biasa atau kematian disebabkan perbuatan keganasan atau kematian yang di dalam keadaan yang disyaki, atau terjumpa mayat mana-mana orang tanpa diketahui sebab-sebab kematiannya.¹²

Ini bermakna orang ramai dikehendaki memberikan maklumat atas kesalahan yang disenaraikan dalam seksyen 13 (1) (a) dan (b) Kanun Acara Jenayah. Sungguhpun demikian dalam arus pemodenan dan pembangunan negara pada zaman mutakhir ini, ancaman jenayah adalah lebih sukar untuk dikesan. Negara sedang menghadapi berbagai-bagai ancaman seperti jenayah perdagangan dan melibatkan penggunaan peralatan moden yang canggih dan mempunyai pertalian antarabangsa. Justeru itu, seksyen 13 Kanun Acara Jenayah wajarlah dipinda dengan memasukkan juga jenayah perdagangan di dalamnya, iaitu seksyen-seksyen 407 (pecah amanah jenayah), 420 (tipu), 403 (salah guna wang atau harta) dan lain-lain.

Dengan adanya pindaan ini dan dengan memasukkan seksyen-seksyen berkenaan jenayah perdagangan, diharapkan orang ramai yang mempunyai maklumat tentang jenayah tersebut akan tampil memberi sokongan serta kerjasama kepada polis sehingga jenayah itu dapat diselesaikan melalui penyiasatan polis.

Seksyen 112 Kanun Acara Jenayah

Seksyen ini tentang pemeriksaan polis terhadap saksi secara lisan dan polis mestilah mencatatkan secara bertulis apa-apa pertanyaan yang dibuat terhadap saksi tersebut. Bagaimanapun, semasa pemeriksaan dibuat, saksi itu boleh menolak daripada menjawab soalan-soalan yang dikemukakan oleh polis kepadanya jika akan menyebabkan ia dibabitkan pada suatu tuduhan jenayah atau penalti ataupun perlucutan hak.¹³ Pengecualian ini akan menyebabkan orang yang diperiksa itu tidak mahu bercakap atau menjawab apa-apa soalan yang dikemukakan oleh polis terhadapnya. Ini akan menyukarkan penyiasatan polis dan akan menyebabkan maklumat penting tidak diperolehi daripada orang yang diperiksa.

¹² Seksyen 13, Kanun Acara Jenayah

¹³ Seksyen 112(ii), Kanun Acara Jenayah

Bagi mengelakkan ketidakberkesanan kuasa polis dalam penyiasatan terhadap saksi, dicadangkan supaya peruntukan tersebut dipinda dan mewajibkan orang yang diperiksa menjawab semua soalan yang dikemukakan oleh polis. Dengan ini diharapkan kuasa penyiasatan polis dapat dijalankan dengan lebih berkesan.

Walau bagaimanapun, cadangan ini bukanlah mudah untuk dilaksanakan kerana terdapat pertentangan yang nyata antara kepentingan individu dengan kepentingan masyarakat. Undang-undang mengizinkan hak individu untuk berdiam diri daripada menjawab soalan yang difikirkan boleh mendatangkan keburukan atau menyebabkan kemudaratan kepada individu itu sendiri. Namun di satu pihak lain, polis memerlukan individu itu memberikan maklumat yang diketahuinya supaya membolehkan kes yang disiasat diselesaikan. Justeru itu di samping cadangan yang merupakan obligasi perundangan ini dilaksanakan, obligasi moral juga perlulah diterapkan di kalangan anggota masyarakat. Perancangan yang teliti untuk menarik minat masyarakat bekerjasama dan memahami tugas polis perlu dilakukan. Begitu juga pelaksanaan cadangan ini mestilah dibuat hanya terhadap orang yang benar-benar disyaki mempunyai maklumat yang dikehendaki oleh polis tanpa menghadapi unsur-unsur *mala fide* dalam pelaksanaan peruntukan cadangan ini. Dengan perkataan lain, pihak polis mestilah menentukan tidak ada penganiayaan terhadap orang ramai semasa menguatkuasakan peruntukan cadangan ini.

Seksyen 108 Kanun Acara Jenayah

Bagi menjalankan kuasa-kuasa khas penyiasatan polis dalam kes kesalahan yang tidak boleh ditangkap, undang-undang menetapkan anggota polis berpangkat Sarjan atau Ketua Polis Balai dan ke atas sahaja yang boleh menjalankan kuasa tersebut.¹⁴ Perbincangan tentang kuasa-kuasa khas penyiasatan ini telah dibincangkan dalam Bab 4. Bagaimanapun kerana keadaan semasa, maka dicadangkan kuasa-kuasa khas penyiasatan polis diberi kepada konstabel dan ke atas.

Cadangan ini berdasarkan sebahagian besar konstabel polis terdiri daripada mereka yang mempunyai kelayakan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) ataupun Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM). Dengan kelayakan akademik itu dan ditambah lagi dengan pengalaman serta latihan kepolisan sudah tentu mereka dapat menjalankan tugas-tugas penyiasatan dengan berkesan.

Di samping itu pula dalam kebanyakan kes konstabel polis yang

14 Seksyen 108(iii), Kanun Acara Jenayah

mula-mula sekali sampai di tempat kejadian. Mereka juga anggota polis yang paling hampir dan banyak bergaul dengan masyarakat. Sekiranya mereka diberi kuasa menjalankan penyiasatan, sudah tentu akan lebih mempercepatkan proses penyiasatan dan mendapatkan maklumat penting yang berkaitan dengan kes. Sekali gus ia juga akan lebih memberi kesan kerana dapat mengelakkan kehilangan barang bukti yang berpunca daripada kelewatan pegawai penyiasat polis tiba di tempat kejadian.

Seksyen 407 Kanun Acara Jenayah

Seksyen ini memberi kuasa kepada mahkamah untuk mengimpau mana-mana harta atau dokumen (barang kes) selepas atau pada masa tamatnya perbicaraan di mahkamah. Ini bermakna sebelum perbicaraan selesai, "barang kes" itu dalam simpanan polis.

Dalam setengah-setengah kes, penyimpanan "barang kes" ini menimbulkan masalah kepada pihak polis. Ini disebabkan jika kesilapan pada "barang kes" atau terdapat kecacatan atau kehilangan barang kes itu akan menyebabkan kes tidak dapat dibicarakan. Dalam kebanyakan kes seperti ini, mahkamah akan bertindak membuang kes atau membebaskan orang yang dituduh. Sebagai contoh, sebuah kereta yang disyaki terlibat dengan kes curi telah diletakkan dalam simpanan polis sementara menanti hari perbicaraan. Sekiranya terdapat kerosakan atau kehilangan pada kereta itu, pihak polis akan bertanggungjawab dan sekali gus melemahkan pihak pendakwa di mahkamah.

Dari sudut lain, jika kereta itu hanya disyaki terlibat tetapi selepas perbicaraan dijalankan, mahkamah memutuskan bahawa orang dituduh tidak bersalah dan kereta itu tidak digunakan, maka jelas menimbulkan kerugian di pihak tuan punya kereta. Kerugian itu tidak boleh diganti oleh pihak yang mendakwa.

Berdasarkan perbincangan di atas dicadangkan supaya seksyen ini dipinda bagi membolehkan sesetengah "barang kes" yang difikirkan munasabah oleh majistret diletakkan di bawah kawalan tuan punya dan hendaklah diikat jamin supaya mengemukakan "barang kes" itu di hadapan mahkamah pada hari perbicaraan.

Cadangan ini bagi menyenangkan polis dan juga demi keadilan kepada tuan punya barang kes tersebut. Walau bagaimanapun tidak semua barang kes dapat dimasukkan di bawah cadangan ini. Sebaliknya terdapat juga keadaan tertentu "barang kes" terpaksa diletakkan di bawah kawalan atau simpanan polis bagi mengelak bukti penting pada "barang kes" itu dihilangkan. Dalam hal ini budi bicara polis dan majistret mestilah dibenarkan bagi menilai kategori "barang kes" yang layak diletakkan di bawah simpanan polis ataupun tidak.

Seksyen 117 Kanun Acara Jenayah

Seksyen ini merupakan budi bicara yang luas diberikan oleh undang-undang kepada polis bagi menyiapkan penyiasatan terhadap kes yang disiasat. Seperti diputuskan oleh Hakim Suffian dalam kes *Ooi Ah Phua lwn OCCl Kedah/Perlis*.¹⁵ Polis mempunyai budi bicara yang luas dalam menjalankan penyiasatan di bawah seksyen ini.

Oleh sebab kuasa budi bicara polis yang luas dalam seksyen ini, maka telah banyak kritikan, tohmahan dan rungutan daripada masyarakat terhadap pelaksanaan kuasa tersebut oleh anggota polis. Mereka sering mendakwa kuasa budi bicara itu telah diseleweng dan disalahgunakan oleh polis. Kerap kali pula polis didakwa melakukan kekerasan terhadap orang yang ditahan, menahan orang dengan sewenang-wenangnya, dan sebagainya. Namun begitu pihak polis menafikan penyelewengan dan penyalahgunaan kuasa tersebut. Sebaliknya menyatakan adanya seksyen 117 akan lebih berkesan dalam penyiasatan dan seterusnya menyelesaikan kes yang disiasat. Mengikut polis lagi, mungkin ada satu atau dua kes penyelewengan anggota polis di bawah seksyen ini, tetapi penyelewengan itu segera dibendung dan pegawai polis yang terbabit dikenakan tindakan yang setimpal termasuklah dihadapkan ke muka pengadilan.

Walau apa pun yang dinyatakan oleh kedua-dua pihak, dicadangkan majistret mestilah berhati-hati menggunakan budi bicaranya bagi memastikan tidak berlaku penyelewengan dalam menguatkuasakan seksyen ini oleh pihak polis. Pemeriksaan yang lebih ketat terhadap alasan penahanan dan penyiasatan polis hendaklah dibuat supaya keadilan dapat ditegakkan. Pada masa yang sama dapat melindungi orang yang tidak berdosa daripada dinafikan haknya dan dilakukan kekejaman atau kezaliman ke atas dirinya.

Seksyen 173A dan 294 Kanun Acara Jenayah

Ketika menjalankan kuasa polis sama ada kuasa menangkap, menyiasat atau menggeledah, polis sering kali diancam oleh keadaan bahaya sehingga kadang-kadang boleh menggugat nyawa. Sering juga penjenayah bertindak secara agresif dengan melepaskan tembakan liar ataupun melakukan perbuatan yang menyusahkan pegawai polis yang terlibat. Namun begitu apabila ditangkap, penjenayah akan menggunakan haknya seperti dalam perlembagaan negara¹⁶ untuk menggunakan

15 [1975] 2 MLJ 198.

16 Perkara 5, Perlembagaan Malaysia.

khidmat peguam dan mencari "lacuna" dalam undang-undang atau mencari kesalahan teknik pihak polis bagi membebaskan diri mereka. Ada juga penjenayah yang dapat menarik simpati mahkamah dengan mengemukakan alasan bahawa dia melakukan kesalahan kali pertama.

Seksyen 173A dan 294 Kanun Acara Jenayah telah memberikan kuasa budi bicara yang luas kepada mahkamah termasuk mengetepikan hukuman yang dijatuhkan dengan meringankan hukuman ataupun membebaskan penjenayah yang disabitkan itu sama ada dengan bersyarat ataupun tanpa syarat. Jika penjenayah itu dibebaskan, biasanya penjenayah yang *hard core* akan mengulangi semula perbuatan jenayah itu. Justeru itu polis akan sentiasa dibeban dengan masalah jenayah yang berpunca daripada penjenayah yang dibebaskan oleh mahkamah mengikut seksyen 173A dan 294 ini.

Selain itu, ada juga kes jenayah perdagangan yang mahkamah menggunakan seksyen 173A dan 294 bagi menjatuhkan hukuman. Hukuman yang lebih ketat dan lebih tinggi seharusnya dikenakan kepada penjenayah tersebut berdasarkan jumlah wang yang terlibat dalam kes berkenaan.

Di samping itu, dicadangkan mahkamah menggunakan seksyen 173A dan 294 dengan lebih berhati-hati, agar penjenayah tidak dibebaskan dengan mudah dan membiarkan ia hidup senang atas hasil yang diperolehi daripada aktiviti jenayahnya.

Seksyen 27 Akta Polis

Seksyen 27 Akta Polis telah memberikan kuasa mengawal selia perhimpunan, perjumpaan dan perarakan di tempat awam kepada polis. Ketua Polis Daerah boleh mengeluarkan lesen kepada pihak penganjur setelah permohonan dibuat dengan mengenakan syarat-syarat tertentu. Begitu juga seksyen 27A, polis diberi kuasa menghentikan aktiviti tertentu yang diadakan di tempat selain daripada di suatu tempat awam.

Sementara seksyen 27(8) telah menetapkan jika disabitkan sesuatu kesalahan di bawah seksyen ini boleh dikenakan denda tidak kurang daripada dua ribu ringgit tetapi tidak lebih daripada sepuluh ribu ringgit dan hukuman penjara selama tempoh tidak melebihi satu tahun. Ini bermakna hukuman penjara mandatori dikenakan kepada orang yang telah disabitkan kesalahan tersebut. Sehubungan dengan ini seksyen 27 (8A) telah menghentikan kuasa budi bicara mahkamah di bawah seksyen 173A dan 294 Kanun Acara Jenayah, iaitu kuasa budi bicara mahkamah melepaskan secara bersyarat atau meringankan hukuman orang yang telah disabitkan kesalahan.

Dalam hal ini, seksyen 27 Akta Polis dirasakan terlalu ketat dengan mengenakan hukuman mandatori penjara kepada orang yang disabitkan

kesalahan. Sebagai contoh, jika seorang ahli politik secara *bona fide* berada di tempat perarakan, perhimpunan demonstrasi atau perjumpaan yang tidak mematuhi akta ini dan dia tertangkap, apabila disabitkan kesalahannya dia akan dihukum dengan hukuman penjara mandatori seperti dinyatakan dalam seksyen 27(8). Dan hukuman yang terlalu ketat ini tentulah tidak memberikan keadilan kepada yang terlibat.

Dalam tempoh beberapa tahun yang lampau boleh dikatakan keseluruhan parti pemerintah telah mengadakan perhimpunan dan demonstrasi perarakan. Pada tahun 1986 sebanyak 27 demonstrasi telah diadakan dan di sepanjang tahun 1987 sebanyak 88 demonstrasi telah dibuat.¹⁷ Pecahan demonstrasi parti-parti politik bagi tahun 1986 dan 1987 adalah seperti dalam Jadual 6.1.

Oleh yang demikian, dicadangkan peruntukan penjara mandatori ini dipinda dengan hukuman yang lebih ringan (bukan penjara mandatori) serta mengembalikan kuasa budi bicara mahkamah bagi mensabitkan hukuman ke atas pesalah. Ini adalah untuk menjamin keadilan atau *natural justice*. Pindaan terhadap seksyen 27(8) ini dirasakan lebih adil dengan mengenakan hukuman yang lebih ringan serta tertakluk kepada kuasa budi bicara mahkamah mengikut merit sesuatu kes. Sekiranya penjara mandatori ditetapkan sudah tentulah akan menimbulkan ketidakadilan sungguhpun tujuan asalnya untuk mengekalkan keamanan dan keselamatan negara.

Dengan mengenakan hukuman denda dan memberikan kuasa budi bicara kepada mahkamah menentukan hukuman, sudah tentu hukuman dapat dijatuhi mengikut keadaan merit sesuatu kes dan juga daripada aspek kepentingan awam.

Jadual 6.1 Parti-parti politik yang menganjurkan demonstrasi 1986 – 1987

Parti	1986	1987
DAP	4	56
UMNO	4	13
PAS	5	8
MCA	6	5
PSRM	8	4
MIC	–	2
Jumlah	27	88

Sumber: Kertas Putih, Kementerian Dalam Negeri, 1988.

17 *Dewan Masyarakat*, Mac 1988, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, hlm. 59.

Undang-undang merampas balik wang hasil jenayah (*money laundering*)

Jenayah perdagangan merupakan ancaman baru negara yang dilakukan oleh penjenayah pintar dengan cara yang moden. Di Malaysia bagi sepanjang tahun 1989 sahaja terdapat 4500 kes yang dilaporkan yang melibatkan sejumlah RM130 juta.¹⁸ Perangkaan kes ini meningkat dari setahun ke setahun. Justeru untuk membendung kegiatan jenayah perdagangan daripada menular dalam masyarakat kita, dicadangkan supaya dibentuk undang-undang yang membolehkan harta penjenayah dirampas seperti pindaan Akta Dadah Berbahaya 1952.

Cadangan ini selaras dengan pendapat Dr. Barry Rider daripada University of Cambridge ketika berucap tentang *Organised Crime and Money Laundering* di Maktab Jabatan Siasatan Jenayah Polis di Kuala Lumpur pada 10 April 1990. Menurut beliau, undang-undang tersebut perlu dibuat bagi menyekat aktiviti *money laundering*, apatah lagi jika ia dilakukan oleh sindiket yang mempunyai pertalian antarabangsa. Kata-nya:

Pindaan undang-undang mestilah juga menghukum bank-bank dan institusi kewangan yang mempunyai transaksi dengan jenayah terancang yang diketahui.¹⁹

Cadangan ini membolehkan segala harta penjenayah yang diperoleh daripada hasil aktiviti jenayahnya dirampas dan ia adalah cara yang paling berkesan menghalang penjenayah mengaut untung daripada hasil pekerjaan jahatnya itu selepas menjalani hukuman penjara yang dikenakan. Cadangan ini juga membolehkan si mangsa dipampas atas kerugian dan kerosakan yang dialami akibat kejadian jenayah yang dilakukan terhadapnya.

PENUTUP

Perbincangan tentang polis sebagai salah satu subsistem dalam Sistem Keadilan Jenayah di Malaysia dan persepsi orang ramai serta anggota polis terhadap kuasa polis, pelaksanaan dan keberkesanan jelas menampakkan peranan polis yang begitu penting dalam masyarakat Malaysia. Ia merupakan satu sistem dalam sistem masyarakat yang lebih luas²⁰ dan

18 *The Star*, 11 April 1990, hlm. 15.

19 *Ibid*.

20 Chamelin, Fox Whisenand 1975. *Introduction to Criminal Justice*. New Jersey: Prentice-Hall Inc., hlm. xi.

bertindak sebagai subsistem yang paling banyak berhubung dengan masyarakat berbanding dengan subsistem lain yang wujud dalam Sistem Keadilan Jenayah di Malaysia.

Sungguhpun terdapat berbagai-bagai persepsi orang ramai terhadap anggota polis sama ada positif atau negatif, namun secara keseluruhannya tahap pelaksanaan dan keberkesanan kuasa polis masih tinggi, iaitu pada tahap baik dan memuaskan. Walaupun terdapat elemen-elemen negatif yang dilakukan oleh segelintir anggota polis, namun masyarakat *prima facie* menyedari bahawa ia bukanlah mencerminkan keseluruhan pasukan polis. Ia hanya perbuatan *black sheep*,²¹ *bad cops*,²² dan "anggota yang tidak sempurna"²³ yang jumlahnya hanya sedikit berbanding dengan keseluruhan pasukan polis. Polis juga perlu meningkatkan lagi tahap profesionalisme supaya kuasa polis dapat dijalankan dengan sempurna.²⁴ Pada umumnya juga masyarakat memberikan kerjasama kepada polis dalam memerangi jenayah dan juga anasir subversif. Kedudukan polis daripada pandangan masyarakat masih lagi tinggi dan dianggap institusi penting yang memberikan perkhidmatan kepada mereka serta menjaga keamanan dan keselamatan negara.

Kuasa-kuasa polis yang ada dalam akta sudah mencukupi, tetapi untuk selaraskan dengan perkembangan dunia moden beberapa undang-undang perlu ditambah atau dipinda seperti undang-undang berkenaan jenayah perdagangan, dan sebagainya. Namun rata-rata masyarakat dan anggota polis berpendapat kuasa polis itu sudah pun mencukupi, tetapi pelaksanaan kuasa polis dan hubungan dua hala antara masyarakat dengan polis perlulah ditingkatkan. Maklumat yang betul disampaikan kepada masyarakat akan mempercepatkan lagi proses hubungan dua hala yang berkesan. Tetapi sebaliknya jika maklumat itu tidak tepat, boleh menimbulkan masalah kepada pihak yang terlibat. Dalam hal ini, Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad menyuarakan kebimbangannya apabila rakyat mengambil sikap negatif terhadap polis yang berpunca daripada penyampaian maklumat yang salah. Menurut beliau, rakyat tidak akan menikmati kehidupan yang aman jika tugas-tugas polis dicabuli dan tidak dihargai lagi. Katanya:

Bagaimanapun, oleh kerana berlakunya apa yang dipanggil penyampaian maklumat yang kurang tepat kepada rakyat, akhirnya yang dipandang sebagai jahat ialah polis, kononnya tidak berperikemanu-

21 *National Echo*, 6 Februari 1982, hlm. 3.

22 *Asia Week*, 4 September 1981, hlm. 14.

23 *New Straits Times*, 3 Ogos 1978, hlm. 9.

24 Teguran Hakim Dato' Shaik Hj. Ismail tentang "Pelaksanaan Kuasa Polis" perlu diambil perhatian. Lihat *Utusan Malaysia*, 30 Januari 1991, hlm. 16.

siaan dengan mengambil tindakan tanpa mengira nyawa manusia. Malangnya kita cuma akan menghargai keamanan apabila keamanan itu sendiri sudah ada masalah seperti kita menghargai udara tatkala udara itu sendiri sudah tercemar untuk kita bernafas.²⁵

Sehubungan dengan ini juga, pasukan polis perlulah merancang bagaimana meningkatkan pelaksanaan kuasanya, di samping dari sudut yang lain ia tidak menindas atau menzalimi masyarakat. Ia mestilah ada perseimbangan antara kepentingan masyarakat umum dalam mengawal penjenayah dengan kebebasan individu serta kesejahteraan masyarakat.²⁶ Namun amatlah mustahil untuk memuaskan hati semua pihak yang masing-masing mendakwa memperjuangkan hak asasi. Seperti kata Jawaharlal Nehru:

Adalah penting bila mana anda memperjuangkan sesuatu keadilan asasi, bila mana anda memulihkan ketidakadilan jangan sekali-kali memulihkan ketidakadilan dengan menambahkan lagi ketidakadilan. Kita tidak mahu semua orang menderita. Tetapi tidak dapat tidak di dalam perubahan sosial yang besar sebahagian orang harus menderita.²⁷

Pihak polis mestilah melaksanakan kuasa-kuasa polis itu secara *bona fide*, mengikut peraturan undang-undang yang telah ditetapkan. Di samping itu kuasa budi bicara polis digunakan dalam keadaan tertentu bagi menjamin keadilan, keberkesanan dan kelicinan tugas yang dilakukan. Pengamalan kedaulatan undang-undang melalui kuasa yang ada pada polis sebenarnya dapat menjamin hak-hak asasi individu dan kepentingan negara.²⁸

Daripada hasil kajian ini telah jelas memperlihatkan bahawa masyarakat sudah dapat merasakan pentingnya kuasa polis dalam usaha menegakkan keamanan, keselamatan dan ketenteraman negara. Mereka mengakui tugas polis telah dapat dijalankan dengan baik dan memuaskan. Baik kuasa-kuasa menangkap, menyiasat, mencegah dan mengesan jenayah, menjaga keamanan dan keselamatan ataupun kuasa-kuasa mengekalkan undang-undang dan ketenteraman. Majoriti daripada mereka berpendapat tahap keberkesanan adalah di peringkat baik dan memuaskan. Hasil kajian ini telah memberikan gambaran bahawa

25 *Utusan Malaysia*, 6 Disember 1990, hlm. 2.

26 *New Straits Times*, 16 November 1989, hlm. 10.

27 Terbitan Tak Berkala Jilid 2/1990 Fakulti Undang-undang UKM, hlm. 83.

28 Tun Mohd. Haniff Omar 1991. "Peranan Undang-undang dalam Membentuk dan Mencapai Integrasi Nasional di Malaysia – dari Perspektif Penguat Kuasa Undang-undang". Kertas Seminar Tahunan Undang-undang dan Masyarakat ke-IV anjuran PERUNDANG pada 5 Januari, hlm. 25.

imej polis telah dapat ditingkatkan dan sekali gus menonjolkan penerimaan serta kepercayaan orang ramai terhadapnya. Dari sudut yang lain, kejayaan pasukan polis adalah melalui beberapa pendekatan dan konsep kepolisannya yang bukan sahaja adil dan saksama, tetapi profesional dan yang sentiasa menegakkan kepatuhan undang-undang atau *upholding rule of law* tanpa mengira agama, kaum dan keturunan seperti yang termaktub dalam Perlembagaan Malaysia. Kejayaan polis menjadi satu realiti kerana kemampuan polis sebagai sebuah agensi kerajaan yang sentiasa memodenkan pendekatan dan konsepnya sejajar dengan cabaran masa lampau dan masa kini.²⁹

Walau bagaimanapun masih banyak perkara yang perlu dibaiki dan ditingkatkan lagi oleh polis sama ada dari segi pelaksanaan kuasa polis atau tugas seharian. Polis mestilah membuat perancangan yang menyeluruh agar tahap keberkesanan pelaksanaan kuasa polis ini dapat dikekalkan dan ditingkatkan hingga ke tahap yang terbaik pada masa hadapan.

Keberkesanan pelaksanaan kuasa polis di tahap baik dan memuaskan ini juga memberi gambaran bahawa Sistem Keadilan Jenayah di Malaysia telah berjalan dengan baik seperti yang diharapkan. Namun setiap subsistem yang ada dalam Sistem Keadilan Jenayah ini mestilah terus berusaha membaiki dan meningkatkan keupayaan masing-masing agar ia berjalan seiring dan selaras dengan matlamat Sistem Keadilan Jenayah secara keseluruhannya. Perlulah ditegaskan, sekiranya terdapat kepincangan atau kelemahan dalam satu subsistem sahaja, maka keseluruhan Sistem Keadilan Jenayah akan turut terjejas. Justeru itu, subsistem seperti polis, mahkamah dan pendakwaan serta penjara dan pemulihan perlulah mencari pendekatan yang lebih ke hadapan (*advanced approach*) selaras dengan peredaran dan perkembangan mutakhir yang semakin mencabar.

Bagi anggota polis, mereka juga mestilah sedar bahawa mereka adalah sebahagian daripada masyarakat. Justeru itu sebarang tugas yang dijalankan mestilah lahir daripada hati yang ikhlas, jujur dan penuh bertanggungjawab. Barangkali mereka harus merenungi ungkapan di bawah ini dalam mewujudkan kesedaran mereka semasa bertugas:

Polis tidak perlu memberitahu orang ramai tentang nilainya kepada masyarakat. Mereka mengetahuinya. Dia tidak perlu membuktikan yang dia mempunyai kuasa. Masyarakat memberinya kuasa untuk menyelesaikan masalah mereka dan dia adalah seorang yang profesional. Dia di situ bukan sahaja untuk menguat kuasa undang-undang terhadap

29 *Ibid.*, hlm. 33.

masyarakat. Dia di situ untuk menjaga keamanan, melindungi nyawa dan harta mereka. Itulah sebabnya mengapa dia diberi kerja dan kuasa.³⁰

Akhirnya, kajian ini yang dibuat dalam keadaan yang amat terhad telah memberikan jawapan kepada persoalan yang dikemukakan. Untuk mendapatkan gambaran yang lebih terperinci kajian yang menyeluruh bolehlah dibuat pada masa hadapan bagi faedah dan kepentingan pasukan polis dan masyarakat secara keseluruhannya.

30 *Pengaman*, Januari – April 1978, Cawangan Perhubungan Awam Bukit Aman, Kuala Lumpur, hlm. 39.

LAMPIRAN A

AKTA POLIS, 1967 (AKTA 344) (HINGGA 5HB JANUARI 1994)

Suatu akta berhubungan dengan organisasi disiplin, kuasa-kuasa dan tugas-tugas Polis Diraja Malaysia dan perkara-perkara yang bersampingan dengannya.

[29 Ogos 1967]

(P.u. 385A/67)

MAKA INILAH DIPERBUAT UNDANG-UNDANG oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Rakyat yang ber-sidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripadanya, seperti berikut:

BAHAGIAN I PERMULAAN

1. Tajuk ringkas dan pemakaian

- (1) Akta ini bolehlah dinamakan Akta Polis* 1967, dan terpakai di seluruh Malaysia.
- (2) *(Ditinggalkan)*.

* Akta ini disemak sehingga 1 September 1988 dan disiarkan sebagai Undang-undang Malaysia Akta 344. Akta disemak ini dikuatkuasakan pada 6 Oktober 1988.

Akta ini telah diubahsuai dan diperluaskan untuk dipakai bagi Wilayah Persekutuan Labuan melalui perintah Wilayah Persekutuan Labuan (Pengubahsuaian Akta Polis) 1985 [P.A. (A)197/85], dibuat di bawah seksyen 6(3) Akta Perlembagaan (Pindaan) (No. 2) 1984 (Akta A585). Lihat Lampiran.

BAHAGIAN II TAFSIRAN

2. Tafsiran

(1) Dalam akta ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain:

[*Pin. Akta A 516*]

"Amunisi" ertinya amunisi untuk apa-apa senjata dan meliputi granat, bom dan misil-misil lain yang serupa sama ada boleh digunakan dengan senjata atau tidak, dan sesuatu amunisi yang mengandungi, atau direka bentuk atau dipadankan untuk mengandungi, apa-apa cecair, gas atau benda-benda lain yang berbahaya;

"Daerah Polis" atau "Bahagian Polis" ertinya mana-mana kawasan yang ditetapkan sebagai demikian oleh Ketua Polis Negara di bawah seksyen 6(b) dan kecuali dan sehingga kawasan itu telah ditetapkan, ertinya mana-mana kawasan yang dijadikan atau diiktirafkan sebagai daerah polis atau bahagian polis pada masa Akta ini mula berkuat kuasa;

"Ketua Pegawai Polis" ertinya seseorang pegawai polis yang diberi kuasa oleh Ketua Polis Negara mengawal Polis Diraja Malaysia mengenai mana-mana kawasan atau negeri di bawah seksyen 6 dan yang ditetapkan sebagai demikian oleh Ketua Polis Negara;

"Ketua Polis Negara" ertinya Ketua Polis Negara yang dilantik di bawah seksyen 5;

"Konstabel" ertinya seseorang pegawai polis yang berpangkat rendah daripada Koperal dan termasuk seseorang rekrut;

"Menteri" ertinya Menteri yang bertanggungjawab bagi polis;

"Pegawai Kanan Polis" ertinya seseorang pegawai polis daripada apa-apa pangkat dan termasuk Ketua Polis Negara ke bawah hingga dan termasuk seseorang Inspektor dalam percubaan;

"Pegawai Memerintah" ertinya seseorang pegawai polis yang diberi kuasa oleh Ketua Polis Negara mengawal Polis Diraja Malaysia mengenai mana-mana negeri, kawasan, tempat, formasi atau daerah polis di bawah seksyen 6 dan ditetapkan sebagai demikian oleh Ketua Polis Negara;

"Pegawai Polis" ertinya seseorang anggota Polis Diraja Malaysia;

"Pegawai Rendah Polis" ertinya seseorang pegawai polis daripada apa-apa pangkat dari dan termasuk seseorang Sub-Inspektor ke bawah hingga dan termasuk seseorang Koperal;

"Pesuruhjaya" ertinya Pesuruhjaya Polis yang dilantik di bawah seksyen 5;

"Senjata" termasuk amunisi;

"Timbalan Ketua Polis Negara" ertinya Timbalan Ketua Polis Negara yang dilantik di bawah seksyen 5.

(2) Apa-apa rujukan dalam Akta ini dan mana-mana undang-undang bertulis yang lain kepada seorang pegawai polis yang berpangkat tertentu hendaklah termasuk mana-mana pegawai polis yang sedang memangku, atau dalam percubaan atau dalam latihan, dalam pangkat sedemikian dan subseksyen ini hendaklah disifatkan sebagai bahagian yang melengkapkan bagi Akta ini dari masa Akta ini mula berkuat kuasa.

[Ditambah Akta A516]

BAHAGIAN III POLIS DIRAJA MALAYSIA

3. Keanggotaan Pasukan Polis

(1) Semua orang yang sebelum sahaja Akta ini mula berkuat kuasa adalah anggota-anggota Polis Diraja Malaysia yang ditubuhkan di bawah Akta Polis Diraja Malaysia 1963, hendaklah apabila akta ini mula berkuat kuasa menjadi anggota-anggota Polis Diraja Malaysia di bawah Akta ini (kemudian daripada ini disebut sebagai "Pasukan") dengan pangkat yang bersamaan dan sifat yang bersamaan.

(2) Tiap-tiap orang yang tersebut dahulu hendaklah diambil kerja atas terma-terma dan syarat-syarat yang sama yang dipakai bagi mereka sebelum sahaja Akta ini mula berkuat kuasa.

(3) Tertakluk kepada Akta ini, Pasukan hendaklah diguna khidmat di dalam dan di seluruh Malaysia (termasuk perairan wilayahnya) bagi memelihara undang-undang dan ketenteraman, mengekalkan keamanan dan keselamatan Malaysia, mencegah dan mengesan jenayah, menangkap dan mendakwa pesalah-pesalah dan mengumpul risikan keselamatan.

4. Kawalan Pasukan

(1) Pasukan hendaklah di bawah perintah Ketua Polis Negara yang adalah seorang pegawai polis dan hendaklah bertanggungjawab kepada Menteri bagi kawalan dan arahan Pasukan dan semua orang lain yang dilantik atau diguna khidmat untuk menjalankan tugas-tugas polis, dan

hendaklah mempunyai semua kuasa yang diberi kepada seorang Pesuruhjaya atau seorang Ketua Pegawai Polis.

(2) Maka hendaklah dilantik seorang Timbalan Ketua Polis Negara yang adalah seorang pegawai polis dan hendaklah berada di bawah arahan Ketua Polis Negara.

(3) Timbalan Ketua Polis Negara hendaklah mempunyai semua kuasa yang diberi kepada seorang Pesuruhjaya atau seorang Ketua Pegawai Polis.

(4) Mana-mana perbuatan atau perkara yang boleh dilakukan, diperintahkan atau dilaksanakan oleh Ketua Polis Negara di bawah undang-undang ini atau di bawah mana-mana undang-undang ini atau di bawah mana-mana undang-undang yang lain boleh, tertakluk kepada perintah dan arahnya, dilakukan, diperintahkan atau dilaksanakan oleh Timbalan Ketua Polis Negara, Pesuruhjaya, Timbalan Pesuruhjaya, Penolong Pesuruhjaya Kanan, atau Penolong Pesuruhjaya yang diberikan kuasa secara am atau khas bagi maksud itu oleh Ketua Polis Negara; dan sekiranya dia berada di luar Malaysia atau tidak berupaya menjalankan tugas-tugasnya atau sedang bercuti, fungsi-fungsi Ketua Polis Negara di bawah undang-undang ini atau di bawah mana-mana undang-undang lain bolehlah dijalankan oleh Timbalan Ketua Polis Negara atau mana-mana pegawai polis lain yang berpangkat tidak rendah daripada Pesuruhjaya yang diberi kuasa oleh Yang di-Pertuan Agong.

5. Perlantikan Ketua Polis Negara, dan lain-lain

(1) Maka hendaklah dilantik seorang Ketua Polis Negara, seorang Timbalan Ketua Polis Negara dan beberapa Pesuruhjaya-pesuruhjaya dan Timbalan-timbalan Pesuruhjaya dan pegawai-pegawai kanan polis dan pegawai-pegawai rendah polis dan konstabel-konstabel sebagaimana disifatkan perlu bagi maksud melaksanakan Akta ini.

(2) Pangkat-pangkat bagi pegawai-pegawai kanan polis dan pegawai-pegawai rendah polis adalah seperti disenaraikan dalam Jadual Pertama.

6. Kawalan Polis Diraja Malaysia dalam sesuatu negeri, dan lain-lain

Anggota-anggota Pasukan hendaklah berkenaan dengan:

- (a) mana-mana kawasan atau negeri yang ditentukan oleh Menteri, dikawal oleh seorang Pesuruhjaya atau Ketua Pegawai Polis; dan
- (b) mana-mana formasi, daerah polis atau bahagian polis atau kawasannya atau mana-mana tempat, dikawal oleh mana-mana pegawai polis yang ditentukan oleh Ketua Polis Negara sama ada dengan menyebut nama atau jawatannya.

7. Menggunakan khidmat Pasukan dalam masa darurat

(1) Yang di-Pertuan Agong boleh, dalam masa perang atau darurat lain, mengguna khidmat Pasukan atau mana-mana bahagiannya untuk berkhidmat bersama dengan Angkatan Tentera Malaysia atau mana-mana angkatan tempatan yang ditubuhkan di bawah mana-mana undang-undang, atau, secara lain, dalam mempertahankan Malaysia.

Dengan syarat bahawa mana-mana bahagian Pasukan yang diguna khidmat sedemikian hendaklah terus berada di bawah perintah Ketua Polis Negara atau mana-mana pegawai polis lain yang telah dilantik bagi maksud itu.

(2) Bagi maksud seksyen ini ungkapan "Pasukan" meliputi semua badan yang ditubuh atau didirikan bagi menjalankan tugas-tugas polis di bawah Akta ini.

BAHAGIAN IV

PEGAWAI POLIS TAMBAHAN DAN KONSTABEL PENJAGA

8. Pegawai polis tambahan

(1) Pesuruhjaya atau Ketua Pegawai Polis, boleh dengan kelulusan Ketua Polis Negara, mengambil kerja orang-orang untuk berkhidmat secara sementara sebagai pegawai-pegawai polis tambahan bagi pangkat Sarjan Mejar ke bawah.

(2) Seseorang pegawai polis tambahan hendaklah disifatkan sebagai di bawah perjanjian untuk berkhidmat dari sebulan ke sebulan, setiap perjanjian tersebut bermula pada satu hari bulan dan tamat pada hari terakhir pada tiap-tiap bulan yang berturutan.

(3) Seseorang pegawai polis tambahan boleh dilepaskan atau boleh meletak jawatan dengan diberi atau dengan memberi satu bulan notis

bertulis oleh atau kepada Pesuruhjaya atau Ketua Pegawai Polis.

(4) Seseorang pegawai polis tambahan hendaklah mempunyai dan boleh menjalankan semua kuasa dan keistimewaan, dan hendaklah tertakluk kepada kuasa dan disiplin yang sama sebagai, seorang anggota Pasukan yang mempunyai pangkat yang bersamaan, dan hendaklah mematuhi semua arahan yang sah berkenaan dengan pelaksanaan tugas-tugasnya yang mungkin diterimanya dari semasa ke semasa daripada pegawai-pegawai atasannya.

9. Konstabel penjaga

(1) Pesuruhjaya atau Ketua Pegawai Polis boleh dengan kelulusan Ketua Polis Negara, atas permohonan oleh mana-mana orang (kemudian daripada ini, di dalam seksyen ini disebut sebagai "pemohon") untuk seorang konstabel diambil bekerja dengan tugas-tugas khas, mengambil kerja mana-mana orang yang sesuai sebagai konstabel penjaga bagi maksud-maksud tugas-tugas khas itu sahaja. Konstabel penjaga sedemikian hendaklah diambil kerja dengan perbelanjaan pemohon, yang hendaklah menyediakan tempat penginapan dan makanan untuk konstabel penjaga tersebut seperti yang diketahui oleh Pesuruhjaya atau Ketua Pegawai Polis dan bolehlah dikehendaki membayar bagi apa-apa pakaian seragam yang dibekalkan kepada konstabel penjaga tersebut atau mana-mana kadar dari itu yang boleh ditentukan oleh Pesuruhjaya atau Ketua Pegawai Polis.

Dengan syarat bahawa pemohon boleh, dengan memberi satu bulan notis kepada Pesuruhjaya atau Ketua Pegawai Polis, menghendaki supaya konstabel penjaga sedemikian ditarik balik daripada menjalankan tugas-tugas khas tersebut, dan dalam keadaan sedemikian, pemohon hendaklah tidak bertanggung bagi apa-apa perbelanjaan yang ditanggung berkaitan dengan pengambilan konstabel penjaga tersebut selepas hari terakhir bulan berikut di mana notis tersebut telah diberikan ke dalam hasil am Persekutuan.

(2) Apa-apa amaun yang kena bayar daripada seorang pemohon di bawah seksyen ini boleh didapatkan oleh Pesuruhjaya atau Ketua Pegawai Polis sebagai hutang, dan, apabila diterima, hendaklah dibayar ke dalam hasil am Persekutuan.

(3) Seseorang konstabel penjaga hendaklah mempunyai dan boleh menjalankan semua kuasa dan keistimewaan, dan hendaklah tertakluk kepada kuasa dan disiplin yang sama sebagai, seorang konstabel Pasukan.

BAHAGIAN V**PERKHIDMATAN DI LUAR MALAYSIA DAN
PERKHIDMATAN POLIS DARI WILAYAH-WILAYAH
LAIN DALAM MALAYSIA****10. Yang di-Pertuan Agong boleh mengarahkan Polis Diraja
Malaysia berkhidmat di luar Malaysia**

(1) Yang di-Pertuan Agong boleh, atas permintaan bagi maksud itu yang dibuat oleh kerajaan sesuatu wilayah di luar Malaysia, dengan perintah mengarahkan mana-mana bahagian daripada Polis Diraja Malaysia yang didapati sesuai supaya menjalankan tugas-tugas polis dalam wilayah itu dan Yang di-Pertuan Agong hendaklah menyatakan dalam perintah itu bagi maksud apakah arahan itu dibuat.

(2) Tiada apa-apa perintah di bawah seksyen ini boleh dibuat melainkan Yang di-Pertuan Agong berpuas hati bahawa peruntukan-peruntukan yang memadai telah atau akan dibuat dengan segera dalam undang-undang wilayah tersebut dahulu itu:

- (a) bagi menguatkuasakan di dalam wilayah tersebut apa-apa kontrak perkhidmatan yang dibuat di antara anggota-anggota Polis Diraja Malaysia dan Kerajaan Malaysia;
- (b) bagi memberi kepada pegawai-pegawai Polis Diraja Malaysia yang berkhidmat di dalam wilayah tersebut di bawah seksyen ini kuasa-kuasa dan tugas-tugas pegawai polis di dalam wilayah tersebut; dan
- (c) bagi memastikan bahawa layanan bersaling diberi kepada Kerajaan Malaysia.

(3) Tertakluk kepada subsekyen (2), tiada seorang pun pegawai polis boleh dihantar ke luar Malaysia di bawah dalam bahagian ini melainkan Menteri berpuas hati bahawa perkiraan-perkiraan wajar telah dibuat bagi perkhidmatan pegawai-pegawai polis Malaysia dengan pihak-pihak berkuasa wilayah yang tersebut dahulu.

**11. Pegawai-pegawai yang berkhidmat di luar Malaysia
hendaklah tertakluk kepada Akta ini**

Semua pegawai polis yang berkhidmat dalam wilayah di luar Malaysia menurut subsekyen (1) seksyen 10 hendaklah tertakluk kepada Akta ini.

12. Layanan bersaling

(1) Apabila, atas permintaan Kerajaan Malaysia dan pada menurut perintah yang dibuat oleh kerajaan suatu wilayah lain, anggota-anggota pasukan polis wilayah tersebut dihantar ke Malaysia untuk menjalankan tugas-tugas polis di dalam Malaysia, anggota-anggota itu hendaklah tertakluk kepada subsekyen (3), berada di bawah perintah pegawai-pegawai atasan mereka sendiri yang ada bersama mereka dan hendaklah tertakluk kepada peraturan-peraturan yang sama seperti semasa berkhidmat di dalam wilayah itu.

(2) Apabila, mana-mana anggota pasukan polis suatu wilayah lain, menurut subseksyen (1) berada di dalam Malaysia, apa-apa kontrak perkhidmatan yang dibuat di antara mana-mana anggota badan itu dan kerajaan wilayah itu boleh dikuat kuasa di dalam Malaysia dengan cara yang sama dan dengan efek yang sama seolah-olah kontrak itu telah dibuat di antara anggota-anggota itu dan Kerajaan Malaysia.

(3) Mana-mana anggota pasukan polis suatu wilayah lain yang berada dalam Malaysia sebagaimana tersebut dahulu hendaklah mempunyai dan boleh menjalankan kuasa-kuasa, dan hendaklah bertanggung bagi melaksanakan tugas-tugas, seorang pegawai polis Pasukan, dan anggota pasukan polis wilayah hendaklah tertakluk kepada kawalan keseluruhan seorang pegawai kanan polis Pasukan.

BAHAGIAN VI

PERLANTIKAN, PERKHIDMATAN, DLL.

13. Akuan oleh pegawai polis apabila dilantik

Tiap-tiap pegawai polis dan pegawai polis tambahan hendaklah, apabila mula-mula masuk Pasukan atau sebelum mula menjalankan tugas-tugas jawatannya, membuat di hadapan seorang pegawai kanan polis berpangkat Penguasa atau ke atas akuan yang dinyatakan dalam Jadual Kedua mengikut apa-apa cara yang diakui sebagai paling berkesan pada perasaan hatinya.

14. Perakuan perlantikan

Suatu perakuan perlantikan, dalam bentuk sebagaimana ditetapkan oleh Peraturan-peraturan Polis, ditandatangani oleh seorang Pegawai Memerintah atau seorang pegawai kanan polis yang diberi kuasa olehnya bagi maksud itu, hendaklah dikeluarkan kepada tiap-tiap

pegawai polis, pegawai polis tambahan dan konstabel penjaga dan hendaklah menjadi keterangan mengenai perlantikannya di bawah Akta ini.

15. Persaraan atau perletakan jawatan dalam masa perang atau darurat

Tiada seorang pun pegawai polis boleh bersara atau meletak jawatan daripada Pasukan dalam masa perang atau semasa Pengisytiharan Darurat masih berkuat kuasa:

Dengan syarat bahawa seorang pegawai polis boleh bersara atau dibenarkan meletak jawatan jika disyorkan sedemikian oleh Ketua Polis Negara.

16. Perletakan jawatan semasa prosiding disiplin belum selesai

Walau apa pun seksyen 15, tiada seorang pun pegawai polis, tanpa kebenaran bertulis Ketua Polis Negara, boleh meletak jawatan daripada Pasukan dalam masa belum selesai apa-apa prosiding disiplin atau pendakwaan yang dibawa terhadapnya mengenai apa-apa kesalahan yang dia mungkin dituduh.

17. Senjata, perlengkapan, dll., hendaklah diserahkan apabila tidak lagi menjadi anggota Pasukan

Apabila seorang pegawai polis tidak lagi menjadi anggota Pasukan dia hendaklah dengan serta-merta menyerahkan balik kepada orang yang dilantik oleh Ketua Polis Negara bagi maksud itu, atau kepada pegawai polis yang mengetuai mana-mana bahagian Pasukan di tempat di mana dia akhir sekali ditempatkan, perakuan perlantikannya dan semua senjata, amunisi, perlengkapan, pakaian seragam, dan peralatan lain yang telah dibekalkan kepadanya yang mana adalah harta awam:

(1) Dengan syarat bahawa Ketua Polis Negara boleh, tertakluk kepada kaedah-kaedah yang dibuat di bawah Akta ini, dalam hal-hal khas membenarkan disimpan barang-barang tertentu, selain daripada senjata-senjata dan amunisi, atas apa-apa syarat yang ditetapkan oleh Perintah Tetap.

(2) Mana-mana pegawai polis yang, setelah tidak lagi menjadi anggota Pasukan, tanpa sebab yang baik tidak mematuhi subseksyen (1) adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh dikenakan denda tidak melebihi satu ratus ringgit atau hukuman penjara selama tempoh tidak melebihi tiga bulan atau kedua-duanya, dan,

sebagai tambahan, hendaklah bertanggung membayar nilai harta yang tidak diserahkan balik itu, dan nilai itu boleh ditentukan oleh mahkamah secara terus dan boleh didapatkan kembali sebagai satu denda.

(3) Dalam seksyen 15 dan 16 dan dalam seksyen ini ungkapan "pegawai polis" meliputi semua orang yang dilantik atau diambil kerja untuk menjalankan tugas-tugas polis di bawah Akta ini; dan ungkapan "Pasukan" termasuk semua badan yang ditubuhkan atau didirikan untuk menjalankan tugas-tugas polis di bawah Akta ini.

18. Pegawai-pegawai polis tertakluk kepada peruntukan-peruntukan yang terpakai kepada pegawai-pegawai awam

Kecuali sebagaimana diperuntukkan selainnya dalam Akta ini dan dalam Kaedah-kaedah dan Peraturan-peraturan Polis yang dibuat di bawahnya, tiap-tiap pegawai polis hendaklah melainkan dikecualikan dengan nyata, tertakluk kepada peruntukan-peruntukan yang sama seperti yang terpakai kepada pegawai-pegawai awam yang lain yang mempunyai taraf bersamaan dalam perkhidmatan Kerajaan Malaysia.

BAHAGIAN VII

TUGAS-TUGAS DAN KUASA-KUASA PEGAWAI POLIS

19. Pegawai polis hendaklah disifatkan sebagai bertugas

Tiap-tiap pegawai polis, pegawai polis tambahan dan konstabel penjaga, bagi maksud-maksud Akta ini, hendaklah disifatkan sebagai sentiasa bertugas apabila dikehendaki bertindak sebagai demikian dan hendaklah melaksanakan tugas-tugas dan menjalankan kuasa-kuasa yang diberi kepadanya di bawah mana-mana undang-undang lain di mana-mana tempat dalam Malaysia di mana dia mungkin menjalankan tugas.

20. Tugas-tugas am pegawai polis

(1) Tiap-tiap pegawai polis hendaklah melaksanakan tugas-tugas dan menjalankan kuasa-kuasa yang dipertanggungjawabkan atau diberikan oleh undang-undang ke atas atau kepada seorang pegawai polis, dan hendaklah mematuhi semua arahan yang sah berkenaan dengan pelaksanaan jawatannya yang mungkin diterima dari semasa ke semasa daripada pegawai atasannya dalam Pasukan.

(2) Jika sesuatu tugas, kuasa atau budi bicara dipertanggungjawabkan atau

diberi oleh atau di bawah Akta ini atau mana-mana undang-undang lain ke atas atau kepada seorang pegawai polis daripada apa-apa pangkat tertentu atau yang memegang apa-apa jawatan tertentu, pegawai polis itu hendaklah, dalam melaksanakan tugas itu atau menjalankan kuasa-kuasa atau budi bicara itu tertakluk kepada perintah dan arahan mana-mana pegawai polis yang di bawahnya dia bertugas secara langsung, dan mana-mana pegawai polis yang kemudian tersebut itu, jika keadaan memerlukan dan didapatinya bermanfaat untuk berbuat demikian hendaklah sendirinya melaksanakan tugas itu atau menjalankan kuasa atau budi bicara itu.

(3) Tanpa menjejaskan keluasan peruntukan-peruntukan yang tersebut di atas atau mana-mana undang-undang lain adalah menjadi tugas seorang pegawai polis melaksanakan maksud-maksud yang tersebut dalam subseksyen (3) seksyen 3; dan dia boleh mengambil langkah-langkah yang sah dan melakukan perbuatan-perbuatan yang sah yang perlu berkaitan dengannya, termasuk:

- (a) menangkap semua orang yang dia diberi kuasa oleh undang-undang menangkap;
- (b) memproses risikan keselamatan;
- (c) menjalankan pendakwaan;
- (d) memberi bantuan dalam melaksanakan mana-mana undang-undang berhubungan dengan hasil, eksais, kebersihan, kuarantin, imigresen dan pendaftaran;
- (e) memberi bantuan dalam mengekalkan ketenteraman di pelabuhan dan lapangan terbang Malaysia; dan dalam menguatkuasakan peraturan-peraturan kelautan dan pelabuhan;
- (f) melaksanakan saman, sepina, waran, perintah memenjara dan proses-proses lain yang dikeluarkan dengan sah oleh mana-mana pihak berkuasa yang kompeten;
- (g) mempamerkan maklumat;
- (h) melindungi harta yang tidak dituntut dan yang hilang dan mencari pemunya;
- (i) mensyita binatang-binatang yang berkeliaran dan menempatkannya dalam kandang awam;
- (j) memberi bantuan dalam melindungi nyawa dan harta;
- (k) melindungi harta awam daripada hilang atau rosak;
- (l) menghadiri mahkamah jenayah dan, jika diperintah dengan khas, mahkamah sivil dan menjaga ketenteraman di dalamnya; dan
- (m) mengiring dan menjaga banduan-banduan dan orang-orang lain yang ada dalam jagaan polis.

(4) Seorang pegawai polis semasa melaksanakan tugas-tugas tersebut dalam perenggan (m) subseksyen (3) hendaklah disifatkan sebagai seorang pegawai penjara, dan hendaklah mempunyai semua kuasa, perlindungan dan keistimewaan yang ada pada seorang pegawai penjara.

21. Tugas di jalan awam

(1) Adalah menjadi tugas-tugas polis.

- (a) mengatur, mengawal dan melencongkan mana-mana lalu-lintas;
- (b) menjaga ketenteraman di jalan awam, lorong, jalan tembus dan tempat mendarat, dan tempat kunjungan awam yang lain dan tempat di mana orang awam ada akses; dan
- (c) mencegah halangan pada waktu perhimpunan dan perarakan di jalan awam dan lorong; dan mana-mana hal: bila mana-mana jalan, lorong, jalan tembus dan tempat mendarat atau feri mungkin penuh sesak atau menjadi terhalang.

(2) Seseorang yang menghalang, membangkang atau ingkar menurut apa-apa arahan yang munasabah yang diberi oleh mana-mana pegawai polis dalam melaksanakan tugas-tugasnya di bawah seksyen ini, adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh dikenakan denda tidak melebihi dua ratus ringgit atau hukuman penjara selama tempoh tidak melebihi tiga bulan atau kedua-duanya.

(3) Seseorang yang melakukan suatu kesalahan di bawah seksyen ini boleh ditangkap tanpa waran melainkan dia memberi kepada pegawai polis itu nama dan alamatnya dan selainnya memuaskan hati pegawai polis itu yang dia akan mematuhi dengan sewajarnya apa-apa saman atau prosiding lain mungkin diambil terhadapnya.

22. Harta yang tidak dituntut

(1) Tertakluk kepada subseksyen (2), adalah menjadi tugas tiap-tiap pegawai polis untuk menjaga harta alih yang tidak dituntut yang diberikan oleh mana-mana orang kepadanya, atau dijumpai olehnya; dan dia hendaklah menyerahkan harta itu kepada pegawai polis yang berhampiran sekali, yang mana hendaklah menyebabkan ditampal di suatu tempat yang mudah dilihat di balai polis itu suatu notis menyatakan harta itu dan meminta sesiapa yang mungkin ada apa-apa tuntutan ke atasnya dalam tempoh dua bulan dari tarikh notis itu supaya hadir dan membuktikan tuntutananya.

(2) Jika harta yang tersebut dahulu adalah daripada jenis mudah musnah, pegawai-pegawai yang menjaganya boleh menyebabkan harta itu dijual dengan segera dan hendaklah menghantar kepada Pegawai Penjaga Daerah Polis hasil jualan itu, dan hasil jualan itu hendaklah, selepas ditolak apa-apa perbelanjaan yang semunasabahnya ditanggung; dibayar kepada orang yang dalam tempoh yang dinyatakan dalam subseksyen (1) membuktikan tuntutan ke atasnya.

(3) Mana-mana harta yang tersebut dahulu, yang tidak dituntut dalam tempoh yang dinyatakan dalam subseksyen (91) boleh dijual atau, secara lain dilupuskan atau dimusnahkan mengikut cara yang diarahkan oleh Pegawai Memerintah; dan keuntungan daripada apa-apa jualan harta itu hendaklah, selepas ditolak apa-apa perbelanjaan yang semunasabahnya ditanggung dalam jualan itu, dibahagikan secara berikut:

- (a) apa-apa bahagian yang diarahkan oleh Pegawai Memerintah boleh dibayar kepada orang yang menjumpai harta itu;
- (b) lima puluh ringgit yang pertama daripada bakinya, jika ada, hendaklah dibayar kepada Kumpulan Wang Polis yang ditubuhkan di bawah Bahagian XIII dan selebihnya hendaklah dibayar kepada hasil am Malaysia.

(4) Tiada seorang pun pegawai polis atau pegawai polis tambahan boleh membeli mana-mana harta yang dijual di bawah seksyen ini, dan mana-mana pegawai polis atau pegawai polis tambahan yang melanggar subseksyen ini adalah melakukan suatu kesalahan terhadap disiplin.

23. Estet yang tidak dituntut

(1) Apabila seseorang mati dengan meninggalkan dalam Malaysia harta alih yang oleh sebab tiadanya seseorang yang berhak kepadanya atau tiadanya apa-apa tuntutan ke atas harta itu bagi maksud pentadbiran, diambil, oleh pegawai polis ke dalam jagaannya bagi maksud simpanan selamat, Pegawai Memerintah hendaklah segera memberitahu Pegawai Pentadbir Pusaka, Pegawai Probet atau Pentadbir dalam negeri di mana harta itu terletak bahawa harta itu adalah dalam jagaannya; dan sementara menunggu arahan-arahan Pegawai Pentadbir Pusaka, Pegawai Probet atau Pentadbir itu, Pegawai Memerintah hendaklah menyimpan harta itu dengan selamat.

(2) Berkenaan dengan hal harta dari jenis mudah musnah atau yang mungkin akan merosot nilainya, seorang Pegawai Memerintah atau mana-mana pegawai yang diberi kuasa olehnya secara bertulis boleh

memerintahkannya dijual dan keuntungan jualan itu hendaklah diberikan kepada Pegawai Pentadbir Pusaka, Pegawai Probet atau Pentadbir.

24. Kuasa pegawai polis untuk memeriksa lesen, kenderaan dan lain-lain

(1) Mana-mana pegawai polis boleh:

(a) memberhentikan dan menahan mana-mana orang:

- (i) yang dilihatnya sedang melakukan apa-apa perbuatan atau ada dalam miliknya apa-apa benda; atau
- (ii) yang dia ada alasan-alasan yang munasabah bagi mengesyaki sedang melakukan apa-apa perbuatan atau ada dalam miliknya apa-apa benda; yang baginya lesen, permit atau kebenaran adalah diperlukan di bawah mana-mana undang-undang yang berkuat kuasa, bagi maksud menghendaki orang itu mengemukakan lesen, permit atau kebenaran itu;

(b) memberhentikan dan memeriksa tanpa waran mana-mana kenderaan atau vesel yang disyakinya atas alasan-alasan yang munasabah sedang digunakan dalam melakukan apa-apa kesalahan terhadap mana-mana undang-undang yang berkuat kuasa:

Dengan syarat bahawa kenderaan atau vesel itu tidak boleh, tertakluk kepada subseksyen (4), ditahan lebih lama daripada semunasabahnya perlu untuk menyempurnakan pemeriksaan itu.

(2) Seseorang yang tidak mengemukakan lesen, permit atau kebenaran di bawah subseksyen (1)(a) apabila diminta berbuat demikian oleh seorang pegawai polis boleh ditangkap tanpa waran melainkan dia memberi kepada pegawai polis itu nama dan alamatnya dan, selainnya memuaskan hati pegawai polis itu yang dia akan mematuhi dengan sewajarnya apa-apa saman atau prosiding lain yang mungkin diambil terhadapnya.

(3) Seseorang yang tidak mematuhi apa-apa isyarat munasabah yang diberikan oleh seorang pegawai polis, menghendaki mana-mana orang memberhentikan apa-apa kenderaan atau vesel di bawah subseksyen (1) atau menghalang mana-mana pegawai polis dalam melaksanakan tugasnya di bawah subseksyen itu, adalah melakukan suatu kesalahan di bawah Akta ini, dan mana-mana pegawai polis boleh tanpa waran,

menangkap orang itu melainkan dia memberi nama dan alamatnya dan, selainnya, memuaskan hati pegawai polis yang dia akan mematuhi dengan sewajarnya apa-apa saman atau prosiding lain yang mungkin diambil terhadapnya.

(4) Mana-mana pegawai polis boleh menyebabkan mana-mana kenderaan atau vesel, yang dia ada alasan yang munasabah untuk mengesyaki telah digunakan dalam melakukan suatu kesalahan terhadap mana-mana undang-undang yang berkuat kuasa atau sebagai keterangan mengenai apa-apa kesalahan yang telah dilakukan, dipindahkan ke ibu pejabat Daerah Polis yang berhampiran sekali atau ke tempat lain yang sesuai, dan Pegawai Penjaga Daerah Polis itu boleh dengan itu menyebabkan kenderaan atau vesel itu ditahan di situ sementara menunggu penyiasatan, bagi tempoh tidak melebihi empat puluh lapan jam, atau jika, dalam tempoh itu, prosiding dimulakan mengenai apa-apa kesalahan di mana kenderaan atau vesel itu boleh dilucutkan di bawah mana-mana undang-undang atau boleh dengan sewajarnya dikemukakan sebagai keterangan, sehingga keputusan muktamad prosiding itu;

Dengan syarat bahawa Pegawai Penjaga Daerah Polis itu boleh, walau apa pun subseksyen ini, mengarahkan supaya kenderaan atau vesel itu dilepaskan jika dia berpuas hati bahawa pemunya atau orang yang menjaga kenderaan atau vesel itu akan mengemukakan kenderaan atau vesel itu dengan sewajarnya di hadapan mahkamah apabila dikehendaki, dan bagi maksud itu boleh menghendaki pemunya atau orang itu menyempurnakan suatu bon atau mendepositkan apa-apa sekuriti yang difikirkannya munasabah.

25. Kuasa untuk menahan dan memeriksa pesawat udara

(1) Tertakluk kepada subseksyen (2) mana-mana pegawai kanan polis boleh, di mana-mana lapangan terbang atau di mana-mana tempat lain dalam Malaysia, menahan dan tanpa waran memeriksa mana-mana pesawat udara (yang bukannya pesawat udara yang dipunyai oleh, atau digunakan secara eksklusif dalam perkhidmatan, kerajaan atau kerajaan mana-mana negeri asing); dan mengenai mana-mana pesawat udara tersebut yang sedang bergerak di mana-mana lapangan terbang atau di mana-mana tempat lain dalam, atau sedang dalam penerbangan angkasa Malaysia, seorang pegawai kanan polis boleh, tertakluk seperti tersebut dahulu, memerintah pesawat udara itu berhenti atau mendarat di mana-mana lapangan terbang atau di mana-mana tempat lain yang dinyatakan olehnya.

(2) Kuasa yang diberi kepada pegawai kanan polis di bawah subsek-

syen (1) tidak boleh dijalankan olehnya kecuali:

- (a) di mana dia ada alasan-alasan yang munasabah bagi mempercayai bahawa pesawat udara yang tersebut dalam subseksyen itu sedang atau telah digunakan dalam melakukan sesuatu kesalahan yang boleh ditangkap; atau
- (b) bagi maksud menangkap seseorang yang semunasabahnya disyaki telah melakukan suatu kesalahan yang boleh ditangkap.

(3) Apa-apa perintah supaya berhenti atau mendarat yang diberi di bawah subseksyen (1) hendaklah dipancarkan ke pesawat udara oleh pegawai yang sedang menjaga kawalan trafik udara; tetapi tiada sesuatu pesawat udara boleh diperintah mendarat di mana-mana lapangan terbang atau di mana-mana tempat lain yang, pada pendapat pegawai yang sedang menjaga kawalan trafik udara, tidak selamat untuk digunakan oleh pesawat udara itu.

(4) Seksyen 24 berhubungan dengan menggerakkan, menahan dan melepaskan mana-mana kenderaan dan vesel yang ditahan di bawah seksyen itu adalah terpakai bagi sesuatu pesawat udara yang ditahan di bawah seksyen ini seolah-olah rujukan di dalamnya:

- (a) kepada mana-mana pegawai polis hendaklah ditafsirkan sebagai rujukan kepada seorang pegawai kanan polis;
- (b) kepada ibu pejabat Daerah Polis yang berhampiran sekali atau kepada mana-mana Pegawai Penjaga Daerah Polis itu hendaklah ditafsirkan sebagai rujukan kepada lapangan terbang yang berhampiran sekali dan kepada Pegawai Penjaga Daerah Polis di mana lapangan terbang itu terletak.

(5) Seseorang yang tidak, tanpa sebab yang munasabah mematuhi perintah yang diberi di bawah subseksyen (1) adalah melakukan suatu kesalahan di bawah Akta ini.

26. Kuasa untuk mendirikan sekatan-sekatan jalan

(1) Walau apa pun terkandung dalam mana-mana undang-undang lain, mana-mana pegawai polis boleh jika difikirkannya perlu untuk berbuat demikian bagi memelihara dan mengekalkan undang-undang dan ketenteraman atau untuk mencegah atau mengesan jenayah, mendirikan atau meletakkan atau menyebabkan didirikan atau diletakkan apa-apa sekatan-sekatan di atas atau melintang mana-mana jalan

awam atau lorong atau di mana-mana tempat awam dengan apa-apa cara yang difikirkannya patut; dan mana-mana pegawai polis boleh mengambil semua langkah yang munasabah untuk mencegah mana-mana orang daripada melalui atau mana-mana kenderaan daripada merempuh lalu mana-mana sekatan itu.

[Pind. Akta A685]

(2) Seseorang yang tidak mematuhi apa-apa isyarat yang munasabah yang diberi oleh seorang pegawai polis yang menghendaki orang atau kenderaan itu berhenti sebelum sampai mana-mana sekatan itu adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh dikenakan hukuman penjara selama tempoh tidak melebihi dua belas bulan atau denda tidak melebihi satu ribu ringgit atau kedua-duanya; dan mana-mana pegawai polis boleh, tanpa waran, menangkap orang itu melainkan dia memberi nama dan alamatnya dan, selainnya, memuaskan hati pegawai polis yang dia akan mematuhi dengan sewajarnya apa-apa saman atau prosiding lain yang mungkin diambil terhadapnya.

(3) Tiada seorang pun pegawai polis boleh bertanggungjawab terhadap apa-apa kerugian, kecederaan atau kerosakan yang berlaku ke atas mana-mana orang atau apa-apa harta berbangkit daripada langkah-langkah yang diambil olehnya yang tersebut dalam subseksyen (1).

27. Kuasa untuk mengawal selia perhimpunan, perjumpaan dan perarakan

(1) Mana-mana Pegawai Penjaga Daerah Polis atau mana-mana pegawai polis yang diberi kuasa dengan sewajarnya secara bertulis olehnya boleh mengarahkan, dengan apa-apa cara yang difikirkannya patut, perjalanan di tempat-tempat awam dalam Daerah Polis itu semua perhimpunan, perjumpaan dan perarakan, orang atau kenderaan dan boleh menetapkan jalan manakah, dan waktu bilakah, perhimpunan atau perjumpaan itu boleh diadakan atau perarakan itu boleh lalu.

(2) Mana-mana orang yang berniat mengadakan atau mengumpulkan mana-mana perhimpunan atau perjumpaan atau membentuk suatu perarakan di mana-mana tempat awam yang tersebut dahulu, hendaklah sebelum mengadakan, mengumpulkan atau membentuk perhimpunan, perjumpaan atau perarakan itu, membuat kepada Pegawai Penjaga Daerah Polis di mana perhimpunan, perjumpaan atau perarakan itu akan diadakan suatu permohonan untuk mendapatkan lesen bagi maksud itu, dan jika pegawai polis itu berpuas hati bahawa perhimpunan, perjumpaan atau perarakan itu tidak mungkin memudaratkan kepentingan

keselamatan Malaysia atau mana-mana bahagiannya atau membangkitkan kekacauan keamanan, dia hendaklah mengeluarkan suatu lesen dalam bentuk yang ditetapkan dengan menyatakan nama pemegang lesen itu dan menerangkan syarat-syarat atas nama perhimpunan, perjumpaan atau perarakan itu dibenarkan.

Dengan syarat bahawa pegawai polis itu boleh pada bila-bila masa membatalkan lesen itu atas apa-apa alasan yang membolehkan lesen tidak dikeluarkan di bawah subseksyen ini.

(2A) Sesuatu permohonan untuk mendapatkan lesen di bawah subseksyen (2) hendaklah dibuat oleh suatu pertubuhan atau bersesama oleh tiga orang individu.

[Ditambah Akta A 685]

(2B) Jika sesuatu permohonan dibuat bersesama oleh tiga orang individu, maka pegawai polis yang kepadanya permohonan dibuat hendaklah menolak permohonan itu kiranya dia berpuas hati bahawa perhimpunan, perjumpaan atau perarakan yang baginya lesen dipohonkan itu adalah pada hakikat sebenarnya dimaksudkan untuk diadakan, dikumpulkan atau dibentuk oleh sesuatu pertubuhan.

[Ditambah Akta A 685]

(2C) Jika sesuatu permohonan dibuat bersesama oleh tiga orang individu, maka pegawai polis yang mengeluarkan lesen hendaklah menyatakan dalam lesen itu nama orang-orang itu sebagai pemegang lesen.

[Ditambah Akta A 685]

(2D) Tiada lesen boleh dikeluarkan di bawah subseksyen (2) atas permohonan suatu pertubuhan yang tidak didaftarkan atau selainnya diiktirafkan di bawah mana-mana undang-undang yang berkuat kuasa di Malaysia.

[Ditambah Akta A 685]

(3) Mana-mana pegawai polis boleh menghentikan mana-mana perhimpunan, perjumpaan atau perarakan yang mengenainya lesen telah dikeluarkan atau setelah dikeluarkan telah kemudiannya dibatalkan di bawah subseksyen (2) atau yang melanggar mana-mana daripada syarat-syarat sesuatu lesen yang telah dikeluarkan mengenainya di bawah subseksyen tersebut; dan mana-mana pegawai polis boleh memerintahkan orang-orang dalam perhimpunan, perjumpaan atau perarakan itu bersurai.

(4) Mana-mana orang yang tidak mematuhi apa-apa perintah yang diberikan di bawah subseksyen (1) atau subseksyen (3) adalah melakukan suatu kesalahan.

[Pind. Akta A 685]

(4A) Jika mana-mana syarat lesen yang dikeluarkan di bawah subseksyen (2) dilanggar, maka pemegang-pemegang lesen adalah melakukan suatu kesalahan.

[Ditambah Akta A685]

(5) Apa-apa perhimpunan, perjumpaan atau perarakan:

- (a) yang berlaku tanpa lesen yang dikeluarkan di bawah subseksyen (2); atau
- (b) di mana tiga orang atau lebih yang mengambil bahagian mengagai atau enggan menurut apa-apa perintah yang diberi di bawah subseksyen (1) atau subseksyen (3):

hendaklah disifatkan sebagai suatu perhimpunan haram, dan semua yang hadir, dijumpai atau mengambil bahagian dalam perhimpunan, perjumpaan atau perarakan itu dan, berkenaan dengan perhimpunan, perjumpaan dan perarakan yang tiada lesen telah dikeluarkan baginya, semua orang yang hadir, dijumpai atau mengambil bahagian dalam atau bersangkutan paut dengan mengadakan, mengumpul atau mengarah perhimpunan, perjumpaan atau perarakan itu, adalah melakukan suatu kesalahan.

[Pind. Akta A 685]

(5A) Dalam apa-apa pendakwaan bagi suatu kesalahan di bawah subseksyen (5) kerana menghadiri, dijumpai atau mengambil bahagian dalam suatu perhimpunan, perjumpaan atau perarakan yang merupakan suatu perhimpunan haram, maka tidaklah menjadi suatu pembelaan bahawa orang yang dipertuduhkan itu tidak tahu yang perhimpunan, perjumpaan atau perarakan itu adalah suatu perhimpunan haram ataupun tidak tahu akan fakta-fakta atau hal-hal keadaan yang menjadikan perhimpunan, perjumpaan atau perarakan itu suatu perhimpunan haram.

[Ditambah Akta A 685]

(5B) Dalam apa-apa pendakwaan bagi suatu kesalahan di bawah subseksyen (5) kerana menghadiri atau dijumpai di suatu perhimpunan, perjumpaan atau perarakan yang merupakan suatu perhimpunan haram, adalah menjadi suatu pembelaan bahawa kehadiran orang yang dipertuduh itu berlaku disebabkan hal keadaan ikhlas dan bahawa dia

tidak ada niat sebaliknya untuk bersekutu dengan perhimpunan, perjumpaan atau perarakan itu.

[Ditambah Akta A685]

(5C) Bagi maksud-maksud subseksyen (5), jika ternyata daripada segala hal keadaan yang berhubungan dengan suatu perhimpunan, perjumpaan atau perarakan bahawa ia telah diadakan, dikumpulkan atau diarahkan oleh atau dengan penglibatan, penyertaan, bantuan, galakan, sokongan atau pembiaran sesuatu pertubuhan, maka tiap-tiap anggota badan pengelola bagi pertubuhan itu hendaklah disifatkan telah mengambil bahagian dalam atau bersangkutan-paut dengan mengadakan, mengumpulkan atau mengarahkan perhimpunan, perjumpaan atau perarakan itu hendak diadakan atau, jika ia tahu ataupun mempunyai sebab bagi mempercayai atau mengesyaki seperti yang tersebut dahulu, dia telah mengambil segala langkah yang munasabah untuk mencegah daripada diadakan perhimpunan, perjumpaan atau perarakan itu atau, jika bukanlah dengan munasabah dalam kuasanya untuk mencegah sedemikian, dia telah secara terbuka membantah atau memisahkan dirinya dari usaha mengadakan, mengumpulkan atau mengarahkan perhimpunan, perjumpaan atau perarakan itu.

[Ditambah Akta A 685]

(6) Mana-mana pegawai polis boleh, tanpa waran, menangkap mana-mana orang yang semunasabahnya disyaki melakukan apa-apa kesalahan di bawah seksyen ini.

(7) Mana-mana orang yang terkilan dengan keengganan Pegawai Penjaga Daerah Polis mengeluarkan lesen di bawah subseksyen (2) boleh dalam tempoh empat puluh lapan jam dari keengganan itu merayu secara bertulis kepada Pesuruhjaya atau Ketua Pegawai Polis; dan keputusan Pesuruhjaya atau Ketua Pegawai Polis tersebut mengenainya adalah muktamad.

(8) Mana-mana orang yang melakukan suatu kesalahan di bawah seksyen ini boleh apabila disabitkan dikenakan denda tidak kurang daripada dua ribu ringgit tetapi tidak lebih daripada sepuluh ribu ringgit dan penjara selama tempoh tidak melebihi satu tahun.

[Pind. Akta A 685]

(8A) Seksyen 173A dan 294 Kanun Prosedur Jenayah tidaklah terpakai berkenaan dengan suatu kesalahan di bawah seksyen ini.

[Ditambah Akta A 685]

27A. Kuasa untuk menghentikan aktiviti-aktiviti tertentu yang diadakan di tempat selain daripada di suatu tempat awam

(1) Jika apa-apa aktiviti berlangsung di atas atau di dalam mana-mana tanah atau premis yang tidak merupakan suatu tempat awam dan

- (a) aktiviti itu ditujukan kepada, atau dimaksudkan untuk disaksikan atau didengar atau disertai oleh, orang-orang di luar tanah atau premis itu, atau dari segala hal keadaan ia dapat difahamkan sebagai ditujukan atau dimaksudkan sedemikian; atau
- (b) aktiviti itu menarik kehadiran dua puluh orang atau lebih di luar tanah atau premis itu; atau
- (c) aktiviti itu mungkin memudaratkan kepentingan keselamatan Malaysia atau mana-mana bahagiannya atau membangkitkan kekacauan keamanan.

maka mana-mana pegawai polis boleh memerintahkan orang-orang yang terlibat dalam aktiviti itu menghentikan aktiviti itu dan boleh memerintahkan semua orang yang dijumpa di atas atau di dalam atau di luar tanah atau premis itu bersurai.

[Ditambah Akta A 685]

(2) Mana-mana orang yang tak mematuhi mana-mana perintah yang diberikan di bawah subseksyen (1) adalah melakukan suatu kesalahan.

(3) Jika tiga orang atau lebih abai atau enggan mematuhi mana-mana perintah yang diberikan di bawah subseksyen (1), maka aktiviti yang berkenaan itu hendaklah disifatkan sebagai suatu aktiviti haram, dan semua orang yang mengambil bahagian dalam atau bersangkutan-paut dengan aktiviti itu, atau yang mengambil bahagian dalam atau bersangkutan-paut dengan usaha mengelolakan atau mengarahkan aktiviti itu, adalah melakukan suatu kesalahan.

(4) Bagi maksud-maksud subseksyen (3), jika ternyata daripada segala hal keadaan yang berhubungan dengan suatu aktiviti bahawa aktiviti itu telah dikelolakan atau diarahkan oleh atau dengan penglibatan, penyer-taan, bantuan, galakan, sokongan atau pembiaran sesuatu pertubuhan, maka tiap-tiap anggota badan pengelola bagi pertubuhan itu hendaklah disifatkan telah mengambil bahagian dalam atau bersangkutan-paut dengan mengelolakan atau mengarahkan aktiviti itu melainkan jika dia membuktikan bahawa dia tidak tahu ataupun tidak mempunyai apa-apa

sebab bagi mempercayai atau mengesyaki bahawa aktiviti itu hendak diadakan atau, jika dia tahu atau mempunyai sebab bagi mempercayai atau mengesyaki seperti yang tersebut dahulu, dia telah mengambil segala langkah yang munasabah untuk mencegah daripada diadakan aktiviti itu atau, jika bukanlah dengan munasabah dalam kuasanya untuk mencegah sedemikian, dia telah secara terbuka membantah atau memisahkan dirinya daripada usaha mengelolakan atau mengarahkan aktiviti itu.

(5) Mana-mana pegawai polis boleh, tanpa waran, menangkap mana-mana orang yang semunasabahnya disyaki melakukan apa-apa kesalahan di bawah seksyen ini.

(6) Mana-mana orang yang melakukan suatu kesalahan di bawah seksyen ini boleh apabila disabitkan dikenakan denda tidak kurang daripada dua ribu ringgit tetapi tidak lebih daripada sepuluh ribu ringgit dan penjara selama tempoh tidak melebihi satu tahun.

(7) Seksyen 173A dan 294 Kanun Prosedur Jenayah tidaklah terpakai berkenaan dengan sesuatu kesalahan di bawah seksyen ini.

27B Penggunaan kekerasan dalam menyuraikan atau menangkap orang-orang menurut seksyen 27 atau 27A

Jika orang-orang diperintahkan supaya bersurai menurut seksyen 27(3) atau 27A(1) dan tidak bersurai, maka mana-mana pegawai polis atau mana-mana orang lain yang bertindak bagi membantu seseorang pegawai polis boleh melakukan segala perkara yang perlu untuk menyuraikan mereka untuk menangkap mereka atau mana-mana antara mereka menurut seksyen 27(6) atau 27A(5), dan, jika mana-mana orang memberi tentangan, boleh menggunakan kekerasan yang semunasabahnya perlu untuk mengatasi tentangan itu.

[Ditambah Akta A 605]

27C Keizinan untuk mendakwa kesalahan-kesalahan di bawah seksyen 27 atau 27A

(1) Sesuatu pendakwaan bagi suatu kesalahan di bawah seksyen 27 atau 27A tidaklah boleh dimulakan kecuali dengan izin bertulis Pendakwa Raya, tetapi seseorang yang akan dipertuduh atas kesalahan itu boleh ditangkap, atau suatu waran untuk menangkapnya boleh dikeluarkan dan dilaksanakan, dengan ikat jamin, walaupun izin Pendakwa Raya berkenaan dengan permulaan pendakwaan bagi kesalahan itu

belum lagi didapati, tetapi kes itu tidaklah boleh didakwa seterusnya sehingga izin telah didapati.

[Ditambah Akta A 685]

(2) Apabila seseorang dibawa ke hadapan mahkamah atas suatu pertuduhan di bawah seksyen 27 atau 27A sebelum Pendakwa Raya telah mengizinkan pendakwaan pertuduhan itu hendaklah dibaca dan diterangkan kepadanya tetapi dia tidaklah boleh diminta mengaku atas pertuduhan itu, dan Kanun Prosedur Jenayah hendaklah diubahsuai sewajarnya.

28. Kuasa untuk mengawal selia muzik di tempat awam

Mana-mana Pegawai Penjaga Daerah Polis atau seorang pegawai kanan polis dalam Daerah Polis itu boleh, dengan apa-apa cara yang difikirkannya patut, mengawal selia setakat manakah alat-alat muzik boleh dimainkan di tempat-tempat awam dalam Daerah Polis itu.

29. Kuasa untuk membuat kaedah-kaedah dan perintah-perintah bagi mengawal lalu lintas

(1) Seorang Pesuruhjaya atau seorang Ketua Pegawai Polis boleh berkenaan dengan suatu negeri, dengan kelulusan Menteri Besar atau Ketua Menteri Negeri tersebut, mengikut mana yang berkenaan, membuat kaedah-kaedah bagi:

- (a) menjaga ketenteraman dan mencegah halangan atau kesulitan di jalan awam, lorong, jalan tembus, tempat mendarat dan feri dan di tempat awam dan di tempat kunjungan awam (sama ada tempat-tempat itu di atas tanah kerajaan atau selainnya);
- (b) melarang digunakan jalan awam, lorong, jalan tembus, tempat mendarat dan feri yang tertentu sama ada dengan mutlak atau bersyarat.

(2) Seorang Pesuruhjaya atau seorang Ketua Pegawai Polis boleh membuat perintah menetapkan jalan-jalan yang dikehendaki dilalui oleh kenderaan bagi maksud menurunkan atau mengambil naik orang-orang, hingga dan apabila meninggalkan mana-mana tempat mendarat, feri atau tempat perhimpunan atau tempat kunjungan awam, dan tempat-tempat di mana dan tertib bagaimana kenderaan itu dikehendaki menunggu bagi maksud yang tersebut dahulu:

Dengan syarat bahawa tiada sesuatu perintah yang menghendaki kenderaan diletakkan di atas tanah kepunyaan pihak persendirian di

bawah subseksyen ini boleh dibuat kecuali dengan keizinan pemunya atau penduduk tanah itu.

(3) Maka bolehlah dikenakan bagi pelanggaran apa-apa kaedah atau perintah yang tersebut dahulu suatu penalti tidak melebihi dua ratus ringgit.

30. Kuasa untuk membuat perintah-perintah bagi mengawal petunjukan bendera-bendera dll.

(1) Seorang Pesuruhjaya atau Ketua Pegawai Polis boleh, dengan perintah, secara amnya atau berkenaan dengan waktu-waktu atau tempat-tempat tertentu atau dalam hal keadaan tertentu, melarang dalam negeri itu:

- (a) dikibarkan, dipamerkan atau ditunjukkan apa-apa bendera, panji-panji, lambang atau plakad atau lambang lain;
- (b) digunakan apa-apa pembesar suara, penguat suara atau apa-apa perkakas lain;

dengan cara yang mungkin membangkitkan kekacauan keamanan; dan mana-mana pegawai polis boleh membuang apa-apa bendera, panji-panji, lambang, plakad atau lambang lain atau mana-mana pembesar suara, penguat suara, atau perkakas lain yang dikibarkan, dipamerkan, ditunjukkan atau digunakan dengan melanggar perintah tersebut atau dalam hal keadaan yang mungkin membangkitkan kekacauan keamanan.

(2) Seseorang yang melanggar sesuatu perintah yang dibuat di bawah subseksyen (1) adalah melakukan suatu kesalahan di bawah Akta ini.

31. Kuasa untuk membuat perintah-perintah bagi menghendaki orang-orang berada dalam rumah

(1) Seorang Pesuruhjaya atau seorang Ketua Pegawai Polis boleh, jika difikirkan perlu untuk kepentingan keselamatan Malaysia atau keselamatan mana-mana bahagian atau untuk kepentingan ketenteraman awam, dengan perintah menghendaki, tertakluk kepada syarat-syarat atau pengecualian itu yang difikirkan bermanfaat, tiap-tiap orang dalam kawasan bidang kuasanya yang ditetapkan dalam perintah itu supaya berada dalam rumah di antara waktu-waktu yang ditetapkan di dalamnya; dan Pesuruhjaya atau Ketua Pegawai Polis hendaklah dengan apa-apa cara yang difikirkannya patut membawa atau menyebabkan dibawa ke pengetahuan semua orang yang mungkin terlibat dengannya akan kandungan perintah itu.

(2) Seseorang yang berada di luar rumah dalam waktu-waktu yang dinyatakan dalam perintah itu adalah melakukan suatu kesalahan di bawah Akta ini melainkan orang itu memiliki suatu permit bertulis bagi maksud itu daripada:

- (a) Pesuruhjaya atau Ketua Pegawai Polis yang tersebut dahulu;
- (b) seorang pegawai polis berpangkat tidak rendah daripada Sub-Inspektor yang secara langsung di bawah perintah Pesuruhjaya atau Ketua Pegawai Polis yang tersebut dahulu; atau
- (c) seorang pegawai awam yang diberi kuasa secara bertulis oleh Pesuruhjaya atau Ketua Pegawai Polis yang tersebut dahulu untuk mengeluarkan permit-permit bertulis tersebut.

(3) Tiada apa-apa perintah di bawah subseksyen (1) terpakai kepada:

- (a) Yang di-Pertuan Agong, Raja, Yang Dipertua Negeri;
- (b) mana-mana pegawai polis atau mana-mana anggota mana-mana angkatan laut, tentera atau udara yang ditubuhkan atau berkhidmat dalam Malaysia apabila bertugas; atau
- (c) mana-mana orang atau golongan yang dinyatakan itu sebagai orang yang dikecualikan daripada perintah itu.

[Pind. Akta A 354: A 514]

- (4) Tiada apa-apa perintah yang dibuat di bawah subseksyen (1) boleh berkuat kuasa berterusan lebih daripada dua puluh empat jam dari masa ia dibuat:

Dengan syarat bahawa Menteri, pada atau sebelum tamat tempoh perintah itu, boleh mengarahkan supaya perintah itu, hendaklah berkuat kuasa seterusnya bagi apa-apa tempoh lanjutan tidak lebih daripada empat belas hari sebagaimana dinyatakan olehnya dan, apabila dibuat apa-apa arahan sedemikian, perintah itu hendaklah berkuat kuasa seterusnya bagi tempoh lanjutan itu.

(5) Subseksyen (1) berhubungan dengan memberi notis kandungan perintah yang dibuat di bawah subseksyen tersebut, adalah terpakai bagi arahan Menteri yang dibuat di bawah subseksyen (4).

32. Tiada liabiliti terhadap perbuatan yang dilakukan di bawah kuasa waran

(1) Jika pembelaan kepada mana-mana guaman yang dibawa terhadap seorang pegawai polis, pegawai polis tambahan, pegawai polis

sukarelawan simpanan atau seorang pegawai polis bantuan adalah bahawa perbuatan yang diadukan telah dilakukan pada menurut suatu waran yang berupa sebagai dikeluarkan oleh sesuatu pihak berkuasa yang kompeten, mahkamah hendaklah, apabila dikemukakan waran yang mengandungi tandatangan pihak berkuasa itu dan apabila dibuktikan bahawa perbuatan yang diadukan itu telah dilakukan pada menurut perintah waran itu, mencatatkan hukuman memihak kepada pegawai polis, pegawai polis tambahan, pegawai polis sukarelawan simpanan atau pegawai polis bantuan itu.

(2) Tiada apa-apa bukti mengenai tandatangan pihak berkuasa itu dikehendaki melainkan mahkamah ada sebab bagi meragui ketulenannya; dan di mana dibuktikan tandatangan itu tidak tulen, hukuman hendaklah masih diberi memihak kepada pegawai polis atau pegawai polis tambahan itu jika dibuktikan bahawa, pada waktu perbuatan yang diadukan itu dilakukan, dia percaya atas alasan-alasan yang munasabah bahawa tandatangan itu adalah tulen.

33. Pengecualian berkenaan dengan proses sivil

(1) Tertakluk kepada subseksyen (2):

- (a) gaji dan elaun seorang pegawai rendah polis atau konstabel tidak boleh diserahkan hak atau dipindah milik atau boleh ditahan, disekuestrasikan atau dilevi bagi, atau mengenai, apa-apa jua hutang atau tuntutan;
- (b) tiada seorang pun pegawai rendah polis atau konstabel boleh dipenjarakan di bawah sesuatu perintah oleh mana-mana mahkamah atas sebab tidak membayar apa-apa hutang yang telah ditanggungnya atau mengenainya dia boleh bertanggung.

(2) Subseksyen (1) tidak terpakai bagi:

- (a) hutang yang kena dibayar kepada mana-mana kerajaan dalam Malaysia;
- (b) denda yang dikenakan di bawah mana-mana undang-undang;
- (c) suatu perintah untuk membayar mas kahwin, alimoni atau nafkah yang dibuat di bawah mana-mana undang-undang.

(3) Gaji dan elaun seorang pegawai rendah polis atau konstabel tidak boleh dipindahkan kepada pegawai pemegang harta apabila pegawai polis itu bankrap, jua gaji dan elaun itu tidak boleh menjadi sebahagian daripada pusakanya bagi maksud-maksud mana-mana undang-

undang yang berkuat kuasa dalam Malaysia berhubung dengan kebankrapan.

BAHAGIAN VIII

SUKARELAWAN SIMPANAN POLIS DIRAJA MALAYSIA

34. Penubuhan Sukarelawan Simpanan

(1) Maka hendaklah ditubuhkan dalam dan bagi Malaysia suatu badan bernama Sukarelawan Simpanan Polis Diraja Malaysia (kemudian dari itu disebut "Sukarelawan Simpanan") yang hendaklah terdiri daripada sebilangan pegawai kanan polis sukarelawan simpanan, pegawai rendah polis sukarelawan simpanan dan konstabel sukarelawan simpanan yang diizinkan oleh Yang di-Pertuan Agong dari semasa ke semasa.

(2) Bagi maksud bahagian ini ungkapan "pegawai polis sukarelawan simpanan" ertinya mana-mana anggota Sukarelawan Simpanan.

35. Anggota-anggota Sukarelawan Simpanan

Seseorang (bukan anggota Angkatan Tentera Malaysia atau mana-mana pasukan yang ditubuhkan di bawah mana-mana undang-undang bertulis) yang berumur tidak rendah daripada lapan belas tahun atau lebih daripada lima puluh tahun, dan memiliki kelayakan-kelayakan yang ditetapkan boleh menawarkan diri dan diterima untuk lantikan dalam Sukarelawan Simpanan.

36. Perlantikan, pegawai-pegawai polis Sukarelawan Simpanan, dll.

(1) Pegawai-pegawai kanan polis Sukarelawan Simpanan berpangkat Penolong Penguasa dan ke atas boleh dilantik, dinaikkan pangkat atau dibuang kerja oleh Ketua Polis Negara, dengan persetujuan Menteri, bagi pihak Yang di-Pertuan Agong.

(2) Pegawai-pegawai kanan polis Sukarelawan Simpanan berpangkat Ketua Inspektor dan ke bawah boleh dilantik, dinaikkan pangkat atau dibuang kerja oleh Ketua Polis Negara.

(3) Pegawai-pegawai rendah polis Sukarelawan Simpanan boleh dilantik, dinaikkan pangkat atau dibuang kerja oleh seorang Pegawai Memerintah.

(4) Perlantikan, kenaikan pangkat, perletakan jawatan, perlepasan atau

pembuangan kerja tiap-tiap pegawai kanan polis Sukarelawan Simpanan yang berpangkat Penolong Penguasa atau ke atas hendaklah disiarkan dalam Warta Persekutuan.

37. Pangkat sukarelawan-sukarelawan yang dilantik dalam Sukarelawan Simpanan

Orang-orang yang dilantik dalam Sukarelawan Simpanan boleh memegang pangkat pegawai-pegawai kanan polis sukarelawan simpanan, pegawai-pegawai rendah polis Sukarelawan Simpanan atau konstabel-konstabel Sukarelawan Simpanan, mengikut mana yang berkenaan, mengikut kelayakan-kelayakan mereka.

38. Pegawai-pegawai polis Sukarelawan Simpanan boleh dikehendaki meletakkan jawatan

Seseorang pegawai polis Sukarelawan Simpanan boleh dikehendaki meletakkan jawatan oleh pihak berkuasa perlantikan jika pihak berkuasa itu berpendapat bahawa pegawai itu tidak, atas apa-apa sebab, berupaya menjalankan dengan tegas tugas-tugasnya yang dikehendaki atau mungkin dikehendaki untuk melaksanakan dengan cekap sebagai seorang anggota Sukarelawan Simpanan.

39. Akuan oleh pegawai polis Sukarelawan Simpanan

Tiap-tiap pegawai polis Sukarelawan Simpanan hendaklah, sebelum mula menjalankan tugas-tugasnya membuat di hadapan seorang pegawai kanan polis yang berpangkat tidak rendah daripada Penolong Penguasa, dengan apa-apa cara yang dia boleh akui sebagai paling berkesan pada perasaan hatinya, akuan yang diperuntukkan dalam Jadual Kedua.

40. Perakuan perlantikan

Suatu perakuan perlantikan, dalam bentuk yang ditetapkan, hendaklah dikeluarkan kepada tiap-tiap pegawai polis Sukarelawan Simpanan dan hendaklah menjadi keterangan mengenai perantikannya di bawah Akta ini.

41. Peletakan jawatan

Seseorang pegawai polis Sukarelawan Simpanan boleh meletakkan jawatan dari Sukarelawan Simpanan dengan memberi satu bulan notis secara bertulis kepada seorang Pegawai Memerintah:

Dengan syarat bahawa jika Sukarelawan Simpanan atau mana-mana

bahagiannya sedang dikerah, seorang pegawai polis Sukarelawan Simpanan tidak boleh meletakkan jawatan melainkan dibenarkan dengan nyata secara bertulis untuk berbuat demikian oleh seorang Pegawai Memerintah.

42. Gaji dan elaun

(1) Tertakluk kepada subseksyen (2), seorang pegawai polis Sukarelawan Simpanan hendaklah berkhidmat dengan sukarela dan tidak berhak menuntut apa-apa saaraan bagi perkhidmatannya, kecuali elaun-elaun yang ditetapkan.

(2) Apabila dikerah, seorang pegawai polis Sukarelawan Simpanan hendaklah menerima apa-apa gaji dan elaun yang ditetapkan bagi seorang pegawai polis yang bersamaan pangkat dan kekananan dalam pangkat itu.

43. Mengerah Sukarelawan Simpanan

(1) Bagi apa-apa maksud berkenaan dengan keamanan dan ketenteraman di Malaysia atau mana-mana bahagian daripadanya, Ketua Polis Negara boleh dengan terlebih dahulu mendapat kelulusan Menteri, mengerah Sukarelawan Simpanan, atau mana-mana bahagian daripadanya untuk menjalankan tugas-tugas polis; dan pengerahan itu tidak boleh terhenti kuat kuasanya sehingga diperuntukkan selainnya dengan perintah yang dibuat oleh Ketua Polis Negara dengan terlebih dahulu mendapat kelulusan Menteri.

(2) Tiap-tiap pegawai polis Sukarelawan Simpanan yang dikerah di bawah subseksyen (1) hendaklah berhimpun di mana-mana tempat yang diarahkan oleh Ketua Polis Negara.

(3) Seorang pegawai polis Sukarelawan Simpanan yang dikerah di bawah subseksyen (1) yang tanpa sebab yang munasabah, beban pembuktian hendaklah terletak dengannya, enggan atau abai berkhidmat adalah melakukan suatu kesalahan di bawah Akta ini.

44. Ketua Polis Negara boleh mengguna khidmat pegawai polis Sukarelawan Simpanan untuk menjalankan tugas-tugas polis

Jika Sukarelawan Simpanan tidak dikerah, Ketua Polis Negara boleh mengguna khidmat seorang pegawai polis Sukarelawan Simpanan untuk menjalankan tugas-tugas polis sebagaimana diarahkan olehnya.

45. Kuasa pegawai polis Sukarelawan Simpanan

Seseorang pegawai polis Sukarelawan Simpanan apabila melaksanakan tugas-tugas polis hendaklah mempunyai kuasa-kuasa dan tugas-tugas yang sama dan perlindungan dan imuniti yang sama dan hendaklah tertakluk kepada pihak berkuasa dan disiplin yang sama seperti pegawai polis yang bersamaan pangkat dengannya.

46. Menempatkan semula dalam pekerjaan sivilian

(1) Adalah menjadi kewajipan majikan yang telah mengambil kerja mana-mana pegawai polis Sukarelawan Simpanan selama tempoh sekurang-kurangnya tiga bulan sebelum tarikh pegawai itu dikerah di bawah bahagian ini untuk mengambil kerja semula pegawai itu apabila dia selesai menjalankan perkhidmatan aktif menurut pengerahan itu termasuk apa-apa cuti yang terhak baginya bagi perkhidmatan itu dalam pekerjaan dan di bawah syarat-syarat yang tidak kurang baiknya daripada yang tetap dipakai baginya sekiranya dia tidak dikerah.

(2) Mana-mana majikan yang tidak mengambil kerja semula mana-mana pegawai polis Sukarelawan Simpanan di bawah subseksyen (1) adalah melakukan suatu kesalahan dan tertakluk sebagaimana diperuntukkan kemudian daripada ini, apabila disabitkan, boleh dikenakan denda tidak melebihi satu ribu ringgit atau hukuman penjara selama tempoh tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya:

Dengan syarat bahawa dalam mana-mana prosiding di bawah subseksyen ini adalah menjadi suatu pembelaan bagi majikan untuk menunjukkan bahawa pegawai polis Sukarelawan Simpanan yang telah diambil bekerja olehnya dahulu tidak, sebelum tamat tempoh satu bulan selepas selesai perkhidmatan aktif, memohon kepada majikan untuk bekerja semula atau bahawa, setelah ditawarkan pekerjaan semula olehnya, pegawai itu telah tidak, tanpa sebab yang munasabah menghadirkan diri untuk bekerja pada masa dan di tempat yang telah diberitahu kepadanya oleh majikan itu, atau bahawa oleh sebab perubahan hal keadaan (lain daripada mengguna khidmat seseorang lain bertugas menggantikannya):

- (a) adalah tidak praktik untuk mengambil kerja semula pegawai itu; atau
- (b) pengambilan kerja semula pegawai itu dalam suatu pekerjaan dan di bawah syarat-syarat yang tidak kurang baiknya daripada yang akan dipakai baginya sekiranya dia tidak dikerah adalah tidak praktis, dan bahawa majikan itu telah menawarkan untuk mengambil kerja semula pegawai itu dalam suatu

pekerjaan yang paling baik yang semunasabahnya di bawah hal keadaan itu.

BAHAGIAN IX

POLIS BANTUAN

47. Perlantikan pegawai Polis Bantuan

(1) Ketua Polis Negara, dengan persetujuan Menteri, boleh melantik atau menaikkan pangkat mana-mana orang untuk berkhidmat dalam Polis Bantuan sebagai pegawai kanan Polis Bantuan dengan pangkat kehormat Penguasa, Timbalan Penguasa, Penolong Penguasa atau Inspektor, dan boleh menetapkan kawasan di mana pegawai itu akan berkhidmat.

(2) Seorang Pegawai Memerintah atau mana-mana pegawai polis yang diberi kuasa olehnya bagi maksud itu, dengan atau tanpa perjanjian bertulis, boleh melantik atau menaikkan pangkat mana-mana orang untuk berkhidmat dalam Polis Bantuan sebagai pegawai rendah polis bantuan dengan pangkat kehormat Sub-Inspektor, Sarjan Mejar, Sarjan atau Koperal atau sebagai konstabel Polis Bantuan dan boleh menetapkan kawasan di mana pegawai itu akan berkhidmat.

(3) Bagi maksud bahagian ini, ungkapan "Pegawai Polis Bantuan" ertinya mana-mana anggota Polis Bantuan.

48. Akuan hendaklah dibuat oleh pegawai Polis Bantuan

Tiap-tiap pegawai Polis Bantuan hendaklah, sebelum mula menjalankan tugas-tugas jawatannya, membuat di hadapan seorang pegawai kanan polis berpangkat tidak rendah daripada Penolong Penguasa akuan yang diperuntukkan dalam Jadual Kedua mengikut apa-apa cara yang diakui-nya sebagai paling berkesan pada perasaan hatinya.

49. Perakuan perlantikan

Suatu perakuan perlantikan dalam bentuk yang ditetapkan oleh Peraturan-peraturan Polis, ditandatangani oleh seorang pegawai kanan polis berpangkat tidak rendah Penolong Penguasa yang diberi kuasa bagi maksud itu oleh seorang Pegawai Memerintah, hendaklah dikeluarkan kepada tiap-tiap pegawai Polis Bantuan dan hendaklah menjadi keterangan mengenainya perlantikan di bawah Akta ini.

49A. Gaji dan elaun

Seseorang pegawai Polis Bantuan hendaklah berkhidmat secara sukarela dan tidak berhak menerima apa-apa saraan bagi perkhidmatan tersebut, kecuali apa-apa elaun yang ditetapkan oleh Menteri dari semasa ke semasa berkenaan dengan tugas-tugas tertentu.

[Ditambah Akta A 347]

50. Tugas-tugas dan kuasa-kuasa, dll.

Yang di-Pertuan Agong boleh melalui kaedah-kaedah atau peraturan-peraturan menetapkan tugas-tugas, kuasa-kuasa dan keistimewaan-keistimewaan pegawai Polis Bantuan dan kawasan dalam mana tugas-tugas, kuasa-kuasa dan keistimewaan-keistimewaan itu boleh dijalankan atau dinikmati oleh pegawai itu.

BAHAGIAN X

SIMPANAN POLIS DIRAJA MALAYSIA

51. Simpanan Polis Diraja Malaysia

(1) Maka hendaklah ditubuhkan Simpanan Polis Diraja Malaysia (kemudian daripada ini disebut sebagai "Polis Simpanan").

(2) Polis Simpanan hendaklah terdiri daripada pegawai-pegawai polis yang menjadi anggota Polis Simpanan di bawah Bahagian ini.

52. Liabiliti untuk berkhidmat dalam Polis Simpanan

(1) Tiap-tiap pegawai polis bersara hendaklah menjadi anggota Polis Simpanan jika dia dilantik menjadi seorang pegawai polis pada atau selepas berkuatkuasanya Akta ini dan dia adalah seorang warganegara pada masa persaraannya.

(2) Seksyen ini tidaklah terpakai bagi mana-mana pegawai polis yang telah bersara atas sebab sakit atau hilang upaya jasmani atau hilang upaya lain.

53. Pegawai polis bersara yang tidak bertanggungjawab berkhidmat boleh memilih untuk berkhidmat

Walau apa pun seksyen 52 seorang pegawai polis yang tidak bertanggungjawab untuk berkhidmat dalam Polis Simpanan atas alasan bahawa perlantikannya dalam Pasukan adalah sebelum tarikh yang disebut dalam

seksyen itu boleh didaftarkan sebagai seorang anggota Polis Simpanan:

Dengan syarat bahawa tiada seorang pun pegawai polis boleh didaftarkan sebagai anggota Polis Simpanan jika dia telah bersara selama tempoh sepuluh tahun atau telah mencapai umur persaraan yang diwajibkan, mengikut mana yang lebih awal.

54. Tempoh perkhidmatan dalam Polis Simpanan

Tiap-tiap anggota Polis Simpanan (kemudian daripada ini disebut sebagai "pegawai Polis Simpanan") hendaklah, tertakluk kepada seksyen 62, 63 dan 64, berkhidmat dalam Polis Simpanan selama tempoh sepuluh tahun dari tarikh persaraannya atau sehingga dia mencapai umur lima tahun lebih daripada umur persaraan yang diwajibkan, mengikut mana yang lebih awal.

55. Pengerahan Polis Simpanan

(1) Polis Simpanan atau mana-mana bahagian daripadanya boleh dikerah dengan sesuatu perintah oleh Yang di-Pertuan Agong pada bila-bila masa apabila keselamatan Malaysia terancam atau apabila suatu Pengisytiharan Darurat dikeluarkan.

(2) Subseksyen (1) tidak akan melibatkan mana-mana pegawai Polis Simpanan yang adalah seorang anggota Parlimen atau Dewan Perundangan sesuatu negeri atau seseorang yang menyandang perlantikan bergaji dalam Kerajaan Malaysia atau kerajaan mana-mana negeri, selama mana dia adalah seorang anggota atau menyandang perlantikan itu.

56. Polis Simpanan dikehendaki melapor

Tiap-tiap pegawai Polis Simpanan yang dikerah di bawah seksyen 55 hendaklah melaporkan diri di tempat dan masa yang diperintahkan oleh Ketua Polis Negara atau seorang pegawai yang diberi kuasa dengan sewajarnya oleh Ketua Polis Negara.

57. Kuasa-kuasa pegawai polis apabila dikerah

Seseorang pegawai Polis Simpanan apabila dikerah hendaklah mempunyai kuasa-kuasa dan tugas-tugas yang sama dan perlindungan dan imuniti yang sama sebagai seorang pegawai polis yang bersamaan pangkat dengannya dan hendaklah tertakluk dalam semua keadaan kepada Akta ini, dan apa-apa kaedah-kaedah, peraturan-peraturan dan perintah-perintah tetap yang dibuat di bawahnya.

58. Pangkat dalam Polis Simpanan

Seseorang pegawai Polis Simpanan tidak boleh dikehendaki berkhidmat dalam Polis Simpanan dengan pangkat lebih rendah daripada yang disandangnya pada masa bersara.

59. Gaji dan elaun

Gaji dan elaun seseorang pegawai Polis Simpanan yang dikerah untuk berkhidmat dalam Pasukan ialah gaji dan elaun yang diberi semasa ke semasa ditetapkan untuk seorang pegawai yang telah diberi pencen di bawah mana-mana undang-undang berhubung dengan pencen dan yang diambil kerja semula dalam perkhidmatan awam.

60. Cuti

Seseorang pegawai Polis Simpanan, dalam tempoh dia dikerah, hendaklah mendapat gaji penuh semasa cuti dengan kadar yang sama seperti seorang pegawai polis yang bersamaan pangkat dengannya.

61. Penahanan pencen

Seseorang pegawai polis simpanan hendaklah dalam tempoh dia dikerah terus mendapat pencen penuh yang dia berhak, tetapi tempoh dalam mana dia dikerah tidak boleh dianggap sebagai perkhidmatan berpencen.

62. Dilepaskan daripada Polis Simpanan

Seseorang pegawai Polis Simpanan boleh dilepaskan daripada Polis Simpanan:

- (a) jika dia bermastautin di luar Malaysia; atau
- (b) jika dia diperakui oleh seorang pegawai perubatan kerajaan sebagai tidak layak selama-lamanya untuk bertugas.

63. Diberhentikan daripada Polis Simpanan dan rayuan

(1) Seorang pegawai Polis Simpanan yang dengan kelakuannya telah menunjukkan dirinya tak sesuai untuk berkhidmat selanjutnya boleh dibuang kerja, dan mana-mana pegawai Polis Simpanan yang perkhidmatannya tidak dikehendaki lagi atas apa-apa sebab boleh dilepaskan, daripada Polis Simpanan oleh Ketua Polis Negara:

Dengan syarat bahawa seorang pegawai Polis Simpanan yang telah dikerah untuk berkhidmat di bawah seksyen 55 tidak boleh dibuang kerja atau dilepaskan kecuali oleh Suruhanjaya Pasukan Polis.

(2) Mana-mana pegawai Polis Simpanan yang terkilang dengan pembuangan atau perlepasannya (kecuali pembuangan atau perlepasan itu oleh Suruhanjaya Pasukan Polis) boleh merayu kepada Menteri terhadap pembuangan atau perlepasan itu; dan keputusan Menteri mengenainya adalah muktamad.

64. Penamatan perkhidmatan dalam masa pengerahan

Walau apa pun seksyen 15 dan 54 tetapi tertakluk kepada seksyen 62 tiap-tiap pegawai Polis Simpanan hendaklah dalam sesuatu tempoh darurat atau perang terus berkhidmat dalam pasukan polis:

- (a) selagi darurat atau perang itu berterusan;
- (b) sehingga dia telah genap lima belas tahun bersara daripada Pasukan; atau
- (c) sehingga dia telah mencapai umur enam puluh lima tahun.

mengikut mana satu yang disebutkan itu berlaku awal sekali.

65. Pakaian seragam dan peralatan

(1) Seseorang pegawai Polis Simpanan hendaklah menyimpan dalam miliknya dan menyenggara dalam keadaan baik apa-apa pakaian seragam dan peralatan yang ditetapkan; dan pakaian seragam dan peralatan itu tidak boleh dipakai kecuali semasa Polis Simpanan tersebut dikerah atau pada masa-masa khas yang baginya kebenaran tertentu diberi oleh Ketua Polis Negara.

(2) Subseksyen (1) dan (2) seksyen 17 hendaklah terpakai bagi seorang pegawai Polis Simpanan apabila sahaja dia terhenti menjadi anggota Polis Simpanan.

66. Menempatkan semula dalam pekerjaan sivilian pegawai-pegawai polis dalam Polis Simpanan

(1) Adalah menjadi kewajipan majikan yang telah mengambil kerja mana-mana pegawai Polis Simpanan selama tempoh sekurang-kurangnya tiga bulan sebelum sahaja tarikh pegawai itu dikerah di bawah Bahagian ini mengambil kerja semula pegawai itu apabila dia selesai menjalankan perkhidmatan itu dalam pekerjaan dan di bawah syarat-

syarat yang tidak kurang baiknya daripada yang tetap dipakai baginya sekiranya dia tidak dikerah.

(2) Mana-mana majikan yang tidak mengambil kerja semula mana-mana pegawai Polis Simpanan di bawah subseksyen (1) adalah melakukan suatu kesalahan dan, tertakluk sebagaimana diperuntukkan kemudian daripada ini, apabila disabitkan, boleh dikenakan denda tidak melebihi satu ribu ringgit atau hukuman penjara selama tempoh tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya:

Dengan syarat bahawa dalam apa-apa prosiding di bawah subseksyen ini adalah menjadi suatu pembelaan bagi majikan menunjukkan bahawa pegawai Polis Simpanan yang telah diambil kerja olehnya dahulu itu telah tidak, sebelum tamat satu bulan selepas selesai perkhidmatan aktif, memohon kepada majikan untuk bekerja semula atau bahawa, setelah ditawarkan pekerjaan semula olehnya, pegawai itu telah tidak, tanpa sebab yang munasabah, menghadirkan diri untuk bekerja pada masa dan di tempat yang telah diberitahu kepadanya oleh majikan itu, atau bahawa oleh sebab perubahan hal keadaan (lain daripada mengguna khidmat seseorang lain bagi menggantikannya)

- (a) adalah tidak praktis untuk mengambil kerja semula pegawai itu; atau
- (b) pengambilan kerja semula pegawai itu dalam suatu pekerjaan dan di bawah syarat-syarat yang tidak kurang baiknya daripadanya yang akan dipakai baginya sekiranya dia tidak dikerah adalah tak praktis, dan bahawa majikan itu telah menawarkan untuk mengambil kerja semula pegawai itu dalam suatu pekerjaan yang paling baik dan di bawah syarat-syarat yang paling baik yang semunasabahnya praktis di bawah hal keadaan itu.

67. Penalti

Seseorang pegawai polis yang dikerah di bawah seksyen 55 yang tanpa sebab yang munasabah, yang mana beban pembuktian hendaklah terletak ke atasnya, tidak melapor di tempat dan pada masa yang ditetapkan di dalam suatu perintah yang dibuat di bawah seksyen 56, tidak berpakaian seragam dengan sempurna dan melengkapkan diri mengikut skala yang ditetapkan, adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh dikenakan hukuman penjara selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau denda tidak melebihi satu ribu ringgit atau kedua-duanya.

BAHAGIAN XI

KOR KADET POLIS DIRAJA MALAYSIA

68. Penubuhan Kor Kadet

(1) Maka hendaklah ditubuhkan dalam dan bagi mana-mana kawasan dalam Malaysia yang diisytiharkan dengan perintah oleh Menteri suatu badan bernama Kor Kadet Polis Diraja Malaysia (kemudian daripada ini disebut "Kor Kadet") yang hendaklah terdiri daripada sebilangan pegawai-pegawai kanan Kor Kadet, pegawai-pegawai rendah Kor Kadet dan kadet-kadet yang diizinkan dari semasa ke semasa oleh Yang di-Pertuan Agong.

(2) Kor Kadet hendaklah ditubuhkan mengikut bahagian-bahagian, subbahagian-subbahagian dan unit-unit sebagaimana ditetapkan dari semasa ke semasa.

(3) Kor Kadet hendaklah digabungkan dengan Pasukan tetapi anggota-anggota Kor Kadet bukanlah pegawai-pegawai polis mengikut pengertian Akta ini.

69. Anggota Kor Kadet

(1) Seorang (bukan anggota Angkatan Tentera Malaysia atau mana-mana pasukan ditubuhkan di bawah mana-mana undang-undang bertulis), yang berumur tidak rendah daripada dua puluh satu tahun atau lebih daripada lima puluh tahun, yang memiliki kelayakan-kelayakan yang ditetapkan, boleh menawarkan dirinya dan boleh diterima untuk dilantik sebagai pegawai kanan kor Kadet.

(2) Seseorang yang menjalani pelajaran sepenuh masa di mana-mana sekolah yang ditetapkan oleh Menteri boleh mendaftar dan diterima dalam Kor Kadet sebagai seorang Kadet.

70. Perlantikan kenaikan pangkat dan pemuangan kerja Pegawai Kadet dan Kadet

(1) Pegawai-pegawai Kadet bolehlah dilantik ke pangkat pegawai kanan Kor Kadet atau pegawai rendah Kor Kadet, mengikut mana yang berkenaan selaras dengan kelayakan-kelayakan mereka.

(2) Pegawai-pegawai kanan Kor Kadet berpangkat Penolong Penguasa atau ke atas boleh dengan persetujuan Menteri dilantik, dinaikkan pangkat atau dibuang kerja oleh Ketua Polis Negara.

(3) Pegawai-pegawai kanan Kor Kadet berpangkat Ketua Inspektor

atau ke bawah boleh dilantik, dinaikkan pangkat atau dibuang kerja oleh Ketua Polis Negara.

(4) Pegawai-pegawai rendah Kor Kadet dan kadet-kadet boleh dilantik, dinaikkan pangkat atau dibuang kerja oleh Pegawai Memerintah.

Dengan syarat bahawa orang yang diberi kuasa melantik mana-mana pegawai kadet atau kadet di bawah seksyen ini hendaklah mempunyai kuasa untuk menghendaki pegawai kadet atau kadet itu meletakkan jawatan jika orang itu berpendapat bahawa pegawai kadet atau kadet itu tidak berupaya atas apa-apa sebab, menjalankan dengan cekap tugas-tugas yang dikehendaki atau mungkin dikehendaki supaya dilaksanakan olehnya sebagai pegawai kadet atau kadet.

71. Peletakan jawatan

Mana-mana anggota Kor Kadet boleh meletakkan jawatan daripada Kor Kadet dengan memberi satu bulan notis secara bertulis kepada Pegawai Memerintah.

72. Gaji dan elaun

Seseorang anggota Kor Kadet hendaklah berkhidmat secara sukarela dan tidak berhak menerima apa-apa saraan bagi perkhidmatannya, kecuali elaun-elaun yang ditetapkan.

73. Pembubaran

Apabila didapati bermanfaat oleh Menteri, dia boleh, dengan kelulusan Yang di-Pertuan Agong; membubar atau menghentikan Kor Kadet atau mana-mana bahagian daripadanya.

BAHAGIAN XII

DISIPLIN

74. Pegawai-pegawai polis tertakluk kepada peraturan-peraturan disiplin

Semua anggota Pasukan hendaklah tertakluk kepada peraturan-peraturan berhubungan dengan disiplin yang boleh dibuat oleh Yang di-Pertuan Agong dari semasa ke semasa di bawah Perkara 132(2) Perlembagaan Persekutuan atau di bawah seksyen 96 Akta ini.

75. Denda didapati daripada potongan gaji

Semua denda yang dikenakan oleh atau di bawah kuasa pihak berkuasa disiplin berkenaan dengan kesalahan-kesalahan terhadap disiplin boleh didapati dengan memotong gaji, ditolak elaun dan bayaran ketukangan yang kena dibayar; atau akan kena dibayar kepada pesalah:

Dengan syarat bahawa potongan gaji itu tidak akan dalam mana-mana keadaan melebihi satu pertujuh daripada gaji bulanan, ditolak elaun dan bayaran ketukangan, pesalah itu, dan jika lebih daripada satu perintah potongan gaji berkuat kuasa dengan serentak terhadap pesalah sekian banyak sahaja gajinya akan ditahan supaya sekurang-kurangnya pesalah itu menerima tiga perempat daripada gaji tersebut, tidak termasuk elaun dan bayaran ketukangan.

76. Gaji penuh tidak terakru semasa tidak hadir tanpa kebenaran atau semasa dalam penjara

Tiada apa-apa gaji dan elaun, termasuk bayaran ketukangan tetapi tidak termasuk elaun sewa rumah akan terakru kepada mana-mana pegawai polis bagi mana-mana tempoh yang dia tidak hadir bertugas tanpa kebenaran atau sebab yang munasabah, atau sedang menjalani apa-apa hukuman penjara:

Dengan syarat bahawa pihak berkuasa disiplin boleh, mengikut budi bicaranya, membenarkan dibayar apa-apa kadar gaji, elaun dan bayaran ketukangan yang tidak lebih daripada separuh, sebagaimana difikirkannya patut.

77. Senjata, kelengkapan dll., yang hilang atau rosak hendaklah diganti dengan potongan gaji.

Walau apa pun terkandung dalam mana-mana undang-undang lain, jika mana-mana pegawai polis menggadai, menjual, menghilangkan kerana abai, membuang atau dengan sengaja atau dengan cuai merosakkan apa-apa senjata api amunisi, perlengkapan, pakaian seragam atau artikel lain berupa harta yang diamanahkan kepada atau secara sah ada dalam milik Pasukan dan dibekalkan kepadanya, atau apa-apa harta yang diserahkan kepada jagaannya dalam perjalanan tugasnya, atau apa-apa harta yang disita atau diambil olehnya ke dalam jagaannya dalam perjalanan tugasnya, dia boleh, sebagai tambahan kepada atau sebagai ganti apa-apa penalti lain, diperintahkan menggantikan, sama ada kesemuanya atau sebahagiannya, nilai harta itu atau amaun kerugian atau kerosakan itu, mengikut mana didapati melalui penahanan gajinya, termasuk elaun, selain daripada elaun sewa rumah dan bayaran ketukangan.

78. Tahan kerja

(1) Jika difikirkan perlu untuk kepentingan awam supaya seseorang pegawai polis berhenti menjalankan kuasa-kuasa dan fungsi-fungsi jawatannya dengan serta-merta, Pihak Berkuasa Disiplin boleh menahan kerja pegawai polis itu, sementara menanti apa-apa penyiasatan mengenai kelakuan pegawai polis itu di bawah Akta ini atau mana-mana Peraturan-peraturan Polis yang dibuat di bawahnya atau mana-mana peraturan atau perintah yang terpakai kepada pegawai-pegawai lain yang mempunyai taraf yang sama di dalam perkhidmatan awam.

(2) Kuasa-kuasa, keistimewaan-keistimewaan dan faedah-faedah yang terletak hak pada pegawai polis yang telah ditahan kerja di bawah subseksyen (1) hendaklah tergantung semasa ditahan kerja:

Dengan syarat bahawa pegawai polis itu hendaklah terus tertakluk kepada pihak berkuasa dan disiplin yang sama seolah-olah dia tidak ditahan kerja dan dia tidaklah semata-mata oleh sebab ditahan kerja terhenti menjadi pegawai polis.

(3) Dalam apa-apa tempoh pegawai polis ditahan kerja yang menunggu perbicaraan atau prosiding disiplin di mana dia disabitkan atau didapati salah, pegawai polis itu hendaklah menerima separuh daripada gaji dan elaun-elaunnya, kecuali elaun sewa rumah hendaklah dibayar dengan penuh. Tiada apa-apa bayaran ketukangan boleh terakru dalam apa-apa tempoh tahan kerja.

Dengan syarat bahawa Pihak Berkuasa Disiplin boleh, mengikut budi bicaranya, membenarkan dibayar apa-apa kadar gaji dan elaun yang lebih tinggi sebagaimana difikirkannya patut.

79. Jawatankuasa Siasatan bagi Jabatan berkenaan dengan kematian atau kecederaan mana-mana pegawai polis atau berkenaan dengan kehilangan atau kerosakan harta

(1) Pegawai Memerintah boleh mengadakan suatu Jawatankuasa Siasatan untuk menyiasat kematian atau kecederaan mana-mana pegawai polis atau kehilangan atau kerosakan apa-apa harta yang diamanahkan kepada atau yang secara sah ada dalam milik Pasukan Jawatankuasa Siasatan itu hendaklah terdiri daripada seorang Yang Dipertua yang mana hendaklah seorang pegawai kanan polis berpangkat tidak rendah daripada Penolong Penguasa dan seorang anggota atau lebih, sebagaimana diarahkan oleh Pegawai Memerintah itu.

(2) Jawatankuasa Siasatan yang diadakan di bawah subseksyen (1) untuk menyiasat kematian atau kecederaan seorang pegawai polis

hendaklah diberi kuasa mengemukakan dapatan-dapatan dan syor-syor seperti yang berikut:

- (a) sama ada si mati atau orang yang cedera itu sedang bertugas pada masa kematian atau kecederaan itu;
- (b) sama ada kematian atau kecederaan itu boleh dikaitkan secara langsung kepada jenis tugas yang mana si mati atau orang yang cedera itu telah digunakan khidmat;
- (c) sama ada kematian atau kecederaan itu disebabkan oleh keingkaran si mati atau orang yang cedera itu;
- (d) sama ada pencen, ganjaran atau elaun patut dibayar menurut kaedah-kaedah yang dibuat di bawah Akta ini atau di bawah mana-mana undang-undang bertulis yang lain;
- (e) sama ada apa-apa tindakan perlu untuk mencegah berlakunya pada masa depan kematian atau kecederaan yang serupa ke atas pegawai-pegawai polis yang lain.

(3) Jawatankuasa Siasatan yang diadakan di bawah subseksyen (1) untuk menyiasat apa-apa kehilangan atau kerosakan apa-apa harta yang diamanahkan kepada atau yang secara sah ada dalam milik Pasukan hendaklah mengemukakan dapatan-dapatan dan syor-syor kepada Pegawai Memerintah seperti berikut:

- (a) anggaran kos kerugian atau kerosakan;
- (b) tanggungjawab tiap-tiap seorang terhadap kehilangan atau kerosakan itu;
- (c) tindakan yang perlu untuk mencegah berlakunya pada masa depan kehilangan atau kerosakan serupa;
- (d) cara bagaimana kos kerugian atau kerosakan boleh didapati atau dibayar sebagai ganti kepada pemunya harta itu yang sah.

(4) Dalam seksyen ini ungkapan "pegawai polis" meliputi semua orang yang dilantik atau diguna khidmat untuk menjalankan tugas-tugas polis di bawah Akta ini, dan ungkapan "Pasukan" meliputi semua badan yang ditubuhkan atau didirikan untuk menjalankan tugas-tugas polis di bawah Akta ini.

80. Kuasa pegawai kanan polis yang mengadakan penyiasatan untuk menyaman saksi-saksi

(1) Pegawai kanan polis yang diberi kuasa untuk menjalankan penyiasatan ke atas suatu kesalahan terhadap disiplin dan Yang Dipertua

mana-mana Jawatankuasa Siasatan yang diadakan di bawah seksyen 79 boleh memohon kepada majistret supaya mengeluarkan suatu saman untuk mendapatkan seorang yang difikirkan tahu akan hal keadaan perkara itu supaya hadir sebagai saksi di hadapan pegawai polis itu. Atas permohonan itu, majistret boleh mengeluarkan saman dengan sewajarnya dan saksi itu adalah diwajibkan menjawab dengan sebenarnya semua soalan berhubung dengan perkara itu yang dikemukakan kepadanya oleh pegawai polis itu, dan hendaklah mengemukakan semua dokumen yang relevan dengan perkara itu.

(2) Seseorang yang disaman sebagai saksi di bawah subseksyen (1) yang tidak hadir pada masa dan tempat yang dinyatakan dalam saman itu atau pada masa penangguhan, atau enggan menjawab apa-apa soalan yang dikemukakan padanya secara sah atau enggan mengemukakan apa-apa dokumen yang dia berkuasa mengemukakannya, adalah melakukan suatu kesalahan di bawah Akta ini dan boleh dikenakan denda satu ratus ringgit atau hukuman penjara selama tempoh tidak melebihi satu bulan atau kedua-duanya:

Dengan syarat bahawa tiada apa juga yang terkandung dalam seksyen ini boleh menjadikan mana-mana orang terpaksa menjawab apa-apa soalan atau mengemukakan apa-apa dokumen berkenaan dengan apa-apa perkara yang akan dilindungi daripada dizahirkan atas alasan keistimewaan jika prosiding itu diadakan di mana-mana mahkamah.

BAHAGIAN XIII

KUMPULAN WANG POLIS

81. Kumpulan Wang Polis

(1) Maka hendaklah ditubuhkan suatu kumpulan wang yang bernama Kumpulan Wang Polis yang akan dikendalikan sebagai Akaun Amanah dalam Kumpulan Wang Disatukan Persekutuan.

(2) Kumpulan Wang Polis (dalam bahagian ini disebut sebagai "Kumpulan Wang") hendaklah terdiri daripada:

- (a) denda-denda yang dikenakan ke atas pegawai-pegawai dalam mana-mana prosiding disiplin;
- (b) satu perdua daripada jumlah wang yang dibayar bagi perkhidmatan tambahan atau khas yang diberi oleh pegawai-pegawai polis;

- (c) semua jumlah wang dan harta lain yang diberi kepada pegawai-pegawai polis dan dilucuthakkan atas perintah mahkamah;
- (d) apa-apa jumlah wang yang dibayar kepada Kumpulan Wang di bawah seksyen 22;
- (e) derma-derma atau hadiah-hadiah yang diberikan kepada Kumpulan Wang atau kepada anggota-anggota perseorangan Pasukan masing-masing dan diterima oleh Ketua Polis Negara; dan
- (f) pendapatan yang didapati daripada pelupusan harta yang telah dibeli atau didapati daripada pelaburan daripada Kumpulan Wang.

82. Kumpulan Wang Polis dan Maksud-maksud Kumpulan Wang

- (1) Kumpulan Wang hendaklah dikawal oleh Ketua Polis Negara tertakluk kepada apa-apa kaedah-kaedah atau peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Akta ini.
- (2) Kumpulan Wang itu hendaklah digunakan bagi maksud:
 - (a) memberi hadiah kepada pegawai-pegawai polis bagi perkhidmatan tambahan atau khas diberi oleh mereka;
 - (b) mengadakan bagi pegawai-pegawai polis yang sedang berkhidmat atau telah bersara atau telah diberhentikan dengan pencen, ganjaran atau elaun, apa-apa keselesaan, kesenangan atau kemudahan atau faedah lain yang tidak dipertanggungjawabkan kepada hasil awam; dan
 - (c) memberi pinjaman atas terma-terma yang ditetapkan oleh kaedah-kaedah kepada pegawai-pegawai polis yang sedang berkhidmat atau telah bersara atau telah diberhentikan dengan pencen atau ganjaran atau kepada orang-orang tanggungan pegawai-pegawai polis yang telah mati.

83. Pemindahan Kumpulan Wang

Semua wang dan aset atau harta lain jika ada yang terkandung dalam atau dipegang di bawah atau bagi pihak mana-mana Kumpulan Wang Polis yang diadakan atau ditubuhkan di bawah mana-mana undang-undang yang telah dimansuhkan oleh Akta ini termasuk apa-apa bunga yang terakru di atasnya jika ada, sebelum sahaja mula berkuatkuasanya Akta ini, apabila sahaja berkuatkuasanya Akta ini, hendaklah disifatkan sebagai dipindahkan kepada Kumpulan Wang dan hendaklah menjadi

sebahagian daripada Kumpulan Wang yang ditubuhkan di bawah bahagian ini.

84. Tafsiran

Dalam bahagian ini ungkapan "pegawai polis" meliputi pegawai polis tambahan, anggota Polis Simpanan, Sukarelawan Simpanan Polis dan Polis Bantuan dan mana-mana anggota pasukan polis dari mana-mana wilayah yang ada dalam Malaysia di bawah Akta ini.

BAHAGIAN XIV

AM

85. Membawa senjata

Seseorang pegawai polis boleh dalam melaksanakan tugas-tugasnya membawa senjata.

86. Pembolosan

(1) Mana-mana pegawai polis yang tanpa sebab yang munasabah, yang mana beban pembuktian hendaklah terletak ke atasnya, tidak menghadirkan dirinya untuk menjalankan tugas selama tempoh dua puluh satu hari berterusan atau dalam hal keadaan yang menunjukkan bahawa dia bertujuan tidak akan kembali menjalankan tugas-tugasnya hendaklah disifatkan sebagai telah membolos, dan adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh dikenakan hukuman penjara selama tempoh tidak melebihi dua belas bulan.

(2) Jika seorang telah disabitkan di bawah seksyen ini, Pihak Berkuasa Disiplin bolehlah mengarahkan supaya semua tunggakan gaji yang kena dibayar kepada orang itu dilucuthakkan.

(3) Dalam subseksyen (1) ungkapan "pegawai polis" meliputi pegawai polis tambahan, anggota Polis Simpanan dan Sukarelawan Simpanan Polis apabila dikerah di bawah Akta ini dan mana-mana anggota pasukan polis dari wilayah lain yang ada dalam Malaysia di bawah Akta ini.

87. Dahagi

Mana-mana pegawai polis yang menyebabkan, mengapiakan, atau masuk serta dalam apa-apa dahagi atau penderhakaan dalam Pasukan atau berkomplot dengan mana-mana orang lain untuk menyebabkan dahagi atau penderhakaan itu, atau tidak berusaha dengan sedaya upayanya

untuk menumpaskan apa-apa dahagi atau penderhakaan itu, atau setelah mengetahui akan apa-apa dahagi atau penderhakaan atau cadangan akan apa-apa dahagi atau penderhakaan tidak, tanpa berlengah-lengah, memberi maklumat mengenainya kepada pegawai polis atasannya, adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh dikenakan hukuman penjara selama tempoh tidak melebihi lima tahun.

88. Penalti kerana menyebabkan penderhakaan

(1) Seseorang yang menyebabkan atau cuba menyebabkan atau melakukan apa-apa perbuatan yang dikira akan menyebabkan penderhakaan di kalangan anggota-anggota Pasukan atau mendorong atau cuba mendorong mana-mana anggota itu supaya tidak memberi perkhidmatannya atau supaya melakukan langgaran disiplin adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh dikenakan hukuman penjara selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau denda tidak melebihi satu ribu ringgit atau kedua-duanya. Mana-mana pegawai kanan polis boleh menangkap tanpa waran mana-mana orang yang semunasabahnya disyaki telah melakukan suatu kesalahan di bawah seksyen ini.

(2) Dalam seksyen 87 dan seksyen ini ungkapan "pegawai polis" meliputi semua orang yang dilantik atau diguna khidmat untuk menjalankan tugas-tugas polis di bawah Akta ini dan mana-mana anggota polis dari suatu wilayah lain yang ada dalam Malaysia di bawah Akta ini; dan ungkapan "Pasukan" meliputi semua badan yang ditubuhkan atau didirikan untuk menjalankan tugas-tugas polis di bawah Akta ini dan pasukan polis dari suatu wilayah lain yang mana-mana anggotanya mungkin ada dalam Malaysia di bawah Akta ini.

89. Memiliki, membuat, menjual atau membekalkan secara haram peralatan-peralatan yang dibekalkan kepada pegawai polis dan penggunaan pakaian seragam polis tanpa kebenaran

Seseorang, yang bukannya seorang pegawai polis, yang

- (a) didapati ada dalam miliknya apa-apa peralatan yang telah dibekalkan kepada mana-mana pegawai polis untuk melaksanakan tugasnya, atau apa-apa pingat atau bintang penghormatan yang diberi kepada mana-mana pegawai polis kerana keberanian, perkhidmatan atau kelakuan baik, dan yang tidak dapat menerangkan dengan memuaskan bagaimana ianya ada dalam miliknya, atau yang, tanpa kebenaran yang sah, membeli atau menerima apa-apa peralatan itu.

pingat atau bintang penghormatan atau yang membantu atau bersebab dengan mana-mana pegawai polis dalam menjual atau melupuskan apa-apa peralatan, pingat atau bintang penghormatan itu;

- (b) tanpa kebenaran yang sah membuat, menjual atau membekal, atau menawar untuk menjual atau membekal, suatu *facsimile* munasabah apa-apa lencana atau tanda yang digunakan untuk menunjukkan bahawa seseorang itu adalah anggota Pasukan atau mana-mana badan yang ditubuhkan atau didirikan untuk menjalankan tugas-tugas polis di bawah Akta ini, atau suatu *facsimile* munasabah apa-apa lencana atau tanda yang digunakan untuk menunjuk pangkat seseorang anggota pasukan atau seseorang anggota mana-mana badan yang ditubuhkan atau didirikan untuk menjalankan tugas-tugas polis di bawah Akta ini, atau suatu *facsimile* munasabah apa-apa pingat atau bintang penghormatan yang diberi kepada mana-mana pegawai polis kerana keberanian, perkhidmatan atau kelakuan baik atau yang membantu atau bersebab dengan mana-mana orang dalam membuat, menjual atau membekal *facsimile*; atau
- (c) tanpa kebenaran seorang Pegawai Memerintah, secara haram memakai, mengguna atau mempamerkan kecuali semasa mengadakan permainan pentas atau lain-lain pertunjukan panggung, apa-apa pakaian seragam Pasukan atau apa-apa lencana atau tanda untuk menunjukkan yang dia seorang anggota Pasukan atau mana-mana badan lain yang ditubuhkan atau didirikan untuk menjalankan tugas-tugas polis di bawah Akta ini, atau apa-apa pakaian yang berupa atau mempunyai tanda-tanda tertentu pakaian seragam itu;

adalah melakukan suatu kesalahan di bawah Akta ini.

90. Kelakuan tidak senonoh di balai polis

Seseorang yang berkelakuan rusuh, lucah, tak senonoh atau aib di balai polis adalah melakukan suatu kesalahan di bawah Akta ini.

91. Pegawai polis boleh menangkap tanpa waran bagi kesalahan-kesalahan di bawah seksyen 31(2), 86, 87, 89 dan 90

Seseorang pegawai polis boleh menangkap tanpa waran mana-mana

orang yang melanggar atau yang disyaki dengan munasabah telah melakukan mana-mana kesalahan di bawah seksyen 31(2), 86, 87, 89 dan 90.

92. Pegawai polis tidak boleh menjadi anggota Kesatuan Sekerja

(1) Walau apa pun yang terkandung dalam mana-mana undang-undang lain, seseorang pegawai polis yang, tertakluk kepada Akta ini, menjadi atau selepas tamat satu bulan dari mula berkuatkuasanya Akta ini masih menjadi, seorang anggota mana-mana Kesatuan Sekerja, atau mana-mana persatuan yang mempunyai tujuan-tujuan politik, atau mana-mana parti politik adalah melakukan suatu kesalahan di bawah Akta ini.

(2) Bagi maksud seksyen ini apa-apa soalan sama ada mana-mana badan adalah kesatuan sekerja atau persatuan yang dimaksudkan oleh seksyen ini hendaklah diputuskan oleh Menteri.

(3) Dalam seksyen ini ungkapan "pegawai polis" meliputi pegawai polis tambahan dan mana-mana anggota pasukan polis dari suatu wilayah lain yang ada di dalam Malaysia di bawah Akta ini.

93. Persatuan-persatuan polis

Bagi maksud untuk membolehkan pegawai-pegawai polis menimbang-kan dan membawa kepada perhatian kerajaan semua perkara yang melibatkan kebajikan dan kecekapan mereka, termasuk gaji, penzen dan syarat-syarat perkhidmatan, lain daripada soalan-soalan yang melibatkan kenaikan pangkat individu dan disiplin, suatu persatuan atau lebih boleh ditubuhkan dan persatuan ini hendaklah dikendalikan serta ditadbir menurut kaedah-kaedah. Mana-mana persatuan sedemikian dan cawangannya hendaklah pada keseluruhannya bebas daripada dan tidak bersekutu dengan mana-mana badan atau orang di luar Pasukan, dan hendaklah dikecualikan daripada mana-mana undang-undang yang berhubungan dengan pendaftaran pertubuhan.

94. Penalti am

Seseorang yang melakukan suatu kesalahan di bawah Akta ini yang baginya tiada apa-apa penalti lain yang diperuntukkan dengan nyata, boleh dikenakan denda tidak melebihi lima ratus ringgit atau hukuman penjara selama tempoh tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya.

95. Kaedah-kaedah.

(1) Yang di-Pertuan Agong boleh membuat kaedah-kaedah yang tidak berlawanan dengan Akta ini, bagi menjalankan maksud-maksud Akta ini.

(2) Khususnya dan tanpa menyentuh keluasan yang tersebut di atas, Yang di-Pertuan Agong boleh membuat kaedah-kaedah berhubungan dengan semua atau mana-mana perkara berikut:

- (a) pengelasan dan kekananan berbagai-bagai gred, pangkat dan perlantikan dalam Pasukan dan dalam semua badan lain yang ditubuhkan atau didirikan untuk menjalankan tugas-tugas polis di bawah Akta ini;
- (b) pemberian dalam hal-hal tertentu darjat kehormat kepada mana-mana orang dan masa mana-mana orang itu boleh memakai pakaian seragam darjat kehormat itu;
- (c) bayaran pencen dan ganjaran, gaji dan elaun dan pampasan kepada anggota-anggota Pasukan dan anggota-anggota semua badan lain yang ditubuhkan atau didirikan untuk menjalankan tugas-tugas polis di bawah Akta ini;
- (d) pentadbiran Kumpulan Wang Polis;
- (e) semua perkara yang, di bawah Akta ini, boleh diadakan atau ditetapkan melalui kaedah-kaedah;
- (f) secara amnya bagi faedah dan pentadbiran Pasukan dan semua badan lain yang ditubuhkan atau didirikan untuk menjalankan tugas-tugas polis di bawah Akta ini.

96. Peraturan-peraturan Polis

(1) Yang di-Pertuan Agong boleh membuat peraturan-peraturan yang bernama "Peraturan-peraturan Polis" yang tidak berlawanan dengan Akta ini.

(2) Khususnya dan tanpa menyentuh keluasan yang tersebut di atas, Yang di-Pertuan Agong boleh membuat Peraturan-peraturan Polis, berhubungan dengan semua atau mana-mana perkara berikut:

- (a) kenaikan pangkat dan penurunan pangkat;
- (b) disiplin, termasuk pentakrifan kesalahan-kesalahan disiplin, prosedur disiplin dan mengawal selia dan melaksanakan hukuman;
- (c) kenaikan pangkat dan peperiksaan kemahiran;
- (d) perihal dan pengeluaran senjata, amunisi, perlengkapan, pakaian seragam dan keperluan-keperluan untuk dibekalkan

kepada anggota-anggota Pasukan dan kepada anggota-anggota badan-badan lain yang ditubuhkan atau didirikan untuk menjalankan tugas-tugas polis di bawah Akta ini;

- (e) kebenaran untuk tidak hadir;
- (f) bayaran yang dikenakan kepada anggota-anggota awam atau pihak berkuasa berkanun bagi perkhidmatan tambahan dan khas oleh polis dan untuk salinan gambar-gambar foto yang dibuat oleh pegawai-pegawai polis;
- (g) semua perkara yang, di bawah Akta ini, boleh diperuntukkan atau ditetapkan oleh Peraturan-peraturan Polis.

97. Perintah tetap

Ketua Polis Negara boleh mengeluarkan perintah-perintah pentadbiran, bernama "Perintah Tetap", yang tidak berlawanan dengan Akta ini atau dengan kaedah-kaedah atau Peraturan-peraturan Polis yang dibuat di bawahnya, untuk kawalan dan arahan dan maklumat am Pasukan dan semua badan yang ditubuhkan atau didirikan untuk menjalankan tugas-tugas polis di bawah Akta ini.

98. Pemansuhan dan kecualian

Undang-undang yang dinyatakan dalam Jadual Ketiga adalah dengan ini dimansuhkan:

Dengan syarat bahawa apa-apa kaedah-kaedah, peraturan-peraturan atau perintah-perintah yang dibuat di bawah undang-undang yang dimansuhkan di bawah seksyen ini setakat mana ianya tidak berlawanan dengan Akta ini, hendaklah masih berkuat kuasa, dan terus berkuat kuasa sehingga digantikan atau dibatalkan dengan kaedah-kaedah, peraturan-peraturan atau perintah-perintah yang dibuat di bawah Akta ini.

99. Masa peralihan

(1) Berkenaan dengan anggota-anggota Pasukan seperti ditubuhkan di bawah Akta ini, peruntukan-peruntukan berikut hendaklah berkuat kuasa:

- (a) kecuali sebagaimana diperuntukkan dalam perenggan (b) bagi tujuan membayar pencen, ganjaran atau elaun-elaun lain kepada anggota Pasukan, Ordinan Pencen 1951, bagi negeri-negeri Tanah Melayu dan apa-apa kaedah-kaedah, peraturan-peraturan dan perintah-perintah pada masa tersebut berkuat kuasa di negeri-negeri Tanah Melayu adalah terpakai kepada anggota-anggota itu; dan bagi maksud perenggan Ordinan

ini, kaedah-kaedah, peraturan-peraturan dan perintah-perintah yang tersebut di atas hendaklah diperluaskan ke Negeri Sabah dan Sarawak dengan pengubahsuaian-pengubahsuaian yang mungkin perlu untuk menguatkuasakan perenggan ini;

- (b) anggota-anggota Pasukan yang kepadanya mana-mana undang-undang lain berhubungan dengan pencen, ganjaran dan elaun-elaun lain dipakai sebelum sahaja Akta ini mula berkuat kuasa hendaklah seterusnya terikat oleh undang-undang itu; dan jika mana-mana undang-undang itu hendaklah walaupun telah dimansuhkan bagi maksud perenggan ini sahaja terus dikuatkuasakan dan mempunyai efek ke atas anggota-anggota tersebut;
- (c) berkenaan dengan anggota-anggota Pasukan di negeri Sabah dan Sarawak, tiada apa-apa jua dalam seksyen ini boleh menyentuh atau mengambil daripada mana-mana anggota apa-apa terma atau syarat perkhidmatan yang diberi kepadanya atau dinikmati atau didapati oleh mereka sebelum sahaja Akta ini mula berkuat kuasa.

(2) Berkenaan dengan anggota-anggota mana-mana badan bantuan yang ditubuhkan atau didirikan di bawah mana-mana undang-undang yang dimansuhkan oleh Akta ini, anggota-anggota itu hendaklah walaupun dimansuhkan undang-undang itu terus menjadi anggota-anggota badan-badan tersebut seolah-olah badan-badan itu ditubuhkan atau didirikan di bawah Akta ini sehingga dilepaskan atau dilantik mengikut Akta ini.

100. Mengubahsuaikan undang-undang lain

Apa-apa rujukan dalam mana-mana undang-undang lain kepada pangkat yang diadakan atau dibenarkan oleh mana-mana undang-undang yang dimansuhkan oleh Akta ini hendaklah selepas Akta ini mula berkuat kuasa diubahsuaikan dan ditafsirkan sebagai pangkat yang setara yang diadakan atau dibenarkan oleh Akta ini.

Jadual Pertama
(Seksyen 2 dan 5 (2))

PANGKAT POLIS

1. PEGAWAI KANAN POLIS

Ketua Polis Negara
Timbalan Ketua Polis Negara
Pesuruhjaya
Timbalan Pesuruhjaya
Penolong Kanan Pesuruhjaya
Penolong Pesuruhjaya
Penguasa
Timbalan Penguasa
Penolong Penguasa
Ketua Inspektor
Inspektor Kanan
Inspektor
Inspektor Percubaan.

2. PEGAWAI RENDAH POLIS

Sub-Inspektor
Sarjan Mejar
Sarjan
Koperal.

3. KONSTABEL

JADUAL KEDUA
(Seksyen 13, 39 dan 48)

AKUAN JAWATAN

Saya, (nama), adalah dengan sesungguhnya, ikhlas dan sebenarnya mengaku bahawa saya akan berkhidmat dengan baik dan taat sebagai (jawatan) Polis Diraja Malaysia dan akan menurut mempertahankan dan memelihara undang-undang Malaysia, dan bahawa saya akan melaksanakan kuasa-kuasa dan tugas-tugas jawatan saya dengan jujur dan rajin.

Diakui di pada hari bulan 19.....

.....
Tandatangan

Di hadapan saya.

.....

JADUAL KETIGA
(Seksyen 98)

PEMANSUHAN

(1)	(2)	(3)
P.T.M. 14 tahun 1952 ...	Ordinan Polis ...	Keseluruhannya
Sarawak Bab 22	Ordinan Konstabel	Keseluruhannya kecuali peruntukan-peruntukan seksyen 50 berhubungan dengan kesalahan-kesalahan disiplin sehingga digantikan dengan peraturan-peraturan yang dibuat di bawah seksyen 96 (2) (b) Akta ini
Sabah Bab 101	Ordinan Pasukan Polis	Keseluruhannya kecuali peruntukan-peruntukan seksyen 30 berhubungan dengan kesalahan-kesalahan disiplin sehingga digantikan dengan peraturan-peraturan yang dibuat di bawah seksyen 96 (2) (b) Akta ini
Akta 30 tahun 1963 ...	Akta Polis Diraja Malaysia	Keseluruhannya
Akta 69 tahun 1966 ...	Akta Polis Diraja Malaysia (Pindaan)	Keseluruhannya

LAMPIRAN

PERINTAH WILAYAH PERSEKUTUAN LABUAN (PENGUBAHSUAIAN AKTA POLIS), 1985*

Pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 6 (3) Akta Perlembagaan (Pindaan) (No. 2) 1984, Yang di-Pertuan Agong membuat perintah yang berikut:

1. Nama dan mula berkuat kuasa

1. Perintah ini bolehlah dinamakan Perintah Wilayah Persekutuan Labuan (Pengubahsuaian Akta Polis) 1985 dan hendaklah disifatkan sebagai telah mula berkuat kuasa pada 16hb April 1984.

2. Pengubahsuaian Akta Polis 1967 dan perundangan subsidiari yang dibuat di bawahnya

2. (1) Ubahsuaian-ubahsuaian yang dinyatakan dalam Jadual, iaitu ubahsuaian-ubahsuaian yang didapati perlu atau bermanfaat oleh Yang Di-pertuan Agong bagi menghapuskan kesulitan-kesulitan atau oleh sebab lulusnya Akta Perlembagaannya (Pindaan) (No. 2) 1984, hendaklah dibuat dalam peruntukan-peruntukan Akta Polis 1967.

(2) Perundangan subsidiari yang dibuat di bawah Akta Polis 1967 hendaklah dibaca bersama-sama dengan perubahan-perubahan yang bersamaan tentang nama-nama atau titel-titel sebagaimana yang perlu untuk menyelaraskan perundangan subsidiari itu dengan Akta Polis 1967 sebagaimana yang diubahsuaikan oleh Perintah ini.

* P.U. (A) 197/1985.

JADUAL

(1)
Peruntukan Akta
Polis 1967

(2)
Ubahsuaian

Seksyen 2

... Masukkan selepas subseksyen (2) subseksyen yang berikut:

"(3) In so far as this Act and any other written law apply to the Federal Territory of Labuan, references to "police district" and "Officer in Charge of Police District" in such laws shall, until police districts are specified by the Inspector General of Police within the Federal Territory of Labuan, be construed as references to "the police contingent of the Federal Territory of Labuan" and "Chief Police Officer of the Federal Territory of Labuan" respectively; and where such laws provide, for an appeal to the Chief Police Officer against the decision of an Officer in Charge of Police District, such appeal shall be read as an appeal to the Inspector General of Police".

Diperbuat pada 9hb Mac 1965.

Dengan Tugh Perintah,

TAN SRI DATO' SALLEHUDDIN BIN MOHAMED,
Setiausaha Jemaah Menteri

AKTA POLIS, 1967
(Akta 344)
SENARAI PINDAAN

Undang-undang yang meminda	Tajuk ringkas	Berkuat kuasa dari
Akta A45	Akta Polis (Pindaan) 1971 ...	30-4-1971
Akta A160	Akta Mata Wang Malaysia (Ringgit) 1975	29-8-1975
Akta A347	Akta Polis (Pindaan) 1976 ...	1-6-1976
Akta A354	Akta Perlembagaan (Pindaan) 1976	27-8-1976
Akta A514	Akta Perlembagaan (Pindaan) 1981	15-5-1981
Akta A516	Akta Polis (Pindaan) 1981 ...	29-5-1981
Akta A685	Akta Polis (Pindaan) 1987 ...	8-1-1988

SENARAI UNDANG-UNDANG ATAU BAHAGIAN-BAHAGIANNYA YANG DIGANTI

No.	Tajuk
41 tahun 1967	Akta Polis 1967

LAMPIRAN B

SOAL SELIDIK UNTUK ORANG RAMAI

BIODATA

1. Nama : _____
2. Umur : _____
3. Jantina : _____
4. Bangsa : _____
5. Agama : _____
6. Kahwin/bujang : _____
7. Pekerjaan : _____
8. Kelulusan : (SRP/LCE, SPM/MCE, STPM/HSC, Diploma/Ijazah)

9. Pendapatan : _____
10. Bahasa pengantar : _____
11. Alamat tempat tinggal :

PERINGATAN: BAGI SOALAN YANG MENGANDUNGI JAWAPAN, SILA PILIH SATU JAWAPAN SAHAJA DENGAN MENANDAKAN (✓) SELAINNYA BERI JAWAPAN SECARA BERTULIS.

1. Adakah anda mengenali rapat sebarang anggota polis?
Ya ()

Tidak ()

Tidak tahu ()

2. Adakah anda pernah menerima perkhidmatan polis?

Ya ()

Tidak ()

3. Jika ya, dalam bentuk apa?

4. Apakah sikap anda terhadap anggota polis?

Sangat suka ()

Suka ()

Antara suka dan tidak ()

Tidak suka ()

Tidak tahu ()

5. Kenapa?

6. Dalam konteks Malaysia, sejauh manakah pentingnya perkhidmatan polis kepada masyarakat dan negara jika dibandingkan dengan perkhidmatan lain?

Sangat penting ()

Penting ()

Sama penting ()

Kurang penting ()

Tidak tahu ()

7. Bagaimanakah penilaian anda terhadap kuasa polis secara keseluruhannya?

Sangat memuaskan ()

- | | |
|-----------------|-----|
| Memuaskan | () |
| Sederhana | () |
| Tidak memuaskan | () |
| Tidak tahu | () |
8. Sejauh manakah kejayaan polis dalam menjalankan kuasa menangkap dan menahan pesalah?
- | | |
|----------------|-----|
| Sangat berjaya | () |
| Berjaya | () |
| Sederhana | () |
| Tidak berjaya | () |
| Tidak tahu | () |
9. Sejauh manakah kejayaan polis dalam menjalankan kuasa pendakwaan?
- | | |
|----------------|-----|
| Sangat berjaya | () |
| Berjaya | () |
| Sederhana | () |
| Tidak berjaya | () |
| Tidak tahu | () |
10. Sejauh manakah kejayaan polis dalam menjalankan kuasa risikan keselamatan?
- | | |
|----------------|-----|
| Sangat berjaya | () |
| Berjaya | () |
| Sederhana | () |
| Tidak berjaya | () |
| Tidak tahu | () |
11. Sejauh manakah kejayaan polis dalam kuasa pencegahan dan pengesanan jenayah?
- | | |
|----------------|-----|
| Sangat berjaya | () |
|----------------|-----|

- Berjaya ()
- Sederhana ()
- Tidak berjaya ()
- Tidak tahu ()

12. Sejauh manakah kejayaan polis dalam kuasa menjaga keamanan dan keselamatan negara?

- Sangat berjaya ()
- Berjaya ()
- Tidak berjaya ()
- Tidak tahu ()

13. Sejauh manakah kejayaan polis dalam mengekalkan undang-undang dan ketenteraman negara?

- Sangat berjaya ()
- Berjaya ()
- Tidak berjaya ()
- Tidak tahu ()

14. Adakah anda fikir masyarakat memahami kuasa polis?

- Di tahap benar-benar faham ()
- Faham tetapi tidak sepenuhnya ()
- Tidak faham tentang kuasa polis ()
- Tidak tahu ()

15. Apakah kuasa-kuasa polis yang anda ketahui?

16. Pada fikiran anda, sejauh manakah kejujuran anggota polis semasa menjalankan tugas?

- Terlalu jujur ()
- Sederhana kejujurannya ()

- Tidak jujur ()
- Hipokrit ()
- Tidak tahu ()
17. Jika anda menghadirkan diri di mahkamah, apa anda fikir keterangan-keterangan yang diberikan oleh anggota polis?
- Betul dan tepat ()
- Hampir betul dan tepat ()
- Tidak betul dan tidak tepat ()
- Mengada-adakan cerita ()
- Tidak tahu ()
18. Pada pendapat anda, adakah polis melayan orang-orang tahanan dalam "lock-up" dengan baik dan mengikut undang-undang?
- Melayan dengan baik ()
- Memukul orang tahanan ()
- Tidak tahu ()
19. Pada fikiran anda adakah anggota polis terlibat dengan amalan rasuah?
- Ya ()
- Tidak ()
- Tidak tahu ()
20. Kalau ya, dalam jumlah yang bagaimana?
- Semua ()
- Ramai ()
- Sebahagian besar ()
- Sebahagian kecil ()
- Tidak pasti ()
21. Pada pendapat anda, cawangan atau bahagian polis yang manakah sering menyelewengkan kuasa:

- Tugas am ()
- Trafik ()
- CID ()
- Cawangan Khas ()
- KDNKA ()
- Tidak tahu ()

22. Pernahkah anda mendapat pelajaran undang-undang secara formal?

- Ya ()
- Tidak ()

23. Pernahkah anda membaca Akta Polis?

- Ya ()
- Tidak ()

24. Pernahkan anda membaca Kanun Keseksaan dan Kanun Acara Jenayah?

- Ya ()
- Tidak ()

25. Pada pendapat anda adakah kuasa polis di dalam akta-akta tersebut sesuai?

- Ya ()
- Kurang sesuai ()
- Tidak sesuai ()

26. Kenapa?

27. Bagaimana pendapat anda tentang penyelewengan polis, terutama dalam penyalahgunaan kuasa?

- Kerap berlaku ()

- Jarang berlaku ()
 Tidak berlaku ()
 Tidak tahu ()

28. Adakah anda sendiri pernah nampak perbuatan polis menyalahgunakan kuasa?

- Ya ()
 Tidak ()

29. Bagaimana cara penyalahgunaan kuasa itu?

30. Pada pendapat anda, pernahkah berlaku kekerasan polis (*police brutality*)

- Ya ()
 Tidak ()

31. Jika ya, dalam bentuk apa?

32. Jika ada, apakah tindakan anda?

- Diamkan sahaja ()
 Buat laporan kepada pihak-pihak tertentu ()
 Memberi sokongan ()

33. Adakah anda dengar atau tahu kekerasan polis itu daripada:

- Melihat sendiri ()
 Mendengar cerita orang lain ()
 Dari surat khabar ()
 Tidak tahu ()

34. Pada fikiran anda, adakah kuasa polis itu bercanggah dengan hak asasi manusia?

Ya ()

Tidak ()

35. Kalau ada, dalam bentuk apa?

36. Adakah kuasa polis bertentangan dengan kepentingan awam (*public policy*)?

Ya ()

Tidak ()

37. Jika ya, dalam bentuk apa?

38. Pada fikiran anda, adakah polis menggunakan kuasa budi bicara dalam menguatkuasakan undang-undang?

Ya ()

Tidak ()

39. Jika ada, adakah kuasa budi bicara polis itu terlalu luas hingga menimbulkan ketidakadilan?

Ya ()

Tidak ()

40. Apakah dengan kuasa-kuasa polis itu akan memberikan kesan yang baik kepada keadaan masyarakat dan negara?

Ya ()

Tidak ()

41. Apakah pandangan anda tentang kuasa polis dalam akta?

a. Kuasa itu memang mencukupi

Ya ()

Tidak ()

b. Kuasa itu perlu ditambah lagi

Ya ()

Tidak ()

c. Kuasa itu perlu dikurang sedikit

Ya ()

Tidak ()

42. Adakah cadangan-cadangan lain berhubung dengan kuasa polis dari segi jenis, pelaksanaan dan keberkesanannya dalam masyarakat hari ini.

43. Pada pendapat anda apakah kuasa-kuasa polis? Sila nyatakan.

44. Jikalau tiada polis, institusi manakah yang akan mengambil kuasa polis?

LAMPIRAN C

SOAL SELIDIK UNTUK ANGGOTA POLIS

BIODATA

1. Nama : _____
2. Umur : _____
3. Jantina : _____
4. Agama : _____
5. Kahwin/bujang : _____
6. Bilangan anak : _____
7. Kelulusan : (SRP/LCE, SPM/MCE, STPM/HSC, Diploma/
Ijazah)

8. Bahasa pengantar : _____
9. Tarikh mula berkhidmat dalam pasukan polis:

10. Cawangan/bahagian : _____
11. Gaji sebulan sekarang : _____
12. Tarikh kenaikan pangkat : _____
13. Alamat tempat tinggal : _____

PERINGATAN: BAGI SOALAN YANG MENGANDUNGI JAWAPAN, SILA PILIH SATU JAWAPAN SAHAJA DENGAN MENANDAKAN (✓). SELAINNYA BERI JAWAPAN SECARA BERTULIS.

1. Bilakah anda membuat keputusan untuk berkhidmat dalam Pasukan Polis Diraja Malaysia?

Semasa di sekolah rendah	()
Semasa di sekolah menengah	()
Selepas tamat persekolahan	()
Setelah tidak mendapat pekerjaan lain	()
Selepas setahun dua bekerja dalam perkhidmatan lain	()

2. Apakah pekerjaan anda yang terakhir sebelum memasuki pasukan polis? Kalau tiada pekerjaan, tulis dengan perkataan, "tiada".
 Nama pekerjaan : _____

3. Apakah faktor yang mendorong anda memasuki pasukan polis?

Dorongan keluarga	()
Dorongan rakan-rakan dalam pasukan polis	()
Memang berminat/cita-cita	()
Tiada pilihan lain	()

4. Jika anda diberi peluang untuk memohon pekerjaan sekali lagi, adakah anda masih ingin memohon perkhidmatan polis?

Ya	()
Tidak	()

5. Jika ya, kenapa?

6. Pada pendapat anda, adakah perkhidmatan polis yang dijalankan hari ini, merupakan satu perkhidmatan yang profesional?

Ya ()

Tidak ()

7. Jika ya, kenapa?

8. Pada pendapat anda, adakah golongan yang tidak sukakan polis?

Ya ()

Tidak ()

Tidak tahu ()

9. Jika ya, golongan mana (sebutkan dua golongan sahaja).

i. _____

ii. _____

10. Pada pendapat anda, apakah kelulusan akademik yang paling minimum bagi memasuki perkhidmatan polis?

a. Sebagai konstabel

SRP/LCE ()

SPM/MCE ()

b. Sebagai Inspektor

SPM/MCE ()

STPM/HSC ()

Diploma ()

Ijazah ()

11. Bagaimana pandangan anda terhadap perkhidmatan polis secara keseluruhannya?

Sangat memuaskan ()

Memuaskan ()

Sederhana ()

Tidak memuaskan ()

12. Sejauh manakah anda fikirkan polis telah berjaya dalam memberi perlindungan keselamatan kepada masyarakat?

Sangat memuaskan ()

Memuaskan ()

Sederhana ()

Tidak memuaskan ()

13. Bagaimanakah penilaian anda terhadap prestasi pekerjaan anda sekarang?

Tinggi ()

Satu pekerjaan yang penuh cabaran ()

Rendah ()

Sangat rendah ()

14. Kenapa?

15. Adakah anda pernah baca Akta Polis?

Ya ()

Tidak ()

16. Adakah anda pernah baca akta-akta berikut?

	Ya	Tidak
a. Kanun Keseksaan	()	()
b. Kanun Acara Jenayah	()	()
c. Akta Polis	()	()
d. Akta Dadah Berbahaya	()	()
e. Akta Pencegah Rasuah	()	()
f. Akta Keterangan	()	()
g. Akta Kontrak	()	()

h. Akta Pekerja () ()

i. Akta Perhubungan Perusahaan () ()

17. Adakah anda berpuas hati dengan kuasa-kuasa polis yang terdapat dalam akta-akta tersebut?

Ya ()

Tidak ()

18. Jika tidak, kenapa?

19. Pada pendapat anda, sejauh manakah kejayaan polis menjalankan kuasa menangkap dan menahan pesalah?

Sangat berjaya ()

Berjaya ()

Sederhana ()

Tidak berjaya ()

Tidak tahu ()

20. Sejuah manakah kejayaan polis menjalankan kuasa-kuasa penyiasatan?

Sangat berjaya ()

Berjaya ()

Sederhana ()

Tidak berjaya ()

Tidak tahu ()

21. Sejuah manakah kejayaan polis menjalankan kuasa-kuasa pendakwaan?

Sangat berjaya ()

Berjaya ()

Sederhana ()

- Tidak berjaya ()
- Tidak tahu ()
22. Sejauh manakah kejayaan polis menjalankan kuasa risikan keselamatan?
- Sangat berjaya ()
- Berjaya ()
- Sederhana ()
- Tidak berjaya ()
- Tidak tahu ()
23. Sejauh manakah kejayaan polis dalam menjalankan kuasa pencegahan dan pengesanan jenayah?
- Sangat berjaya ()
- Berjaya ()
- Sederhana ()
- Tidak berjaya ()
- Tidak tahu ()
24. Sejauh manakah kejayaan polis dalam menjalankan kuasa menjaga keamanan dan keselamatan negara?
- Sangat berjaya ()
- Berjaya ()
- Sederhana ()
- Tidak berjaya ()
- Tidak tahu ()
25. Sejauh manakah kejayaan polis dalam mengekalkan undang-undang dan ketenteraman negara?
- Sangat berjaya ()
- Berjaya ()
- Sederhana ()

Tidak berjaya ()

Tidak tahu ()

26. Adakah gaji polis mencukupi?

Tidak ()

Ya ()

27. Kalau tidak, nyatakan berapa peratus perlu ditambah?

5 - 10% ()

10 - 30% ()

30 - 50% ()

50 - 100% ()

28. Apakah masalah-masalah polis dalam menguatkuasakan peruntukan kuasa dalam akta?

29. Pada pendapat anda, tohmahan orang ramai yang mengatakan polis kadang kala menyalahgunakan kuasa adalah.

Anggota polis kadang kala menyalahgunakan kuasa yang ada pada mereka ()

Anggota polis tidak langsung menyalahgunakan kuasa mereka ()

Tidak tahu ()

30. Apakah pendapat anda tentang tohmahan orang ramai bahawa polis kadang kala terlibat dengan rasuah?

Anggota polis tidak langsung terlibat dengan rasuah ()

Sebahagian besar anggota polis kadang kala terlibat dengan rasuah ()

Sebahagian kecil anggota polis kadang kala

terlibat dengan rasuah ()
 Tidak tahu ()

31. Sepanjang perkhidmatan anda dalam pasukan polis, adakah anda melihat kekerasan polis terhadap orang ramai?

Ya ()
 Tidak ()

32. Jika ya, dalam bentuk apa?

33. Adakah anda fikir kuasa polis itu bercanggah dengan hak asasi manusia?

Ya ()
 Tidak ()

34. Jika ya, bercanggah dalam bentuk apa?

35. Adakah kuasa polis bertentangan dengan kepentingan awam (*public policy*)?

Ya ()
 Tidak ()

36. Jika ya, bagaimana?

37. Adakah anda fikir polis menggunakan kuasa budi bicara terlalu luas dalam menjalankan tugas?

Ya ()
 Tidak ()

38. Adakah dengan kuasa budi bicara yang luas itu telah menggugat keadilan kepada rakyat?

- Ya ()
 Tidak ()

39. Bagaimana pengiktirafan yang diberikan oleh masyarakat sekeliling tempat anda tinggal terhadap pekerjaan anda?

- Sangat tinggi ()
 Tinggi ()
 Sederhana ()
 Tiada ()

40. Bagaimana kesan pekerjaan anda sekarang dalam kehidupan sehari-hari?

- Baik ()
 Kurang baik ()
 Buruk ()
 Tiada ()
 Tidak tahu ()
 Kenapa?
-
-

41. Apakah pandangan anda tentang kuasa polis hari ini yang terdapat dalam akta:

a. Mencukupi

- Ya ()
 Tidak ()

b. Perlu ditambah lagi

- Ya ()
 Tidak ()

c. Perlu dikurangkan lagi

- Ya ()
 Tidak ()

42. Kalau perlu ditambah, dalam bidang apa?

43. Adakah apa-apa cadangan lain yang anda ingin berikan berhubung dengan jenis, pelaksanaan dan keberkesanan kuasa polis?

LAMPIRAN D

LAGU POLIS

SEDIA BERKHIDMAT

Polis sedia berkhidmat
Kerana negara dan rakyat
Hidup berbahagia aman sentosa
Polis sedia berkhidmat

Tanda lekat di lengan
Polis dengan pereman
Tangan bersalaman
Alamat persahabatan

Polis sedia berkhidmat
Kerana negara dan rakyat
Hidup berbahagia aman sentosa
Polis sedia berkhidmat

Budak-budak pergi sekolah
Yang tua berjalan ke kedai
Polis pimpin menyeberang jalan
Semuanya selamat sampai

Polis sedia berkhidmat
Kerana negara dan rakyat
Hidup berbahagia aman sentosa
Polis sedia berkhidmat

Waktu kita bekerja
Rumah tinggal dijaga
Itulah tandanya
Polis sedia berkhidmat


Polis sedia berkhidmat
Kerana negara dan rakyat
Hidup berbahagia aman sentosa
Polis sedia berkhidmat

Bila kebakaran berlaku
Jiran tidak ada di situ
Polis berlari tolong bantu
Anak tidur selamat tentu

Polis sedia berkhidmat
Kerana negara dan rakyat
Hidup berbahagia aman sentosa
Polis sedia berkhidmat.

LAMPIRAN E

PROSES PENTADBIRAN KEADILAN JENAYAH



Sumber: Allan Coffey, 1974, hlm. 5

BIBLIOGRAFI

BUKU

- Abdul Aziz Hussin 1988. *Undang-undang Jenayah di Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Adam Ulam 1965. *The Bolsheviks*. New York: Collier Books.
- Ahmad Atory Hussain 1983. *Pengantar Pentadbiran Awam*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Allan Coffey, Edward Elderson & Walter Hartinger 1974. *An Introduction to the Criminal Justice System and Process*. New Jersey: Prentice-Hall Inc. Englewood Cliffs.
- A.R. Biswas 1976. *Mitras Legal and Commercial Dictionary*. Calcutta: Eastern Law House.
- Baldwin & Kinsey R. 1982. *Police Powers and Politics*. London: Quartet Books.
- Chamelin, Fox Whisenand 1975. *Introduction to Criminal Justice*. New Jersey: Prentice-Hall Inc. Englewood Cliffs.
- Chapman 1970. *Police State*.
- David H. Bayley 1975. *The Police and Political Development in Europe*. New Jersey, U.S.A. Inc. Tilly ed., *The Formation of National States in Western Europe*.
- De Smith 1980. *Judicial Review of Administration Actions*. London: Stevens & Sons Ltd.
- Donald F. Favreau & Joseph E. Gillispe 1978. *Modern Police Administration*. New Jersey U.S.A.: Prentice-Hall Inc.
- Don C. Gibbons, Joseph L. Thimm, Florence Yospe, dan Gerald F. Blake Jr. 1978. *Criminal Justice Planning An Introduction*. New Jersey U.S.A.: Prentice-Hall Inc.
- Ee Ah Meng 1989. *Pendidikan di Malaysia untuk Guru Pelatih*. Kuala Lumpur: Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- E.R. Hardy Ivamy 1988. *Mozley and Whiteley's Law Dictionary*. London: Butterworth's.
- George Vold B. 1979. *Theoretical Criminology*. New York: Oxford University Press.

- Glanville Williams 1978. *Learning The Law*. Edisi Kesepuluh. London: Steven & Sons.
- Hall, D.G.E. 1971. *Sejarah Asia Tenggara*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Henry Campbel Black 1979. *Black's Law Dictionary*. U.S.A: St Paul Minn West Publishing Co.
- Herschell Prins 1982. *Criminal Behaviour*. London and New York: Tavistock Publications.
- Inder Singh 1965. *History of Malay State Guides 1973-1919*. Pulau Pinang: Cathay Printers Ltd.
- James Q. Wilson 1918. *Varieties of Police Behaviour*. Harvard University Press.
- Jane Jacobs 1961. *The Death and Life of Great American Cities*. New York: Vistage Books
- J.M. Gullick 1978. *Syer and the Selangor Police 1875-1879*. M.B.R.A.S., reprint No. 5. Kuala Lumpur: Rajiv Printers.
- John E. Conklin 1981. *Criminology*. New York: MacMillan Publishing.
- Joseph L. Victor & John Sullivan 1986. *Criminal Justice*. Sluice dock Guilford U.S.A.: The Dushkin Publishing Group Inc.
- L.B. Curzon 1973. *Criminal Law*. London: Mac Donald and Eva Ltd.
- Lord Denning 1980. *The Due Process of Law*. London: Hilling and Sons Ltd.
- Lord Sir Alfred Denning 1955. *The Road to Justice*. London: Stevons.
- Lord Devlin 1968. *The Enforcement of Morals*. London: Oxford University Press.
- M.A. Fawzy Basri & Hasrom Harun 1978. *Sejarah Johor Moden 1855-1940 Satu Perbincangan Pelbagai Aspek*. Kuala Lumpur: Muzium Negara.
- Marsten 1970. *Contemporaneity of Act Intention in Crimes*. 86 L.Q.R. 208, 209-210.
- Max Weber 1954. *Law in Economy and Society*. Cambridge: Harvard University Press.
- Michael Banton 1964. *The Policeman in the Community*. New York: Basic Book Inc. Publisher.
- Mimi Kamariah Majid 1987. *Criminal Procedure in Malaysia*. Kuala Lumpur: Jabatan Penerbitan Universiti Malaya.
- Mohd. Reduan Aslie 1980. *Tun Mohd. Haniff Omar: Kepolisian dan Keselamatan*. Kuala Lumpur: AMK Interaksi Sdn. Bhd.
- Mohd. Reduan Aslie 1990. *Jenayah di Malaysia*. Kuala Lumpur: AMK Interaksi Sdn. Bhd.
- Mohd. Reduan Aslie dan Mohd. Radzuan Hj Ibrahim 1984. *Polis Diraja Malaysia: Sejarah, Peranan dan Cabaran*. Kuala Lumpur: Kumpulan Karangkrif Sdn. Bhd.
- Mohd. Reduan Aslie 1990. *Krisis Dadah*. Kuala Lumpur: AMK Interaksi Sdn. Bhd.
- Nigam R.C. 1965. *Law of Crimes in India*. Bombay: Asia Publishing House.
- O.W. Wilson dan Ray Clinton Mcvalon 1972. *Police Administration*. New York: MacGraw Hill.
- Osborn 1964. *A Concise Law Dictionary*. Lit. Edition. London: Sweet & Maxwell.
- Pamela D. May Hall 1984. *Police Community Relation and the Administration of Justices*. Edisi Ketiga. New Jersey: Prentice-Hall, Englewood Cliffs.

- Paul Tappan 1960. *Crime Justice and Correction*. New York: McGraw Hill.
- Patrick Morrah 1960. *The History of the Malayan Police*. Singapore: Tien Wah Press Ltd.
- P.J. Fitzgerald 1966. *Salmond on Jurisprudence*. Edisi Kedua Belas. Sweet & Maxwell.
- Ramli Hj. Karim, Hassan Yusof & Zulkifli Md. Nor 1981. *The Role of the Police Force in Changing Asian Society – Malaysian View*. Kuala Lumpur: Polis Diraja Malaysia.
- Raymond B. Fasdick 1969. *European Police System*. New Jersey: Petterson Smith Montclair.
- Richard Card 1980. *Introduction to Criminal Law*. London: Butterworth & Co. Publisher Ltd.
- Robert C. Trojanowicz, Samuel L. Dixon 1974. *Criminal Justice and the Community*. New Jersey: Prentice-Hall Inc.
- Robert Reiner 1985. *The Politics of the Police*. Sussex: Wheatsheaf Books Limited.
- Smith & Hogan 1983. *Criminal Law*. London: Butterworth & Co. Publisher Ltd.
- Thomas F. Adams 1972. *Criminal Justice Readings*. California: Goodyear Publishing Company Inc.
- Tom Bowden 1978. *Beyond the Limit of the Law*. England: Penguin Books Ltd.
- Tun Suffian, & A.F. Trinidad 1984. *The Constitution of Malaysia the Development 1957 – 77*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- Tun Sri Lanang 1950. *Sejarah Melayu*. Singapore: The Malayan Publishing House Ltd.
- Tunku Abdul Rahman Putra 1977. *Looking Back*. Kuala Lumpur: Pustaka Antara.
- Turner, Kenney's 1966. *Outlines of Criminal Law*. Edisi Kesembilan Belas. London: Cambridge University Press.
- Wayne R. La Fave 1965. *Arrest: The Decision to Take a Suspect into Custody*. Boston: Little Brown and Company.
- Wu Min Aun 1978. *An Introduction to the Malaysia Legal System*. Kuala Lumpur: Educational Books (Asia).

TESIS/KERTAS PROJEK/KERTAS SEMINAR/ NOTA SYARAHAN/UCAPAN

- Ahmad Ibrahim 1979. "Are There Adequate Safeguards In Our Laws To Prevent Innocent People From Being Convicted?" Fifth Malaysian Law Conference, Kuala Lumpur, 25-27 Oktober.
- Chooi Mun Sau 1989. Kertas Kerja. "Corruption As An Obstacle To Good Government" di Persidangan The Malaysian Constitution After 30 Years di Universiti Malaya
- Hassan Yusoff 1983. "Perhubungan Awam Polis dan Orang Ramai di Malaysia – Satu Aspek Kajian Kes tentang Sikap Penduduk-penduduk Kuala Lumpur". Tesis Sarjana (tidak diterbitkan).
- Hj. Kamaruddin bin Alias 1989. "Kes Tatatertib dalam PDRM: Satu Kajian".

- Kertas Projek Diploma Sains Kepolisan di Maktab Polis Kuala Kubu Bharu. (tidak diterbitkan).
- Ismail Johari 1986. Kertas Projek, "Penguatkuasaan Undang-undang dalam Sistem Keadilan Jenayah". (tidak diterbitkan).
- Ismail Johari 1987. Kertas Seminar, "Polis dan Masalah Jenayah".
- Min bin Salleh 1988. "Masalah Kualiti Penyelesaian Kes Kontingen Polis Kuala Lumpur dan Negeri Sembilan", Kertas Projek Diploma Sains Kepolisan, Universiti Kebangsaan Malaysia (tidak diterbitkan).
- Minoru Shikita 1981. "Integrated Approach to Effective Administration of Criminal Justice", A Seminar Paper, UNAFEI, di Kuala Lumpur, 27 April.
- Mohd. Haniff Omar 1976, 1981, 1983 dan 1984. Perutusan Hari Polis.
- Mohd. Haniff Omar 1978. Teks Ucapan di Perayaan Jubli Perak Maktab Polis Kuala Kubu Bharu pada 22 April.
- Mohd. Haniff Omar 1980. Ucapan di Majlis Prapenetapan Konstabel, Pusat Latihan Polis di Kuala Lumpur pada 29 September.
- Mohd. Haniff Omar 1981. Ucapan Perasmian Kursus Pengajian Strategi dan Keselamatan di Universiti Kebangsaan Malaysia pada 29 Ogos.
- Mohd. Haniff Omar 1989. Ucapan Penerimaan Ijazah Kehormat Doktor Undang-undang di Majlis Konvokesyen ke-17 di Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi pada 12 Ogos.
- Mohd. Haniff Omar 1991. "Peranan Undang-undang dalam Membentuk dan Mencapai Integrasi Nasional di Malaysia – dari Perspektif Penguat Kuasa Undang-undang", Kertas Seminar Tahunan Undang-undang dan Masyarakat ke-IV Anjuran PERUNDANG pada 5 Januari.
- Mohd. Reduan Aslie 1989. Kertas Seminar, "Peranan Polis dalam Keselamatan Negara".
- Musa Dato' Hj. Hassan 1988. "Rules of Law and Police Accountability". Kertas Seminar di Maktab Polis Kuala Kubu Bharu, Selangor.
- Raja Rohana bt. Raja Mamat 1989. Kertas Seminar Undang-undang Jenayah dan Kanun Acara Jenayah, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Zakaria Hj. Ahmad 1977. "Police Organisation Set-up in Malaysia – Principles, Command, Control", Tesis Ph.D. (tidak diterbitkan).
- Zakaria Hj. Ahmad 1978. "Some Notes on Police Corruption, with Reference to Malaysia". Kertas kerja yang dibentangkan di Fourth Working Meeting of IDRC (ASIA), Project on Bureaucratic Behaviour and National Development at Hong Kong, 25–29 Ogos.

PENERBITAN LAIN

- Laporan Rasmi Tahunan Malaysia, 1975.
- Makalah, "Sejarah dan Organisasi PDRM", Cawangan Perhubungan Awam Polis, Bukit Aman, 1989.
- "Penerbitan Tak Berkala", Fakulti Undang-undang, Universiti Kebangsaan Malaysia, 1990.
- "Royal Malaysia Police, Representation on Gazetted Officers Salaries", oleh

Senior Police Officers Association Gazette Officers Branch Malaya
Component. Kuala Lumpur: Percetakan Kerajaan.

MAJALAH/JURNAL

Al-Ahkam
Asia Week
Berita Bukit Aman
Dewan Masyarakat
Malayan Law Journal
Pahlawan
Pengaman
The Journal of Developing Areas
The Police Journal

AKHBAR

Berita Harian
Bintang Timur
National Echo
New Straits Times
The Malay Mail
The Star
Utusan Malaysia

INDEKS

- A E. Young, 28, 93, 94
A R. Biswas, 100
actus reus, 12, 13
adversary system, 8
arbitrariness, 34, 107, 155, 161, 219
agensi pemulihan, 18
agensi, 23, 24
ahli kemasyarakatan, 10
Akta Dadah Berbahaya, 77, 109, 112, 119-120, 198, 199, 216
Akta Hasutan, 84, 109
Akta Imigresen, 21, 27
Akta Kastam dan Eksais, 2, 66
Akta Keselamatan Dalam Negeri, 85, 106, 109, 112, 113, 158, 188, 216
Akta Keterangan England, 8
Akta Keterangan, 7, 8, 103-104, 198, 199
Akta Kontrak, 198, 199, 216
Akta Mesin Cetak, 84
Akta Pekerja, 198, 199, 216
Akta Pendaftaran, 2, 66
Akta Perhubungan Perusahaan, 198, 199, 216
Akta Polis, 1, 6, 33, 35, 38, 56, 58, 63, 82, 103-104, 106, 108-110, 176, 177-178, 186, 195, 198, 199, 216, 225, 232, 234, 286, 288
Akta Revolusi Malaysia (APREMA), 81
Akta Senjata Api, 112
akuan jawatan, 283
Allan Coffey, 100, 154
Amerika Syarikat, 19, 25, 44, 69, 88, 213
amunisi, 233, 240, 270, 279
Asia Tenggara, 81
Asia, 44
Askar Melayu, 73
Australia, 19, 86
B. E. Mitchell, 51
bad cops, 228
Badan Pencegah Rasuah, 162
bahasa antarabangsa, 89
bahasa, 89
Baldwin, 108
bona fide, 113, 229
barang kes, 148, 223
Barisan Bawah Tanah Komunis, 74
Barisan Bersatu, 73, 74
Batalion Pertama Orang-orang Sikh Perak, 48
Bendahara, 41, 104
Bersedia Berkhidmat, 27, 28, 92, 94, 214
biasiswa polis, 89
bit, 32
black sheep, 174, 228
borang percakapan, 125
Borang Polis, 55, 121
Britain, 69
budak raja, 40, 42
budi bicara polis, 154, 156, 158, 159, 205, 218-223, 225
Bukit Aman, 30
buku laporan, 120
C. Bailey, 70, 74, 76
cap jari, 125
Cawangan Anti Dadah, 77
Cawangan Jenayah, 184

- Cawangan Khas, 89, 184
 Cawangan Komputer, 89
 Cawangan Lalu Lintas, 90
 Cawangan Latihan, 87
 Cawangan Jenayah Perdagangan, 89
 Cawangan Perhubungan Awam, 94-95, 96,
 151, 161, 214, 217
 Cawangan Polis Marin, 91
 Cawangan Trafik, 184, 216
 Cawangan Tugas Am, 184, 217
 Cesare Lambrose, 142
charter of justice, 1
 Chin Peng, 74
 China, 74, 81
 Chooi Mun Sau, 148
 Choor Singh (Hakim), 165
Common Law, 8, 114, 121
 Constabulary Bersenjata Borneo Utara, 54
 cuai, 14, 15
 cuba, 20
- Dahagi, 275
 darurat, 75, 82, 83, 86, 150, 214, 240
 Dasar Ekonomi Baru, 83
 dasar imperialisme, 43
 David H. Bayley, 6
 David Marshal, 165
 Definisi, 5, 10
 Demokrasi, 156
 depot polis, 55
 Dewan Negara, 105, 106, 232
 Dewan Rakyat, 105, 106, 232
 Dicey, 104
 doktrin duluan, 114
 Donald F. Favreau, 170
 Dr. Barry Rider, 227
 Dr. Mahathir Mohamad, 4, 228
 Dr. Zakaria Hj. Ahmad, 69, 72, 81
due process, 18
- E. Cheers, 52
 E.R. Hardy Ivamy, 101
 Ee Ah Meng, 197
 Edger Joseph Jr, 167
 empayar China, 6
 empayar Rom, 6
 empayar Sri Vijaya, 40
 Encik Mat bin Kassim, 1, 52
 England, 1, 8, 10, 44, 45, 145, 213
 Eropah, 43, 44
- falsafah polis, 3
- Francis Light, 46
- G. Gullen, 52
 G. Davidson, 48
 G. P. Cuscaden, 50
 Gagasan Malaysia, 81
 Gestapo, 45, 162
 Glanville Williams, 14
 gopoh, 14, 15
 Greek, 5
- Hailsham (Hakim), 128
 hak asasi, 105, 156, 185, 186-187, 203-
 204, 218, 229
 Harun Hashim (Hashim), 122, 164, 169
 Henry Campbell Black, 101
 Henry Syers, 49
 Herschell Prins, 144
 Hugh Low, 48
 Hj. Zulkifli Mahmood, 163, 183
habeas corpus, 159, 163
 hagamoni, 81
 Hogan, 13
 Holsti, 68
 homoseksual, 10
 Hong Kong, 88
House of Lords, 160
 Hukum Kanun Melaka, 42
 hukuman pembalasan, 19
 hukuman-hukuman Tetap, 56
- Ikatan Relawan Rakyat (RELA), 182
 INTERPOL, 144
- J. P. Rodger, 49
 Jabatan Cawangan Khas, 58, 59, 89
 Jabatan Kastam, 76, 77
 Jabatan Keselamatan Dalam Negeri dan
 Kententeraman Awam, 58, 59, 89
 Jabatan Kimia, 148
 Jabatan Peguam Negara, 24
 Jabatan Pendamai, 109, 134
 Jabatan Pengurusan, 58, 59
 Jabatan Penjara, 22, 24
 Jabatan Pentadbiran, 89
 Jabatan Perbendaharaan, 90
 Jabatan Siasatan Jenayah, 30, 34, 35, 58,
 59, 88, 89
 jahat, 14, 15
 Jaksa Pendamai, 109, 134
 James Carnegie, 46
 James Jordin, 103

- James O. Wilson, 154
 Jane Jacobs, 28
 Jawaharlal Nehru, 229
 Jawatankuasa Akta Kerajaan, 55
 Jawatankuasa Kemajuan Kampung, 71
 Jawatankuasa Siasatan Jenayah, 271
 jenayah harta benda, 3, 78, 147
 jenayah perdagangan, 3, 86, 22, 225, 227, 228
 Jepun, 19, 39, 88, 145
 Jerman, 74
- Kanun Acara Jenayah, 7, 15, 38, 106, 109, 111, 116-120, 123-126, 128, 131-132, 134, 137-139, 158, 177-178, 198-199, 216
 Kanun Keseksaan, 7, 16-17, 109-112, 178, 198-199, 216, 221
 Kanun Keseksaan India, 20
 Kapitan, 43
 Kapten Farquhar, 46
 Kapten H.A. Anderson, 52
 Kapten H.C. Syers, 47
 Kapten P.J. Murray, 49
 Kapten Speedy, 48
 Kapten Tathan, 49
 Kapten Walks, 48
 kawalan politik, 69
 Kerajaan persekutuan, 105
 Kementerian Dalam Negeri, 24, 56, 82, 90
 Kementerian Kehakiman, 24
 kepentingan awam, 155
 kepentingan nasional, 68, 69
 Kerajaan British, 44, 47, 50
 Kerajaan Malaysia 38, 74
 kerajaan negeri, 105
 kerajaan Stephen Kalong Ningkam, 69
 Kerajaan Thailand, 51, 74
 kes England, 115
 kes pecah amanah, 164
 kes selesai Malaysia, 145
 kes selesai, 144, 146, 147-150, 219-220
 kes tertanggung, 149
 kes tidak selesai, 153
 kesalahan mencero boh, 135
 kesalahan moral, 10
 Kesatuan Soviet, 81
 kesultanan Melayu, 40, 42
 Ketua Polis Negara, 3, 6, 48, 55, 56, 58, 59, 85, 95, 109, 133, 134, 186-187, 233, 234, 235, 236-237, 239, 258, 262, 268, 274, 290
 Ketua Polis Negeri, 47, 134
 kompetal, 170
 konfrontasi, 6, 81, 86, 150
 Konstabel Masyarakat (KONMAS), 32, 33, 98
 koperasi polis, 83
 Kor Kadet Polis, 268, 269
 krisis politik Kelantan, 69
 kuasa geledah, 131
 kumpulan wang simpanan polis, 273-275, 279
 kursus profesional, 88
- lacuna*, 225
 Laksamana, 41
 lalu lintas, 2
 Lee Hun Hoe (Hakim Besar Borneo), 112
 Leftenan D.B. Lockharat, 50
 Lembaga Penasihat, 159
 Lim Kit Sing, 168, 187
locus standi, 38
 London Metropolitan Police, 44
 London, 44
 Lord Atlein, 114
 Lord Deylin, 11, 122
 Lord Goddard Cj, 137
 Lord Keith, 160
 Lord Mansfield, 164
 Lord Denning, 19, 135, 155, 156, 162, 163, 218
 Lord Simon, 11
- Macnaghten, 11
 Makmal Sains Forensik, 90
 MAGERAN, 75
 Mahkamah Agung, 113, 149
 Mahkamah Majistret, 116, 117, 140, 149, 165
 Mahkamah Persekutuan, 111, 113, 115, 121, 127
 Mahkamah Rendah, 121, 138
 Mahkamah Syariah, 2, 27
 Mahkamah Syesen, 148, 149
 Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur, 152
 Mahkamah Tinggi Singapura, 160
 Mahkamah Tinggi, 7, 113, 118, 121, 130, 142, 148, 157
 Majapahit, 40
 Majer W.H. Rodway, 53
 Majlis Keadilan, 43, 46

- Majlis Peguam, 103
 Majlis Pencegahan Jenayah, 31
 maklumat pertama, 120-121
 Maktab Polis Kuala Kubu Bharu, 88
 Malayan Union, 54
 Malayan, 55
 Mao Tze Tong, 73
 Marsten, 12
 Max Weber, 37
 Melaka, 40
mens rea, 12, 13, 14, 17
 Menteri Dalam Negeri, 58, 91
 Michael Banton, 154
 Mimi Kamariah Majid, 141
 Negeri-negeri Selat, 7, 8, 46, 54
modus operandi, 26, 35
 Mohd Isa Wahab, 129
mala fide, 34, 37, 155, 161, 219, 222
 moral, 9, 10, 11
 mutatis Mutandis, 7
- NASAKOM, 73**
 negara blok komunis, 74
 negara Dunia Ketiga, 72
 negara Eropah, 74
 negara polis, 102
 niat, 14
 Negeri-negeri Melayu Bersekutu, 46, 50, 54
 Negeri-negeri Melayu Tidak Bersekutu, 7,
 47, 50, 54, 52
- O.E. Venables, 51
 operasi bersama, 74
 operasi sapu, 33
 orang yang dituduh, 125, 129
 orang-orang istana, 42
 O.W. Wilsons, 3
- Platun Dayak, 53
 Peraturan-peraturan Polis, 278, 279, 280
 Parlimen, 10, 67, 100, 105, 107, 186, 187,
 232
 Parlimen British, 103, 105
 Parti Komunis Malaya, 72, 150
 Parti Komunis Kalimantan Utara, 150
 Pasukan Anti Dadah, 34
 Pasukan garison, 52
 Pasukan Home Guard, 82
 Pasukan Kadet polis, 82, 98, 214
 Pasukan Latihan, 83
 Pasukan Pegawai Polis Kampung, 97
 Pasukan Penyiasat Kes Rogol, 34
- Pasukan Penyoaal, 88
 Pasukan Perubatan Polis, 90
 Pasukan Polis Cawangan Mahkamah, 142
 Pasukan Polis Hutan, 59, 54, 85, 90
 Pasukan Polis Laut, 54
 Pasukan Polis Tentera Selangor, 49
 Pasukan Sukarelawan Polis, 82, 98, 214
 Patholm, 6
 Patrick Morrah, 46
 Paul Swinburn, 48
 Paul Tappan, 11
 pendaftaran, 2, 66
 pelacuran, 15
 pemeriksaan saksi, 124
 Perancis, 43
 Perang Dunia Kedua, 51, 54
 Peraturan Lokap 1952, 130
 pemberontakan Mat Salleh, 54
 perbicaraan dalam perbicaraan, 127, 130
 percakapan beramaran, 125
 percakapan kebenaran, 130
 Perhimpunan Agung PBB, 156
 Perintah Am Bab D, 38
 Perintah Am Polis, 47
 Perintah Tetap KPN (IGSO), 38
 perintah tetap, 240, 280
 Peristiwa 13 Mei, 70, 74, 86, 150, 214
 Perjanjian Inggeris-Belanda, 46
 Perjanjian Pangkor, 48
 perlembagaan bertulis, 103
 Perlembagaan Malaysia, 114-116, 157-
 158, 165, 187, 230
 pesuruh raja, 40
 Piagam Keadilan, 40, 45, 46
 pilihan raya, 84
 Polis Air, 48
 Polis Bantuan, 262-263, 275
 polis Borneo Utara, 54
 polis Johor, 50
 polis Kedah, 51
 polis London, 45
 polis nazi, 102
 polis Sabah, 53
 Polis savak, 102
 Polis moden, 40
 Portugis, 43
prima facie, 37, 228
 Profesor Ahmad Ibrahim, 165
 Profesor L. Gardner, 11
 Profesor Loius B. Schwartz, 154
 Profesor Lateef Ahmad, 86
 Profesor Wechler, 17

- Pulau Pinang, 40, 45, 46
pusat latihan polis, 88
- Raja Azlan Syah (Hakim Persekutuan), 115, 163
- rakaman percakapan, 129
- Rela, 214
- rasuah, 198, 199, 216
- Republik Sosialis Rusia, 201, 213
- Richard Card, 13
- Rigby Jr. 140
- Rundum, 54
- Robert Peel, 44
- Rogol, 78, 79, 146, 147
- Rukun Tetangga, 68, 82
- Salmang, 14
- Sarawak, 6, 7
- Sayap Udara Polis, 91
- Scotland Yard, 45
- Sabah, 6
- secara tipuan, 14
- Sejarah Melayu*, 41, 42
- sekolah latihan Cawangan Khas, 88
- sekolah latihan kawasan,
- sekolah latihan Pasukan Polis Hutan, 88
- sekolah latihan Unit Kawalan Kawasan, 88
- Sekolah Teknik Tun Salleh, 88
- sekolah, 130
- Semenanjung Malaysia, 7
- Sheikh Daud Ismail (Hakim), 152
- Simpanan Polis, 263, 267, 275
- Singapura, 6, 45, 47, 145, 152, 153
- Sir James Brooke, 52
- Sir John Beaumont, 129
- Sir Norman Anderson, 19
- sistem demokrasi, 19, 84, 85
- Sistem Keadilan Jenayah, 18, 19, 20, 21, 23, 24, 25, 26, 31, 37, 38, 39, 100
- sistem *koban*, 33
- Sistem Salleh, 31, 32, 97, 214
- sistem *watch and ward*, 44
- Smith, 14
- Sri Vijaya, 40
- Stadholder, 43
- status quo*, 40
- strategi individu, 94, 97
- strategi kolektif, 74, 97
- subsistem, 25
- Suffian (Hakim), 116, 121, 122, 143, 224
- sukarelawan Singapura, 258-261, 275
- Sultan Muzaffar Syah, 105
- Sultan Alauddin Riayat Shah, 41
- Suruhanjaya Pasukan Polis, 2, 57
- suruhanjaya perkhidmatan awam, 57
- Syed Agil Barakbah (Hakim), 165
- Syers, 50
- Tan Chiaw Tong (Hakim), 140, 141
- Tan Sri Abdul Rahman Hashim, 73
- Tan Sri Claude Fenner, 55
- Tan Sri Khoo Chong Kong, 73
- Tan Sri Raja Khalid, 113
- tanggungan beralih, 16
- tanggungan keras, 16
- tangkap tanpa waran, 122, 123, 243
- Temenggung, 41, 42, 105
- Thailand, 153
- Thomas F. Adams, 33, 37
- Thomas J. Cahill, 29
- Timbalan Ketua Polis Negara, 49, 56, 58, 235
- Timur Jauh, 8, 43
- Tom Bowden, 70, 85, 93, 95
- tugas polis, 56, 176, 177, 243
- Tun Abdul Hamid Omar, 156
- Tun Dr. Ismail, 74
- Tun Mohd. Haniff Omar, 25, 29, 35, 87, 98, 162, 168, 169
- Tun Salleh Abbas, 84, 113
- Tun Salleh bin Ismail, 31
- Tun Suffian, 158, 164
- Tunku Abdul Rahman, 74
- Tunku Sri Maharaja, 52
- ultra vires*, 34, 37, 107, 155, 161, 219
- undang-undang bertulis, 105
- undang-undang jenayah, 2, 27
- undang-undang laut, 2, 27, 66
- Undang-undang Melaka, 42
- undang-undang pelabuhan, 56
- Undang-undang Terengganu, 105
- Unit Berkuda, 48
- Unit Pelancongan Polis, 83
- Unit Pencegahan Penyeludup, 84
- Unit Pencegahan Jenayah, 30
- undang-undang pentadbiran hukum syarak, 66
- Unit Perisik Pusat, 30
- Unit Risikan Jenayah, 35
- Uhit Rondaan Udara Polis, 91
- United Kingdom, 19, 88, 103, 104
- Urus Setia Ketua Polis Negara, 170-171, 174, 179

POLIS DALAM SISTEM KEADILAN JENAYAH DI MALAYSIA

Vein Smith, 12
void, 37, 107

W.T. Lewis, 47
Wales, 145
waran geledah, 131, 135
Wayne R. La Fave, 34
William L. Marshall, 9
William L. Clark, 9

William, 13
*writ of *habeas corpus**, 38

Yang Dipertuan Negeri, 256
Yang di-Pertuan Agong, 45, 55, 57, 58,
105, 106, 107, 159, 232, 237, 238, 256,
258, 263, 269, 279, 286

Zakaria Hj. Ahmad, 2, 6, 138